

PELAN PERPADUAN, KESEPADUAN DAN PENYATUPADUAN MALAYSIA

PELAN PERPADUAN, KESEPADUAN DAN PENYATUPADUAN MALAYSIA

Edisi Pertama 2015

Hak cipta/Copyright© Majlis Konsultatif Perpaduan Nasional (MKPN)

Semua hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau diulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada MKPN.

Disediakan untuk MKPN oleh:

Institiut Kajian Etnik (KITA),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional,
Jabatan Perdana Menteri,
62502 Putrajaya.

KANDUNGAN

KANDUNGAN

<i>Senarai Ahli MKPN</i>	05
<i>Senarai Ahli Utama Sekretariat Bersama MKPN</i>	06
<i>Pendahuluan oleh Pengerusi MKPN</i>	08
<i>Pengenalan</i>	18
<i>Ringkasan Eksekutif</i>	25
<i>Organisasi kandungan Bab</i>	

BAHAGIAN A (KERANGKA KONSEP DAN SUMBER DATA) VOL. 1

BAB 1 PERPADUAN, KESEPADUAN, PENYATUPADUAN Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat	29
BAB 2 Analisis Dialog Perpaduan	39
BAB 3 Sanggar Bicara: Analisis Tematik Daripada Data Transkrip Dialog Perpaduan dan Maklum Balas Soal Selidik	57
BAB 4 Input daripada 5 kumpulan kerja 1. Perundangan dan dasar-dasar mempromosi keharmonian negara 2. Membina bangsa dan persefahaman silang budaya 3. Pembangunan inklusif 4. Belia dan perpaduan 5. Integrasi nasional	97
BAB 5 Input daripada Perjumpaan Khas dengan Badan-badan Berkepentingan	141
BAB 6 Input Analisis Media Massa	191
BAB 7 Input Analisis Kajian KITA-UKM	201

BAB 8 Input Analisis Kajian KITA-MESRA®	211
---	-----

BAB 9 Input Hasil Inisiatif Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)	227
--	-----

BAHAGIAN B (OUTCOME DAN CADANGAN)

BAB 10 Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia	231
--	-----

BAHAGIAN C (LAPORAN DAN MEMORANDUM)

LAMPIRAN : Seperti mana dalam cakera padat di belakang	
--	--

- › SENARAI AHLI MKPN
- › SENARAI AHLI UTAMA SEKRETARIAT BERSAMA MKPN
- › TERMA RUJUKAN



SENARAI AHLI MKPN

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
TAN SRI DATO' SERI LEE LAM THYE
TAN SRI RAMON NAVARATNAM
TAN SRI NAPSIAH BINTI OMAR
TAN SRI DR. MICHAEL YEOH OON KHENG
TAN SRI JOHAN JAAFAR
YB SENATOR DATO' BOON SOM A/L INONG
YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
DATUK SERI PANGLIMA CLARENCE BONGKOS MALAKUN
DATUK JOHN SIKAYUN
DATUK LIM KOK CHEONG
DATUK SAIFUDDIN ABDULLAH
DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HJ ABD KADIR
DATUK RUGAYAH BINTI ABDUL MAJID
PROF MADYA DR. KANTAYYA MARIAPPAN
PROF. MADYA DR. MADELINE BERMA
PROF. DR. SURESH KUMAR A/L P GOVIND
DR. BILSON KURUS @ BELSON BINGKU
ENCIK TAN YEW SING
ENCIK LIM CHEE WEE
ENCIK LIAW LAM THYE
ENCIK SADAR JAGIR SINGH
DATIN PADUKA MARINA MAHATHIR
TUAN HAJI MOHAMED MALIKI MOHD RAPIEE
ENCIK MOHAMAD ANAS BIN OMAR @ ANAS ZUBEDY
PUAN WARDINA SAFIYYAH FADLULLAH WILMOT
EN MOHAMAD ARIFF IRWANI BIN AZHARI
PUAN AUDREY GOH

SENARAI AHLI UTAMA SEKRETARIAT BERSAMA

KITA-UKM

PROFESOR ULUNG DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN
DATUK DR. DENISON JAYASOORIA
PROFESOR DR. MANSOR MOHD. NOOR
DR. ANIS YUSAL YUSOFF
PROFESOR MADYA DR. AHMAD NIDZAMUDDIN SULAIMAN
PROFESOR MADYA DR. KARTINI ABOO TALIB @ KHALID

JPNIN

DATO' AZMAN AMIN BIN HASSAN (SEHINGGA 10 MEI 2014)
ENCIK GANDESAN A/L LECTHUMAN (DARI 11 MEI 2014)
ENCIK HO KHEK HUA (SEHINGGA 16 JULAI 2014)
ENCIK KAPLI BIN EMEK
ENCIK ABDUL HALIM BIN OMAR

PENULIS BAB

PENGENALAN	SHAMSUL A.B
BAB 1	SHAMSUL A.B DAN ANIS YUSAL YUSOFF
BAB 2	KARTINI ABOO TALIB @KHALID
BAB 3	MANSOR MOHD NOOR
BAB 4	5 KUMPULAN KERJA
BAB 5	DENISON JAYASOORIA
BAB 6	DENISON JAYASOORIA
BAB 7	FELO PENYELIDIK KITA-UKM
BAB 8	ANIS YUSAL YUSOFF
BAB 9	JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)
BAB 10	FELO PENYELIDIK KITA-UKM

TERMA RUJUKAN

Kepelbagaian yang wujud di dalam sesebuah Negara masyarakat majmuk, menjadikan MKPN menyandang tugas dan tanggungjawab yang amat besar dan penting. Setiap perbincangan dan jalan penyelesaian yang dicadangkan perlu mengambil kira pelbagai sudut pandangan, mempunyai perspektif seimbang, mampu memberi pandangan konstruktif dan boleh menyumbang kepada usaha memupuk, memelihara, meningkat dan mengukuhkan penyatuan dan perpaduan nasional. Berpandukan asas-asas berkenaan, terma rujukan MKPN yang boleh dijadikan panduan antaranya:

- a. Bertindak sebagai badan penasihat kepada Kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional.
- b. Menyediakan forum untuk ahli-ahlinya mengemukakan buah fikiran bagi menentukan hala tuju dan dasar perpaduan Negara dan integrasi nasional.
- c. Mengesyorkan bidang kajian yang diperlukan berkaitan dengan perpaduan Negara dan integrasi nasional.
- d. Menggubal pelan tindakan perpaduan Negara dan integrasi nasional; dan
- e. Mencadangkan syor-syor untuk mengukuhkan perpaduan Negara dan integrasi nasional.

Skop dan peranan MKPN turut membincangkan isu-isu sukar yang mempengaruhi perpaduan nasional terutamanya melibatkan aspek pendidikan, sosioekonomi dan sebagainya. Ini kerana jika isu sukar ini tidak ditangani, usaha memupuk perpaduan nasional akan sukar dijayakan. Skop dan peranan Majlis tidak melibatkan perbincangan isu-isu antara agama yang telah mempunyai platformnya sendiri iaitu Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang telah ditubuhkan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Februari 2010.

Isu-isu yang mempengaruhi perpaduan nasional serta persepsi rakyat wajar dikaji dan dibincangkan dalam konteks yang betul di mana tidak semestinya satu bentuk penyelesaian nasional yang boleh diguna pakai bagi semua peringkat. Terdapat isu-isu di Sabah dan Sarawak yang perlu ditangani dengan menggunakan pendekatan yang berbeza berbanding isu-isu di Semenanjung. MKPN perlu memberi fokus kepada isu-isu peringkat tempatan di kedua-dua negeri ini.

Program dan aktiviti Majlis perlu lebih banyak bersifat *hands-on* dan interaktif berbanding hanya bersidang dari semasa ke semasa.

Bagi menyokong Majlis terdapat lima (5) Jawatankuasa Kerja di bawah MKPN. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada beberapa bidang sebagai panduan menjalankan tugas-tugasnya. Bidang-bidang yang telah ditentukan ialah:

- a. Perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara.
- b. Membina bangsa dan persefahaman silang budaya.
- c. Pembangunan inklusif.
- d. Belia dan perpaduan.
- e. Integrasi Nasional.

Hasil perbincangan setiap Jawatankuasa Kerja MKPN perlu dibentangkan dan mendapat persetujuan dalam mesyuarat Majlis. Adalah menjadi tanggungjawab Majlis selanjutnya untuk membentangkan laporan hasil perbincangan dan cadangan penyelesaian untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan.

PENDAHULUAN

Tan Sri Samsudin bin Osman - Pengerusi MKPN



PENDAHULUAN

Sebagai sebuah majlis yang baru setahun ditubuhkan dengan tugas yang amat berat lagi mencabar ini, MKPN telah berusaha sebaik mungkin untuk menggalas tanggungjawab ini dengan mengadakan beberapa siri dialog yang memberi ruang kepada orang ramai untuk menyuarakan pendapat. Sejak penubuhannya pada 25 November 2013 sehingga hari ini, MKPN telah menganjurkan 18 dialog perpaduan untuk mendengar suara akar umbi di 18 lokasi seluruh negara. Sejumlah 5530 peserta hadir secara keseluruhan di 18 lokasi tersebut. Daripada jumlah itu, 1159 peserta majlis dialog perpaduan telah mengisi borang soal selidik yang disediakan.

Sepanjang tahun 2014, majlis telah bermesyuarat sebanyak lapan kali. Lima jawatankuasa kerja yang ditubuhkan juga telah mengadakan mesyuarat masing-masing dan bertemu dengan pelbagai lapisan masyarakat untuk membincangkan secara spesifik isu berkaitan perpaduan nasional daripada sudut undang-undang dan dasar, pembangunan inklusif, silang budaya, belia dan integrasi nasional.

Majlis ini juga telah menerima lebih 18 kunjungan daripada pelbagai kumpulan masyarakat untuk memberi pendapat masing-masing mengenai isu perpaduan ini. Walaupun masih baru, namun semua usaha untuk memahami denyut nadi masyarakat ini dilaksana dengan penuh berhemah dan dengan sifat yang penuh terbuka. Semua ini dilakukan untuk memastikan input daripada masyarakat dapat memberi gambaran sebenar tahap perpaduan dalam negara.

Majlis ini juga amat beruntung kerana selain dibantu oleh kakitangan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sebagai sekretariat bersama kepada majlis ini, MKPN juga dibantu oleh Institut Kajian Etnik (KITA), sebuah institut penyelidikan di bawah UKM. Institut ini yang diketuai oleh Pengarahnya, Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin bersama felo-felo penyelidikannya yang kesemuanya berkelulusan ijazah PhD telah membantu majlis ini dalam membuat analisis hasil input daripada 18 dialog perpaduan yang diadakan seluruh negara serta dalam penyediaan deraf Blueprint ini. Ucapan terima kasih atas sumbangan mereka semua.

Berdasarkan pengalaman saya yang luas dan lama dalam kerajaan sehingga pernah memegang jawatan tertinggi sebagai Ketua Setiausaha Negara, ini

mungkin pertama kali saya melihat sebuah *Blueprint* disediakan dengan mengambil kira pendapat serta input daripada pelbagai lapisan masyarakat. Usaha ini penting untuk dilakukan bagi menentukan agar bacaan denyut nadi masyarakat itu benar-benar mewakili pandangan rakyat terbanyak dan bukan hanya sentimen yang dimainkan oleh dua tiga kerat daripada kumpulan masyarakat. Dengan cara ini barulah kita dapat merancang program dan aktiviti yang benar-benar dapat membantu usaha penyatuan nasional.

Pencapaian oleh MKPN setakat ini melalui penglibatan aktif kesemua ahli majlisnya pada usia yang muda ini patut diberi pujian. Namun begitu, ini hanyalah satu permulaan. Pembinaan sebuah negara-bangsa yang rakyatnya hidup dalam harmonis dan aman sejahtera adalah satu tugas berterusan. Untuk kita mencapai perpaduan dan mempertahankan kesepaduan sosial, semua sektor masyarakat terutamanya dalam kalangan pemimpin tertinggi dalam masyarakat harus lebih komited dan memainkan peranan masing-masing. Blueprint ini adalah kerangka penting yang memberi kefahaman kepada kita tentang duduk sebenar isu perpaduan dalam negara dan dapat bertindak sebagai panduan kepada aktiviti-aktiviti yang perlu kita lakukan untuk Malaysia terus menjadi model negara yang aman dan rakyatnya hidup bersatu padu.

Laporan ini sebenar-benarnya memberikan nafas dan makna terhadap konsep dan tindakan berpaksikan konsultatif, khususnya perundingan dan tolak ansur (B&N), iaitu asas utama integrasi nasional yang mendukung proses perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan.

Semoga Allah s.w.t merahmati segala usaha murni kita untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum, agama dan bahasa dalam Malaysia yang tercinta ini.

Tan Sri Samsudin bin Osman

Pengerusi MKPN

PENGENALAN



PENGENALAN

Abstrak

Dalam penyediaan sesebuah laporan kerajaan yang bertujuan untuk menggubal dasar awam berbentuk dasar sosial beberapa perkara tunjangan mesti wujud mendukung kerangkanya, iaitu, tujuan menghasilkan laporan dan blueprint, konsep yang mendasari laporan sekali gus penyelidikan, kaedah penyelidikan (sumber data dan teknik pengutipan data), laporan mengenai penemuan, analisis terhadap penemuan dalam konteks acuan konsep dan akhir sekali mempersembahkan pelan tindakan. Ringkas intipati semua ini tersimpul di bahagian awal laporan dalam bentuk Ringkasan Eksekutif. Bab ini memberikan kerangka payung kepada laporan ini.

Katakunci: Tujuan blueprint; konsep; kaedah penyelidikan; penemuan; analisis; pelan tindakan

1. Mengorak langkah setapak demi setapak

1.1 Langkah awal dan tindakan susulan

Apabila Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 (RMK2) yang mengandungi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan objektif serampang dua matanya dilancarkan ia mempunyai hanya satu matlamat akhir, iaitu, mencapai 'perpaduan nasional.' Ringkasnya, daripada usaha bersifat material, iaitu, 'pembangunan ekonomi,' diharap dapat mencapai sesuatu yang abstrak dan bukan material, iaitu, 'perpaduan.'

Hampir 45 tahun sudah berlalu, perpaduan nasional yang diidamkan masih belum tercapai. Pelbagai usaha telah dilaksanakan, termasuk pelancaran pelbagai dasar awam, untuk merealisasikan matlamat keramat ini.

Usaha berkenaan mula dilaksanakan serta merta selepas tragedi rusuhan etnik pada 13 Mei 1960, iaitu, selepas Pilihanraya Umum Ketiga pada 10 Mei 1969. Hampir 45 tahun kemudian, untuk setiap dasawarsa, pemerintah tidak pernah jemu menubuhkan pelbagai bentuk badan, iaitu, jabatan demi jabatan, majlis demi majlis, lembaga demi lembaga, panel demi panel dan kementerian demi kementerian yang berkait dengan perpaduan dengan matlamat akhirnya untuk mencari penyelesaian kepada perbezaan yang membawakan konflik etnik, membangun kestabilan politik dan mempertahankan sekali gus memupuk hubungan etnik yang harmonis. Genealogi ringkas institusi-institusi berkenaan adalah seperti berikut:

1969	Jabatan Perpaduan Negara
1970	Majlis Perpaduan Negara
1971	Majlis Penasihat Perpaduan Negara (51 anggota)
1972	Kementerian Perpaduan Negara
1974	Lembaga Perpaduan Negara (16 anggota)
1983	Panel Penasihat Perpaduan Negara (26 anggota)
1990	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat
2004	Jabatan Perpaduan Negara kembali ke Jabatan Perdana Menteri diberi nama baru Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
2008	Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
2011	Panel Penasihat Perpaduan Negara dimansuhkan
2013	Majlis Konsultasi Perpaduan Negara [MKPN] atau <i>National Unity Consultative Council</i> .

Gambarajah 1 : Jabatan Perpaduan Negara

Dari satu sudut usaha berterusan lagi positif ini membuktikan dengan jelas bahawa kerajaan sangat serius untuk mewujudkan perpaduan nasional. Namun begitu, usaha bertubi-tubi ini yang telah dilaksanakan selama hampir 57 tahun ini masih belum lagi menghasilkan perpaduan yang diidamkan.

Ada pihak yang menghujahkan bahawa kesemua usaha ke arah perpaduan selama ini tidak menghasilkan sesuatu yang berkesan dan tahan lama kerana pelaburan kerajaan dalam bentuk bajet terhadap pelaksanaan aktiviti mencari penyelesaian dalam hal perpaduan jauh lebih kecil daripada apa yang diagihkan, misalnya, kepada sektor pendidikan. Dilaporkan di Parlimen bahawa kerajaan membelanja kira-kira RM20 juta untuk menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Untuk pelan yang berkait dengan perpaduan yang diperuntukkan hanya sepuluh peratus sahaja dari apa yang diperuntukkan untuk pendidikan.

Mungkin peruntukan bajet bukan ukuran terbaik untuk menilai keseriusan kerajaan menangani hal perpaduan kerana sistem pendidikan yang teguh boleh menjadi pelantar asas perpaduan. Namun oleh kerana terlalu besar perbezaan peruntukan bajet yang disediakan untuk perancangan pelan perpaduan berbanding pendidikan maka ianya mengundang persepsi bahawa kepada kerajaan perpaduan tidak penting walaupun dari segi retorik amat penting.

1.2 Masyarakat Malaysia sebuah negara contoh: Apakah rahsianya? Kesepaduan mendahului Perpaduan?

Walaupun demikian, Malaysia terus mendapat perhatian dunia malah pujian kerana kemampuannya sebagai sebuah masyarakat pelbagai etnik mewujudkan dan mempertahankan kestabilan politik dan keharmonian antara etnik yang didukung oleh pembangunan ekonomi pesat. Pernah beberapa pemimpin negara maju menganggap Malaysia sebagai sebuah 'model negara majoriti Muslim' atau 'negara contoh' untuk ikutan negara sedang membangun dan mundur yang lain.

Kalau perpaduan nasional belum wujud, sedangkan Malaysia terus menikmati kestabilan politik, keharmonian etnik dan pembangunan ekonomi pesat, apakah sebenarnya yang wujud di Malaysia sehingga ianya mendapat perhatian positif sedunia? Tidakkah ada perkataan, konsep atau teori yang boleh menyimpulkan dan mengungkapkan apa yang dialami Malaysia selama 57 tahun lalu?

Dimanakah pakar akademik, para pemikir negara, kelompok intelek awam Malaysia apabila mereka diperlukan? Mengapakah mereka masih tidak menemukan ungkapan keramat itu?

Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah dimandatkan semenjak penubuhannya pada 8 Oktober 2007 untuk meneliti;

1. Mengapa konflik etnik berlaku di Malaysia dan apakah jalan penyelesaiannya?
2. Mengapa masyarakat berbilang etnik di Malaysia mampu terus bertahap dalam keadaan stabil dan harmonis, biarpun sering bertikam lidah dan terus menikmati pembangunan ekonomi yang baik?

Untuk pertama kalinya dalam sejarah wacana mengenai hubungan etnik di Malaysia telah disaran dan dikupas konsep 'kesepaduan sosial,' atau *social cohesion*, untuk mengungkapkan pengalaman Malaysia semenjak Mei 1969 sehingga sekarang, dan dalam tempoh berkenaan pada puratanya masyarakat Malaysia telah hidup dalam aman damai, stabil dan harmonis.

Ungkapan 'kesepaduan sosial' ini diterima pakai, dibina pentakrifannya, disusun huraian dan interpretasinya berdasarkan himpunan penemuan daripada berbagai kajian serta penerbitan utama secara individu oleh para penyelidik di KITA-UKM semenjak 1975 lagi, iaitu, kira-kira 40 tahun sebelum KITA-UKM ditubuhkan. Kekayaan pengalaman, korpus penemuan kajian yang bertimbulan dan wisdom inilah yang mereka bawa ke KITA-UKM yang membolehkan mereka mencanai idea dan konsep 'kesepaduan sosial.'

Sokongan padu dari segi moral dan dana daripada UKM dan JPNIN dalam menjayakan usaha mengkonsepsikan semula pengalaman sebenar perpaduan di Malaysia selama 45 tahun tersebut sungguh kritikal. Sepanjang perjalanan membina, mentakrif dan mengupas konsep 'kesepaduan sosial' JPNIN senantiasa bersama KITA-UKM. Sokongan padu dalam hal ini daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan berikutnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sama pentingnya.

Melalui penerbitan dan penggunaan buku *Modul Hubungan Etnik* (Edisi Pertama 2007, Edisi Kedua 2012) sebagai teks untuk sebuah kursus wajib, iaitu, 'Kursus Hubungan Etnik,' bagi semua pelajar IPTA dan IPTS semenjak 2007, konsep 'kesepaduan sosial' telah diguna pakai dan tersebar luas dalam semua

kelas kursus berkenaan. Sehingga tahun 2014, seramai 200,000 pelajar universiti, maktab perguruan dan kolej komuniti, awam dan swasta, telah mengikutinya dan lulus.

1.3 Konsep Kesepaduan Sosial: Takrif, Ciri dan Tafsiran

Setelah dibincang dan dimeterai berdasarkan penemuan kajian dan wacana di KITA-UKM bersama JPNIN, KPT dan KPM, konsep 'kesepaduan sosial' telah ditakrif seperti berikut.

Kesepaduan sosial ialah suatu keadaan aman, stabil dan makmur yang terjadi dalam sesebuah masyarakat, khususnya, masyarakat yang berbilang etnik, kerana wujudnya kesepakatan sosial, atau *social bonding*, yang kuat yang telah terbina untuk sekian lamanya berasaskan setidaknya-tidaknya lima prasyarat berikut:

1. Taraf kebendaan yang berkualiti, seperti mempunyai indeks kualiti hidup yang sederhana ke tinggi;
2. Akses kepada kemudahan di semua peringkat yang boleh menjamin dan mempertahankan kualiti hidup dan mobiliti sosial.
3. Aturan sosial yang stabil, aman dan selamat;
4. Interaktif aktif dan pertukaran hubungan yang positif antara etnik, secara individu dan kolektif;
5. Wujudnya usaha positif ke arah penglibatan semua pihak dalam kegiatan arus perdana dan wacana serta konsultasi silang-budaya;

Sebagai tafsiran boleh diujahkan bahawa dengan wujudnya kesepaduan sosial tidak bererti tiada perbezaan dan konflik dalam sesebuah masyarakat berkenaan. Sebagai suatu fenomena sosial, perbezaan dan konflik tetap wujud dalam semua masyarakat sedunia, sama ada di negara maju yang kaya raya atau negara kurang membangun yang lemas dengan kemiskinan akibat kebendaan sosial yang mewarnakan hubungan sesama manusia semenjak berabad.

Hakikatnya kesepaduan sosial bukan perpaduan. Berdasarkan pengalaman Malaysia yang meluas, kesepaduan sosial pastinya merupakan prasyarat dalam merintis jalan puncak ke matlamat akhir, iaitu, perpaduan dan integrasi nasional. Usaha dan kegiatan untuk mencapai matlamat berkenaan tetap diteruskan dengan gigih oleh kerajaan apabila Mesyuarat Jemaah Menteri, Malaysia pada 11 September 2013 telah bersetuju menubuhkan sebuah badan yang

dinamakan Majlis Konsultatif Perpaduan Negara (MKPN), atau *National Unity Consultative Council* (NUCC), dan telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri, Malaysia, di Kuala Lumpur pada 25 November 2013.

2. MKPN: Tujuan, Struktur, Keahlian dan Terma Rujukan

2.1 Tujuan

Majlis Konsultatif Perpaduan Negara (MKPN) telah ditubuhkan pada 11 September 2013 dan dilancarkan pada 25 November 2013 sebagai usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) untuk mengurangkan polarisasi kaum dan usaha membina bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Tujuannya adalah untuk membincangkan isu-isu yang mencabar, rumit lagi kompleks dalam kalangan masyarakat Malaysia. Melalui perbincangan dan perundingan teliti majlis ini diharapkan dapat merintis dan membuka jalan baru untuk mencari penyelesaian dan merapatkan jurang yang menanggukuhkan perpaduan.

Konsep penyatuan nasional tidak berkait dengan agenda politik jangka pendek atau pilihan raya dan ianya memenuhi tuntutan dan kepentingan semua pihak. Konsep ini memang sudah wujud semenjak *Federation of Malaya Agreement* 1948 yang kemudiannya diperkukuh lagi melalui Proklamasi Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan dimeterai kuat pada 16 September 1963 semasa Persekutuan Malaysia tertubuh. Matlamatnya adalah untuk membina bangsa untuk generasi sekarang dan masa depan yang memakan masa yang panjang dan menuntut kesabaran yang luar biasa.

2.2 Struktur dan Keahlian

Selari dengan hasrat untuk menjadikan Majlis ini bebas dan benar-benar berkesan dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan terhadapnya, maka pemilihan anggotanya telah dilakukan dengan rapi dengan mempertimbangkan banyak hal supaya ianya benar-benar mewakili seboleh mungkin kepentingan semua golongan rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian, keanggotaan MKPN adalah terdiri daripada individu yang rencam latar belakang, yakni, meliputi ahli akademik, ahli politik, ahli

korporat, para peguam, ahli yang mewakili golongan muda dan ahli yang mewakili wilayah Sabah dan Sarawak, yang semestinya daripada pelbagai kelompok etnik. Ahli-ahli yang dilantik adalah terdiri dari kalangan individu yang mempunyai kredibiliti, berfikiran terbuka dan dapat menerima dan menghormati pelbagai pandangan.

Dalam menjalankan tugasnya, MKPN perlu menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam sektor awam, sektor swasta dan sektor komuniti. Dari segi hierarki MKPN mempunyai dua paras. Paras pertama mengandungi 30 orang ahli dan dua orang pimpinan tertinggi, iaitu, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, yang mendukung keseluruhan MKPN Pusat. Paras kedua, ialah Jawatankuasa Kerja (*Working Committee*), lima (5) kesemuanya, yang setiapnya diketuai oleh seorang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dipilih daripada kalangan ahli MPKN pusat. Keanggotaan maksimum setiap Jawatankuasa Kerja ialah 12 orang, sama ada daripada ahli MPKN Pusat atau selainnya yang diundang.

2.3 Terma Rujukan, Skop dan Fokus Jawatankuasa Kerja

(i) Terma rujukan:

Mencari keseimbangan dalam kepelbagaian untuk sepanjang waktu adalah wadah asas yang menjadi panduan dan kerangka kepada terma rujukan untuk MKPN, yang disenaraikan seperti berikut:

- a. Bertindak sebagai badan penasihat kepada kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional
- b. Menyediakan forum untuk ahli-ahlinya mengemukakan buah fikiran bagi menentukan halatuju dan dasar perpaduan negara dan integrasi nasional
- c. Mengesyorkan bidang kajian yang diperlukan berkaitan dengan perpaduan negara dan integrasi nasional
- d. Menggubal pelan tindakan perpaduan negara dan integrasi nasional; dan
- e. Mencadangkan syor-syor untuk mengukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional

(ii) Skop dan peranan:

MKPN turut membincangkan isu-isu yang mencabar yang mempengaruhi perjalanan licin ke arah mencapai perpaduan nasional terutamanya melibatkan aspek pendidikan, etnisiti, sosio-ekonomi, budaya dan politik.

Skop dan peranan Majlis seboleh mungkin tidak melibatkan perbincangan mengenai isu antara agama yang sendirinya telah mempunyai platformnya sendiri iaitu Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang telah ditubuhkan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Februari 2010.

Isu-isu yang mempengaruhi perpaduan nasional serta persepsi rakyat wajar dikaji dan dibincang dalam konteks yang terbuka dalam mencari penyelesaian yang rencam untuk diguna pakai oleh semua keadaan, kepentingan dan pihak. Misalnya, terdapat isu-isu di Sabah dan Sarawak yang perlu ditangani dengan menggunakan pendekatan yang berbeza berbanding isu-isu di Semenanjung. Seterusnya MKPN juga perlu memberi fokus kepada isu-isu peringkat tempatan di kedua-dua negeri ini.

Di samping mengadakan wacana, mesyuarat dan perbincangan secara tertutup, program MKPN diimbangi dengan kegiatan bersifat *hands-on* dan interaktif, dan seboleh mungkin melibatkan orang ramai daripada semua lapisan masyarakat.

(iii) Fokus Jawatankuasa Kerja:

Bagi menyokong Majlis diwujudkan lima (5) Jawatankuasa Kerja yang dipayungi MKPN. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada beberapa bidang sebagai panduan menjalankan tugas-tugasnya. Bidang-bidang yang telah ditentukan ialah:

- a. Perundangan dan dasar-dasar mempromosi keharmonian negara.
- b. Pemembinaan bangsa dan persefahaman silang budaya.
- c. Pembangunan inklusif.
- d. Belia dan perpaduan.
- e. Integrasi nasional.

Hasil perbincangan setiap Jawatankuasa Kerja ini perlu dibentangkan dan mendapat persetujuan dalam mesyuarat MPKN Pusat. Adalah menjadi tanggungjawab Majlis selanjutnya untuk membentangkan laporan hasil perbincangan dan cadangan penyelesaian daripada Jawatankuasa Kerja ini bersama dengan hasil penemuan daripada sumber lain, untuk diserahkan dan dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam bentuk Pelan Perpaduan Negara (*Blueprint for National Unity*).

3. Konsep

Konsep asas yang dianjurkan oleh kerajaan melalui MKPN dan juga badan-badan yang serupa dengannya sebelum ini ialah 'perundingan' atau 'konsultatif'. Konsep ini menyimpulkan 'Formula B&N', atau Formula *Bargaining & Negotiation*, (Formula Bertolak Ansur dan Berunding) yang menjadi asas interaksi semua lapisan masyarakat Malaysia yang berbilang etnik, semenjak terasasnya Federation of Malaya Agreement 1948, Merdeka 1957 dan Persekutuan Malaysia 1963.

Malaysia tidak memilih 'model asimilasi' sebagai asas membina negara-bangsa, seperti beberapa negara jiran di ASEAN yang memastikan hanya satu aliran kebangsaan persekolahan dengan satu bahasa pengantar. Malah rakyat minoriti dikenakan syarat rasmi menukar nama asal ke nama yang sesuai dengan kelompok majoriti. Dengan cara ini kelompok minoriti terserap dari segi budaya dan politik dalam komuniti arus perdana. Umpamanya, '*unity in diversity*' di Indonesia, misalnya, adalah lain konsepnya dengan apa yang diamalkan di Malaysia.

'*Unity in diversity*' di Malaysia adalah berteraskan 'model integrasi.' Ini adalah pilihan sejarah kerana Malaysia menerima fakta bahawa masyarakatnya adalah majmuk dan pelbagai. Dari segi bilangan penduduk rakyat peribumi hampir sama dengan bilangan yang bukan. Maka sistem persekolahan juga ada yang arus perdana dan ada aliran vernakular. Semua individu kekal mempunyai nama mereka sendiri.

Oleh kerana perbezaan ini maka usaha ke arah mewujudkan perpaduan Malaysia adalah dilengkapi dan berlandaskan usaha integrasi. Perundingan dan konsultasi berterusan adalah anak kunci dan cara utama untuk akhirnya mewujudkan perpaduan dan integrasi tersebut. Usaha ke arah itu telah membina kesepaduan sosial yang kukuh semenjak 45 tahun lalu. Kegiatan konsultasi

ini mesti diteruskan.

4. Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan untuk menghasilkan kajian dan penemuan bagi laporan ini adalah berasaskan dua komponen, iaitu, orientasi dan teknik pungutan data.

4.1 Orientasi:

Sesebuah kajian boleh menggunakan pendekatan kualitatif atau kuantitatif. Boleh juga gabungan kedua pendekatan ini digunakan sebagai orientasi kajian. Maka untuk menghasilkan laporan ini pendekatan yang digunakan adalah bersifat *mixed mode*, iaitu, itu gabungan kualitatif dan kuantitatif.

4.2 Teknik kutip data:

Ada beberapa teknik pengutipan data yang telah digunakan untuk menyediakan laporan ini, seperti, survei, temubual, persidangan meja bulat, dialog terbuka yang terarah, hasil laporan Jawatankuasa kerja, penggunaan bahan sekunder dan instrumen sosial yang sedia terbina oleh KITA-UKM.

Terdapat tujuh (7) sumber data yang terkumpul dan digunakan untuk menghasilkan laporan ini:

- D1: Analisis Dialog Perpaduan (terbahagi kepada D1A dan D1B)
- D2: Input daripada 5 kumpulan kerja
- D3: Input daripada Perjumpaan Khas dengan Badan-badan Berkepentingan
- D4: Input Analisis Media Massa
- D5: Hasil Kajian KITA-UKM
- D6: Hasil Kajian KITA-MESRA
- D7: Input Analisis Kajian JPNIN

5. Laporan Penemuan dan Analisis

Semasa Dialog Perpaduan diadakan di seluruh negara, para peserta ditanyakan, melalui soal selidik, TIGA soalan:

- (i) Apakah yang anda sukai mengenai Malaysia?;
- (ii) Apakah yang anda tidak sukai mengenai Malaysia?;
- (iii) Apakah saranan anda untuk pembaikan?

Ini adalah kali pertama dalam sebarang laporan dan pelan kerajaan setakat ini soalan “apakah yang anda suka mengenai Malaysia?” ditanyakan. Kita merasakan soalan ini perlu ditanyakan untuk mewujudkan keseimbangan pandangan mengenai Malaysia dalam laporan ini.

Sebelum ini umumnya soalan “apakah yang anda tidak suka mengenai Malaysia?” adalah soalan yang ditanyakan kepada semua responden dan kadang-kadang ditanyakan “apakah saranan anda untuk pembaikan?” Jawapan daripada kedua-dua soalan ini hanya memberikan pandangan yang berat sebelah dan bersifat mengkritik lagi negatif tanpa memperakukan bahawa Malaysia mempunyai pelbagai ciri positif yang disanjung, malah dicontohi, diseluruh dunia. Keseimbangan pandangan ini menyumbang sesuatu yang berguna dalam kita mengekal kesepaduan sosial dan dalam merancang masa depan perpaduan dan integrasi di Malaysia.

Dalam menyediakan laporan kesemua penemuan daripada setiap sumber (D1-D7) telah disusun sedemikian rupa atau dikerangkakan – suka, tak suka dan saranan - untuk memberi keseragaman dalam kefahaman mengenai pandangan dan penemuan umum dan khusus yang telah dihimpun supaya lebih seimbang dan menjelmakan kesepaduan pandangan dan pendapat dalam usaha mengekalkan kesepaduan sosial dan perpaduan serta integrasi nasional.

RINGKASAN EKSEKUTIF



RINGKASAN EKSEKUTIF

Penemuan & Cadangan MKPN

A. Pengenalan

Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) ditubuhkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 25 November 2015. Sejak itu, Majlis ini telah melaksanakan proses penglibatan awam selama setahun yang mengguna pakai pendekatan pelbagai dimensi. Pendekatan ini termasuk menganjurkan sesi pendengaran awam yang dikenali sebagai Dialog Perpaduan dan mengadakan Perbincangan Meja Bulat secara mendalam (ringkasan butiran dihuraikan dalam bahagian B di bawah) dengan pelbagai organisasi masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain yang mengemukakan memorandum.

Selain itu, ahli MKPN dibahagikan kepada lima kumpulan kerja dan MKPN sebagai Majlis penuh bermesyuarat sebanyak lapan kali pada 2014 dan tiga kali pada 2015 untuk membincangkan dan mempertimbangkan penemuan, membuat kesimpulan dan merangka cadangan. Penemuan ini dilengkapi dengan penyelidikan tentang masalah perpaduan negara yang dijalankan oleh Institut Kajian Etnik (KITA), UKM dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sebelum pembentukan MKPN. Justeru itu, semua sumber data yang pelbagai ini berfungsi sebagai input yang penting terhadap perbincangan dan pertimbangan MKPN tentang perpaduan negara.

Pendekatan pelbagai dimensi sememangnya penting disebabkan komposisi masyarakat pelbagai etnik di Malaysia yang unik. MKPN terlibat dengan pelbagai pihak berkepentingan dan cuba mengambil kira segala pandangan yang dikemukakan dengan sebanyak mungkin. Usaha ini membawa kepada pembentukan cadangan Rangka Tindakan Perpaduan Negara yang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Wawasan 2020.

Bagi Rangka Tindakan ini, MKPN telah mengenal pasti Sembilan Hasil Utama yang penting dalam pembentukan dan pengekalan perpaduan negara. Hasil utama ini dibangunkan menggunakan Rangka Kerja Pengurusan Berasaskan Keputusan. Rangka Kerja ini menerangkan secara terperinci pelan tindakan yang dapat dilakukan berserta strategi yang jelas, hasil yang dijangka, aktiviti sokongan dan input yang penting dari segi sumber yang diperlukan un-

tuk melaksanakan pelan pencapaian. Sembilan Hasil Utama ini didokumenkan dalam Bab 10 Pelan dan dikenal pasti sebagai asas bagi mengukuhkan perpaduan negara dan memperbaiki hubungan antara kaum menjelang 2020.

Fokus MKPN dalam Rangka Tindakan Perpaduan Negara adalah mewujudkan pendekatan proaktif terhadap tindakan dan campur tangan dengan memperkukuhkan aspek positif kepelbagaian dan perpaduan kita selain terus berhati-hati terhadap kemungkinan terdapatnya saluran dan sumber perselisihan dalam masyarakat.

Pelan MKPN adalah berdasarkan pengumpulan dan analisis data yang ada secara komprehensif. Langkah ini membolehkan pengenalan trend sosial yang positif dan negatif serta kesannya yang mungkin mempengaruhi kestabilan sosial, ekonomi dan politik negara. Oleh itu, pelaksanaan Sembilan Hasil Utama secara berkesan adalah penting untuk mengekalkan keamanan, kestabilan dan kesepaduan sosial ke arah mencapai matlamat jangka panjang pembangunan Malaysia.

Sembilan Hasil Utama ialah: -

- 1** Peningkatan tahap perbincangan antara kumpulan etnik dan agama, serta lokasi geografi yang berbeza di Malaysia. Perbincangan ini mengguna pakai pendekatan yang lebih holistik dan inklusif yang akan membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik.
- 2** Peningkatan kecekapan demokrasi dan kematangan politik untuk meningkatkan dan menambah baik penglibatan pelbagai etnik dan pelbagai agama yang penting bagi pembinaan negara yang berkesan.
- 3** Pemahaman yang holistik dan seimbang berhubung kedudukan Perlembagaan Persekutuan dengan merujuk Perkara 3, 4, 8, 10, 11, 152, 153 & 181 sebagai asas bagi negara bangsa. Setiap rakyat Malaysia sepatutnya menghargai perkembangan sejarah, undang-undang dan politik Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta memahami hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara.
- 4** Pembentukan mekanisme bukan kehakiman bagi pengantaraan dan penyelesaian konflik. Setiap rakyat Malaysia mempunyai akses terhadap mekanisme ini dan yakin bahawa prosesnya adil, saksama dan telus.
- 5** Kumpulan 40% terbawah daripada semua komuniti di setiap kawasan mendapat akses penuh kepada perkhidmatan sektor awam. Setiap rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, sub etnik, agama, politik, lokasi, jantina & seksualiti mendapat akses yang sama kepada perkhidmatan awam, dan dilayan seperti seorang manusia dan warganegara Malaysia.
- 6** Peningkatan komitmen terhadap kepelbagaian etnik dan jantina dalam pengambilan dan kenaikan pangkat di tempat kerja dalam sektor awam dan swasta.
- 7** Pemahaman dan penghayatan budaya pelbagai etnik dalam kalangan komuniti, termasuk kemahiran dalam Bahasa Malaysia dan penguatan penguasaan bahasa komuniti.
- 8** Tahap hubungan etnik dan perpaduan negara dipantau dan dikaji semula secara tetap.
- 9** Penguatan dasar dan mekanisme institusi bagi MKPN.

B. Isu utama yang dikenal pasti oleh MKPN

Dalam membangunkan sembilan matlamat utama di atas, segala perkara yang dibangkitkan dalam Dialog Perpaduan dan Perbincangan Meja Bulat didokumenkan dan dianalisis. Para peserta dalam Dialog Perpaduan dan Perbincangan Meja Bulat yang diacarakan oleh MKPN menyetujui banyak bidang yang disukai dan tidak disukai, serta persetujuan dan perselisihan dalam masyarakat Malaysia. MKPN mendengar pelbagai pandangan tentang masyarakat Malaysia, malah ada yang dirasakan bercanggah. Dalam konteks ini: -

MKPN Mengiktiraf:

- Bahawa kita mempunyai masyarakat yang unik: pelbagai agama, kaum, budaya dan bahasa. Majoritinya memahami, menghargai dan menerima kewujudan perpaduan dalam kepelbagaian. Sesungguhnya, kepelbagaian ini adalah kekuatan kita dan oleh itu kita mesti berusaha untuk mengekalkan ciri unik ini, memastikan keadilan, kesaksamaan dan keterangkuman.
- Komuniti di Malaysia secara kolektifnya mengalami 'detik perpaduan' dan 'detik perbezaan', yang juga dinyatakan dalam cara kita menghargai dan memahami sejarah, perkembangan semasa serta aspirasi masa depan.
- Hal ini menyebabkan perlunya pengukuhan budaya berdialog sebagai cara menyelesaikan perbezaan dan mendapatkan pertumpuan berdasarkan tahap persaingan awam yang memuncak sebagai reaksi kepada isu etnik, agama, bahasa dan budaya yang dibangkitkan. Persaingan ini menggambarkan perbezaan dan kecurigaan dalam kalangan individu dan kumpulan yang perlu ditangani.

Isu & Kebimbangan Yang Dikenal Pasti Oleh MKPN:

- Kebanyakan isu yang memecahbelahkan ini selalunya rumit dan sering mempunyai banyak unsur yang bercanggah yang bergantung pada pegangan politik, agama dan etnik individu atau kumpulan yang terlibat. Masalah ini biasanya kurang jelas. Ia memerlukan analisis yang mendalam daripada dimensi etnik, kelas, jantina, geografi, ekonomi, agama dan politik yang pelbagai dan bertindih.

- Persaingan etnik dan agama ini berpunca terutamanya daripada pemimpin politik dan masyarakat sivil (terutama melalui ucapan dan tindakan mereka). Persaingan ini nampaknya memberi kesan negatif terhadap perpaduan negara dan keharmonian dalam masyarakat Malaysia. Sebaliknya, orang awam biasa pula bercakap tentang cara mereka mengekalkan hubungan yang harmoni dan mesra dengan jiran mereka secara umumnya.
- Terdapat perbezaan tafsiran bagi Perlembagaan Persekutuan yang disokong secara terpilih oleh parti politik dan organisasi masyarakat sivil yang berbeza.
- Tanggapan bahawa terdapat institusi latihan awam tertentu yang tidak memupuk kefahaman dan penghargaan yang seimbang terhadap kepelbagaian dan sejarah kita serta pemahaman yang betul tentang Perlembagaan Persekutuan.
- Isu ini merangkumi perkara yang berkaitan agama, kedudukan istimewa, sekolah berorientasikan vernakular, etnik, peluang dalam perkhidmatan awam dan anggapan diskriminasi etnik oleh kumpulan yang berbeza dalam sektor awam dan swasta.
- Terdapat sebilangan kecil masyarakat yang berpendapat pelaksanaan perkara di atas adalah tidak adil dan saksama. Oleh itu, timbul persoalan kredibiliti dan akauntabiliti. Begitu juga, terdapat sebahagian masyarakat yang menyatakan kebimbangan bahawa sesetengah kumpulan mempunyai hubungan yang rapat dengan pegawai kerajaan dan kumpulan lain pula dengan kuasa asing.
- Tanggapan permarginalan atau menjadi masyarakat "kelas kedua" dikaitkan dengan idea bahawa kelas ekonomi dominan berkait rapat dengan komposisi etnik tertentu kini mendominasi politik dan kerajaan. Tanggapan ini nampaknya menambahkan kebimbangan politik dalam komuniti etnik utama di negara ini dan diburukkan lagi dengan pandangan meluas terhadap kurangnya pemimpin yang berwibawa pada peringkat tempatan dan kebangsaan.

- Terdapat banyak isu yang melibatkan keluarga miskin dan berpendapatan rendah terutamanya mereka yang berada dalam kumpulan 40% terbawah yang memberi kesan secara langsung terhadap perhubungan etnik dan persaingan sumber.
- Kebimbangan semua komuniti etnik yang jauh di pedalaman, masyarakat peribumi di hutan dan golongan miskin di bandar yang berasa amat terpinggir daripada komuniti arus perdana. Pengalaman dan tanggapan ini nampaknya memberi kesan negatif kepada perpaduan dan integrasi nasional. Keadaan ini diburukkan lagi dengan tanggapan kualiti hidup yang semakin menurun dan kos sara hidup yang semakin melambung.
- Tanggapan polarisasi tempat kerja dalam masyarakat Malaysia - dengan majoriti masyarakat Melayu dalam perkhidmatan awam dan bukan Melayu dalam sektor swasta memberikan impak negatif kepada perhubungan etnik dan keharmonian dalam masyarakat Malaysia.
- Berlaku ketidakcukupan peruntukan dana dan sumber awam bagi mempromosikan bahasa tempatan lain terutama bahasa peribumi di Sabah dan Sarawak dan bahasa komuniti sub etnik lain yang memberi kesan terhadap pemeliharaan kepelbagaian bahasa masyarakat Malaysia.

Isu Khas Yang Ditumpukan:

Terdapat empat bidang yang tidak mencapai persetujuan sebulat suara. Perkara ini didokumenkan untuk mengetengahkan isu dan kebimbangan yang terus menjadi titik perbalahan utama.

Pertamanya ialah Akta Hasutan. Majoriti menyatakan keperluan memansuhkan Akta Hasutan semasa dan menggantikannya dengan rang undang-undang Keharmonian Nasional baharu. Walau bagaimanapun, sekumpulan kecil mengekalkan bantahan mereka dan menuntut supaya Akta Hasutan semasa tidak dimansuhkan tetapi dikekalkan. Pandangan majoriti telah diguna pakai.

Keduanya ialah penggunaan istilah Bumiputra dan Bukan Bumiputra. Sesetengah kumpulan merasakan bahawa pemisahan ini memecahbelahkan kerana ia membahagikan rakyat kepada dua kategori dan dianggap tidak mengikut perlembagaan. Kumpulan ini berasakan penggunaan istilah tersebut perlu di-

hentikan. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dipertikaikan. Terdapat juga sekumpulan majoriti yang tidak bersetuju dengan pandangan ini disebabkan penafsiran yang berbeza terhadap pembinaan bangsa mengikut dimensi sejarah dan etnik.

Ketiganya ialah ratifikasi Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Diskriminasi Kaum (ICERD) yang disyorkan sebagai satu langkah penting bagi Malaysia untuk menanda aras dasar dan program perpaduan negaranya berdasarkan standard antarabangsa. Terdapat pandangan bahawa Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional telah pun menangani perkara ini. Walau bagaimanapun, MKPN mengesyorkan supaya Kerajaan mengkaji semula pengesahan ICERD secara serius.

Akhirnya bidang keempat adalah tentang pengenalan semula pemilihan kerajaan tempatan sebagai struktur tadbir urus yang berkesan untuk meningkatkan demokrasi akar umbi. Diperhatikan bahawa penyertaan dalam tadbir urus dan desentralisasi akan meningkatkan perpaduan negara. Ada juga yang menyatakan keraguan. Walau bagaimanapun, MKPN mengesyorkan supaya Kerajaan mempertimbangkan pengenalan semula pemilihan kerajaan tempatan.

C. Cadangan

Selepas mempertimbangkan semua perkara di atas, MKPN mengesyorkan perkara berikut berdasarkan sembilan matlamat seperti yang dibentangkan di bawah seksyen A:

Cadangan 1 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatu-paduan Malaysia diguna pakai sepenuhnya oleh Perdana Menteri dan Kabinet sebagai Rangka Tindakan Perpaduan Negara bagi Malaysia dan menyediakan dana dan sumber yang mencukupi dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) bagi pelaksanaan, pemantauan dan penilaiannya secara berkesanan.

Hasil 1:

Peningkatan tahap perbincangan antara kumpulan etnik dan agama, serta lokasi geografi yang berbeza di Malaysia. Perbincangan ini mengguna-

pakai pendekatan yang lebih holistik dan inklusif yang akan membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik.

Cadangan 2 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya sektor awam, swasta dan masyarakat melibatkan diri secara aktif dan menghayati, secara formal dan tidak formal, budaya dan amalan perbincangan yang melibatkan pihak berkepentingan yang pelbagai serta meluas melalui saluran seperti dialog, persidangan, forum, referendum, perbincangan meja bulat, perbincangan kelompok sasaran, sesi pendengaran awam dan lain-lain.

Hasil 2:

Peningkatan kecelikan demokrasi dan kematangan politik untuk meningkatkan dan menambah baik penglibatan pelbagai etnik dan pelbagai agama yang kritikal terhadap pembinaan negara yang berkesan.

Cadangan 3 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya kecelikan demokrasi yang berasaskan kefahaman Sejarah Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan yang seimbang ditandakan dalam sistem politik, pendidikan dan latihan kita.

Cadangan 4 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya istilah kesepaduan sosial ditekankan semula, dijelaskan dan dipromosikan agar orang awam memahami bahawa ia merupakan realiti sebenar yang telah kita lalui dengan jayanya setakat ini dalam usaha mencapai perpaduan negara dan perdamaian.

Hasil 3:

Pemahaman yang holistik dan seimbang berhubung kedudukan Perlembagaan Persekutuan dengan merujuk Perkara 3, 4, 8, 10, 11, 152, 153 & 181 sebagai asas bagi negara bangsa. Setiap rakyat Malaysia sepatutnya menghargai perkembangan sejarah, undang-undang dan politik Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta memahami hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.

Cadangan 5 MKPN: (sama seperti cadangan #3)

MKPN mengesyorkan supaya kecelikan demokrasi yang berasaskan kefahaman Sejarah Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan yang seimbang ditandakan dalam sistem politik, pendidikan dan latihan kita.

Cadangan 6 MKPN:

MKPN mengesyorkan penubuhan Suruhanjaya Semakan dan Pembaharuan Undang-undang yang akan mengesyorkan undang-undang yang akan menyumbang dan meningkatkan kesepaduan sosial dalam usaha mencapai perpaduan negara dan perdamaian yang mengambil kira instrumen dan konvensyen PBB.

Cadangan 7 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya Akta Hasutan dimansuhkan dan undang-undang baharu digubal untuk mengukuhkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara dengan menangani ucapan kebencian, perbuatan yang mengapi-apikan ancaman kecederaan dan menggunakan keganasan dan kekacauan sosial yang boleh memberi kesan negatif terhadap keharmonian etnik, budaya dan agama.

Hasil 4:

Pembentukan mekanisme bukan kehakiman bagi pengantaraan dan penyelesaian konflik. Setiap rakyat Malaysia mempunyai akses terhadap mekanisme ini dan berasa yakin bahawa prosesnya adil, saksama dan telus.

Cadangan 8 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya undang-undang baharu tentang Pengantaraan Komuniti dan Penyelesaian Konflik (CMCR) digubal dan Pusat CMCR ditubuhkan di setiap negeri yang mempunyai sumber yang mencukupi dan kakitangan terlatih bagi memudahkan pelaksanaan secara berkesan.

Hasil 5:

Kumpulan 40% terbawah daripada semua komuniti di setiap kawasan mendapat akses penuh kepada perkhidmatan sektor awam. Setiap rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, sub etnik, agama, politik, lokasi, jantina &

seksualiti mempunyai akses yang sama kepada perkhidmatan awam, dan dilayan seperti seorang manusia dan warganegara Malaysia.

Cadangan 9 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya dasar pembasmian kemiskinan yang saksama berdasarkan keperluan asas, dibentuk dengan strategi pelaksanaan yang berkesan dan pemantauan telus yang berterusan dan mekanisme penilaian dilaksanakan untuk mengekalkan kesepaduan sosial dalam usaha mencapai keadilan sosial dan perpaduan negara.

Hasil 6:

Peningkatan komitmen terhadap kepelbagaian etnik dan jantina dalam pengambilan dan kenaikan pangkat di tempat kerja dalam sektor awam dan swasta.

Cadangan 10 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya usaha yang lebih giat perlu diambil oleh kerajaan untuk mengamalkan dan memantau pengambilan dan kenaikan pangkat pekerja tanpa mengira etnik, kaum, jantina dan kelas.

Cadangan 11 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya inisiatif diambil oleh kerajaan untuk menggesa sektor swasta agar mengamalkan pengambilan pekerja tanpa berat sebelah terhadap etnik, bangsa, jantina dan kelas.

Hasil 7:

Pemahaman dan penghayatan budaya pelbagai etnik dalam kalangan komuniti, termasuk kemahiran dalam Bahasa Malaysia dan pengukuhan penguasaan bahasa komuniti.

Cadangan 12 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya usaha yang lebih giat diambil dalam penguasaan Bahasa Malaysia dan pada masa yang sama usaha pembelajaran dalam bahasa komuniti yang lain ditingkatkan dengan kemudahan disediakan di seluruh negara dan disokong oleh sektor awam dan swasta.

Matlamat 8:

Tahap hubungan etnik dan perpaduan negara dipantau dan dikaji semula secara tetap.

Cadangan 13 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya mekanisme pemantauan hubungan etnik KITA-MESRA® dan Indeks Penjajaran Masyarakat Malaysia diterima sebagai mekanisme pemantauan kebangsaan dengan hasrat untuk membangunkan Indeks Kesepaduan Sosial Malaysia. Indeks ini mempunyai potensi untuk dibangunkan bagi penerapan serantau.

Hasil 9:

Pengukuhan dasar dan mekanisme institusi bagi MKPN.

Cadangan 14 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya bebas untuk mengekalkan dan menambah baik kesepaduan sosial serta memperkukuh agenda perpaduan negara.

Cadangan 15 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya kerajaan memberikan perhatian yang lebih kepada agenda perpaduan negara dengan menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara dan Kesepaduan Sosial.

Cadangan 16 MKPN: (lihat juga cadangan #13)

MKPN mengesyorkan supaya KITA-UKM dinaik taraf menjadi Institut Kajian Etnik Negara dengan geran pelancaran yang substantif dan sumber yang mencukupi untuk terus menjalankan penyelidikan, sebagai satu bentuk penyelidikan dan pembangunan (R & D) dalam konteks sosial, tentang keadaan dan masa depan hubungan etnik di negara ini dan merumuskan dasar sokongan awam dan aktiviti yang berkaitan.

ORGANISASI KANDUNGAN

BAB



ORGANISASI KANDUNGAN BAB

Pelan untuk memupuk perpaduan dan mempertahankan kesepaduan sosial dalam kalangan rakyat Malaysia ini disediakan sebagai memenuhi terma rujukan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) yang ditubuhkan pada 25 November 2013. *Blueprint* ini mengandungi 9 bab yang memberi penjelasan secara terperinci mengenai konsep perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan serta permasalahan yang dihadapi negara, punca permasalahan dan inisiatif yang diperlukan untuk memupuk perpaduan dan mempertahankan kesepaduan yang ada dalam negara.

Pelan ini disediakan dengan mengambil kira pelbagai sumber maklumat. Daripada suara akar umbi rakyat, badan-badan berkepentingan, pemimpin-pemimpin masyarakat sehinggalah pemimpin-pemimpin politik negara. Tidak cukup dengan maklumat yang dikutip semasa sesi-sesi dialog perpaduan, hasil penyelidikan lalu yang telah dibuat oleh felo-felo penyelidik di Institut Kajian Etnik (KITA) turut digunakan sebagai input kepada *Blueprint* ini.

Bab 1 dalam Pelan ini menerangkan mengenai konsep perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan dengan mengutarakan 9 punca kontradiksi yang dapat menyumbang kepada konflik perkauman sebagai latar belakang permasalahan dan bagaimana kesepaduan sosial yang wujud dalam negara telah berjaya mengikat keharmonian pelbagai budaya, suku kaum, agama dan bahasa. Bab ini juga menjelaskan kepentingan kepada usaha penyatupaduan dalam Malaysia.

Bab 2 melaporkan suara akar umbi daripada 18 dialog perpaduan yang diadakan seluruh negara. Bab ini memberi analisis berdasarkan apa yang dilaporkan oleh semua jurulapor yang bertugas di 18 lokasi dialog untuk merekodkan semua isu yang dibawa oleh rakyat dan diketengahkan pada majlis dialog perpaduan ini. Suara akar umbi ini memberi kepastian tentang apa sebenarnya punca kemarahan dan permasalahan dalam negara. Tiga perkara paling utama yang direkodkan menunjukkan punca permasalahan bermula dengan isu etnisiti, politik dan governan dan akhirnya melalui pendidikan.

Bab 3 pula mengambil data berdasarkan laporan daripada bab 2, tetapi mengupas dengan lebih mendalam berdasarkan persepsi dan pandangan rakyat mengenai perpaduan. Borang soal selidik yang disediakan pada tiap majlis dia-

log dan yang diisi hampir 60% daripada yang hadir diberi keutamaan penting dalam analisis ini.

Bab 4 mengambil kira pandangan dan laporan daripada 5 jawatankuasa kerja yang diketuai oleh ahli-ahli Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional serta dialog yang mereka laksanakan berdasarkan kumpulan yang mereka wakili. 5 jawatankuasa kerja ini memberi fokus kepada:

- a. Perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara.
- b. Membina bangsa dan persefahaman silang budaya.
- c. Pembangunan inklusif.
- d. Belia dan perpaduan.
- e. Integrasi Nasional.

Bab 5 pula melaporkan maklumbalas hasil perjumpaan khas antara MKPN dengan badan-badan berkepentingan. Ringkasan dalam bab ini menegenahkan aspirasi, pandangan dan harapan badan-badan ini dalam soal perpaduan negara.

Bab 6 adalah analisis kepada laporan media mengenai isu perpaduan nasional yang dilaporkan pada waktu penyediaan *Blueprint* ini. Manakala bab 7 dan 8 adalah hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik di Institut Kajian Etnik (KITA), UKM sebagai input tambahan kepada usaha penyediaan *Blueprint* ini.

Bab 9 dalam Pelan ini adalah input hasil inisiatif Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Semua inisiatif untuk membina perpaduan dijelaskan dalam bab ini.


Bab 10 menggariskan pelan tindakan yang diperlukan berdasarkan maklumbalas dan kefahaman yang mendalam daripada pelbagai input tentang perma-

salahan yang dihadapi negara. Ianya dibahagikan kepada sembilan *outcome* penting yang perlu dicapai sebagai usaha kearah penyatupaduan masyarakat Malaysia. Bab ini menjadi kunci utama dalam usaha kita untuk mempertahankan kesepaduan sosial yang telah wujud dalam negara dengan cadangan *output* dan aktiviti yang jelas dan terperinci.

Kesemua 10 Bab dalam Pelan ini disediakan bagi memberi kerangka penting kearah penyatuan nasional (*national reconciliation*) untuk mengurangkan polarisasi kaum dan usaha membina bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Huraian organisasi ini dapat dirumuskan seperti rajah 2 yang berikut:

Gambarajah 2 : Asas Kerangka Laporan MKPN



A pair of hands is shown from a top-down perspective, gently cupping a small green seedling with dark soil. The seedling has a thin stem and several bright green leaves. The background is a soft, out-of-focus gradient of warm colors, from light yellow to dark brown. The text is overlaid on the upper half of the image.

(KERANGKA KONSEP DAN INPUT)

BAB 1

PERPADUAN, KESEPADUAN, PENYATUPADUAN
SATU NEGARA, SATU KATA AKAR, TIGA KONSEP KERAMAT

BAB 1

Abstrak

Malaysia wujud dalam suatu realiti sosial bersifat ‘unity in diversity’ atau ‘perpaduan dalam kepelbagaian.’ Sifat demografi Malaysia memaparkan bahawa bilangan penduduk bumiputera dan bukan bumiputera hampir sama, 50:50. Keadaan ini tidak membolehkan asimilasi menjadi landasan ‘perpaduan.’ Landasan yang lebih sesuai dan telah dipilih semasa mencapai kemerdekaan ialah ‘integrasi.’ Implikasinya ialah ‘perpaduan’ masih kita cari. Apa yang sebenarnya telah ditemui selama ini adalah ‘kesepaduan’ yang memaparkan beberapa ruang kontradiksi. Penyelesaian kontradiksi ini ialah melalui usaha bersifat ‘penyatupaduan.’ Bab ini menghuraikan maksud tiga kata keramat ini, iaitu, ‘perpaduan, kesepaduan dan perpaduan’, seperti yang difahami dan dialami di Malaysia.

Katakunci: konsep keramat, asimilasi dan integrasi, perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan, proses dan struktur

Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat

Memahami Malaysia dan kepelbagaian dalamnya Negara bekas tanah jajahan, seperti Malaysia dan Indonesia, sentiasa berhadapan dengan cabaran *unity in diversity*. Ungkapan bahasa Inggeris ini sering diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai ‘perpaduan dalam kepelbagaian’. Umumnya, fenomena ‘kepelbagaian’ inilah yang menjadi fokus perhatian dan perbincangan umum mahupun ilmiah. Fenomena ini menonjolkan perbezaan dan sering dilabel sebagai suatu keunikan.

Sebenarnya, Indonesia dan Malaysia tiada pilihan. Keadaan kemajmukan ini bukanlah yang diinginkan, tetapi dipaksa oleh suasana sejarah dan akibat langsung daripada pembentukan masyarakat majmuk dalam era penjajahan.

Hal ini banyak dibincangkan dan diperdebatkan dalam media umum dan juga tulisan ilmiah.

“Kepelbagaian” di Indonesia terungkap dalam kata-kata Bhinneka Tunggal Ika yang didukung oleh Pancasila. Di Malaysia, kepelbagaian dilaungkan dan dinyanyikan dengan cogan kata dan lagu *Malaysia Truly Asia* yang terus dipadukan dengan cogan kata dan lagu 1Malaysia. Yang lebih menarik dan jarang diperkatakan ialah kepelbagaian tafsiran dan wajah tentang fenomena kepelbagaian itu sendiri. Dalam idiom dan perbincangan seharian serta wacana ilmiah di Indonesia dan Malaysia, fenomena kepelbagaian membawa penjelmaan tiga wajah: satu wajah positif, satu konflik dan satu wajah idaman.

Wajah positif datangnya daripada kepelbagaian yang dimegahkan, diraikan dan dikomersialkan. Berbilion-bilion ringgit, misalnya, dapat diperoleh dengan “menjual kepelbagaian” ini melalui program seperti “Tahun Melawat Malaysia 2014”. Pendapatan ini menyumbang terus kepada ekonomi negara. Oleh itu, kita melaburkan beratus-ratus juta ringgit untuk meraikan dan menjayakan usaha mendukung serta mempromosi wajah positif kepelbagaian ini.

Wajah negatif yang menjelma bersama-sama fenomena kepelbagaian berpunca daripada perbezaan yang ada dalam pelbagai bentuk dalam masyarakat, seperti perbezaan etnik, agama, bahasa, adat resam dan pandangan dunia. Setiap ciri perbezaan ini berpotensi menimbulkan konflik, pertelingkahan, pertikaman lidah dan fitnah-memfitnah yang ‘dibakar’ oleh khabar angin. Prasangka dan stereotaip pula terus mengipas emosi ke suhu panas sehingga mencairkan rasionaliti, meningkatkan ketegangan, mencabar harmoni dan menggegarkan kestabilan. Biarpun begitu, cabaran wajah negatif kepelbagaian ini, iaitu dari segi dana yang diperuntukkan oleh kerajaan misalnya, sangat sedikit untuk digunakan bagi meneliti dan memahaminya dengan lebih terperinci dan mendalam, berbanding dengan dana untuk meraikan kepelbagaian dalam wajahnya yang positif.

Wajah idaman muncul daripada fenomena kepelbagaian dalam bentuk bersifat emosional, iaitu rasa rindu dan kepingin yang mendalam akan suatu bentuk perpaduan yang paling ideal, iaitu “*unity in uniformity*”, atau “perpaduan dalam kesatuan”. Keinginan idealistik ini sering diungkapkan terus-menerus dan ber-

ulang kali dalam ucapan ahli politik dan pemimpin serta terdapat dalam lirik pelbagai lagu bersifat patriotik, iaitu kata-kata “satu negara, satu bangsa, satu bahasa”. Sedangkan kita tahu dan sedar bahawa yang nyata wujud ialah perpaduan dalam kepelbagaian atau kepelbagaian itu pula mempunyai tiga bentuk wajah penjelmaannya.

Pentingnya penyuaran psikik yang bersifat merindui dan mengidamkan perpaduan dalam kesatuan ini berterusan.

Kita terus mengidamkan ‘perpaduan dalam kesatuan’ kerana ini merupakan suatu pernyataan emosi dan psikologikal yang menjelmakan harapan yang sangat besar dan sangat diidamkan. Sesiapa yang mengucapkannya tahu bahawa ‘perpaduan dalam kesatuan’ ialah ungkapan keramat lagi berpengaruh, biarpun ia tetap merupakan suatu idealisme malah merupakan satu angan-angan. Namun, ungkapan ini mempunyai nilai politik yang tinggi dan berkesan. Ungkapan ini sangat berguna untuk memobilisasi sokongan padu daripada anggota masyarakat bagi sesuatu agenda atau kepentingan, sama ada agenda yang bersifat suku kaum, negara, rantau, mahupun dalam hubungan Timur-Barat.

Lihat sahaja bagaimana orang Islam di seluruh dunia dapat bersatu padu suara dalam reaksi mereka terhadap masa depan masyarakat Palestin. Orang Islam melihatnya sebagai perjuangan Islam, yang bersifat jihad. Jutaan orang Islam di seluruh dunia mendakap dan menghayati komuniti idaman anggota masyarakat Palestin. Orang Islam di seluruh dunia terus-menerus menyokong pergerakan politik Palestin. Mereka terus menyokong dengan wang, semangat dan propaganda.

Akan tetapi, kita tahu bahawa bukan semua manusia Palestin itu Islam. Segolongan kecil mereka beragama Kristian, khususnya Kristian Coptic, seperti Edward Said, sarjana Palestin yang terkenal dengan bukunya, *Orientalism*. Ada juga yang menganut fahaman Druze, satu cabang kecil Syiah Ismailiah. Sebilangan kecil lagi menganut kepercayaan Samaritan, satu cabang kecil Judaisme. Projek perjuangan masyarakat Palestin ialah projek sekular nasionalisme mereka, bukannya projek jihad orang Islam. Mereka tergolong dalam kelompok orang Arab yang bukan semuanya beragama Islam.

Namun begitu, idea *uniformity is uniformity* atau ‘kesatuan ialah kesatuan’ sangat mempengaruhi orang Islam sedunia yang merasakan bahawa mereka adalah ‘seagama, sehati, sejiwa dan seperjuangan’ dengan orang Palestin.

Mungkin mereka seagama dengan majoriti orang Palestin, tetapi mereka tidak seagama dengan orang Palestin yang beragama Kristian, Druze dan Samaritan. Maka, perasaan “sehati, sejiwa dan seperjuangan” mereka dengan orang Palestin yang beragama Islam dan bukan Islam, semacam perpaduan psikik bersifat sekular.

Realiti dalam memahami konsep “kepelbagaian” ini.

Kedudukan konsep dan realiti “kepelbagaian” kini di Malaysia dan Indonesia adalah seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa “perpaduan dalam kepelbagaian” sekali gus merupakan kepelbagaian yang membawa penjelmaan tiga wajah: satu wajah positif, satu konflik dan satu wajah idaman (yang berlandaskan konsep “perpaduan dalam kesatuan”). Yang menjadi kesukaran kepada pengkaji yang meneliti fenomena kepelbagaian ini adalah kerana ketiga-tiga wajah tersebut didakap serta dihayati serentak oleh pelbagai golongan dan lapisan masyarakat di Indonesia dan Malaysia.

Apatah lagi rakyat mereka turut terperangkap dalam arus retorika ketiga-tiga wajah kepelbagaian tersebut, iaitu yang positif, negatif dan idaman. Tiga wajah ini berkisar dan dikitar dalam lingkungan serta putaran *Society-State-Market Nexus*. Oleh yang demikian, “kepelbagaian wajah tentang kepelbagaian” ini tidak mudah diurus atau diperbetul kerana kepelbagaian ini meresap serta dihayati oleh semua lapisan masyarakat; daripada mereka yang berada dalam kedudukan tertinggi sehingga akar umbi, bandar dan desa, tua dan muda, lelaki dan perempuan, dalam dan luar negara.

Soalnya sekarang bagaimana untuk kita lebih memahami perkara ini.

Dari segi analitikal, wajah ini pasti boleh dipisah-pisahkan biarpun agak sukar dilaksanakan. Namun dalam realitinya wajah ini terus-menerus berbaur, bercampur aduk serta terintegrasi dalam idiom dan tindakan seharian semua anggota masyarakat.

Contoh di Malaysia

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPKM) menganjurkan program secara besar-besaran dengan membelanjakan berbilion-bilion ringgit demi mendukung wajah positif ‘kepelbagaian’ dalam masyarakat Malaysia. ‘Tahun Melawat Malaysia 2014’ ialah contoh

konkrit akan pendekatan ini. Banyak lagi projek lain kerajaan Malaysia yang mengangkat wajah positif kepelbagaian telah didukung oleh pihak kerajaan sendiri bersama dengan pihak swasta.

Melalui Pejabat Perdana Menteri (PMO) pula, khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di bawah menterinya sendiri, pada umumnya melihat kepelbagaian dari sudut wajah negatif dan memfokuskan hal yang berkait dengan konflik, perpecahan dan ketegangan lalu berusaha keras untuk mencari jalan bagi menyelesaikannya, seperti melalui projek Rukun Tetangga, mewujudkan Indeks Ketegangan Masyarakat dan selainnya. Dana yang dilaburkan oleh kerajaan dari segi penyelidikan dan tindakan praktik untuk menyelesaikan konflik di Malaysia sangat kecil berbanding dengan perbelanjaan projek 'Tahun melawat Malaysia 2014' kerana usaha ini tidak mendatangkan pulangan ekonomi. Hal ini sungguh mengecewakan, apatah lagi jika slogan PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL sering dilaung-laungkan!

Perdana Menteri Malaysia sendiri pula memperagakan wajah kepelbagaian sebagai satu wajah idaman melalui konsep 1Malaysia beliau dengan slogan 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan' yang kini telah berubah menjadi 'kemungkinan tanpa hujung'. Kedua-duanya ialah pernyataan harapan serta idaman bahawa "perpaduan dalam kesatuan" dan setiap konsep itu menyarankan suatu keadaan tanpa hujung atau akhir, seperti yang diungkapkan dalam kata-kata 'kemungkinan tanpa hujung'.

Tidaklah memeranjatkan jika wujudnya kerencaman pandangan, pendirian dan tindakan yang berkait dengan tiga wajah kepelbagaian yang dinyatakan itu: positif, negatif dan idaman. Kepelbagaian suara ini amat mencabar sehingga sebarang usaha ke arah mewujudkan PERPADUAN di Malaysia berbelah bahagi reaksi dan tindakannya; ada yang disokong, ada yang dipertikaikan, ada yang dibangkang dan ada yang diperlecehkan.

Bab ini disediakan untuk mengupas dan menganalisis dengan lebih teliti dan mendalam beberapa perkara yang diperkatakan sebelum ini, khususnya tentang 'kepelbagaian dalam kepelbagaian'. Apakah implikasi keadaan ini terhadap 'projek perpaduan negara' Malaysia? Dengan memberikan kupasan yang kami percaya lebih jelas diharap ia dapat membina suatu kefahaman bersama tentang isu, masalah, dan jika perlu, mencari jalan tengah ke arah mencapai perpaduan bangsa. Untuk melaksanakan tugas ini, sama seperti seorang doktor bedah yang memerlukan alat untuk membedah, kita juga memerlukan satu

bentuk alat, iaitu "alat analisis" yang tajam dan berkesan supaya satu kupasan baik dan mudah difahami dapat dihasilkan. Maka diperkenalkan alat analisis, atau pendekatan EOM (Epistemologi, Ontologi dan Metodologi).

Kekuatan pendekatan ini terletak pada kemampuannya menyelam sekali gus mendedahkan lapisan idea yang mendasari perilaku, pandangan dan kata-kata yang digunakan oleh anggota masyarakat tentang sesuatu fenomena sosial, seperti perpaduan dan kepelbagaian.

Epistemologi ditakrif sebagai asas dan punca sesuatu ilmu pengetahuan. Alat ini digunakan untuk memahami tunjang akar idea kepada perilaku, pandangan dan kata-kata yang mendasari fenomena sosial yang ingin dikaji dan difahami.

Ontologi pula ditakrif sebagai suatu keadaan nyata yang dialami oleh sesebuah masyarakat serta anggotanya dan berperanan sebagai cermin yang menjelmakan perilaku, pandangan dan kata-kata tentang sesuatu fenomena sosial dalam bentuk tindakan atau perilaku yang konkrit.

Metodologi ditakrif sebagai kaedah penyelidikan saintifik yang rapi. Metodologi ialah instrumen yang digunakan untuk membuktikan kesahihan dan pola perilaku yang menghubungkan idea dan tindakan, yang dijelmakan dalam bentuk perilaku, pandangan dan kata-kata tentang sesuatu fenomena sosial.

Rangkaian epistemologi, ontologi dan metodologi yang bergabung dalam pendekatan EOM dan dianggap paling sesuai untuk memecahkan kebuntuan analitikal dalam kalangan penyelidik dan pembentuk dasar untuk memahami bahawa sebenarnya wujud berbagai-bagai wajah kepelbagaian dalam konsep "perpaduan dalam kepelbagaian" itu sendiri.

Dalam kata lain, cabaran analitikal utama untuk penyelidik dan pembuat dasar di Malaysia ialah bagaimana hendak menghuraikan dengan lebih berkesan lagi mudah difahami tentang kewujudan "kepelbagaian dalam kepelbagaian" di Malaysia. Berikut dikemukakan contoh daripada pengalaman penyelidik di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam usaha mengupas fenomena kepelbagaian di Malaysia ini. Satu Negara, Satu Kata Akar Malaysia memperakukan secara terbuka bahawa ia adalah sebuah Negara (*state*) yang masyarakatnya bersifat "perpaduan dalam kepelbagaian". Penerimaan ini berlandaskan andaian bahawa kepelbagaian berpotensi besar mencabar perpaduan (*diversity is a threat to unity*), terutama selepas berlaku-

nya tragedi berdarah 13 Mei 1969. Bagi kepelbagaian dalam bidang ekonomi, terdapat identiti etnik dalam kegiatan ekonomi negara (Melayu-petani, Cina-pedagang, India-pekerja ladang), dan perbezaan serta jurang ekonomi antara etnik Melayu dengan Cina adalah begitu luas sehingga menimbulkan ketegangan, pergeseran dan akhirnya dikatakan menjadi punca terjadinya konflik terbuka.

Semenjak itu hingga sekarang, PERPADUAN menjadi slogan, sebutan dan idaman, serta termaktub sebagai matlamat akhir Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang digubal dan dilancarkan pada 1971. Dalam kata lain, wujudnya kepelbagaian dengan tiga wajahnya itu tidak dinafikan, namun secara sedar penekanan Kerajaan Malaysia adalah terhadap PERPADUAN. Rakyat perlu bersatu PADU menghadapi cabaran kepelbagaian, yang diungkapkan dalam beberapa konsep lain seperti kerencaman sosial, keheterogenan, multi etnik, multi budaya, berbilang kaum, dan selainnya.

Ternyata PERPADUAN yang dinyatakan dan diinginkan sejak 1971 masih belum tercapai setelah lebih 40 tahun. Sehingga kini slogan “Perpaduan Nasional, Integrasi Nasional, Bangsa Malaysia dan 1Malaysia” terus-menerus dilaungkan, dinyanyikan dan disebut-sebut dalam media. Ratusan kajian dan tulisan telah dihasilkan untuk memecahkan kebuntuan ini. Seolah-olah PERPADUAN tidak tercapai. Namun dalam tempoh berkenaan, biarpun Malaysia tidak mencapai PERPADUAN, negara Malaysia tetap menjadi pujian dunia, malah dijadikan model untuk menjadi ikutan pada peringkat global kerana kemakmuran ekonomi, kestabilan politik dan keharmonian hubungan antara etnik. Daripada Presiden Bush Senior, kepada Presiden Bush Junior dan kini Presiden Obama, masing-masing menyebut Malaysia sebagai model negara majoriti Islam.

Kalau tidak ada PERPADUAN, apa yang wujud

Apakah sebenarnya yang telah dinikmati oleh setiap lapisan rakyat Malaysia selama 40 tahun lepas? Ternyata pengalaman Malaysia ini tidak mudah untuk kita ungkapkan, tidak ubah seperti si bisu bermimpi “terasa ada terkata tidak”. Dalam kata lain, Malaysia belum ada label atau kata-kata untuk mengungkapkan dan menyimpulkan pengalaman ini, iaitu suatu pengalaman yang pernah disebut-sebut sebagai model atau contoh untuk dijadikan ikutan oleh sebilangan negara lain di dunia. Sebenarnya apa yang telah dinikmati Malaysia selama ini belum lagi perpaduan tetapi “KESEPADUAN sosial”.

Maksud “KESEPADUAN sosial”?

Kesepaduan sosial ialah keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat, khususnya yang berbilang etnik, kerana wujudnya kesepakatan sosial yang kuat dan terbina untuk sekian lamanya berasaskan setidak-tidaknya lima prasyarat berikut:

1. Taraf kebendaan yang berkualiti, seperti mempunyai indeks kualiti hidup daripada tahap sederhana ke tahap tinggi;
2. Akses kepada kemudahan yang boleh menjamin dan mempertahankan kualiti hidup dan mobiliti sosial;
3. Aturan sosial yang stabil, aman dan selamat;
4. Interaktif aktif antara rakyat berbilang etnik berlandaskan jaringan dengan pertukaran hubungan yang positif;
5. Wujudnya usaha positif ke arah penglibatan semua pihak dalam kegiatan arus perdana.

Senario yang menggalakkan kesepaduan sosial bertahan boleh dibayangkan seperti yang berikut: biarpun wujud perbezaan, kontradiksi, persaingan dan konflik dalam sesuatu masyarakat itu, jika anggotanya sanggup berunding dan bertolak ansur bagi mewujudkan kesepakatan, tolak ansur, toleransi dalam semangat akomodasi, malah bersungguh-sungguh pula membina harmoni dan pelbagai bentuk ikatan sosial, kesepaduan sosial akan mekar segar-bugar terpamer dan sedia diperagakan.

Dalam kata lain, kalau kita melihat kembali keadaan di Malaysia, biarpun masih belum mencapai perpaduan yang diimpikan dan diidamkan, namun Malaysia dan anggota masyarakat yang bersifat rencam sebenarnya sudah pun menjalinkan hubungan kerjasama antara etnik dan kelompok, berkongsi aktiviti budaya dan saling meminjam unsur budaya masing-masing lebih daripada 60 tahun, menikmati pembangunan ekonomi dan kualiti hidup dari tahap sederhana ke tahap tinggi, yang terbina teguh sejak tahun 1970-an.

Bukan hanya dari segi politik, sosial dan budaya, bahkan jalinan hubungan yang cukup rapat, telah wujud dan terjelma dalam putaran ekonomi dan pasaran yang menyebabkan rakyat Malaysia, tanpa mengira etnik, saling bergantung dengan kuat melalui kegiatan ekonomi seharian, atau dalam konteks putaran rangkaian bekalan. Sebagai contoh, si pembekal mungkin ialah pedagang

kaum Cina, India, Iban, Kadazan dan Melayu. Pekerja pula mungkin kaum-kaum lain. Justeru, kesepaduan sosial dalam kalangan pelbagai etnik, kepentingan ekonomi, politik dan sosial sentiasa terjalin dan disulami keperluan kehidupan seharian. Rakyat Malaysia tidak akan mengorbankan kesepaduan sosial ini demi memastikan semua pihak menang-menang.

Konflik terbuka dan ganas tidak berlaku di Malaysia, tetapi tidak dinafikan di sebaliknya apa yang lebih kerap berlaku ialah konflik bersifat lisan atau bertikam lidah sesama sendiri. Ada ketikanya secara terbuka dan kebanyakan pada peringkat individu atau kelompok seperti sambil minum teh tarik di kedai mamak, di majlis kenduri-kendara, malah dalam Internet dan blog. Kandungan pertikaman lidah ini berasaskan isu tertentu, seperti soal pendapatan yang tidak cukup, harga barang yang mahal, pengangkutan awam yang tidak efisien, peluang pendidikan, pekerjaan terhad dan sebagainya.

Kejadian bertikam lidah ini sering menjadi bentuk penyuaran rasa tidak puas hati etnik (*ethnic grievances*). Namun, apabila kita menghalusi kebanyakan isu itu, didapati bahawa apa yang disuarakan oleh setiap etnik tidak banyak berbeza, cuma penyuarannya kerap bersalut kata-kata yang menjelmakan kepentingan etnik. Maka bunyinya etnik, tetapi sebenarnya isu berkenaan lebih bersifat isu sosial, pendidikan dan ekonomi yang lebih umum sifatnya. Kebanyakan isu ini berkaitan dengan peluang mobiliti sosial, iaitu memanjat tangga kemajuan hidup, menyentuh isu seperti rasa tidak puas hati tentang sistem pendidikan, agihan peluang ekonomi dan pekerjaan, bukan sahaja mengesankan sesuatu etnik, malah mempunyai kesan yang mendalam dan luas terhadap semua lapisan masyarakat.

Persoalan tentang isu tidak puas hati ini yang menjadi asas dalam menimbulkan kebencian antara etnik.

Sebenarnya isu yang lebih kerap ditimbulkan oleh sesetengah pihak bukan lagi soal mobiliti sosial, terutama rangkaian isu yang telah ditimbulkan oleh golongan profesional kelas menengah muda bandar yang hidup selesa dan mempunyai ruang sosial dan waktu. Mereka sering 'memperjuangkan' soal pemusnahan alam sekitar, hak asasi manusia, masalah masyarakat sivil dan buku daftar pengundi yang banyak kesalahannya. Sebenarnya, isu ini mempunyai dimensi ekonomi, kerana menjadi 'komoditi politik' yang didagangkan sebagai sebahagian daripada aktiviti keusahawanan dalam bidang pengiklanan, khususnya yang bersifat penjenamaan. Yang lebih menarik ialah fakta bahawa

penyuaran isu berkenaan berlaku dalam keadaan aman dan tenteram lagi sejahtera di Malaysia. Bukan dengan keganasan ala "*Arab Spring*" di dunia Arab, atau 'Tom Yam Spring' di Bangkok yang mengorbankan banyak nyawa kerana apa yang berlaku di Malaysia adalah matang dan cukup demokratis dari segi bentuk dan suasana yang mengizinkan pertikaman lidah tentang isu ini berlaku. Namun, kadang-kadang ada yang menyuarakannya dengan nada yang agak keras dan kadang-kadang sarat dengan stereotaip serta prasangka etnik.


Apakah yang boleh difahami daripada penjelasan ini?

Ringkasnya, pengalaman KESEPADUAN sosial di Malaysia bukanlah PERPADUAN yang diidamkan. KESEPADUAN lebih merupakan tahap atau prasyarat sebelum PERPADUAN tercapai. Ternyata terdapat serangkaian kontradiksi yang perlu diselesaikan. Daripada kajian KITA-UKM dapat dikategorikan kontradiksi ini kepada sembilan perkara utama:

1. Etnisiti
2. Agama
3. Kelas sosial
4. Pendidikan
5. Bahasa
6. Generasi, tua muda
7. Gender
8. Politik federalisme
9. Ruang, bandar-desa

Maknanya, setiap satu isu di atas, yang masing-masing mengandungi puluhan lagi isu kecil dan remeh, yang jika dibesarkan boleh menjadi punca perbalahan. Orang boleh bergaduh dan berbalah bagi perkara kecil dan sangat mudah untuk menimbulkan kontradiksi dalam sembilan perkara yang dinyatakan di atas. Setiap kontradiksi tersebut sarat pula dengan cabaran khusus yang perlu ditangani, sama ada yang telah berlaku lama atau baru muncul dan juga kemungkinan akan muncul. Hal ini memang tidak dapat dielakkan dalam sebuah masyarakat majmuk pelbagai etnik. Gambar rajah di sebelah cuba memperlihatkan keadaan ini.

Gambarajah 3 : B&N Formula for Social Cohesion



Contohnya, isu kalimah Allah telah berlarutan lebih empat tahun dalam khayal terbuka, dan mendapat perhatian daripada pemimpin sampailah ke akar umbi. Begitu juga soal pendidikan. Adanya “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025”, belum pasti tidak timbul kritikan dan keraguan tentang pelaksanaan dan pencapaiannya. Isu penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan dan ekonomi terus diperdebatkan. Hubungan kerajaan negeri dengan kerajaan pusat masih turun naik terutama yang berkait dengan royalti minyak, misalnya.

Apakah proses penyelesaian kepada kontradiksi ini?

Proses penyelesaian setiap kontradiksi ini, sama ada yang besar mahupun yang khusus, telah pun berlaku sekian lamanya di Malaysia, semenjak sebelum merdeka lagi, melalui Formula B&N (BN bukan Barisan Nasional), iaitu ‘*Formula of Bargaining & Negotiation*’. Prinsip dan ikhtiar “runding dan tolak ansur” inilah yang mendasari proses PENYATUPADUAN (*reconciliation*) di Malaysia sehingga ke saat ini.

Dalam kata lain, PENYATUPADUAN ialah usaha berterusan pada peringkat semua lapisan masyarakat, bukan sahaja sebelum merdeka tetapi terus dilaksanakan hingga kini. Usaha ini tidak boleh dihentikan kerana sifat kepelbagaian itu mengundang potensi konflik dan potensi komersial sekali gus. Maka, pemerintah harus fokus terhadap hal ini. Dalam kata lain, Malaysia ialah “*work-in-progress*”, oleh sebab itu ia perlu dijaga seperti menatang minyak yang penuh.

Sebilangan besar negara di dunia juga menginginkan PERPADUAN. Oleh sebab sukar untuk mencapainya dan mengambil waktu, segala usaha yang dilaksanakan hanya boleh membawa KESEPADUAN, yang dianggap sebagai tahap sebelum atau prasyarat kepada PERPADUAN. Dalam tahap ini, banyak perkara yang mesti diselesaikan kerana terdapat pelbagai kontradiksi yang terkandung dalam KESEPADUAN itu. Usaha inilah yang bergerak sebagai proses PENYATUPADUAN. Proses ini tidak akan berhenti, kerana selagi ada kepelbagaian, selagi itu usaha PENYATUPADUAN mesti diteruskan.

Tiga konsep keramat

Kalau kita imbas secara komparatif, terutama dalam kalangan negara yang pernah dijajah dan masyarakatnya bersifat majmuk, dari sudut pendekatan

EOM, konsep “perpaduan dalam kepelbagaian” mendasari epistemologi masyarakat berkenaan. Cabaran terbesarnya adalah dari sudut ontologi, iaitu bagaimana mentafsir dan menangani cabaran kepelbagaian, sama ada dari segi abstrak ataupun nyata. Untuk mencari jalan penyelesaiannya, kita memerlukan metodologi yang jelas dan tuntas. Yang mesti bermula dengan mengenal pasti alat analisis yang relevan, konsep utama yang hendak dihuraikan dan perincian langkah pelaksanaan, jangka pendek dan jangka panjang yang perlu diatur.

Tiga konsep keramat “perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan” ialah permulaaan melihat dan menyusun segala yang rumit dan pelbagai dalam *sociological imagination* kita berkait dengan masyarakat majmuk. Bertolak daripada tiga konsep keramat ini sebagai kerangka besar lagi luas, kelak kita akan dapat mengupas satu per satu apa isu sosial, ekonomi, politik dan isu lain yang sering menduga kehidupan manusia bermasyarakat.

Kepada masyarakat yang dibebani oleh cabaran alamiah seperti tsunami, gunung berapi, angin puting beliung, kebakaran hutan dan banjir besar-besaran, konsep keramat ini juga sangat perlu dijadikan konsep landasan untuk tindakan pemulihan kerana pemulihan itu bukan hanya bersifat fizikal, tetapi juga bersifat individual (mental dan emosi) dan bersifat sosiologi kerana melibatkan semua anggota masyarakat secara berkelompok atau kolektif.

Apatah lagi untuk negara yang mengalami krisis politik berdarah yang mengorbankan ribuan nyawa atau negara yang dilanda revolusi besar dan kecil-kecilan oleh rakyat yang marah dan tidak berpuas hati. Tentunya dalam keadaan sedemikian, sebagai tindakan pertama ke arah mengembalikan kedamaian adalah untuk membina perjanjian, khususnya dalam bentuk penyatupaduan yang ternyata perlu berlandaskan kerangka seperti ‘Formula B&N’.

Dari sudut metodologi, rangkaian tiga konsep keramat ini ialah suatu bentuk heuristic device,¹ bukannya undang-undang fizikal alamiah, seperti Laws of Gravity dalam ilmu fizik. Sifat *heuristic device* ialah konseptual, abstrak dan seperti model ilmiah yang berguna untuk membantu dalam memikirkan sesuatu fenomena sosial dan fizikal yang rumit dan mungkin memerlukan jalan untuk merungkaikan masalah pusat dan sampingan.

Suatu kerangka konsep yang dibina bagi menjadi alat analisis untuk memudahkan kupasan yang berkesan dilakukan dan kefahaman tentang sesuatu

fenomena sosial dapat dibina, guna akhirnya mencari jalan untuk membawa penyelesaian dengan melaksanakan beberapa tindakan strategik yang praktikal.

Dalam bidang sains sosial, konsep “struktur sosial” ialah satu *heuristic device* yang dicipta dan digunakan untuk mentakrif dan menganalisis beberapa aspek dalam masyarakat yang mencipta *patterns and regularity*, khususnya dalam peranan dan tindakan seharian setiap individu sebagai anggota masyarakat. Bagaimana pula himpunan perilaku ini membentuk masyarakat sebagai satu kolektif sosial yang dinamik sifatnya. Oleh itu, struktur sosial bukan kaku dan tidak boleh berubah-ubah, malah mudah berubah dan bersifat luwes, sesuai dengan perwatakan dan perilaku manusia itu sendiri.

Begitu juga dengan sifat rangkaian keramat tiga konsep yang diketengahkan ini, iaitu “perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan”, yang tetap menjadi satu *heuristic device* yang boleh diaplikasikan ke arah memahami sebarang masyarakat majmuk atau yang sekelompok dengannya.

Memadai atau tidak dengan hanya mengetahui beberapa alat untuk membaca dan memahami sesebuah masyarakat seperti Malaysia

Sebagai kesimpulan, ingin ditekankan bahawa ini hanya permulaan. Dalam usaha mengupas dan merungkai pelbagai masalah global dan lokal, apa yang kita perlukan ialah beberapa *heuristic device* atau model yang boleh membantu. Berikut diberikan dua contoh heuristic device atau kerangka model untuk mengupas keadaan di Malaysia.

Contoh 1: Melihat realiti sosial dari dwisudut

Dalam mengkaji sistem dan hierarki politik kekuasaan di Malaysia, heuristic device yang dikenal sebagai “model dwirealiti sosial” (*authority-defined* dan *everyday-defined*) kerap diguna pakai. Model ini menekankan perbezaan perspektif dan pendirian, di satu pihak, dengan mereka yang berwibawa atau berkuasa, dan di satu pihak lagi, dengan orang biasa, tentang suatu hal yang sama.

Hal ini dapat kita fahami sekiranya kita melihat bagaimana takrifan Melayu berbeza antara sudut orang yang berwibawa dengan sudut orang biasa, yang satu terikat manakala yang satu lebih luwes.

Perlembagaan Persekutuan, dalam Artikel 160 (2), mentakrif orang Melayu seperti yang berikut: “Orang Melayu mestilah beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu, bertutur menggunakan bahasa Melayu.”

Hal ini ialah pandangan dan pendirian dari sudut *authority-defined* atau pihak berkuasa yang termaktub dalam perlembagaan dan digunakan dalam pembentukan dasar, seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), peruntukan Enakmen Tanah Rizab Melayu dan beberapa bidang lain dalam pemerintahan kerajaan, pada peringkat pusat dan negeri.

Sedangkan dari sudut *everyday-defined*, iaitu dari sudut orang Melayu biasa, mereka boleh bertutur dalam bahasa yang disukai, berpakaian apa yang dirasakan selesa, makan apa yang disukai, sama ada makanan Cina atau India, dan menikmati hiburan MTV, filem Hindustan dan sebagainya, sesuai dengan apa yang disukai. Oleh yang demikian, setiap orang Melayu terbuka untuk berperilaku mengikut pilihan mereka dalam kehidupan seharian dan tidak terikat ketat untuk akur seratus peratus terhadap peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Contoh 2: Sejarah untuk semua

Terbaharu ialah *heuristic device* untuk memahami dan menghayati sejarah Malaysia yang diberi nama “Sejarah untuk Semua”. Mata pelajaran Sejarah yang diajar di sekolah sekarang berdasarkan kerangka konsep bahawa sejarah adalah tentang ‘history of winners and losers, heroes and villains’ atau “sejarah pihak yang menang dan kalah, yang wira dan yang jahat”.

Pendekatan sejarah ini mencerminkan pengalaman penjajah Eropah semasa berperang sesama sendiri di Eropah, melaksanakan proses diplomasi, memperbaiki hubungan antara yang berperang berdasarkan sejarah politik perang saudara. Di Malaysia, bermula sejak zaman penjajahan dari sekolah rendah, kemudian menengah sehinggalah universiti, inilah pendekatan sejarah yang mendasari pengajaran dan pembelajaran sejarah. Pendekatan sejarah ini dianggap eksklusif kerana tidak mengambil kira hal yang membentuk sejarah sesebuah masyarakat dan negara.

Terdapat satu lagi pendekatan sejarah yang dibina oleh sekelompok sarjana Perancis pada abad ke-20 yang mentakrif ‘sejarah sebagai sejarah sosial’. Hal ini bermakna yang diliputi sejarah bukan hanya kajian tentang mereka yang

menang dan yang kalah, atau yang wira dan yang jahat, malah semua rakyat termasuk dalam sejarah. Sejarah ini bersifat inklusif. Maksudnya, sumbangan orang Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan Orang Asli sama pentingnya biarpun peranan dan intensitinya berbeza. Termasuk juga soal sains dan teknologi, keagamaan dan selainnya dalam pengisian sejarah bersifat inklusif ini.

Model sejarah ini diberi nama 'Sejarah untuk Semua' kerana tiada sesiapa dalam sesebuah masyarakat itu harus tertinggal dalam naratif sejarah negaranya. Hal ini sangat penting bagi menunjukkan bahawa keadilan bukan hanya dari segi agihan ekonomi, tetapi juga cara sejarah diceritakan dan ditulis.

RUMUSAN

Memahami bahawa kita memerlukan ilmu dan maklumat yang tepat untuk membaca dan memahami masyarakat merupakan permulaan penting untuk masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia dapat terus hidup bersama dalam keadaan aman dan harmoni.

Untuk membuat andaian dan mencapai kata putus tentang sesuatu perkara tanpa kefahaman yang mendalam boleh memudaratkan negara seperti Malaysia. Amat mudah untuk menimbulkan huru-hara apabila api kemarahan bagi sesuatu isu disimbah pula dengan minyak kebencian kaum. Ada pihak mungkin mahu melihat '*time bomb*' perkauman meletup di Malaysia. Harapan mereka ini akan hanya tinggal harapan kerana rakyat Malaysia jauh lebih matang daripada membiarkan sentimen perkauman menjadi agenda harian. Setiap rakyat Malaysia mempunyai agenda mengurus mobiliti sosial masing-masing yang jauh lebih penting untuk memajukan ahli keluarga dan kedudukan mereka dalam masyarakat daripada terus dipergunakan pihak yang berkepentingan dan rasis ini yang akhirnya menyebabkan mereka berbalah.

Oleh sebab itu, usaha penyatupaduan harus menjadi agenda utama negara yang perlu difahami oleh semua pihak. Usaha penyatupaduan ini akan membantu negara membangun dengan lebih seimbang dan akan mengikat kesepaduan sosial ke arah mencapai impian untuk mengecap perpaduan yang diidamkan. Untuk mencapai semua ini, kita harus terus mengurus keamanan dan kesepaduan kaum yang telah terjalin dalam negara setakat ini dengan baik. Usaha memantau tahap hubungan kaum dalam konteks pola perilaku mereka harus mengambil kira kualiti hidup rakyat serta pandangan dan persepsi rakyat ten-

tang dasar negara. Hal ini perlu terus dilaksanakan. Kalau belum dibuat oleh kerajaan, kita masih belum terlewat untuk bermula. Usaha ini penting untuk membantu kita memahami masyarakat Malaysia dalam konteks kerangka EOM yang dijelaskan pada awal buku ini.

Hanya dengan kefahaman yang mendalam dan komitmen semua pihak, Malaysia dapat terus memacu ke hadapan menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Tidak ada maknanya untuk kita menjadi negara berpendapatan tinggi jika masyarakatnya hidup lemas dengan perbalahan dan penuh dengan konflik. Oleh sebab itu, setiap orang mempunyai peranan masing-masing. Penyediaan bab ini, merupakan antara sumbangan kecil ke arah membantu kita untuk lebih mudah memahami Malaysia dan masyarakatnya yang kompleks. Semoga usaha ini mendapat rahmat dan Malaysia terus dipelihara Tuhan yang amat berkuasa.

A close-up photograph of a person's hand gently holding a small green seedling with dark soil. The seedling has a thin stem and several leaves, including a pair of cotyledons at the top. The background is a soft, out-of-focus warm light.

BAB 2
ANALISIS DIALOG PERPADUAN

BAB 2

Abstrak

Bab 2 ini berkongsi analisis hasil dari 18 Dialog Perpaduan yang telah dijalankan di seluruh negara. Laporan Rapporteurs yang dikumpulkan oleh sarjana-sarjana pakar dari universiti-universiti tempatan telah dikonstruktifkan bagi mengenalpasti keindahan dan permasalahan yang diluahkan oleh rakyat jelata. Pendekatan kualitatif menerusi teknik kekerapan diaplikasi bagi menyenaraikan isu-isu yang diketengahkan oleh rakyat. Partisipasi orang ramai adalah secara suka rela dan dialog terbuka ini memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk menyatakan isi hati. Terdapat sembilan (9) kategori utama yang digunakan untuk mengenalpasti pandangan rakyat dalam konteks suka dan tidak disukai seperti etnisiti, bahasa, politik dan governan, pendidikan, agama dan hak asasi, spatial, inter-generasi, kelas dan ekonomi sosial, dan gender. Sembilan kategori ini digunakan bagi membentuk sanggar bicara dan rujukan bagi memikirkan cadangan yang bersesuaian dalam usaha mencapai matlamat perpaduan negara. Keterangan ini dimurnikan dengan menyediakan resolusi terbuka kepada ahli MKPN untuk membincangkannya secara kolektif.

Kata Kunci: Dialog perpaduan, Suara Rakyat, Perpaduan, Isu, Cabaran dan Resolusi

Pengenalan

Penyediaan Ringkasan Resolusi Pandangan Rakyat ini adalah analisis dari 18 Dialog Perpaduan (DP) yang telah diadakan di seluruh negara. Analisis ini bersandarkan kepada Laporan Rapporteurs, sarjana pakar yang telah dilantik untuk mencatatkan suara hati rakyat dengan menggunakan pendekatan konstruktif yang bukan verbatim. Luahan rasa dan pandangan dari rakyat yang hadir di 18

DP ini dikategorikan ke dalam 9 isu utama seperti berikut:

1. Etnisiti
2. Agama
3. Kelas sosial
4. Pendidikan
5. Bahasa
6. Generasi, tua muda
7. Gender
8. Politik federalisme
9. Ruang, bandar-desa

Laporan Resolusi ini adalah kesinambungan analisis dapatan dari Laporan Awal NUCC yang telah dibentangkan pada Mei 17, 2014. Jadual berikutnya menjelaskan empat konteks utama yang telah dikenal pasti bagi memudahkan ahli MKPN dan pembuat dasar memikirkan resolusi bagi permasalahan yang telah dikongsi oleh rakyat di dalam Dialog Perpaduan ini. Tiga konteks pertama iaitu Suka, Tidak Disukai dan Pandangan Rakyat adalah keterangan yang diambil hasil dari Laporan Rapporteurs dan bahagian Resolusi pemurnian adalah cadangan terbuka kepada ahli MKPN membincangkannya secara kolektif.

Rumusan

Laporan ini memperlihatkan kesungguhan kerajaan dan pentadbiran dalam usaha mengenalpasti isu, masalah, dan perkara yang disenangi rakyat bagi memantapkan hubungan etnik di Malaysia. Perincian penuh analisis laporan dialog perpaduan ini dilampirkan dalam Bahagian C. Laporan yang telah dimurnikan ini turut dirujuk oleh Jawatankuasa kerja dan diintegrasikan oleh urusetia mengikut keperluan bagi tujuan menyediakan blue print perpaduan negara.

Jadual 2.1 : Ringkasan Resolusi Pandangan Rakyat Dari 18 Dialog Perpaduan Hasil Laporan Rapporteurs

SANGGAR BICARA			
ETNISITI			
Perkara yang DISUKAI	Perkara yang TIDAK DISUKAI	Pandangan Rakyat	Resolusi Pemurnian NUCC
Mahukan sistem meritokrasi dilaksanakan dalam semua bidang termasuk pendidikan dan pengambilan pekerja di sektor awam	Sistem kuota yang bersifat diskriminasi	Memastikan sistem meritokrasi dilaksanakan menerusi penguatkuasaan undang-undang dan peraturan.	Menasihatkan dan mencadangkan kepada agensi kerajaan untuk memaklumkan bahawa sistem meritokrasi telah dilaksanakan dalam perjawatan dan pengambilan pelajar ke IPTA/IPTS.
Pengenalan bangsa atau identiti kaum dikekalkan pada surat beranak, kad pengenalan, borang soal selidik dan sebagainya.	Pengenalan identiti kaum yang perlu dihapuskan	Usaha silang budaya bagi pelbagai kaum di Malaysia dipupuk melalui Projek Anak Angkat atau Keluarga Angkat untuk mengenali budaya dan perlu melibatkan semua kaum.	Agensi seperti Jabatan Perpaduan (JPNIN) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWM) dan Kementerian Pendidikan boleh berusaha mengkordinasikan program Anak Angkat atau Keluarga Angkat.
Pengiktirafan terhadap orang Asli	Kaum minoriti perlu faham akan	Mewujudkan hari kanak-kanak untuk diraikan di Malaysia dan	Kementerian Kebudayaan dan KPWM boleh berusaha mencadangkan Hari Kanak-Kanak

dan kaum Bumiputera etnik minoriti lain di Sabah dan Sarawak	kedudukan mereka dan tidak menuntut berlebihan.	menggunakan platform ini bagi menerapkan perpaduan kaum melalui aktiviti dan interaksi	diraikan di Malaysia Jabatan Perangkaan dan Statistik boleh menjalankan bancian populasi kaum minoriti dan usaha kerajaan boleh bergerak dari sini untuk memberi pengiktirafan kewujudan kaum minoriti
Mengkaji akta-akta tertentu bagi menguatkan perpaduan kaum	Tidak suka isu sensitif melibatkan agama dan kaum diperlekehkan tanpa ada kawalan	Mahu Akta Hasutan dikekalkan dan ISA dihidupkan semula	Jabatan Peguam Negara boleh bertindak mengkaji keperluan kepada mekanisme undang-undang sebagai alat perpaduan
Mahu tulisan rumi digunakan bagi akhbar Bahasa Cina dan Tamil agar masyarakat Melayu boleh membaca surat khabar tersebut.	Media bukan Melayu menggunakan tulisan bahasa masing-masing tanpa difahami isi kandungannya	Mencadangkan versi bahasa melayu bagi akhbar bukan melayu untuk integrasi kefahaman perpaduan yang lebih baik.	Mengkaji semula Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 bagi penggunaan tulisan rumi.
Memberi peluang kepada kaum Cina dan India untuk menyertai pasukan keselamatan negara seperti tentera		Memberi insentif dan galakan kepada Bangsa Cina dan India untuk menyertai pasukan keselamatan	SPA/JPA mengkaji semula sistem pengambilan pekerja dan berusaha mewujudkan sistem pengambilan bersifat multietnik.

SANGGAR BICARA

BAHASA

Perkara yang DISUKAI	Perkara yang TIDAK DISUKAI	Pandangan Rakyat	Resolusi Pemurnian NUCC
Menggalakkan dan memperkasa penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan utama untuk semua kaum.	Penggunaan Bahasa Melayu yang kurang dituturkan di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi	Pemeriksaan penggunaan Bahasa Melayu yang lebih tegas dan padu dalam semua aktiviti.	Menyemak semula Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) yang menetapkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi.
Sistem pendidikan satu aliran dan satu bahasa sahaja dibenarkan.	Sistem pendidikan dengan pelbagai bahasa pengantar tidak membantu proses perpaduan kaum.	Peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah awam dan swasta perlu diperkukuhkan. Bahasa Melayu sebagai elemen penyatupaduan.	JPM, Kementerian Pendidikan, JPNIN membincangkan kebaikan dan kelemahan sekolah satu bahasa pengantar dan satu aliran.
Subjek Bahasa Mandarin dan Tamil diwujudkan sebagai subjek pilihan di sekolah satu aliran.	Subjek Bahasa Mandarin dan Tamil yang boleh dikatakan tiada ditawarkan di sekolah awam.	Pengajaran Bahasa Mandarin dan Tamil boleh diajar di sekolah kebangsaan dan menjadi subjek pilihan untuk bukan Melayu memilih dan belajar.	Kementerian Pendidikan mengkaji semula silibus/sukatan pelajaran di sekolah-sekolah.

SANGGAR BICARA

POLITIK DAN FEDERALISME

Perkara yang DISUKAI	Perkara yang TIDAK DISUKAI	Pandangan Rakyat	Resolusi Pemurnian NUCC
Sikap pemimpin yang berhemah dan menunjukkan contoh yang baik adalah amat dihargai	Parti politik dan ahli politik menggunakan isu kaum dan agama untuk manipulasi politik mereka bagi meraih undi. Tindakan ini amat tidak bermoral.	Kesemua pemimpin politik perlu dijelaskan bahawa rakyat mahu mendengar makna dan aspirasi perpaduan dari kaca mata mereka.	Menyediakan program literasi politik hubungan kaum dan akomodasi kepada barisan kepimpinan parti politik di Malaysia.
Kesemua pemimpin politik perlu kembali kepada perjuangan untuk perpaduan	Perjuangan politik yang menggalakkan perpecahan untuk kemenangan politik mereka.	Isu kaum tidak boleh dipolitikkan dan perlu dipegang sebagai etika berpolitik yang bermoral	Kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) iaitu sektor politik dan parti politik boleh diusahakan untuk menyediakan program literasi politik ini dalam bentuk bengkel latihan.
Malaysia harus buang politik perkauman			Penjelasan Konsep 1Malaysia perlu disiarkan melalui media massa secara konsisten dan berterusan.

<p>Pemberian BRIM dan bantuan lain secara berterusan</p>	<p>Konsep 1 Malaysia mengelirukan dan menimbulkan salah faham kaum kerana konsep ini seolah-olah mahu menyamaratakan hak semua kaum dan ada yang keliru bahawa konsep ini hanya baik untuk penyatupaduan rakyat di Semenanjung dan Sabah/Sarawak.</p>	<p>Penjelasan perlu dilakukan mengenai Konsep 1 Malaysia</p>	
<p>Memberi layanan yang setara kepada DUN dan Parlimen</p>	<p>Diskriminasi dan perbezaan layanan pusat-negeri (DUN/Parlimen) kerana perbezaan parti yang di sokong</p>	<p>Tidak seharusnya timbul perbezaan layanan dalam sebuah negara yang demokratik</p>	
<p>Pemimpin dan kerajaan menggunakan media massa bagi menonjolkan nilai murni perpaduan kaum</p>	<p>Pemimpin dan parti politik menggunakan saluran media untuk propaganda dan penyiaran aktiviti yang tidak menunjukkan perpaduan kaum</p>	<p>Pemimpin atau kerajaan perlu mengawal media massa supaya tidak menampilkan suara ekstrem yang menjejaskan perpaduan kaum.</p>	

SANGGAR BICARA

PENDIDIKAN

Perkara yang DISUKAI	Perkara yang TIDAK DISUKAI	Pandangan Rakyat	Resolusi Pemurnian NUCC
Pendidikan Vernakular yang perlu dikekalkan seperti sedia ada dan tidak melihat ianya sebagai punca perpecahan	Pendidikan Vernakular yang tidak berjaya memupuk perpaduan di kalangan kaum kerana sentimen primordial yang tinggi dan menyukarkan pergaulan di luar sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Mahukan sistem pendidikan satu aliran, satu bahasa sahaja diwujudkan • Mengekalkan sistem pendidikan vernakular seperti biasa kerana ianya bukan punca perpecahan kaum 	Mengkaji dan menilai semula "blueprint" sedia ada mengenai sistem pendidikan nasional dengan merujuk kembali Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan maksud Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
Menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu di semua sekolah awam dan swasta	Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tidak berfungsi dengan jayanya di sekolah.	Usaha memperkasa penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu penting untuk perpaduan negara	
Peluang dan bantuan	Sistem yang ada kini tidak memberi	Akses pendidikan yang setara	

pendidikan yang setara kepada semua kaum	peluang dan bantuan pendidikan yang setara kepada semua kaum	bagi semua kaum dengan mengamalkan sistem meritokrasi	
Amalan Rukunegara dan Lagu Negaraku di sekolah-sekolah perlu dihidupkan diteruskan secara konsisten	Semangat cintakan negara dan patriotisme semakin nipis	Penegasan pembelajaran dan amalan Rukunegara dan lagu Negaraku perlu dijadikan rutin harian di sekolah awam dan swasta	Mengeluarkan Pekeliling Wajib bagi sekolah awam dan swasta menjadikan amalan rukunegara dan lagu Negaraku satu rutin harian.
Pendidikan pra-sekolah yang ada dalam sistem dan proses pendidikan negara	Pendidikan pra-sekolah yang bersifat segregasi kaum. Tadika yang berbentuk pengenalan kaum tidak membantu proses perpaduan kerana dari awal lagi kanak-kanak telah terdidik untuk hidup secara polarisasi perkauman.	Memberi galakan dan insentif kepada pengusaha Tadika untuk memastikan operasi pra-sekolah tidak berpolarisasi berdasarkan kaum. Perkara ini perlu ditukar demi masa depan perpaduan kaum yang lebih harmoni.	Matapelajaran yang berkonsepkan "kajian etnik" atau pendidikan multi budaya perlu dimulakan di peringkat pra-sekolah dan berterusan hingga ke peringkat pengajian tinggi.
Matapelajaran sivik dan moral bagi menerapkan nilai serta menghormati sesama manusia	Waktu untuk subjek agama digunakan untuk mata pelajaran sivik dan moral bagi pelajar bukan Islam dan ini tidak menunjukkan integrasi	Ko-Kurikulum dan subjek pelajaran sekolah perlu diubah untuk capai matlamat perpaduan	Matapelajaran sivik dan moral perlu disemak dan diselaraskan di seluruh negara.

SANGGAR BICARA

AGAMA DAN HAK ASASI

Perkara yang DISUKAI	Perkara yang TIDAK DISUKAI	Pandangan Rakyat	Resolusi Pemurnian NUCC
Penjelasan terperinci dari sudut perbezaan Perlembagaan Semenanjung dan Sabah/Sarawak	Isu Kalimah Allah yang dimanipulasikan	Mencadangkan program literasi Undang-undang dan perlembagaan di jalankan di seluruh negara	Program literasi Perlembagaan dan Undang-Undang di peringkat sekolah, pengajian tinggi dan parti politik yang dianjurkan oleh pihak berwajib seperti Jabatan Peguam Negara
Kerajaan Persekutuan perlu akur dengan semua keperluan dalam 18 Perkara Perjanjian Sabah/Sarawak terutamanya berkaitan kebebasan agama	Peranan kerajaan Persekutuan yang berat sebelah	Kerajaan persekutuan dan negeri yang demokratik dan tidak pilih kasih	
Keperluan mewujudkan semula Akta ISA dan Akta Hasutan bagi mengawal sentimen agama	Usaha pihak tertentu mempertikaikan apa yang telah termaktub dalam	Mahu teras Perlembagaan, Senarai Negeri serta Kedaulatan Raja-raja dipelihara	

<p>dan kaum tidak diperlekehkan.</p>	<p>Perlembagaan negara dan usaha pihak tertentu yang mahu menyamaratakan hak orang Melayu kerana Perkara 153 telah ditetapkan dalam Perlembagaan</p>	<p>Terdapat juga pandangan yang mahu isu hak istimewa kaum tertentu dikaji semula</p>	
<p>Agama dan hak asasi perlu dihormati dan dimengerti antara satu sama lain</p>		<p>Perpaduan boleh dimantapkan dengan mendokong apa yang telah termaktub dalam Perlembagaan dan tidak mempersoalkannya</p>	

SANGGAR BICARA

RUANG BANDAR DAN DESA

Perkara yang DISUKAI	Perkara yang TIDAK DISUKAI	Pandangan Rakyat	Resolusi Pemurnian NUCC
<p>Suatu ketika dahulu, lot perumahan terdiri dari pelbagai bangsa dalam satu kawasan. Hidup harmoni kerana saling menghormati, mengunjungi jiran dan tidur dan makan di rumah jiran berlainan agama dan bangsa.</p>	<p>Isu segregasi kaum dalam perumahan dan penempatan dan urus tadbir tanah untuk pembangunan di peringkat lokal/negeri. Perkara ini menyebabkan hubungan harmoni antara kaum tidak dapat dipupuk. Isu lot bumiputera dan bukan bumiputera menyebabkan kawasan perumahan kini menjadi segregasi kaum. Ada kawasan yang majoriti</p>	<p>Menetapkan syarat kepada pemaju perumahan menerusi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya pemilikan rumah di kawasan perumahan perlu ada komposisi semua kaum agar usaha integrasi dapat dicapai. Pengawasan dan pemantauan dari PBT perlu berterusan dari masa ke semasa.</p>	<p>Mengkaji semula Akta Kerajaan Tempatan berkaitan dengan pemaju perumahan dan peruntukan Lot Bumiputra, dan pelaksanaan rumah kos tinggi/ rendah/ sederhana dalam satu kawasan perumahan bagi mendorong integrasi mesra antara kaum. Semakan boleh dilakukan terhadap butiran berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Di semak 1973) 2) Garis Panduan Perancangan Perumahan, diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

	Melayu, ada majoriti Cina dan majoriti India.		Semenanjung Malaysia, 2013. ISBN 978-96341729-6-1
Pusat kemudahan orang ramai seperti Dewan Serbaguna, dan bantuan kewangan bagi program PPRT dan Rondaan Keselamatan. Semangat perpaduan kaum dapat diterap dan dilaksanakan menerusi program bersama masyarakat yang dianjurkan oleh PPRT	<ul style="list-style-type: none"> Masalah kekurangan pusat kemudahan bagi kawasan perumahan dan aktiviti setempat yang dipimpin oleh PPRT kawasan di negeri-negeri. Kedudukan Kedai 1Malaysia yang jauh dari pusat bandar terutamanya di Sibu. 	Memastikan kemudahan asas dan pembangunan inklusif dapat dilaksanakan dan tidak hanya tertumpu di Semenanjung semata-mata.	<p>Insentif potongan cukai bagi projek kebajikan bersama masyarakat (corporate social responsibilities) melalui Akta Cukai Pendapatan 1967 disemak diluaskan konteksnya dan tidak hanya terikat kepada</p> <p>(a) Individu -- potongan cukai bagi derma kepada pesakit kronik (subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967)</p> <p>(b) Sektor korporat – Hanya bagi projek-projek yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan dikenali sebagai Projek Perkhidmatan Yang Diluluskan (PPL) iaitu Pengecualian Cukai di Bawah Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967.</p>
Hubungan yang semakin baik antara Semenanjung	Perbezaan pembangunan di Semenanjung dan Sabah/Sarawak yang tidak	Peranan kerajaan pusat yang lebih praktikal dalam merancang	Menyemak belanjawan pusat dan negeri bagi tujuan penyelarasan dan mengenalpasti aspek pembangunan yang

dan Sabah/Sarawak. Ada orang Semenanjung yang telah menetap lebih dari 30 tahun di Sabah/Sarawak dan ingin terus tinggal di sana.

seimbang.

pembangunan yang bersifat menyeluruh termasuk pemberian kontrak atau tender kepada kontraktor tempatan dahulu atas sebab kos berbanding kontraktor luar

masih lompang di Semenanjung dan Sabah/Sarawak.

Rakyat sangat gembira dan mengalu-alukan Dialog Perpaduan agar dapat diadakan secara berterusan. Luahan rasa dan hati rakyat dapat menyediakan ruang untuk rakyat berkongsi rasa secara terbuka akan dasar dan tindakan kerajaan.

Masalah rakyat dari akar umbi adalah pelbagai dan ketiadaan saluran untuk menyalurkan aduan dan perkongsian rasa hati rakyat yang berbagai kaum.

Peranan JPNIN dan kerjasama kerajaan negeri harus lebih proaktif dalam memastikan perpaduan dan kaum dapat dicapai.

Menjadikan Dialog Perpaduan sebagai aktiviti mendekati rakyat secara tahunan atau dua tahun sekali dipelbagaikan kepada golongan sasaran seperti wanita sahaja, penduduk desa dan luar Bandar, pelajar, pekerja industri, dsb.

SANGGAR BICARA

POLITIK DAN GOVERNANS

Perkara yang DISUKAI	Perkara yang TIDAK DISUKAI	Pandangan Rakyat	Resolusi Pemurnian NUCC
<p>Belia melibatkan diri secara aktif dalam program perpaduan bersama program masyarakat anjuran PPRT , kerajaan pusat/negeri dan NGOs.</p> <p>(aktiviti seni, dialog, sukan dan sebagainya)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Belia dan media sosial yang terlalu ghairah penggunaannya sehingga mudah terpengaruh dengan anasir negatif dan sentimen kaum yang tidak ditapis. • Peranan PLKN yang kurang berkesan terhadap usaha integrasi kaum. 	<p>Program Belia dan rakyat perlu dihidupkan dengan memberi ruang dan peluang setara kepada Belia untuk menyertainya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Peranan PLKN perlu dikaji semula dan memastikan program di bawah anjuran PLKN bersifat integrasi etnik. • Program Pembangunan Belia perlu dimasukkan ke dalam program nasional seperti Rancangan Malaysia.
<p>Persatuan Belia perlu diberi bantuan secara berterusan bagi mereka menggerakkan aktiviti belia dan masyarakat.</p>	<p>Program kerajaan gagal melibatkan belia secara menyeluruh</p>	<p>Pemantapan belia melalui saluran bantuan bagi memudahkan belia bergerak dan merancang aktiviti persatuan dengan lebih aktif</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Peranan dan aktiviti Rakan Muda di semua peringkat negeri dan pusat perlu dikaji semula dan diperkemaskan. • Mempertimbangkan saluran bantuan kewangan kepada Persatuan Belia yang dikenalpasti dapat membantu memantapkan jati diri.

SANGGAR BICARA

KELAS DAN SOSIO-EKONOMI


Perkara yang DISUKAI	Perkara yang TIDAK DISUKAI	Pandangan Rakyat	Resolusi Pemurnian NUCC
Penyertaan Bumiputera dalam ekonomi telah banyak berubah kerana adanya dasar untuk membantu ekonomi orang Melayu	Masih terdapat golongan kaum Cina dan India yang miskin dan susah (<i>pocket of poverty</i>)	Mahu masalah ekonomi bukan Melayu yang miskin turut diperhatikan dan diberi bantuan	<ul style="list-style-type: none"> • Menilai dan menyemak semula Model Ekonomi Negara • Memastikan usaha kerajaan persekutuan dan negeri dapat merancang pembangunan inklusif bagi Semenanjung dan Sabah/Sarawak • Menyediakan
Hubungan kerajaan persekutuan dan Sabah/Sarawak yang baik	Isu kemiskinan di luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak masih belum ditangani dengan baik	Memperbaiki keadaan kemiskinan luar bandar dengan perancangan pembangunan inklusif yang setara antara Semenanjung dengan Sabah/Sarawak.	
Bantuan kerajaan yang bagus seperti subsidi, nasihat, kewangan untuk memperkasakan ekonomi rakyat	Nasib pekebun kecil yang masih belum terbela	Memastikan bantuan subsidi sampai kepada pekebun kecil di Sabah/Sarawak dan bantuan-bantuan	

		lain yang diperlukan harus juga konsisten	
Perpaduan kaum perlu diutamakan dan boleh dicapai sekiranya kedudukan ekonomi antara kaum adalah seimbang	Masalah perpaduan kaum berpunca dari jurang ekonomi antara kaum.	Penguksuhan ekonomi untuk semua kaum dan mengecilkan jurang perbezaan adalah perlu untuk mencapai perpaduan	unit kawalan untuk melakukan semakan terhadap penghantaran subsidi melibatkan pekebun kecil
Kerjasama ekonomi secara Ali-Baba antara Bumiputera dan Bukan Bumiputera sebenarnya menguntungkan. Orang Melayu dapat tender akan beri peluang pada orang Cina juga untuk menjayakan projek tersebut sebab apa orang Cina ada orang Melayu tidak ada dan apa orang Melayu ada, orang Cina tidak ada.	Syarat menamakan syarikat berdasarkan label kaum iaitu Melayu, Cina, atau India seharusnya dibuang.	Mencadangkan agar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengubah dasar dengan menamakan syarikat yang dikongsi oleh bangsa Melayu, Cina dan India sebagai syarikat perpaduan dan bukan melabelkannya atas nama kaum.	<ul style="list-style-type: none"> • Menyemak semula Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

SANGGAR BICARA

GENDER

Perkara yang DISUKAI	Perkara yang TIDAK DISUKAI	Pandangan Rakyat	Resolusi Pemurnian NUCC
<p>Menyediakan program gender bagi mendidik teras perpaduan dan hormat menghormati antara kaum yang perlu bermula dari rumah.</p> <p>Peranan ibubapa amat penting dalam menanamkan sikap hormat menghormati antara kaum yang berbeza agama dan budaya</p>	<p>Dialog Perpaduan harus membuka lebih ruang untuk penyertaan wanita. Suasana awam dan terbuka tidak menggalakkan partisipasi wanita untuk menyuarakan pandangan.</p>	<p>Satu dialog perpaduan khas untuk kumpulan wanita adalah baik bagi menggalakkan wanita berkongsi pandangan dan suara hati mereka.</p>	<p>JPNIN dan KPWM boleh bekerjasama bagi mengatur sesi dialog terbuka bersama wanita di peringkat akar umbi</p>

A close-up photograph of a person's hand gently holding a small, vibrant green seedling with several leaves and a thin stem, growing out of a small amount of dark soil. The background is softly blurred, showing more of the hand and a warm, golden light source, creating a sense of care and growth.

BAB 3
SANGGAR BICARA: ANALISIS TEMATIK DARIPADA
DATA TRANSKRIP DIALOG PERPADUAN DAN
MAKLUM BALAS SOAL SELIDIK

BAB 3

Abstrak

Sanggar Bicara pelbagai etnik mendapati perpaduan negara di Malaysia adalah baik. Mereka memperakui, berkongsi sama dan meraikan kepelbagaian di antara mereka. Tidak dinafikan bahawa perbezaan etnik bahasa, budaya dan agama boleh merenggang hubungan dan menimbul salah faham di antara mereka. Namun mereka berpendapat hubungan etnik di Malaysia boleh meruncing ke arah ketegangan dan konflik jika sumber material dan kehidupan masyarakat tidak diurus tadbir dengan baik. Dalam hal ini pengurusan pendidikan, politik dan governan negara sering dikaitkan dengan ketidakpuasan etnik hingga hubungan etnik baik didapati mengelusur ke arah keburukan. Dasar awam dan tadbir urus keterangkuman dan adil, tanpa mengira etnik, perlu dijadikan teras dalam memastikan setiap rakyat pelbagai etniknya terbelah. Hanya dengan melaksanakan pendekatan tadbir urus negara sedemikian kesepaduan sosial yang sudah terbina dalam kalangan rakyat pelbagai etnik dapat dipertingkatkan untuk bergerak ke arah mencapai matlamat akhir negara yang untuk membina perpaduan negara dan integrasi nasional.

Kata Kunci: Pelbagai etnik, sumber material dan kehidupan masyarakat, hubungan etnik, kesepaduan sosial, perpaduan dan integrasi nasional

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dapatan Dialog Perpaduan daripada dua (2) kumpulan data; Dialog Perpaduan (DP) dan Soal Selidik (SS) yang telah diedarkan di seluruh negara. Analisis ke atas data 18 DP yang di transkrip dan berbentuk verbatim dan maklum balas daripada 1003 Soal Selidik telah dianalisis secara tematik melalui kaedah kualitatif. Peserta DP dan mereka yang telah menjawab soal selidik datang dari pelbagai etnik di seluruh negara. Analisis secara menyeluruh ke atas kedua-dua kumpulan data ini telah dilakukan dengan menggunakan perisian Nvivo (Versi 10), perisian yang digunakan untuk mengu-

ruskan data yang berbentuk bukan numerik seperti transkrip interview, audio dan visual.

Pola tema dan sub-tema yang dikenalpasti itu telah disusun atur dengan menggunakan kerangka konsep dan teori yang sedia ada bagi memberi gambaran tentang realiti sosial yang dikaji itu. Jelas peserta telah membahaskan isu dan cabaran perpaduan negara dalam kerangka pembangunan negara dan pembinaan negara bangsa.

Hasil Analisis Data Sanggar Bicara: Dimensi Utama

Analisis tematik dalam bahagian ini bermula dengan lapan (8) dimensi seperti dalam Bab 2; Etnisiti, Bahasa, Politik dan Governans, Pendidikan, Agama dan Hak Asasi, Spatial, Inter-generasi, Kelas dan Ekonomi Sosial dan Gender. Walau bagaimanapun, selepas melalui proses analisis mendalam terhadap data, terdapat satu lagi tambahan dimensi yang dikenalpasti; Etos Bangsa (sila lihat Jadual 3.2). Jadual 3.1 menunjukkan peringkat analisis yang telah dilaksanakan dalam menganalisis kedua-dua kumpulan data. Data Transkrip Dialog Perpaduan dari Jadual 3.1 menunjukkan Politik dan Governan, Etnisiti dan Pendidikan adalah tiga (3) dimensi utama yang bermain dalam kalangan 459 peserta yang telah memberi pandangan mereka dalam 18 Dialog Perpaduan. Data menunjukkan 302 peserta Dialog Perpaduan telah membicarakan tentang isu-isu Politik dan Governan. Dari jumlah ini mereka telah membicarakan sebanyak 1214 perkara yang berkaitan dengan Politik Dan Governan. Dimensi Etnisiti pula, 244 peserta membicarakan tentang hal ini dan sebanyak 1009 perkara telah ditimbulkan. Dalam dimensi Pendidikan, 155 peserta berbicara tentang hal ini dan 482 perkara ditimbulkan. Data dari soal selidik yang diedarkan pula menunjukkan lima (5) dimensi bermain dihati mereka dan mengikut urutan keutamaannya adalah Etnisiti, Politik dan Governan, Kelas dan Status Sosio-Ekonomi, Pendidikan dan Agama. Dimensi etnisiti diperkatakan oleh 722 peserta dan sebanyak 1979 perkara berkaitan dengannya, Politik dan Governan sebanyak 577 peserta menimbulkan dengan sebanyak 1793 perkara, Kelas dan Status Sosio-ekonomi pula sebanyak 268 memperkatakannya dengan sebanyak 722 perkara, Pendidikan sebanyak 261 peserta dan 671 perkara dan Agama 169 peserta dan 210 perkara berkaitannya ditimbulkan.

Hasil Analisis Data

Dalam bahagian ini, dimensi-dimensi yang utama sahaja dibentang bagi menunjukkan apa sebenarnya isu dan cabaran di hati rakyat. Tema-tema lain dilampirkan dalam laporan.

Jadual 3.1: Hasil Analisis Data Keseluruhan Sanggar Bicara

Data	TEMA UTAMA	ETNISITI	AGAMA DAN HAK ASASI	KELAS DAN SOSIO-EKONOMI	PENDIDIKAN	GENERASI TUA DAN MUDA	GENDER	POLITIK DAN FEDERALISME	RUANG BANDAR DAN DESA	ETOS BANGSA
Transkrip DP ¹	Sumber	244	98	91	155	27	6	30	31	173
	Rujukan	1009	283	211	482	33	11	1214	43	496
Soal Selidik	Sumber	739	308	262	258	31	3	614	5	153
	Rujukan	2369	563	540	590	46	3	1851	5	261

1 DP - Dialog Perpaduan

Jadual 3.2: Tema Utama Dan Jumlah Rujukan Data Dialog Perpaduan

TEMA UTAMA	ETNISITI	AGAMA DAN HAK ASASI	KELAS DAN SOSIO-EKONOMI	PENDIDIKAN	GENERASI TUA DAN MUDA	GENDER	POLITIK DAN FEDERALISME	RUANG BANDAR DAN DESA	ETOS BANGSA
(Sumber: Rujukan)	244:1009	98:283	91:211	155:482	27:33	6:11	302:1214	31:43	173:496
KESELURUHAN									
TEMA	ETNISITI	AGAMA	EKONOMI	ISU PENDIDIKAN	ISU ANTARA GENERASI		POLITIK		PERLEMBAGAA-AN
(Sumber:Rujukan)	115:445	82:248	23:49	69:121	3:3		87:217		84:162
TEMA	PERPADUAN	HAK ASASI	SOSIAL	DASAR PENDIDIKAN	BELIA		DASAR		RUKUN NEGARA
(Sumber:Rujukan)	187: 564	20:35	38:47	3:5	23:29		44:99		24:29
TEMA			SOSIO-EKONOMI				ORGANISASI KERAJAAN		RAJA

(Sumber:Rujukan)			49:115				41:111		11:29
TEMA							GOVERNANS		PATRIOTISME
(Sumber:Rujukan)							18:39		28:48
TEMA							PERKHIDMAT- AN AWAM		RUKUN TETANGGA
(Sumber:Rujukan)							11:31		53:143
TEMA							PROGRAM KERAJAAN		BAHASA
(Sumber:Rujukan)							11:26		25:75
TEMA							UNDANG- UNDANG		
(Sumber:Rujukan)							17:40		
TEMA							MEDIA		
(Sumber:Rujukan)							38:116		

TEMA							NGO		
(Sumber:Rujukan)							17:29		
TEMA							INTEGRITI		
(Sumber:Rujukan)							6:12		

Jadual 3.3: Tema Utama Dan Jumlah Rujukan Data Soal Selidik

TEMA UTAMA	ETNISITI DAN PERPADUAN	AGAMA DAN HAK ASASI	KELAS DAN SOSIO-EKONOMI	PENDIDIKAN	GENERASI TUA DAN MUDA	GENDER	POLITIK DAN FEDERALISME	RUANG BANDAR DAN DESA	ETOS BANGSA
(Sumber:Rujukan) KESELURUHAN	739:2369	308:563	262:540	258:590	31:46	3:3	614:1851	5:5	153:261
TEMA	ETNISITI	AGAMA	EKONOMI				POLITIK		PERLEMBAGAAN
(Sumber:Rujukan)	504:1203	296:542	74:82				470:1245		79:170
TEMA	PERPADUAN	HAK ASASI	SOSIAL				DASAR		RUKUN NEGARA
(Sumber:Rujukan)	510:1174	19:21	189:381				54:199		24:28

TEMA			SOSIO- EKONOMI				ORGANISASI KERAJAAN		RAJA
(Sumber:Rujukan)			46:77				69:78		7:7
TEMA							GOVERNANS		PATRIOTIS ME
(Sumber:Rujukan)							7:7		20:30
TEMA							PERKHIDMAT- AN AWAM		RUKUN TETANGGA
(Sumber:Rujukan)							13:15		24:28
TEMA							PROGRAM KERAJAAN		BAHASA
(Sumber:Rujukan)							4:5		41:67

TEMA							UNDANG-UNDANG		
(Sumber:Rujukan)							15:50		
TEMA							MEDIA		
(Sumber:Rujukan)							24:65		
TEMA							NGO		
(Sumber:Rujukan)							27:54		
TEMA							INTEGRITI		
(Sumber:Rujukan)							16:41		

Jadual 3.4: Hasil Analisis Tematik Data Dialog Perpaduan Mengikut Kategori “Suka, Tidak Suka dan Cadangan”

TEMA UTAMA | ETNISITI

RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN				
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
ETNIK	Kepelbagaian kaum.	<ul style="list-style-type: none"> Hargai kepelbagaian kaum. 		<ul style="list-style-type: none"> Bangsa Malaysia – perlu blueprint, perlu bina “bangsa Malaysia”.
	Kuota etnik.	<ul style="list-style-type: none"> Sokong meritokrasi. 	<ul style="list-style-type: none"> Kuota pendidikan, tolak meritokrasi. 	<ul style="list-style-type: none"> Laksanakan meritokrasi.
	Integrasi kaum.		<ul style="list-style-type: none"> Integrasi kaum tidak berlaku. 	<ul style="list-style-type: none"> Tamatkan sistem kuota. Dialog antara kaum.
	Minoriti.		<ul style="list-style-type: none"> Minoriti dipinggirkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti melibatkan semua kaum.
	Perkauman.	<ul style="list-style-type: none"> Tolak sentimen perkauman. 	<ul style="list-style-type: none"> Sentimen perkauman seperti prejudis, stereotaip, bias, diskriminasi kaum, ekstremis kaum, prasangka, polarisasi dan sentimen 13 Mei masih kukuh. 	<ul style="list-style-type: none"> Pemupukan nilai; hormat antara kaum, menghargai kepelbagaian kaum, toleransi dll.

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN		
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Bumiputera-bukan bumiputera.	<ul style="list-style-type: none"> • Sokong kuota bumiputera-bukan bumiputera ; 		<ul style="list-style-type: none"> • Tamatkan perbezaan bumiputera-bukan bumiputera. • Adakan 'joint venture' antara bumiputera-bukan bumiputera untuk bantu pembangunan.
	Pengenalan mengikut identiti.	<ul style="list-style-type: none"> • Kekal pengenalan mengikut identiti kaum. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan mengikut identiti kaum mewujudkan diskriminasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hapus/kekalkan pengenalan ikut identiti kaum.
	Identiti nasional.	<ul style="list-style-type: none"> • Bangga dengan identiti nasional (contoh batik). 		
PERPADUAN	Dialog perpaduan.	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog perpaduan oleh NUCC. • (Setuju dialog dengan pelbagai lapisan masyarakat diadakan). 		<ul style="list-style-type: none"> • Dialog perpaduan perlu diteruskan.

RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN				
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Gambaran perpaduan di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Malaysia antara Negara contoh perpaduan diperingkat antarabangsa. • Sabah, Sarawak dan Kelantan negeri contoh perpaduan. • "Perpaduan sangat meriah di universiti" dan 1Malaysia di universiti berlangsung baik. • Golongan akar umbi dan masyarakat kampung lebih merasai keselesaan bergaul dan bercampur dengan rakan-rakan berlainan bangsa berbanding masyarakat Bandar. 		<ul style="list-style-type: none"> • Rakyat perlu bersyukur.
	Isu perpaduan		<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan politik dan perbezaan ideologi politik membawa kepada masalah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemimpin perlu jadi contoh atau 'role model' perpaduan kepada rakyat.

RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN

SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
			<ul style="list-style-type: none"> • Komitmen perpaduan bangsa bukan Melayu rendah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mahu kerajaan wujudkan "blue print perpaduan". • Penghayatan nilai perpaduan perlu dipertingkatkan. • Pendidikan sebagai satu medium utama meningkatkan perpaduan. • Sukan memainkan peranan penting merapatkan jurang antara kaum.
	Punca masalah perpaduan		<ul style="list-style-type: none"> • Politik punca utama masalah perpaduan. 	
	Faktor membawa perpaduan	<ul style="list-style-type: none"> • Sukan dan pendidikan. 		

TEMA UTAMA | PENDIDIKAN

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN		
SUB - TEMA	ISU – ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
Isu pendidikan	Diskriminasi pendidikan		<ul style="list-style-type: none"> Diskriminasi pendidikan (Basiswa, kuota bumi-bukan bumi, kuota kemasukan ke universiti awam). Kurikulum. 	
	Sistem persekolahan	<ul style="list-style-type: none"> Sokong Sekolah Wawasan – perlu komitmen, komitmen rakyat kurang. 	<ul style="list-style-type: none"> Sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan sekolah kebangsaan dengan pendidikan agama, budaya dan bahasa. Sekolah satu aliran – penting untuk perpaduan.
	Pendidikan orang Asli	<ul style="list-style-type: none"> Usaha kerajaan untuk pendidikan orang Asli perlu dipuji. 	<ul style="list-style-type: none"> Pendidikan orang Asli dipinggirkan. 	

RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN				
SUB - TEMA	ISU – ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Tadika	<ul style="list-style-type: none"> • Tadika Perpaduan berjaya – bagus. • Tadika berbilang kaum. 		<ul style="list-style-type: none"> • Insentif perlu beri pada tadika berbilang kaum.
	Kurikulum		<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan moral kepada pelajar bukan Islam – tidak membantu kepada penghayatan nilai agama masing-masing. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemupukan nilai perpaduan melalui sistem pendidikan. -kursus universiti, etnik, kenegaraan, sivik dan moral, kandungan buku teks lebih kepada nilai perpaduan Modul atau kurikulum khusus untuk perpaduan di sekolah. • Pendidikan agama untuk pelajar bukan Islam.
Dasar Pendidikan	Dasar PPSMI	<ul style="list-style-type: none"> • BI sebagai bahasa pengantar bagus. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Pendidikan tidak konsisten (PPSMI, PBS, isu bahasa pengantar di sekolah). • Tidak sokong PPSMI. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekalkan PPSMI.

TEMA UTAMA | POLITIK DAN GOVERNAN

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN		
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
POLITIK	Kepimpinan politik	<ul style="list-style-type: none"> • Pemimpin yang 'moderate'. • Pemimpin yang menunjukkan contoh yang baik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Isu kepemimpinan politik - sikap pemimpin politik yang mencetuskan masalah perpaduan (kerajaan dan pembangkang), ahli politik sentuh isu sensitive. • Perpecahan antara kaum selepas PRU13 semakin meningkat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan perlu ambil tindakan kepada mana-mana kepimpinan politik yang cuba 'memecahbelahkan' masyarakat. • Kerajaan/Ahli politik perlu dengar suara rakyat.
	Manipulasi politik		<ul style="list-style-type: none"> • Manipulasi politik – isu agama, politik dan kaum dimanipulasikan oleh pihak tertentu untuk kepentingan peribadi. 	
	Politik kepartian		<ul style="list-style-type: none"> • Politik kepartian mengatasi kepentingan rakyat – perbezaan ideologi antara dan inter parti. 	

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN		
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Politik dan perpaduan		<ul style="list-style-type: none"> • Politik punca masalah perpaduan. 	
	Pilihan raya Umum		<ul style="list-style-type: none"> • Isu Pilihan Raya Umum – pihak tertentu sentuh sensitiviti kaum tertentu; orang Melayu; orang Cina (kenyataan “apa lagi Cina Mau”). 	
DASAR	1Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • 1Malaysia - satu gagasan yang baik. 	<ul style="list-style-type: none"> • 1Malaysia - mengelirukan, kefahaman pimpinan kerajaan tidak sama dengan kefahaman rakyat – tidak yakin boleh membangunkan rakyat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kefahaman mengenai konsep 1Malaysia perlu diperluaskan kepada rakyat.
	Dasar berkaitan perpaduan		<ul style="list-style-type: none"> • Isu pelaksanaan dasar-dasar kerajaan tertentu - Kurang berjaya dalam mewujudkan perpaduan; • Pelaksanaan dasar tidak efisien. • Dasar berkaitan perpaduan kurang berkesan dan mengelirukan rakyat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan perlukan dasar yang boleh menyatukan masyarakat.
	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Setuju sistem kuota 	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar perumahan – tidak sokong sistem 	

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN		
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	perumahan	untuk perumahan	kuota, sokong meritokrasi.	
	Dasar secara umum			<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan seharusnya melaksanakan dasar dengan lebih adil dan tidak berasaskan etnik.
ORGANISASI KERAJAAN	JPNIN	<ul style="list-style-type: none"> • JPNIN dan NUCC - bagus dalam mewujudkan program Dialog Perpaduan. • JPNIN jadi tempat rujukan berwibawa. 	<ul style="list-style-type: none"> • JPNIN- kurang kakitangan dalam menjalankan aktiviti perpaduan; aktiviti perpaduan peruntukan kecil. 	<ul style="list-style-type: none"> • JPNIN perlu di bawah JPM • Jabatan atau organisasi kerajaan perlu melaksanakan peranan yang lebih serius dalam isu perpaduan. Contoh JPNIN, Kementerian Pendidikan.
	BTN		<ul style="list-style-type: none"> • Isu pengisian program BTN masa kini. 	
	JKKK		<ul style="list-style-type: none"> • JKKK tiada kuasa penguatkuasaan • JKKK – boleh jejakkan perpaduan – diskriminasi kaum tertentu. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu beri peruntukan kewangan kepada JKKK.
	JKOA		<ul style="list-style-type: none"> • JKOA – perlu lebih menjaga kebajikan 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan kerajaan yang perlu

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN		
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
			orang Asli – tidak sewenangnyanya memberi kelulusan kepada projek pembinaan di kawasan penempatan orang Asli.	memperkemaskan lagi peranan - Jabatan Kemajuan Orang Asli, Jabatan Perhutanan.
	KKLW (PPRT)		<ul style="list-style-type: none"> • KKLW (PPRT) – lembap dan tiada inisiatif. 	
	KEMAS		<ul style="list-style-type: none"> • KEMAS – hanya didominasi kaum tertentu. 	
	Kementerian Pendidikan		<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pendidikan masih tidak mengurus, menjaga kurikulum ke arah perpaduan. Aspek perpaduan dalam pendidikan swasta perlu dititikberatkan. 	
	Organisasi kerajaan secara umum			<ul style="list-style-type: none"> • Organisasi kerajaan seperti Jabatan Polis perlu memainkan peranan memupuk kesepaduan masyarakat. • Perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam mengadakan program perpaduan. • Selain isu kaum, perlu fokus kepada isu keagamaan juga.

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN		
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
GOVERNANS	Masalah rakyat dan sistem		<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan masalah rakyat oleh kerajaan tidak cekap. <p>Contoh isu: Kad pengenalan merah (Melayu, Tamil dan Siam).</p>	
	Kegagalan urus isu perkauman		<ul style="list-style-type: none"> Kegagalan urus perkauman – tidak berjaya atasi isu sensitif kaum. Sesetengah wakil rakyat – tidak memainkan peranan sebagai 'suara rakyat' dalam menyuarakan pendapat/isu rakyat. 	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan dan organisasi tertentu perlu memperkemaskan peranan mereka dalam membantu rakyat. <p>Contoh: NUCC perlu melaksanakan penyelidikan untuk mantapkan pengurusan perpaduan.</p>
PERKHIDMATAN AWAM	Komposisi etnik dalam		<ul style="list-style-type: none"> Komposisi etnik dalam perkhidmatan awam - tidak seimbang. 	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan perlu perluaskan jawatan penjawat awam kepada etnik lain (selain Melayu) untuk meningkatkan perpaduan
	Penjawat awam		<ul style="list-style-type: none"> Kakitangan kerajaan hampir semua Melayu. Tidak sepatutnya didominasi satu etnik. 	<ul style="list-style-type: none"> Kakitangan kerajaan seharusnya sokong kerajaan bukan sebaliknya.

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN		
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Sistem merit dalam Perkhidmatan Awam		<ul style="list-style-type: none"> • Sistem perjawatan dalam perkhidmatan awam berasaskan kaum. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu wujudkan sistem merit dalam perjawatan perkhidmatan awam untuk mengurangkan sentimen perkauman. • Kenaikan pangkat perlu ikut sistem merit.
	Masalah birokrasi		<ul style="list-style-type: none"> • Isu Birokrasi. • Masalah pentadbiran seperti surat-menyerat yang keluar tidak dipantau, arahan berbeza, kesahihan surat dipertikai, 4 angka IC terakhir perlu dibezakan. 	
PROGRAM KERAJAAN	Dialog perpaduan	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Perpaduan oleh NUCC. • BRIM. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Perpaduan oleh NUCC. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan lebih ramai rakyat daripada pelbagai kumpulan, peringkat dan daerah sebagai peserta Dialog Perpaduan.
	PLKN	<ul style="list-style-type: none"> • PLKN mempunyai model yang baik 		<ul style="list-style-type: none"> • Jangan politikkan PLKN Pelbagai cadangan daripada semua

RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN				
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
		<p>tetapi perlu penambahbaikan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlu diteruskan kerana ia akan memberi peluang kepada peserta berada dalam situasi pelbagai kaum dan sekali gus dapat mewujudkan perpaduan. 		<p>pihak perlu diambil kira untuk menjadikan PLKN berfungsi dan mencapai matlamat penubuhannya.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dicadangkan agar kerajaan, menambah pengambilan peserta dan tempat latihan PLKN. • Modul Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) juga memerlukan satu semakan semula. • Skim Khidmat Negara harus mengikuti model Khidmat Negara Singapura.
	PPRT		<ul style="list-style-type: none"> • Program Perumahan PPRT – kuota kaum tertentu, rumah tidak berkualiti. 	
	BRIM		<ul style="list-style-type: none"> • BRIM – tidak berjaya sebagai dasar untuk jangka masa panjang. 	

RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN

SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
UNDANG-UNDANG	Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)	<ul style="list-style-type: none"> • ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri). 	<ul style="list-style-type: none"> • Penghapusan ISA. 	<ul style="list-style-type: none"> • ISA perlu diwujudkan semula.
	Akta Hasutan			<ul style="list-style-type: none"> • Penguatkuasaan Akta Hasutan yang lebih efisien bagi kes-kes ekstremis kaum dan agama.
	Penguatkuasaan undang-undang			<ul style="list-style-type: none"> • Penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan Pendatang Tanpa Asing.
	Pengukuhan undang-undang			<ul style="list-style-type: none"> • Saran KDN kukuhkan undang-undang dalam negeri.
MEDIA	Media massa secara umum		<ul style="list-style-type: none"> • Media mempropagandakan serta memanipulasi isu politik. • Media sentuh isu sensitif secara terbuka, perbesar isu perkauman. 	<ul style="list-style-type: none"> • Media perlu lebih bertanggungjawab dan tidak sentuh isu sensitif.

RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN				
SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Media dan politik		<ul style="list-style-type: none"> • Media dipolitikkan. 	
	Media sosial		<ul style="list-style-type: none"> • Media sosial – punca masalah perkauman dan perpaduan. • Memberi kesan buruk kepada generasi muda. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang siber. • Kerajaan perlu memantau laman social.
NGO	NGO Perkauman		<ul style="list-style-type: none"> • NGO menyentuh isu sensitif. • NGO terdiri satu etnik sahaja – kurang sihat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Berikan sokongan kepada NGO untuk membuat kajian perpaduan. • Mengkaji semula Akta Pendaftaran Pertubuhan kerana banyak NGO berteraskan perkauman wujud dan boleh jejas perpaduan. • NGO yang menjejaskan perpaduan perlu diambil tindakan.
	NGO Perpaduan	<ul style="list-style-type: none"> • NGO mainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat NGO yang menggugat perpaduan, perkauman; mengeruhkan konflik agama (isu kalimah Allah) - NGO Melayu; PERKASA. 	

RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA DIALOG PERPADUAN

SUB - TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Majlis Belia	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Belia mewakili belia daripada pelbagai etnik 		
INTEGRITI	Rasuah		<ul style="list-style-type: none"> Rasuah – Menjejaskan perpaduan; Kerajaan tidak serius tangani isu rasuah 	<ul style="list-style-type: none"> Integriti penting dalam perpaduan Kerajaan perlu banteras rasuah secara menyeluruh
	Salah guna kuasa		<ul style="list-style-type: none"> Salah guna kuasa dalam kalangan kakitangan perkhidmatan awam 	

Jadual 3.5: Hasil Analisis Tematik Data Soal Selidik Mengikut Kategori “Suka, Tidak Suka dan Cadangan”

TEMA UTAMA | ETNISITI

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA SOAL SELIDIK		
SUB - TEMA	ISU - ISU SUB-TEMA	‘SUKA’	‘TIDAK SUKA’	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
ETNIK	Isu bumiputera		<ul style="list-style-type: none"> Isu tanah NCR (Tanah adat). 	
	Kepelbagaian kaum	<ul style="list-style-type: none"> Saling menghormati dan memahami kepelbagaian semua kaum. Negara kita Negara yang selamat. Hidup dengan berbilang bangsa. Hidup dengan aman dan damai. PM kita baik. 		<ul style="list-style-type: none"> Hargai kepelbagaian kaum.

RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA SOAL SELIDIK

SUB - TEMA	ISU - ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Kuota etnik	<ul style="list-style-type: none"> • Sokong meritokrasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuota pendidikan, tolak meritokrasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tolak sistem kuota. • Aktiviti melibatkan semua kaum. • Pemupukan nilai; hormat antara kaum, menghargai kepelbagaian kaum, toleransi dll. • Jaga sensitiviti kaum. • Tolak perbezaan bumiputera-bukan bumiputera. • Kerajaan perlu tegas dalam isu perkauman. • Pengurusan isu perkauman yang baik. • Adil kepada pengurusan kaum minoriti.
	Pengenalan ikut identiti kaum	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan identiti kaum dalam borang perlu. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak perlu pengenalan identiti kaum dalam borang. 	
	Perkauman		<ul style="list-style-type: none"> • Perbezaan antara kaum. • Sentimen perkauman seperti prejudis, stereotype, bias, diskriminasi kaum, ekstremis kaum, prasangka, polarisasi dll. 	
	Bumiputera-bukan bumiputera	<ul style="list-style-type: none"> • (Sokong) kuota bumiputera-bukan bumiputera ; 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuota bumiputera-bukan bumiputera. 	
	Minoriti			

RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA SOAL SELIDIK				
SUB - TEMA	ISU - ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
PERPADUAN	Gambaran perpaduan di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Di Sabah dan Sarawak, semua kaum boleh bersatu. • Perpaduan melalui sukan. 		<ul style="list-style-type: none"> • Kekalkan perpaduan.
	Isu perpaduan		<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan politik dan perbezaan ideologi politik membawa kepada masalah. • Komitmen perpaduan bangsa bukan Melayu rendah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti atau program untuk pupuk perpaduan. • Peranan kerajaan, pemimpin, ibu bapa dan guru perlu jadi contoh atau 'role model' perpaduan kepada rakyat.
	Punca masalah perpaduan		<ul style="list-style-type: none"> • Politik punca utama masalah perpaduan. • Sikap ahli politik. • Isu agama dan sistem persekolahan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Terapkan dan amalkan nilai-nilai keharmonian dan toleransi. • Pendidikan perpaduan. • Golongan OKU dalam isu perpaduan.

TEMA UTAMA | AGAMA DAN HAK ASASI

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA SOAL SELIDIK		
SUB-TEMA	ISU – ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
AGAMA	Kepelbagaian agama	<ul style="list-style-type: none"> • Hargai kepelbagaian agama. 	<ul style="list-style-type: none"> • Diskriminasi agama. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hormat kepelbagaian agama. • Bantuan kepada agama lain.
	Sensitiviti agama (merangkumi hormat antara agama)	<ul style="list-style-type: none"> • Sensitiviti agama dipelihara. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang faham agama lain. • Sensitiviti agama bukan Islam tidak dihormati. • Tidak hormat agama lain. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kawal isu ekstrem agama. • Dialog antara agama atasi konflik agama.
	Isu kalimah Allah	<ul style="list-style-type: none"> • Kalimah Allah untuk orang Islam sahaja. • Kalimah Allah milik semua. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kalimah Allah milik semua. • Kalimah Allah untuk orang Islam sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> • Peranan pemimpin, ulama dan rakyat penting.

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP DATA SOAL SELIDIK		
SUB-TEMA	ISU – ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Nilai agama		<ul style="list-style-type: none"> • Nilai agama Islam tidak diamankan oleh orang Islam. • Nilai agama bukan Islam juga tidak diamankan oleh penganutnya. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memupuk perpaduan melalui penghayatan nilai agama. • Pendidikan antara agama/ agama lain. • Hormat dan jaga sensitiviti agama. • Perkuh institusi agama Islam.
	Politik dan agama		<ul style="list-style-type: none"> • Manipulasi agama. 	
	Ekstremis agama		<ul style="list-style-type: none"> • Ekstremis agama. • Orang Islam ekstrem. 	
HAK ASASI	Kebebasan Bersuara	<ul style="list-style-type: none"> • Kebebasan bersuara untuk semua kaum. 	<ul style="list-style-type: none"> • Salah guna kebebasan bersuara. • Suara kaum minoriti. 	
	Ketidakadilan hak		<ul style="list-style-type: none"> • Ketidakadilan hak asasi rakyat. • Hak asasi minoriti. 	
	Kurang Pengetahuan Tentang HAM		<ul style="list-style-type: none"> • Kurang pengetahuan tentang hak asasi. 	

TEMA UTAMA | KELAS DAN SOSIOEKONOMI

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP KELAS DAN SOSIOEKONOMI		
SUB-TEMA	ISU – ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
EKONOMI	Jurang ekonomi.		<ul style="list-style-type: none"> Jurang antara kaum tinggi. Ekonomi dimonopoli oleh kaum tertentu. 	
	Kemiskinan.		<ul style="list-style-type: none"> Kemiskinan semua kaum. 	
	Agihan sumber dan kekayaan.		<ul style="list-style-type: none"> Ketidaksamarataan antara kaum. 	
	Pembangunan.		<ul style="list-style-type: none"> Kemajuan tidak seimbang (Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak). 	
SOSIO-EKONOMI	Peluang pekerjaan.		<ul style="list-style-type: none"> Pilih kasih. 	
	Kewangan keluarga.		<ul style="list-style-type: none"> Masalah kewangan punca masalah social. 	

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP KELAS DAN SOSIOEKONOMI		
SUB-TEMA	ISU – ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Kos sara hidup.		<ul style="list-style-type: none"> • Kos sara hidup tinggi. 	
	Taraf hidup.		<ul style="list-style-type: none"> • Taraf hidup rendah punca kepada rakyat berfikiran cetek dan cetus masalah perpaduan. 	
SOSIAL	Jenayah.		<ul style="list-style-type: none"> • Jenayah menjejaskan perpaduan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu ambil tindakan untuk kurangkan jenayah.
	Gejala sosial.		<ul style="list-style-type: none"> • Dadah, rasuah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Gejala sosial dalam kalangan semua kaum perlu diberi perhatian.
	Nilai.		<ul style="list-style-type: none"> • Sikap negatif individu. • Kurang aktiviti kemasyarakatan. • Pemimpin politik tidak beretika. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemimpin perlu prihatin dengan masalah masyarakat.

TEMA UTAMA | POLITIK DAN GOVERNAN

RESPON MASYARAKAT TERHADAP POLITIK DAN GOVERNAN				
SUB-TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
POLITIK	Isu kepemimpinan politik		<ul style="list-style-type: none"> • Pemimpin parti politik memutar belit fakta demi kepentingan diri dan parti masing - masing. 	<ul style="list-style-type: none"> • Para pemimpin mestilah menunjukkan 'Kepimpinan melalui teladan'.
	Manipulasi politik		<ul style="list-style-type: none"> • Eksploitasi isu perkauman untuk dapat sokongan. • Menggunakan kuasa politik untuk menekan hak rakyat. • Isu sensitif/perkauman dimainkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Didik ahli politik dengan kepentingan perpaduan. • Rasuah dalam kalangan ahli politik hendaklah dihapuskan • <i>Educate politicians on language of moderation</i>
	Politik kepartian		<ul style="list-style-type: none"> • Parti politik yang menyebabkan perpaduan kaum berpecah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mencampuradukkan politik yang melampau dalam

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP POLITIK DAN GOVERNAN		
SUB-TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Politik dan perpaduan		<ul style="list-style-type: none"> Selalu isu kaum dilibatkan dalam politik serta menimbulkan perselisihan kaum. Tiada perpaduan di kalangan pihak kerajaan itu sendiri. 	<p>kehidupan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Dialog perpaduan bersama parti politik mendengar suara mereka (rakyat).
DASAR	1Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Konsep 1Malaysia dilaksanakan tidak mengira kaum, agama dan fahaman politik. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaannya tidak jelas. Tidak berjaya sepenuhnya. Tidak berkesan kepada persefahaman kaum. 	<ul style="list-style-type: none"> 1Malaysia perlukan penyatuan dan perpaduan.
	Dasar pendidikan		<ul style="list-style-type: none"> Tidak konsisten 	
	Dasar perpaduan			<ul style="list-style-type: none"> Kaji semula Dasar perpaduan Negara. Pergiatkan elemen seni, sukan dan bahasa elemen perpaduan

RESPON MASYARAKAT TERHADAP POLITIK DAN GOVERNAN				
SUB-TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Dasar secara umum	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar masih mengutamakan bumiputera. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak adil kepada kaum tertentu. • Pelaksanaan dasar kerajaan tidak menyeluruh ke akar umbi. • Dasar kerajaan berat sebelah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar perlu kukuh. • Tidak perlu ada dasar perkauman.
ORGANISASI KERAJAAN	Agensi kerajaan		<ul style="list-style-type: none"> • Isu perkauman yang dimainkan oleh Biro Tatanegara (BTN). 	
GOVERNANS	Isu tadbir urus		<ul style="list-style-type: none"> • Pengisian jawatan pekerjaan sektor awam yang tidak seimbang. • YB pilih kasih dalam memberi peruntukan geran untuk persatuan yang Melayu Islam. • Pilih kasih dalam memberi bantuan. 	
PERKHIDMATAN AWAM	Komposisi etnik dalam PA	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan kaki tangan kerajaan mengikut peratusan mengikut kaum. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuota kaum dalam perkhidmatan awam. • Tidak ramai rakyat Sarawak dalam PA. • Orang India kurang dalam PA. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ambil orang India dan Sarawak lebih ramai.

		RESPON MASYARAKAT TERHADAP POLITIK DAN GOVERNAN		
SUB-TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
	Isu per-khidmatan awam		<ul style="list-style-type: none"> • Agihan pekerjaan dalam perkhidmatan kerja awam tidak adil. 	
	Sikap penjawat awam		<ul style="list-style-type: none"> • Sikap negatif kakitangan awam. 	
PROGRAM KERAJAAN	Dialog perpaduan	<ul style="list-style-type: none"> • Program dialog perpaduan perlu diadakan. 		<ul style="list-style-type: none"> • Lebih ramai rakyat perlu dilibatkan dalam program dialog perpaduan.
UNDANG-UNDANG	Penguatkuasaan undang-undang		<ul style="list-style-type: none"> • Penguatkuasaan undang-undang perlu lebih tegas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Undang-undang Malaysia perlu diperkukuhkan.
	Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)		<ul style="list-style-type: none"> • ISA dimansuhkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu gubal semula undang-undang seperti ISA dahulu.

RESPON MASYARAKAT TERHADAP POLITIK DAN GOVERNAN

SUB-TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
MEDIA	Media massa secara umum		<ul style="list-style-type: none"> • Media bias. • Media mainkan isu perkauman. 	<ul style="list-style-type: none"> • Media perlu dipantau. • Media sosial perlu lebih bertanggungjawab/positif. • Media massa dan sosial perlu lebih sensitif kepada isu agama, kaum dan negeri.
	Media dan politik		<ul style="list-style-type: none"> • Parti politik/pembangkang gunakan media. • Isu politik di media. 	
	Media sosial		<ul style="list-style-type: none"> • Media sosial mampu memporak-perandakan masyarakat. • Media sosial disalahguna. 	
NGO	NGO dan isu perkauman		<ul style="list-style-type: none"> • Ada NGO memainkan isu perkauman. • PERKASA memainkan isu perkauman. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan dan NGO patut memainkan peranan untuk perpaduan. • Beri peluang remaja untuk menyertai NGO untuk tingkatkan perpaduan.
	NGO Perpaduan	<ul style="list-style-type: none"> • NGO memainkan peranan dalam menyuburkan perpaduan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ada NGO mempolitikkan isu agama. 	

RESPON MASYARAKAT TERHADAP POLITIK DAN GOVERNAN				
SUB-TEMA	ISU-ISU SUB-TEMA	'SUKA'	'TIDAK SUKA'	CADANGAN SUARA AKAR UMBI
INTEGRITI	Nilai integriti		<ul style="list-style-type: none"> • Rasuah. • Ahli politik korup. • Salah guna kuasa. • Sikap dan integriti rakyat Malaysia rendah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli politik perlu lebih berintegriti. • Penerapan nilai integriti. • Lahirkan masyarakat berintegriti.

Rumusan

Sanggar Bicara Rakyat yang dijalankan melalui DP dan soal selidik telah menunjukkan perbezaan etnik, bahasa, budaya dan agama diperakui wujud. Perbezaan ciri etnik ini boleh menimbulkan salah faham tetapi sering kalinya 'masalah perpaduan' yang mereka hadapi lahir dari kegagalan tadbir urus demi memastikan survival hidup terjamin mereka seperti pendidikan, peluang pekerjaan, perumahan dan sebagainya. Data yang diperoleh juga menunjukkan rakyat pelbagai etnik bukan sahaja memikir tentang keperluan hidup, pembangunan, pendidikan dan tadbir urus negara tetapi juga tentang jati diri kebangsaan mereka. Ini bermakna mereka tanpa mengira etnik dan negeri juga membahaskan etos bangsa dan negara bangsa yang sudah terbina, dikuhkan dan dikekalkan sentiasa.



BAB 4
INPUT DARIPADA 5 KUMPULAN KERJA

BAB 4

ABSTRAK

Bab ini menerangkan hasil input daripada lima kumpulan kerja yang melihat isu perpaduan berdasarkan perkara-perkara berikut: (a) undang-undang dan polisi, (b) hubungan silang budaya, (c) pembangunan terangkum, (d) belia dan perpaduan, serta (e) integrasi nasional. Lima kumpulan kerja ini mengadakan pelbagai cara untuk mendapat pandangan dan pendapat orang ramai berdasarkan isu yang menjadi fokus setiap kumpulan. Ini adalah usaha lanjutan daripada Dialog Perpaduan yang telah berjaya memberi input penting kepada penyediaan Blueprint Perpaduan dan Kesepaduan Sosial Negara. Input tambahan daripada lima kumpulan kerja ini memberi fokus kepada 5 tema penting yang dapat membantu dari segi strategi dan meletak keutamaan kepada pelan tindakan yang sedang dirangkaikan bagi mencorakkan masa depan Malaysia yang lebih bersatu padu.

Kata kunci: undang-undang, polisi, budaya, pembangunan terangkum, belia, perpaduan, dan integrasi.

Pengenalan

Bab ini membincang input dari lima (5) Jawatankuasa Kerja MKPN. Jawatankuasa Kerja tersebut adalah Perundangan dan Dasar-dasar Mempromosi Keharmonian Negara, Membina Bangsa dan Persefahaman Silang Budaya, Pembangunan inklusif, Belia dan Perpaduan dan Integrasi Nasional.

Setiap Jawatankuasa terdiri dari anggota MKPN dan juga dilantik rakyat Malaysia lain yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang itu, sebagai seorang individu atau ahli mana-mana pertubuhan di negara ini. JPNIN dari Sekretariat MKPN telah mengurus logistik perjalanan jawatankuasa ini dan KITA-UKM telah membantu mengurus laporan hasil perbincangan-perbincangan yang telah diadakan oleh jawatankuasa itu.

Jawatankuasa ini telah mengadakan pelbagai aktiviti dari wacana sesama ahli dalam jawatankuasa, ke menjalankan Wacana meja bulat, forum, karnival dan sebagainya. Masyarakat massa juga didapati terlibat di mana pelbagai reaksi diperoleh melalui dari para hadirin yang hadir dalam aktiviti-aktiviti itu dan ada yang menggunakan media massa dan media sosial, secara orang perseorangan atau pelbagai NGO di negara ini, terhadap isu dan cabaran yang ditimbulkan berkaitan perpaduan di negara ini.

Berikut dipaparkan laporan bagi setiap jawatankuasa kerja MKPN yang mengambil kira kesemua pandangan pihak berkepentingan yang telah terlibat dalam aktiviti yang telah dijalankan.

1. Jawatankuasa Kerja Perundangan dan Dasar-dasar Mempromosi Keharmonian Negara

Pengenalan

Laporan dari Jawatankuasa ini adalah hasil pemurnian daripada dokumen minit mesyuarat yang telah dibincangkan dalam beberapa siri mesyuarat. Jawatankuasa ini terdiri dari pelbagai etnik dengan variasi peranan sebagai pemimpin, aktivis, dan profesional yang dilantik oleh MKPN.

Ahli-ahli bagi jawatankuasa kerja ini iniliah YBhg. Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa (pengerusi), Tuan Lim Chee Wee (Timbalan Pengerusi) disertai oleh 11 ahli jawatan kuasa kerja terdiri daripada Tan Sri Dato Dr Michael Yeoh Oon Kheng, Datuk Saifuddin Abdullah, Datuk Seri Panglima Clarence Bongkos Malakun, Datin Paduka Marina Mahathir, Datuk John Sikayun, Datuk Haji Zainal Abd. Kadir, Datuk Lim Kok Cheong, Prof Madya Dr Kantayya Mariappan, Tuan Sadar Jagir Singh, Puan Hajjah Aionon Hj. Kuntom, dan Tuan Tan Yew Sing. Urusetia: Encik Abdul Halim Hassan

Pakar rujuk: Prof Madya Dr Kartini Aboo Talib @ Khalid

Ringkasan laporan dari perbincangan yang telah diadakan pada beberapa siri mesyuarat dinyatakan seperti berikut:

- a. 18 Mac 2014 di Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen
- b. 7 April 2014 di Bilik Mesyuarat Ketua Pentadbir, Parlimen
- c. 8 Mei 2014 di Pejabat SKRINE, Wisma UOA Damansara.

Isu – Isu Utama

Isu utama yang dibincangkan oleh Jawatankuasa ini adalah pemansuhan Akta Hasutan 1948 dan keperluan menggantikannya dengan rang undang-undang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Akta baru ini dilihat dapat memberi penekanan kepada pemupukan semangat harmoni dan saling hormat-menghormati dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama. Jawatankuasa ini telah bersetuju agar tiga rang undang-undang baru diwujudkan iaitu:

- a) Akta Keharmonian Negara
- b) Akta Perpaduan Nasional (berkaitan “*equal & unfair discrimination*”)
- c) Suruhanjaya Perpaduan dan Integrasi Nasional

Cadangan Penyelesaian yang diketengahkan oleh Jawatankuasa ini ialah:

- a) Ketiga-tiga draf undang-undang ini telah siap digubal dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Induk MKPN pada 17 Mei 2014.
- b) Jawatankuasa ini turut mencadangkan agar MKPN memberi kelulusan untuk diangkat ke Kabinet bagi mendapatkan kelulusan sebelum diangkat ke Parlimen oleh Jabatan Peguam Negara untuk dibentang di Parlimen pada Disember 2014

Bagaimanapun, usul kepada Akta Keharmonian Negara ini telah ditangguhkan sehingga perbincangan bersama Jabatan Peguam Negara diadakan bagi menjelaskan prosedur dan proses menyediakan rang undang-undang.

Tambahan kepada isu di atas, Jawatankuasa kerja ini turut membincangkan perkara-perkara yang dilihat tidak selari dengan perpaduan nasional seperti pelaksanaan program Biro Tata Negara (BTN) dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Jawatankuasa ini mengesyorkan agar:

- a. Modul yang diguna pakai dalam pelaksanaan program BTN dan PLKN dikaji semula agar selaras dengan matlamat perpaduan nasional.
- b. Penceramah yang mengendalikan program BTN dan PLKN perlu dilantik dari kalangan mereka yang mempunyai latar belakang dan kepakaran yang bersesuaian dengan matlamat perpaduan nasional.
- c. Kajian semula perlu dilaksanakan dari sudut keberkesanan program BTN dan PLKN dalam memupuk semangat perpaduan nasional.

Beberapa perkara lain turut dibincangkan oleh Jawatankuasa ini sebagai ham-batan di Malaysia dalam meninjau aspek perundangan dan masyarakat seperti berikut:

- a. Maklumat yang terlalu kompleks dan sukar difahami oleh rakyat kebanyakan.
- b. Kekurangan liputan dan promosi media massa kepada orang awam.
- c. Perkongsian dan penyebaran maklumat mengenai hasil perbincangan adalah lemah
- d. Masyarakat awam tidak mempunyai peluang untuk membincangkan draf undang-undang dan cara melaksanakannya apabila undang-undang tersebut diluluskan oleh parlimen.

Cadangan kepada memastikan agar masyarakat awam celik undang-undang ialah:

- a. Program literasi Perlembagaan dan Undang-Undang di peringkat sekolah, pengajian tinggi, dan parti politik perlu diadakan dan dianjurkan oleh pihak berwajib seperti Jabatan Peguam Negara.
- b. *Public hearings* – memberi ruang dan peluang kepada masyarakat awam untuk terlibat secara langsung menilai draf undang-undang baru
- c. Mewujudkan kordinasi hubungan komunikasi dengan pihak media, dan badan-badan bukan kerajaan dan rakyat dengan menyediakan maklumat untuk mendapatkan maklumbalas efektif.
- d. Segala maklumbalas dari rakyat perlu disiarkan sebelum proses menjadikan draf undang-undang diteruskan kepada fasa selanjutnya.

Pada mesyuarat MKPN Bil.6/2014, tarikh 15 Oktober 2014 di *Sunway Pyramid Convention Centre*, Bandar Sunway, laporan dari Unit Jawatankuasa Kerja Perundangan dan Dasar-Dasar Mempromosikan Keharmonian Negara turut memaklumkan empat (4) cadangan kepada ahli mesyuarat iaitu;

- (i) Cadangan Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional yang meliputi:
 - a. Keperluan kepada Akta Hasutan dikaji semula; dan
 - b. Penerangan terhadap Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional dan Akta Hasutan

(ii) Cadangan penubuhan *Law Reform Commission* yang menyentuh:

- a. Terdapat pelbagai kekangan bagi *Law Reform Committee*, *Law Revision* dan *Reform Division* yang sedia ada.
- b. Cadangan penubuhan *Law Reform Committee* berperanan untuk:
 - i. Mengkaji dan menambah baik undang-undang sedia ada
 - ii. Membuat cadangan undang-undang baru
 - iii. Mempermudah dan mengemaskini undang-undang supaya dapat memenuhi keperluan semasa
 - iv. Proses penggubalan dan penambakan sebarang undang-undang perlu mendapat pandangan dari Jabatan Peguam Negara dan kelulusan Kabinet terlebih dahulu sebelum dibentangkan di Parlimen.

(iii) Cadangan Kempen Literasi Perlembagaan yang mempunyai objektif:

- a. Menjelaskan Perlembagaan Persekutuan kepada masyarakat dalam kaedah yang mudah difahami
- b. Menyampaikan interpretasi Perlembagaan Persekutuan yang sebenar
- c. Mengelak pentafsiran Perlembagaan Persekutuan melalui saluran yang tidak tepat
- d. Mengkaji akta-akta atau enakmen yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan
- e. Memupuk sifat toleransi dan perpaduan yang menjadi roh Perlembagaan Persekutuan.

(iv) Cadangan mewujudkan Anugerah Perpaduan Negara kepada individu, sekolah, universiti, sektor awam, sektor swasta, NGOs dan lain-lain di atas sumbangan dan pencapaian menyatupadukan perpaduan rakyat dan keharmonian negara.

- a. Anugerah ini akan menggalakkan masyarakat untuk menyumbang kearah perpaduan nasional.

Keputusan mesyuarat bersetuju dan menerima tiga (3) cadangan yang dibentangkan dalam laporan Jawatankuasa Kerja Perundangan dan Dasar-Dasar Mempromosikan Keharmonian Nasional (JKKPD MN) seperti berikut:

- (i) Cadangan penubuhan *Law Reform Commission*
- (ii) Cadangan Kempen Literasi Perlembagaan
- (iii) Cadangan Anugerah Perpaduan Negara

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa:

- (i) Sebahagian besar ahli-ahli mesyuarat bersetuju untuk menerima cadangan menggubal Akta Keharmonian Nasional. Persetujuan ini akan dimasukkan dan dijadikan sebahagian dari Pelan Tindakan Perpaduan Negara.
- (ii) Terdapat juga sebahagian ahli yang tidak bersetuju dengannya.
Pandangan ini perlu juga direkodkan di dalam pelan berkenaan.
- (iii) Mesyuarat juga bersetuju Akta Hasutan yang sedia ada perlu dibuat penambahbaikan dan diberi nama baru sekiranya perlu.

Rumusan

MKPN telah menyemak dan mengesahkan minit mesyuarat dari Jawatankuasa ini. Usul daripada Jawatankuasa kerja ini memperlihatkan kerumitan prosedur dalam perbincangan mengenai rang undang-undang. Literasi dan kefahaman undang-undang kepada rakyat adalah asas ilmu yang perlu diusahakan. Keperluan kepada pengekalan Akta Hasutan 1948 dinilai dari aspek sejarah dan kesesuaian bagi tujuan keselamatan dan keamanan.

Jadual 4.1 : Ringkasan Laporan Jawatankuasa Kerja Perundangan dan Dasar-dasar Mempromosikan Keharmonian Negara

Bil.	Isu yang dibincangkan	Cadangan Penyelesaian	Tindakan Susulan (jika ada)
1	<p>Pemansuhan Akta Hasutan 1948 dan digantikan dengan rang undang-undang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional dilihat dapat memberi penekanan kepada pemupukan semangat harmoni dan saling menghormati dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.</p>	<p>Jawatankuasa ini mencadangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Akta Hasutan dikaji semula dan penerangan terhadap Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional dilakukan. 	
2	<p>Terdapat pelbagai kekangan bagi meminda dan mengemaskini undang-undang.</p>	<p>Menubuhkan Law Reform Committee berperanan untuk</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) mengkaji dan menambahbaik undang-undang sedia ada. (ii) membuat cadangan undang-undang baru. (iii) mempermudah dan mengemaskini undang-undang supaya memenuhi keperluan semasa. (iv) Mengkaji akta-akta atau enakmen yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. 	

Bil.	Isu yang dibincangkan	Cadangan Penyelesaian	Tindakan Susulan (jika ada)
3	Kefahaman rakyat mengenai undang-undang masih belum menyeluruh.	Mencadangkan kempen literasi Perlembagaan dilakukan bertujuan untuk: <ul style="list-style-type: none"> (i) Menjelaskan Perlembagaan Persekutuan kepada masyarakat melalui kaedah yang mudah difahami. (ii) Menyampaikan interpretasi Perlembagaan Persekutuan yang sebenar. (iii) Mengelakkan <i>rewriting</i> Perlembagaan Persekutuan melalui saluran yang tidak tepat. (iv) Memupuk sifat toleransi dan perpaduan yang menjadi roh Perlembagaan Persekutuan. 	
4	Terdapat perkara-perkara yang tidak selari dengan perpaduan nasional dalam pelaksanaan program Biro Tata Negara (BTN) dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).	Mesyuarat mengesyorkan agar: <ul style="list-style-type: none"> (i) Modul yang digunapakai dalam pelaksanaan program BTN dan PLKN dikaji semula agar selaras dengan matlamat perpaduan nasional. (ii) Penceramah yang mengendalikan program BTN dan PLKN perlu dilantik dari kalangan mereka yang mempunyai latar belakang dan kepakaran yang bersesuaian dengan matlamat perpaduan nasional. (iii) Kajian semula perlu dilaksanakan dari sudut keberkesanan program BTN dan PLKN dalam memupuk semangat perpaduan nasional. 	
5	Usaha penyatupaduan masyarakat melalui pengiktirafan yang mempromosi keharmonian nasional	Mewujudkan Anugerah Perpaduan Negara kepada individu, sekolah, universiti, sektor awam, sektor swasta, NGOs, dan lain-lain di atas sumbangan dan pencapaian menyatupadukan rakyat dan keharmonian negara.	

2. Jawatankuasa Membina bangsa dan persefahaman silang budaya

Pengenalan

Laporan Jawatankuasa Silang Budaya yang terdiri dari pelbagai etnik ini adalah analisis berdasarkan minit mesyuarat dan hasil perbincangan yang telah dijalankan.

Jawatankuasa Perundangan dan Dasar-dasar Mempromosikan Keharmonian Negara

Ahli-ahli bagi jawatankuasa kerja ini adalah YB. Dato' Boon Soon A/L Inong (Pengerusi), YBhg. Tuan Tan Yew Sing, YBhg. Dato' Prof. Dr. Chin Yew Sin, YBhg. Datin Paduka Marina binti Mahathir, YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak, YBhg. Puan Audrey Goh, YBhg. Dato' Lim Kok Cheong, YBhg. Datuk John Sikayun, YBhg. Dato' Haji Zainal bin Abd Kadir, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Azumi bin Mohamed. Urusetia: Encik Baharin Idris (JPNIN). Manakala golongan akademik yang hadir sama dalam mesyuarat 7 Mei 2014 adalah Dr Rizal Yusof (UKM), Prof Dr Amir Hassan Darwis (UPSI), Prof Madya Dr Ahmad Tarmizi Talib (UPM) dan Dr Mohamad Asri Mohd Ali (UM).

Pakar rujuk: YBhg. Prof. Dr. Mansor Mohd Noor, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Isu-Isu Utama

Perbincangan dalam jawatankuasa ini berlegar atas lapan (8) isu utama: 1. Ekonomi, 2. Tadbir Urus, 3. Hubungan Etnik, 4. Politik, 5. Media sosial 6. Pendidikan, 7. Pembinaan negara bangsa dan 8 Bahasa.

PEMBINAAN NEGARA BANGSA Malaysia ada sebuah negara tamu pasca kolonial di kedudukan mana anak watan diperakui dan diterima tetapi pembinaan negara bangsanya berhadapan dengan keperluan mengambil kira komuniti migran semasa perbincangan kemerdekaan diadakan sebagai rakyat bersama. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan 1957 meletakkan teras pembinaan negara bangsa berdasarkan masyarakat Melayu. Manakala Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963 memperkukuhkan lagi pembinaan negara berdasar kedudukan anak watan di mana Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak menjadi paksi negara bangsa Malaysia. Kajian-kajian etos bangsa di

Malaysia menunjukkan identiti negara bangsa adalah terbina (Mansor 2001, Shamsul 2008, Mahadi 2014) walaupun beberapa aspek seperti bahasa dan agama dalam Perlembagaan Persekutuan dicadang alternatif yang lain.

Oleh kerana proses pembinaan negara bangsa akan terus berjalan tanpa jelas garisan akhirnya, persoalan identiti kebangsaan Malaysia berteraskan anak watan akan bersaing dengan tafsiran baru seperti 'Ketuanan Melayu', 'Ketuanan Daulah Islamiah', 'Malaysia Raya' 'Malaysia Malaysia', 'Middle Malaysia' dan sebagainya. Pada hari ini didapati rakyat Malaysia pelbagai etnik lebih terbina identiti kolektif etnik dari identiti nasional. Ini bermakna agenda perpaduan negara adalah lemah. Dalam masyarakat juga masih wujud pertembungan dan persaingan falsafah kenegaraan dan pembentukan negara. Dalam suasana sedemikian pembinaan negara bangsa Malaysia adalah tidak kuat. Generasi muda didapati tidak memahami perkara sensitif dalam masyarakat pelbagai etnik dan kesannya ke atas keselamatan awam. Simbol negara seperti bahasa kebangsaan, institusi raja, institusi kerajaan, Perlembagaan dan lain-lain kadangkala diperlecehkan. Ada yang mahu pembinaan Bangsa Malaysia tidak diikat dengan dimensi etnik perlu dijadikan matlamat pembinaan negara.

HUBUNGAN KAUM Kesepaduan sosial didapati terbina dalam hubungan etnik di Malaysia. Batas etnik di antara mereka adalah nipis dan perkongsian nilai norma hidup bersama wujud (Mansor 2012). Kepentingan etnik sebagai asas tindakan rakyat Malaysia sering diketepikan demi memastikan survival hidup mereka di negara ini terus berjaya. Jangka hayat damai lebih terbina di negara ini dari konflik berdarah. Perbezaan budaya tidak membawa kepada keganasan. Namun kefahaman kepelbagaian budaya di antara rakyat didapati terbatas. Pergaulan antara etnik belum mendalam hingga berlaku polarisasi dan kerapuhan hubungan etnik dalam kalangan pelajar di universiti dan di tempat kerja. Malahan penggemblengan etnik dapat diperhatikan dengan ketaranya semasa kempen pilihan raya dan di kawasan di mana tadbir urus dan hasil pembangunan tidak kesampaian.

BAHASA Penggunaan pelbagai bahasa dalam masyarakat mahu diamalkan dengan hujah masyarakat satu bahasa pun berkonflik juga. Bahasa Malaysia didapati gagal menjadi bahasa penyatupaduan.

PENDIDIKAN Dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Negara didapati tidak jelas dalam mengurus murid-murid sekolah yang berbagai budaya dan agama. Sistem persekolahan adalah pelbagai aliran dan tiada penyelesaian ditemui

untuk memberi peluang setiap murid dapat berinteraksi dengan murid-murid dari etnik lain. Di Sabah dan Sarawak kepelbagaian budaya adalah satu kehidupan di dalam masyarakat dan sekolah. Manakala di Semenanjung, sekolah satu etnik lebih ketara dari yang berkepelbagaian budaya. Namun begitu diperakui, ibu bapa tidak boleh dipaksa untuk menghantar dan memilih satu aliran sekolah. Di antaranya sebab diutarakan adalah kerana pendidikan sekolah kebangsaan tidak berkualiti. Matlamat pendidikan hanya ditanam dengan 'fikir kerja' dan minda rakyat 'dibodohkan' dengan kepentingan politik tertentu. Minda rakyat pelbagai etnik sekarang bergerak ke pelbagai arah pemikiran. Juga didapati sistem pendidikan pelbagai aliran dari sekolah hingga ke peringkat universiti berperanan dalam memisah murid dan pelajar di antara mereka di negara ini.

EKONOMI Jawatankuasa berpendapat kepelbagaian budaya adalah aset ekonomi dan perniagaan yang penting di negara dan dunia. Kepelbagaian budaya Melayu, Bumiputera, Cina dan India memberi keuntungan kepada Malaysia untuk menggunakan jaringan etnik ini untuk melabur dan berniaga di India, China dan Timur Tengah. Juga ditekankan kerajaan perlu membangun ekonomi dulu jika ingin memastikan rakyat pelbagai etnik boleh hidup dalam aman dan damai.

TADBIR URUS Budaya kerja di sektor kerajaan didapati masih terperangkap dengan minda sempit, tidak kreatif dan mengutamakan perbezaan etnik dan agama. Sistem penyampaian pentadbiran masa kini juga didapati lemah dan menyebabkan rakyat memberontak terhadap kerajaan. Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad melalui Wawasan 2020 didapati diterima hingga ke akar umbi. Ini agak berbeza dengan 1Malaysia yang datang dari atas hingga rakyat keliru dan perlu diperincikan lagi.

POLITIK Perbezaan ideologi dan persaingan di antara parti politik membawa perpecahan dalam masyarakat. Parti-parti politik sering bermain dengan dimensi etnik dan agama dalam membicarakan isu-isu dalam masyarakat dalam mereka menggembelng penyokong dan memancing undi rakyat.

MEDIA SOSIAL Pengamal media sosial tanpa mengira etnik bermain dengan isu-isu sensitif tanpa memikir kesannya ke atas masyarakat awam.

Cadangan Penyelesaian

PEMBINAAN NEGARA BANGSA Falsafah kenegaraan perlu dihayati bersama. Pembangunan identiti nasional perlu dibina demi melahirkan masyarakat kepelbagaian etnik yang boleh bekerjasama di antara satu sama lain melalui menanam kefahaman tentang institusi raja, penggunaan bahasa Malaysia, perayaan hari agama-budaya bersama, hari kebangsaan, bunga raya, sukan dan lain-lainnya.

Identiti nasional dan budaya pelbagai masyarakat setempat perlu disulam bersama tuntutan penggunaan pelbagai bahasa terutamanya bahasa Inggeris. Budaya setempat dan korporat perlu dibina bersama selaras dengan gagasan WAWASAN 2020 dan 1Malaysia.

Dengan jangka hayat damai panjang dialami oleh Malaysia hasil dari kemajuan, kesepaduan sosial, kestabilan dan pengawalan keselamatan, negara perlu berani mengangkat wacana negara bangsa ketamadunan payung anak watan dalam masyarakat kepelbagaian sebagai teras pembinaan negara bangsa dalam abad ke 21 ini.

PERLEMBAGAAN Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri perlu dikaji semula bagi memastikan bangsa Malaysia yang bersifat keterangkuman dan adil dapat dicapai.

PENDIDIKAN Sistem pendidikan negara perlu mengurus kepelbagaian budaya di sekolah. Murid-murid perlu diajar pelbagai kegiatan dan amalan budaya. Sekolah Integrasi dan Wawasan dilaksanakan sebagai satu tempat murid pelbagai etnik bercampur dan belajar. Budaya pelampau etnik dan agama diban-teraskan di sekolah. Juga pendidikan perlu melahirkan kewarganegaraan global. Kerajaan perlu beri peruntukan lebih bagi menjalankan kegiatan titian budaya di antara sekolah yang terdiri perbezaan etnik.

EKONOMI Mobiliti dan ketidakseimbangan sosial perlu dipantau kerana kegagalan mengurus ekonomi ini akan menyebabkan penggembelngan etnik dan wilayah berlaku hingga melahir ketegangan dan konflik dalam masyarakat. Kerajaan perlu membela kebajikan golongan berpendapatan rendah.

TADBIR URUS Keterangkuman pelbagai etnik dalam jentera kerajaan perlu diutamakan. Dicapangkan 13 Mei dijadikan hari perpaduan nasional. Malahan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dicadangkan dijadikan sebuah kementerian selaras dengan tugas yang semakin mencabar.

POLITIK Parti politik & NGO dilarang membakar dan menghasut dimensi etnik dan agama dalam kegiatan mereka.

MEDIA SOSIAL Media sosial perlu dipantau dan dikawal berdasar lunas budaya Malaysia

Rumusan

Diperakui hubungan etnik adalah baik. Namun begitu kepelbagaian etnik, bahasa, budaya dan agama perlu diurus secara terangkum dan adil. Pembangunan, perubahan dan transformasi sosial telah melahir masyarakat pelbagai etnik yang rencam sosialnya hingga pengaruh etnik masih ada tetapi rakyat lebih dicorak oleh perkongsian norma hidup bersama.

Jadual 4.2 : Ringkasan Laporan Jawatankuasa Kerja Silang Budaya Dalam Mempertingkatkan Kesepaduan Nasional

Bil.	Isu yang dibincangkan	Cadangan Penyelesaian	Tindakan Susulan (jika ada)
1	<ul style="list-style-type: none"> • Kepelbagaian etnik menguntungkan ekonomi negara dalam membina jaringan perniagaan di negara 'ibunda'. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bangun ekonomi dahulu. 	
2	<ul style="list-style-type: none"> • Jentera kerajaan terperangkap dengan minda sempit, tiada kreativiti dan berteraskan etnik. • Wawasan 2020 berteraskan rakyat manakala 1Malaysia bersifat elitis. 	<ul style="list-style-type: none"> • Jentera kerajaan perlu sensitif dengan etnik dan dianggotai oleh kakitangan dari kepelbagaian etnik. • Dasar dan pelaksanaan negara perlu konsultasi dan penglibatan rakyat bersama. 	
3	<ul style="list-style-type: none"> • Kesepaduan sosial terbina di Malaysia tetapi masih wujud kehidupan bersegregasi mengikut pembelajaran, pekerjaan dan tempat tinggal hingga melahir suasana polarisasi dalam masyarakat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu kefahaman dan konsultasi antara etnik. • Kajian dan pemantauan hubungan etnik di Malaysia 	
4	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai aspek kehidupan dipolitikkan hingga membosankan rakyat jelata. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kefahaman dan budaya literasi politik perlu ditingkatkan. 	
5	<ul style="list-style-type: none"> • Media sosial tidak sensitif dengan isu etnik dan agama. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengamal media sosial perlu sensitif dengan perbezaan etnik dan agama. 	

6	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem pendidikan sekolah pelbagai aliran diterima rakyat. Tetapi murid dan pelajar didapati terpisah, terasing dan terputus di tempat pembelajaran mereka. • Kualiti pendidikan didapati bermasalah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ilmu dan kegiatan kepelbagaian budaya-agama perlu dipertingkatkan. • Perlantikan Guru/Pengetua berdasar prestasi. • Melibatkan PIBG dan komuniti setempat dalam mengukuhkan pendidikan. 	
7	<ul style="list-style-type: none"> • Identiti kolektif etnik lebih terbina dari identiti nasional. • Simbol negara sering dipersoalkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan sejarah dan tadbir urus baik yang terangkum dan adil perlu diutamakan. • Media perlu digunakan untuk membina kefahaman dan keterikatan kepada simbol kebangsaan dan kepelbagaian budaya. 	
8	<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan 153 dibuang dari Perlembagaan Persekutuan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Celik perlembagaan dan sejarah perlu diterapkan dalam masyarakat. 	

3. Jawatankuasa Pembangunan Terangkum.

Laporan dari Jawatankuasa ini adalah hasil pemurnian daripada dokumen minit mesyuarat yang telah dibincangkan dalam beberapa siri mesyuarat. Jawatankuasa ini terdiri dari pelbagai etnik dengan variasi peranan sebagai pemimpin, aktivis, dan profesional yang dilantik oleh MKPN.

Keahlian Jawatankuasa Pembangunan terangkum dianggotai oleh Y.Bhg Tan Sri Ramon Navaratnam (Pengerusi), Y.Bhg Tan Sri Dato' Dr. Michael Yeoh Oon Kheng (Timbalan Pengerusi), Y.Bhg Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye (Ahli), Y.Bhg Seri Panglima Clarence Bongkos Malakun (Ahli), Y.Bhg Datuk Saifuddin Abdullah (Ahli), Y.Bhg Datin Paduka Marina Mahathir (Ahli), Y.Bhg Dato' Rugayah Abdul Majid (Ahli), Y.Bhg Dato' Lim Kok Cheong (Ahli), Y.Bhg Dr Bilson Kurus @ Belson Bingku (Ahli), Y.Bhg Tuan Tan Yew Sing (Ahli), Y.Bhg Tuan Mohamad Ariff Irwani Azhari (Ahli), Prof Datuk Dr Raduan Che Rose (UMK) (Ahli), Prof Dr Yahya Hassan (UPM) (Ahli). Urusetia Bersama ialah En Kapli Emek (JPNIN)

Pakar rujuk ialah Datuk Dr Denison Jayasooria (KITA-UKM), Dr.KS Nathan (KITA-UKM)

Pengenalan

Kumpulan Prembangunan Inklusif telah mengadakan tiga kali perbincangan meja bulat - RTD (3, 16 & 26 Mac 2014). Selain itu ia juga telah mengadakan dua mesyuarat pada 11 Feb dan 14 April 2014 untuk menyemak analisis yang disediakan oleh Datuk Dr Denison Jayasooria dan Prof K.S Nathan. Hasil RTD tersebut telah dikumpul sebagai Laporan yang bertajuk *National Unity & Inclusive Development* (13 June, 2014).

Laporan ini telah dibenteng dalam pertemuan penuh NUCC pada 17 Sept 2014. NUCC telah menerima 11 dari 13 cadangan yang diutarakan. Bagaimanapun baki tiga lagi cadangan yang tidak diterima itu kini dimasukkan di dalam Lampiran sebagai *Minority Report*.

Isu-Isu Utama

KEMISKINAN DAN KETAKSAMAAN Terdapat enam perkara yang dibincangkan berkaitan dengan isu kemiskinan dan pembangunan inklusif. Pertama

sekali, usaha yang dibuat untuk mengurangkan kemiskinan secara drastik di negara ini perlu diakui telah mencapai kejayaan yang signifikan. Bagaimanapun dalam menghitung kadar kemiskinan ini terdapat cabaran besar di dalam mengira kadar kemiskinan dengan tepat, di samping cabaran berkaitan isu kemiskinan bandar serta bentuk data yang telah dikutip. Selain itu cabaran juga wujud dalam melihat keberkesanan Program 1 Azam dan perkara yang melibatkan penduduk asli serta hak tanah mereka.

PERSAMAAN AKSES. Meskipun kini terdapat peningkatan dalam peluang penglibatan penggubalan dasar melalui makmal dan perundingan Pemandu, namun masih terdapat ruang akar umbi yang terbiar dalam penglibatan penggubalan dasar serta akses mereka dalam sektor perkhidmatan.

PERKHIDMATAN AWAM PELBAGAI ETNIK. Usaha meningkatkan akses kepada maklumat dan perluasan badan perkhidmatan awam memang telah banyak dilakukan, namun ketidakseimbangan etnik dalam perkhidmatan awam masih perlu diberi perhatian.

GUNATENAGA SEKTOR SWASTA. Sektor swasta merupakan sektor yang dinamik dalam meningkatkan tawaran peluang pekerjaan yang tinggi, namun terdapat aduan dari orang Melayu dalam isu pengambilan dan kenaikan pangkat dalam sektor ini.

SURUHANJAYA DAN AKTA KESAMAAN PELUANG KERJA. Satu mekanisme formal perlu diwujudkan untuk memantau serta memberi perhatian kepada kesetaraan dalam pengambilan kerja sektor awam dan swasta ini dan tujuannya perlu diperluas kepada pelbagai gender dan golongan kurang upaya.

PEMBANGUNAN KOMUNITI Buku Merah Tun Abdul Razak serta Pusat Operasinya telah diiktiraf sebagai badan inisiatif yang efektif dalam memantau aduan komuniti, pengagihan yang berkesan serta penyertaan akar umbi. Pelbagai aduan terhadap pengabaian pendekatan dari bawah ke atas dalam menangani pelbagai masalah akar umbi komuniti dan kumpulan etnik telah diterima di pusat ini.

Cadangan Penyelesaian

KEMISKINAN DAN GOLONGAN PENDAPATAN RENDAH Adalah dicadangkan satu kefahaman multidimensi terhadap kemiskinan dilaksanakan dengan

mengambil kira garis pendapatan kemiskinan berdasarkan keperluan asas yang merangkumi 40% termiskin bagi semua komuniti melalui satu agenda yang terangkum atau inklusif.

KESETARAAN AKSES Adalah dicadangkan kerjasama sektor awam-swasta dengan komuniti dalam proses pembangunan diperkukuh.

PERKHIDMATAN AWAM PELBAGAI ETNIK Usaha perlu diambil untuk menggalakkan pengambilan pekerja bukan Melayu dalam perkhidmatan awam untuk menggambarkan komposisi yang lebih tepat masyarakat Malaysia serta untuk memenuhi sasaran tertentu dalam gunatenaga dan kenaikan pangkat.

GUNATENAGA SEKTOR AWAM. Adalah dicadangkan pelbagai inisiatif diambil dalam menggalak dan memperluaskan peluang pekerjaan sektor swasta terutama dalam peringkat pengurusan. Selain itu perlu juga peningkatan usaha dalam memperbaiki tahap bahasa Inggeris dalam kalangan Melayu yang cuba mendapatkan kerja di sektor ini.

SURUHANJAYA DAN AKTA KESETARAAN PELUANG. Adalah dicadangkan satu Suruhanjaya dan Akta Kesetaraan Peluang dibentuk untuk menggalakkan kesetaraan peluang dan pembangunan inklusif.

PEMBANGUNAN KOMUNITI. Adalah dicadangkan satu pendekatan pembangunan komuniti yang terpecar atau disentral dibentuk untuk memperkukuh hubungan harmoni dan hubungan etnik.

Rumusan

Jawatankuasa Kerja Pembangunan Terangkum mendapati kemiskinan dan golongan pendapatan rendah, akses yang sama rata, perkhidmatan awam pelbagai etnik, pekerjaan di sektor swasta, peluang sama rata, akta dan suruhanjaya peluang sama rata dan pembangunan komuniti perlu diberi perhatian oleh negara. Pembangunan terangkum memberi penekanan cadangan penyelesaian masalah yang dikenal pasti untuk dipikul oleh kerajaan dalam mengurus dasar awam, jentera kerajaan, tadbir urus dan pembangunan komuniti.

Jadual 4.3 : Ringkasan Laporan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Terangkum

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
<p>1. Kemiskinan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kemiskinan tegar telah dikurangkan. • Terdapat Penambahbaikan sosio-ekonomi & pergerakan sosial secara keseluruhan. • Pencapaian yang baik berdasarkan output/hasil MDG. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan bawah garis kemiskinan dan keupayaan pembelian terlalu fokus kepada perolehan pendapatan berbanding dapatan sebenar dari keupayaan jual beli. • Kemiskinan tegar masih berkekalan di kawasan-kawasan kampung dan bahagian pendalaman terutama di kalangan masyarakat yang hidup berasaskan hasil hutan. • Kenaikan kemiskinan di bandar dan kemunculan golongan miskin baru. • Banyak agensi kebajikan terlalu fokus kepada pendekatan etnik yang mungkin menyebabkan segolongan miskin terkecuali dari mendapat bantuan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu memfokus kepada kemiskinan relatif dan bukan kemiskinan tegar sahaja. • Perlu gunakan pendekatan pelbagai dimensi yang berasaskan keperluan dan menyertakan sekali petunjuk kualiti kehidupan:- pendapatan, pendidikan, pekerjaan, perumahan, pengangkutan, penjagaan kesihatan, keselamatan, rekreasi dan aktiviti masa lapang, penglibatan dalam komuniti tempatan (sosial dan keagamaan) dan isu nasional (isu pembinaan bangsa & politik - idea rakyat aktif). • "Pendekatan berasaskan keperluan" untuk golongan 40% terendah perlu bersandar kepada

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
			<p>pembangunan manusia dan keperluan keluarga .</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wujud keperluan untuk mengkaji kaedah mengukur garis kemiskinan dan mengambil pendekatan yang sama dengan negara membangun dengan cara mengira pendapatan medium atau purata dan bukan mengambil pendekatan PLI . • Terdapat Keperluan meningkatkan pendapatan di antara RM 1,500 dan RM 2,000 untuk keluarga lima orang ahli di kawasan bandar kerana ini adalah lebih realistik dan relevan kepada Malaysia moden hari ini. Keperluan mengambil kira perbezaan bandar-desa.
<p>2. Kemiskinan Bandar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • 71% rakyat Malaysia kini tinggal di bandar, pekan dan kawasan Bandar. 	<ul style="list-style-type: none"> • Urbanisasi yang pesat telah mencipta banyak masalah sosial dan ini memberi kesan kepada perpaduan nasional, kos sara hidup, jenayah dan aspek-aspek 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat keperluan untuk fokus kepada sektor awam dalam menangani kemiskinan bandar oleh kerana komuniti bersifat sangat berbilang-kaum terutama di

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
	<ul style="list-style-type: none"> Infrastruktur dan kemudahan awam yang lebih baik . 	<p>perpaduan nasional dan integrasi kejrangan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Banyak isu yang terpaksa ditangani oleh keluarga yang tinggal di flat tingkat tinggi kos rendah dan lokasi sementara seperti setinggan dan rumah panjang. Wujud dimensi kelas dalam kemiskinan bandar – kawasan kediaman berpendapatan rendah dan kawasan kediaman pertengahan/kaya. 	<p>pangsapuri kos rendah tingkat tinggi.</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembinaan komuniti dan kejrangan di kalangan pelbagai kumpulan etnik adalah wajar dan lebih banyak sumber perlu diperuntukkan untuk pembangunan kawasan kejrangan terutama dalam memupuk lebih kefahaman di kalangan masyarakat yang pelbagai. Perlunya memperkukuh dan memupuk program pembangunan kumpulan kejrangan berasaskan komuniti yang mensasarkan semua keluarga tinggal di kawasan ini, dari mengadakan program berdasarkan etnik/agama yang dibiayai kerajaan. Kerjasama multi-disiplin dan antara-agensi diperlukan, dan peruntukan lebih banyak sumber Persekutuan untuk memperbaiki infrastruktur dan penyelenggaraan kawasan kejrangan

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
			<p>miskin di bandar berkos rendah bersama dengan pengukuhan rasa kekitaan dalam hidup bermasyarakat dan pemilikan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Memberi lebih banyak sumber bantuan kepada golongan penduduk bandar yang miskin dan membantu menyelenggara ruang awam terutamanya di pangsapuri tingkat tinggi kos rendah di kawasan bandar.
<p>3. Pangkalan Data Kemiskinan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan pangkalan data e-kasih 	<ul style="list-style-type: none"> Namun demikian, terdapat juga senarai dan pangkalan data lain seperti penerima BRIM, maka terdapat pertindanan dan jurang. Sistem mesti bersifat lebih inklusif, data mesti lebih telus dan mudah akses. Mesti ada mekanisme aduan yang efektif yang akan mengkaji apa sahaja bentuk pengabaian atau penafian. 	<ul style="list-style-type: none"> Borang dan data yang dikumpul mesti mempunyai dimensi klasifikasi etnik dan jantina untuk memantau pergerakan sosial terutama kumpulan sub-etnik minoriti dalam masyarakat Malaysia. Borang dan proses pendaftaran yang memerlukan data etnik boleh dilihat sebagai satu sebab pendedahan etnik dan kaum untuk analisis statistik dan bukan sebagai petunjuk akses atau faedah.

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
<p>4. Satu Azam</p>	<p>Pelaksanaan efektif program 1 Azam terutama inisiatif 1 Azam membangunkan aspek keusahawanan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan kebajikan & pertukaran tunai boleh dilihat sebagai manipulasi politik & pembelian undi. • Pemberian dan pengagihan dan pendekatan kebajikan yang menjana ketergantungan perlu ditingkat. • Bahaya kemunculan budaya ketergantungan yang dikaitkan dengan naungan politik. Ini mempunyai implikasi antara-etnik dan intra etnik, terutama di peringkat kejiranan tempatan, di mana perikatan politik adalah lebih penting dari memenuhi keperluan asas manusia. 	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan miskin mesti dianggap dan dilihat seperti "rakan kongsi" dalam pembangunan. • Pendekatan yang perlu digalakkan ialah pendekatan Bantu-Kendiri dan Pergantungan Kendiri. Contoh: inisiatif pemerksaan / bantuan sendiri. • 1 Azam mesti mempunyai pembinaan komuniti dan komponen pembangunan sosial yang lebih kuat. • Peningkatan skala 1 Azam adalah amat diperlukan. • Perlu menjadikan e-kasih satu laras golongan miskin dan keluarga berpendapatan rendah yang lebih telus, tidak kira ras dan agama. • Kerjasama antara-etnik di peringkat kejiranan tempatan perlu dirangsang dalam memupuk program latihan keusahawanan dan kumpulan bantuan sendiri yang

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
			<p>menggolongkan semua komuniti tempatan tidak kira asal-usul warisan etnik mereka.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Agensi pelaksana mesti tidak berasaskan kaum dan mempunyai agenda jangkauan yang kuat, yang menyertakan sekali keperluan komuniti pada peringkat kejurangan tempatan, dan dalam membina semangat persaudaraan akar umbi setempat. • Peranan masyarakat sivil, organisasi berasaskan komuniti dan media sosial adalah penting dan boleh berfungsi sebagai pemantau yang efektif. • Majlis Penasihat Anti-Kemiskinan (APAC) yang baru boleh ditubuhkan pada peringkat Persekutuan dan tempatan. Dana yang mencukupi perlu diagih untuk membantu pelaksanaan dan pemantauan hasil.

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
5. Kemiskinan dan Orang Peribumi	<ul style="list-style-type: none"> • Infrastruktur di desa & perkhidmatan sosial yang lebih baik (pendidikan, perumahan & penjagaan kesihatan). • Akses lebih besar terhadap pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan . 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan bersifat <i>top down</i> dan bukan <i>bottom up</i> terutama dari perspektif komuniti peribumi. • Inisiatif peringkat negeri yang ada kini tidak begitu berjaya meningkatkan mobiliti sosial bagi kalangan kumpulan pedalaman. • Kurangnya penglibatan dengan komuniti peribumi tentang isu berkait dengan pendidikan, kemahiran dan peluang samarata. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil pendekatan Pembangunan Partisipatori. • 'Konsultasi awal secara percuma' adalah dimensi pendekatan hak kemanusiaan terhadap pembangunan yang sangat penting. Pendekatan ini sangat penting dalam kerjasama dengan masyarakat peribumi dan hal-ehwal tanah di Sabah, Sarawak dan di kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. • Perlunya konsultasi dan perkongsian yang lebih besar dengan komuniti orang asli terutama mereka yang terkesan. Agenda pembangunan berpusatkan insan adalah sangat penting.
6. Perniagaan dan Pembangunan Mampan	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan Sistem Pengurusan Hutan Mampan. • Komitmen Kerajaan Persekutuan dalam 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat banyak isu yang belum diselesaikan berkaitan dengan alam sekitar dan pembangunan mampan yang memerlukan intervensi segera. • Isu konflik kepentingan wujud apabila politik dan bisnes dicampur-adukkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat juga implikasi untuk penggunaan mampan sumber-sumber semulajadi. Satu pemantauan dan mekanisme aduan bebas, dalam bentuk "Suruhanjaya Alam Sekitar dan

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
	<p>Konferens Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Pembangunan Mampan di Rio pada tahun 2012.</p>	<p>Ini meninggalkan kesan negatif dalam bentuk konflik golongan miskin, terutama peribumi, yang paling terkesan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri tidak mengambil serius saranan Suhakam untuk menubuhkan Inkuiri Tanah Negara 2013. Kabinet melantik Pasukan petugas di mana proses ini memakan masa dan dengan itu, pelaksanaan dilengahkan. Ini menyebabkan komuniti peribumi tidak berpuas hati. 	<p>Pembangunan Mampan", boleh membantu mengelak salahguna kuasa.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Persekutuan perlu mempertimbangkan dengan serius saranan Suhakam dan menubuhkan Tribunal Inkuiri Tanah untuk memastikan keadilan terhadap isu berkaitan tanah di kalangan kumpulan peribumi. • Perlunya Majlis Tanah Negara menyorot dan membincangkan isu ini untuk menyelesaikan isu kritikal yang memberi kesan komuniti tempatan.
<p>7. Memastikan akses sama rata</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pemandu - Makmal dasar dan konsultasi. • Aras Prestasi Utama Pemandu memantau sistem & kerjasama di antara agensi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Isu akses peluang yang sama rata adalah penting. Dalam banyak keadaan, mereka yang berada di akar-umbi meluahkan bahawa mereka tiada akses. Aduan dari masyarakat peribumi di Sabah & Sarawak. • Di dalam kalangan orang Melayu, Cina dan India juga di lokasi bandar 	<ul style="list-style-type: none"> • Sektor swasta dan badan sukarela juga dikenalpasti boleh memainkan peranan utama menambah akses dan peruntukan peluang, melalui skim tertentu seperti pembiayaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
		yang miskin, mereka golongan terendah 40% ini cenderung untuk merasa tersisih.	<ul style="list-style-type: none"> • Sudah terdapat galakan perkongsian swasta-awam dalam menjana lebih banyak peluang.
8. Perkhidmatan Sivil Pelbagai Etnik	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan perkhidmatan professional. • Akses perkomputeran dan Internet kepada maklumat dan sumber ilmu tentang perkhidmatan yang ditawarkan. • Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengambil strategi dan inisiatif yang proaktif dalam menarik minat orang bukan Melayu untuk memohon jawatan dalam perkhidmatan awam . 	<ul style="list-style-type: none"> • Ketidakeimbangan nyata perwakilan etnik dalam perkhidmatan sivil terutamanya dalam banyak perkhidmatan di kaunter dan perkhidmatan sesama manusia . • Ketidakeimbangan yang besar dalam perkhidmatan berpakaian seragam seperti polis dan pasukan bersenjata. 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk memastikan akses sama rata diperolehi, kepentingan dan keperluan sistem perkhidmatan sivil multi-etnik, dengan keseimbangan komposisi etnik disarankan. • Perkhidmatan sivil pada semua peringkat perlu memaparkan komposisi multi-etnik di Malaysia. • Kerajaan, pada semua peringkat, mesti meningkatkan tahap latihan dan memastikan kenaikan pangkat yang lebih adil. Sebagai permulaan, Kerajaan Persekutuan boleh memastikan agensi pelaksana seimbang secara etnik, dengan fokus khusus kepada golongan 40% terendah. • Memastikan perkhidmatan sivil pelbagai-etnik sangat penting dalam menyediakan satu sistem

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
			<p>yang prihatin, adil dan memahami dengan agenda pro-golongan miskin dan etno.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz semasa orang Cina, India dan peribumi di Sabah dan Sarawak serta Orang Asli tidak seimbang.
<p>9. Pekerjaan Sektor Swasta</p>	<p>Peluang bisnes sektor swasta dan penjanaaan kekayaan.</p>	<p>Aduan dari orang Melayu tentang kekurangan peluang kenaikan pangkat dan diskriminasi dalam pekerjaan sektor swasta.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Langkah mesti diambil untuk menggalakkan lebih ramai orang Melayu direkrut dalam sektor swasta melalui kursus kejurulatihan khusus. • Pengenalan insentif cukai untuk memastikan adanya campuran kumpulan etnik dalam sektor swasta, termasuk mereka yang berjawatan senior/atasan. • Mempertingkatkan kompetensi bahasa di kalangan generasi muda terutamanya dalam bahasa Inggeris, untuk menyediakan mereka peluang yang lebih baik dalam sektor komersial.

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
<p>10. Akta & Suruhanjaya Peluang Sama Rata</p>	<p>Adanya usaha memastikan kesamarataan jantina dan membuka peluang untuk orang yang kurang upaya .</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pada ketika masyarakat sivil menyokong undang-undang lebih ketat dalam melindungi wanita (dimensi jantina), ketidakmampuan, orientasi etnik dan jantina, ada agensi yang seperti teragak-agak meningkatkan hak kemanusiaan dan perlindungan. • Adanya kebimbangan bahawa peluang tidak sama rata dan dengan itu, ini memberi kesan kepada hubungan etnik dan menyebabkan wujudnya perasaan tidak senang. • Buat masa ini, penguatkuasaan adalah lemah dalam aspek penyalahgunaan, pengabaian dan diskriminasi, yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan/atau kumpulan dalam komuniti dan individu. • Terdapat cadangan untuk menubuhkan satu sistem 	<ul style="list-style-type: none"> • Penggubalan Akta Peluang Sama Rata dan penubuhan Suruhanjaya Peluang Sama Rata yang akan menggalakkan peluang sama rata dan pembangunan inklusif akan menangani isu ini. • Suruhanjaya dapat memantau dan mengawasi kepatuhan kepada penguatkuasaan dalam aspek-aspek yang bersangkutan-paut dengan 40% terendah dalam masyarakat Malaysia. • Dengan itu, kenaikan pangkat, pemantauan dan pelaksanaan peluang dan hasil sama rata adalah asas kepada pemupukan masyarakat yang adil dan saksama. • Satu Mekanisme Aduan dan Pasukan Penyiasat perlu disediakan. • Akta dan Suruhanjaya perlu melindungi inisiatif sektor awam dan swasta. • Dapatan Majlis Penasihat Ekonomi Negara yang juga mencadangkan

SUBJEK	PENCAPAIAN	CABARAN	CADANGAN
11. Pembangunan Komuniti (CD)	<ul style="list-style-type: none"> • Selepas 13 Mei, PM Tun Abdul Razak membangunkan satu pendekatan. • CD dengan Buku Merah dan pusat Operasi di peringkat akar-umbi untuk meraih penyertaan dan penglibatan komuniti. • Pendekatan ini membawa kesan positif membina perhubungan kerja yang rapat dengan kerajaan dan komuniti tempatan & di kalangan komuniti akar-umbi. • Perancangan pembangunan terdahulu telah menggunakan CD sebagai strategi utama pembangunan tempatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ia diabaikan dan pendekatan sekarang lebih bersifat <i>top down</i> dan bukan <i>bottoms up</i> dan perkongsian. • Ini terkenal di zaman pentadbiran Perdana Menteri Kedua apabila banyak keputusan untuk mereka di peringkat akar-umbi diambil setelah konsultasi dan perkongsian dibuat dengan penduduk tempatan. • Buku Merah dan pusat pemantauan menjadi ciri-ciri utama metodologi ini. 	<p>Sekali lagi, pembangunan komuniti sangat dipentingkan sebagai satu dasar pembangunan dan strategi di kedua-dua kawasan bandar dan desa. Terutamanya di kawasan bandar di mana terdapat ramai keluarga berpendapatan rendah di rumah dan pangsapuri awam yang tinggi dan berkost rendah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan perlu memperkenalkan semula pendekatan pembangunan komuniti ini di mana komuniti tempatan menjadi pusat pembangunan tempatan dan mereka tidak tersisih dari keputusan melibatkan bisnis-besar dan ekonomi. • Desentralisasi dan pengkayaan komuniti tempatan adalah ciri-ciri penting dalam memastikan pemilikan lebih besar dan memupuk sinergi di peringkat akar-umbi, tidak kira komposisi etnik atau agama, keluarga dan komuniti tempatan di peringkat daerah atau pihak berkuasa tempatan.

Jadual disemak mengikut Minit NUCC– Sept 17, 2014 (Bil 5/2014)

SUBJECT	ACHIEVEMENTS	CHALLENGES	RECOMMENDATIONS
<p>12. Ratification of ICERD</p>	<p>Malaysia telah meratifikasi tiga teras konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Hak Kanak-Kanak, Hak Wanita, dan Hak Orang Kurang Upaya.</p> <p>Malaysia aktif di peringkat PBB dan Asean</p> <p>Malaysia telah mengungguli isu mengenai agama dan golongan minoriti</p> <p>Malaysia telah meminda Akta ISA, EO dan AUKU</p> <p>Perdana Menteri telah berjanji akan meminda Akta Hasutan dan memperkenalkan akta baru iaitu Akta Harmoni</p>	<p>Namun begitu, Malaysia masih belum meratifikasikan konvensyen lain mengenai teras hak asasi manusia. Salah satu daripadanya ialah berkaitan hubungan etnik iaitu Konvensyen Antarabangsa PBB mengenai penghapusan diskriminasi ras (ICERD)</p> <p>Malaysia antara 16 negara yang masih belum meratifikasi ICERD. Kesemua ahli PBB telah meratifikasi ICERD termasuk majoriti negara ahli OIC dan Asean.</p> <p>Penggunaan Akta Hasutan dan pendakwaan terpilih dilihat sebagai melanggar hak asasi manusia dan desakan untuk meminda akta ini adalah perlu seperti mana yang telah dijanjikan oleh Perdana Menteri pada tahun 2013.</p> <p>Terdapat kekeliruan oleh beberapa kumpulan individu dalam penggunaan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini bermaksud khas dan bukan bertujuan memberi keistimewaan atau kelebihan kepada ras tertentu terhadap ras yang lain. Artikel ini harus dibaca bersama Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan. Ratifikasi ICERD tidak menggugat peruntukan dalam Artikel 153 kerana ICERD menempatkan tindakan afirmatif bagi menyelesaikan masalah kepincangan sosio-ekonomi masyarakat.</p>	<p>Ratifikasi Malaysia akan memastikan Malaysia bersedia mematuhi piawaian antarabangsa semasa mengetengahkan isu diskriminasi dalam masyarakat di Malaysia sama ada dalam sektor awam atau swasta.</p> <p>Konvensyen ini tidak menentang tindakan affirmative seperti mana Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan yang dilihat sebagai peruntukan yang merujuk diskriminasi positif adalah perlu kesan daripada kepincangan sejarah, sebagai usaha membantu 40% golongan miskin tegar.</p> <p>Ratifikasi mempunyai kesan relevan secara langsung terhadap pembangunan inklusif dan memastikan gabungan perpaduan nasional, penyatupaduan, dan kesepaduan sosial di kalangan pelbagai komuniti.</p>

SUBJECT	ACHIEVEMENTS	CHALLENGES	RECOMMENDATIONS
<p>13.</p> <p>Local Governance</p>	<p>Terdapat 146 Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia termasuk Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah, dan penguatkuasa khas.</p>	<p>Pilihan Raya diperingkat kerajaan tempatan telah dihentikan pada pertengahan tahun 1960an.</p> <p>Terdapat jurang perbezaan yang besar dalam aspek demokrasi dan urustadbir kerana ketiadaan pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan ini.</p> <p>Pemastautin tempatan dan golongan 40% miskin tegar dilihat terasing daripada kerajaan tempatan, misalnya JKKK adalah aktif di kawasan luar Bandar dan tidak di kawasan Bandar.</p> <p>Adalah difahami dan ketahui umum bahawa Ahli Pemastautin dan Rukun Tetangga tidak mempunyai peranan yang penting dalam membuat keputusan sepertimana ahli JKKK di peringkat daerah.</p> <p>Terdapat rungutan yang banyak mengenai campur tangan kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Sistem yang begitu berpusat memberi impak negatif terhadap peranan dan pencapaian kerajaan tempatan.</p>	<p>Adalah perlu memastikan golongan 40% miskin tegar terutamanya kejuranan rumah kos rendah di Bandar-bandar, mempunyai suara di peringkat kerajaan tempatan untuk menunjukkan rasa sepunya di kawasan mereka ini.</p> <p>Sokongan yang kuat dinyatakan di sini untuk Kerajaan Pusat menilai semua isu pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan dan memberi pertimbangan serius untuk memperkenalkan semula sistem ini.</p> <p>Mekanisme di peringkat bawahan perlu diwujudkan untuk menggalakkan partisipasi orang ramai sebagai usaha memelihara hubungan kerjasama dan rakan kongsi dengan masyarakat tempatan.</p> <p>Terdapat keperluan untuk menyusun semula kerjasama antara agensi dan di kalangan agensi di peringkat kejuranan dan tempatan sebagai usaha memastikan koordinasi dan implementasi perancangan adalah efektif di peringkat akar umbi</p> <p>Kewujudan JKKK di kawasan Bandar perlu diberi pengiktirafan dan diperkasa untuk menjalankan tugas dengan berkesan di peringkat tempatan. Ahli JKKK mestilah mewakili semua kumpulan atau komuniti yang menetap di kawasan tersebut.</p> <p>Aspek urustadbir tempatan perlu memberi keutamaan kepada perpaduan nasional dan penyelesaian konflik bagi membina kerjasama kukuh di peringkat akar umbi.</p>

4. Jawatankuasa Belia dan perpaduan

Kumpulan Kerja 4 – Belia Dan Perpaduan

Jawatankuasa Belia dan Perpaduan dipengerusikan oleh Tuan Haji Mohamed Maliki Mohamed Rapie (Pengerusi), Pn Wardina Safiyyah Fadlullah Willmot, Dr. Bilson Kurus @ Belson Bingku, En. Tan Yew Sin, En. Mohd Arif Irwani Azahari, Prof. Madya Dr. Isma Arif Ismail, En. Mohd Zaidi Aziz, Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamad, En. Kevin Lim Thein Phin, YB. En Mohamed Razi @ Ricky Sitam, En. Low Eng Tack dan En. Mahendran a/l Nadason.

Pakar rujuk: Dr. Anis Yusal Yusoff.

Pengenalan

Hasil daripada mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa kerja Belia dan Perpaduan, lima program penting telah dirancang. Antaranya yang bertujuan untuk mendapat penglibatan dan input daripada golongan belia mengenai isu perpaduan adalah satu program sembang kedai kopi perpaduan, dua sidang meja bulat, satu *unity corner* dan satu *urban youth hangout*. Tiga program (iaitu sembang kedai kopi, *unity corner* dan *urban youth hangout*) di buat secara santai, manakala dua sidang meja bulat dibuat secara serius dengan penglibatan ahli akademik dan pemimpin masyarakat.

Isu-Isu Utama

KONTRADIKSI Daripada lima program yang diadakan yang antaranya adalah melalui sembang kedai kopi perpaduan, dua sidang meja bulat belia dan perpaduan, *unity corner*, dan *urban youth hangout*, terdapat 3 bahagian utama yang menjadi pilihan golongan belia dalam menyuarakan hasrat dan pandangan mereka. 3 perkara yang utama tersebut adalah: 1) Bahasa, 2) Politik, dan 3) Pendidikan. Belia berpendapat untuk kontradiksi mengenai agama, mereka merasakan program-program berbentuk dialog antara agama (*interfaith dialogue*) perlu diadakan dengan lebih banyak lagi. Apa yang tidak baik adalah program hiburan yang melampaui batas-batas agama atau yang menyentuh sensitiviti agama perlu dielakkan.

PENGLIBATAN SUKARELAAN BELIA - Dalam konteks antara generasi pula, rata-rata merasakan bahawa penglibatan setiap generasi, tua muda dalam

bidang-bidang kesukarelaan adalah sangat penting untuk perpaduan. Apa yang perlu dihindarkan adalah apabila golongan tua ingin terus mengekalkan jawatan dengan meminggirkan pandangan dan kewujudan golongan muda. Adalah perlu untuk perkongsian maklumat dan pengekalan hubungan antara generasi terus berlaku.

KETIDAKSEIMBANGAN SOSIAL - Kumpulan kerja ini juga mendapati dalam konteks kelas sosial, adalah perlu untuk kerajaan mengatasi masalah jurang antara golongan miskin dan kaya, bandar dan luar bandar, Semenanjung dan Borneo.

PROGRAM PELBAGAI BUDAYA - Hasil dapatan input melalui program-program yang diadakan oleh Kumpulan Kerja Belia dan Perpaduan ini, satu perkara yang dilihat sebagai baik untuk Malaysia dalam konteks perpaduan dan etnisiti adalah program kebudayaan antara kaum (sebagai contoh seperti program citrawarna untuk sambutan Kemerdekaan). Program-program seperti ini perlu diperbanyakkan. Program seperti ini boleh mengatasi masalah kurang toleransi antara kaum. Program sedia ada seperti rancangan integrasi murid untuk perpaduan (RIMUP) perlu dikekalkan. Kerajaan dan masyarakat juga perlu memperbanyakkan program “keluarga angkat” menerusi penglibatan semua kaum.

SUKAN MONOPOLI ETNIK - Satu lagi isu penting yang timbul yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah dimana berlaku dominasi atau monopoli satu-satu kaum untuk satu-satu jenis sukan. Sukan harus digunakan untuk memupuk perpaduan daripada menjadi penghalang. Adalah dicadangkan dalam konteks etnisiti, diwujudkan semakan berkala tentang indeks perpaduan dalam kalangan masyarakat.

BAHASA MELAYU DIPINGGIRKAN - Dalam konteks bahasa, mereka merasakan bahawa penggunaan Bahasa Melayu semakin dipinggirkan. Rata-rata suara berpendapat kerajaan perlu memberi keutamaan kepada penguasaan Bahasa Melayu dan pada masa yang sama penguasaan bahasa kaum lain digalakkan melalui pewujudan kelas-kelas bahasa. Pihak kerajaan juga perlu menentukan agar warga asing yang belajar, bekerja, atau menetap di Malaysia perlu menguasai Bahasa Melayu.

PARTI POLITIK MEMPOLITIKAN ETNIK - Dalam membincangkan isu mengenai politik, rata-rata golongan belia berpendapat agar pemimpin tidak mempolitikkan isu antara kaum. Pemimpin yang terlalu fokus kepada politik peribadi ber-

banding masalah rakyat juga adalah faktor yang tidak membantu perpaduan nasional. Sebarang dasar yang tidak konsisten kerana perbezaan fahaman politik parti yang memerintah juga perlu dielakkan.

Cadangan

INTER-FAITH DIALOGUE Program-program berbentuk dialog antara agama (*interfaith dialogue*) perlu diadakan

PROGRAM INTEGRASI Program sedia ada seperti rancangan integrasi murid untuk perpaduan (RIMUP) perlu dikekalkan. Kerajaan dan masyarakat juga perlu memperbanyakkan program 'keluarga angkat' menerusi penglibatan semua kaum.

Program Pelbagai Budaya Program Kebudayaan Antara Kaum

PENGUASAAN BAHASA MELAYU Untuk semua ini dicapai, beberapa perkara baik yang telah wujud dalam negara perlu dikekalkan sebagai contoh: Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) perlu dikekalkan. Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan bahasa kebangsaan perlu dipertingkatkan.

MENGURUS MEMPOLITIKKAN ETNIK Untuk rakyat Malaysia terus hidup aman damai, pemimpin harus mengambil tindakan pantas dalam sesuatu isu walaupun ada kalanya tindakan tersebut bukanlah satu tindakan yang popular. Adalah dicadangkan untuk kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas Parlimen berkaitan isu perpaduan dan mengekalkan dasar yang baik biarpun bertukar kepimpinan dan pentadbiran.

Pembangunan Terangkum Mobiliti dan Jurang Sosial Dipantau dan Uruskan

MENGURUS DAN MEMANTAU HUBUNGAN ETNIK Akhir sekali, kumpulan kerja ini berpendapat pendidikan menjadi teras penting untuk memupuk perpaduan. Dalam konteks ini, kursus hubungan etnik perlu dikekalkan di IPTA/S. Lulus subjek Sejarah untuk SPM juga perlu dikekalkan. Malah kerajaan perlu memikirkan untuk memperkenalkan subjek Perpaduan (latar belakang budaya, adat resam) di peringkat sekolah rendah. Institut Kajian dan Latihan Integrasi Negara harus diperkasa dan Index Perpaduan Negara perlu diwujudkan. Ke-

menterian Pendidikan perlu memikirkan cara pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah dan Sivik agar ianya lebih menarik dan kreatif.

Rumusan

Sebagai rumusan, kumpulan kerja ini merumuskan berdasarkan hasil input golongan belia, bahawa belia negara ini melihat aspek pendidikan, bahasa dan politik sebagai aspek terpenting dalam mempengaruhi perpaduan negara.

Golongan belia juga berpendapat agar ahli politik dan ahli akademik harus bergerak seiring bagi membentuk keseimbangan dalam aspek perpaduan ini.

Berdasarkan program-program berikut:

1. Sembang Kedai Kopi Perpaduan
2. Sidang Meja Bulat Belia Dan Perpaduan: Belia Dan Hak Asasi Manusia Perkembangan Pasca Semakan Berkala Sejagat (UPR) Di Geneva
3. *Unity Corner*
4. Sidang Meja Bulat Belia Dan Perpaduan: Realiti Pendidikan Dan Cabaran Perpaduan
5. *Urban Youth Hangout*

Di bawah ini adalah analisis daripada input belia mengenai apa yang baik, yang tidak baik dan beberapa cadangan mengikut perkara-perkara yang boleh menimbulkan masalah perkauman.

Jadual 4.4 : Analisis mengenai input belia

AGAMA

BAIK	TIDAK BAIK	CADANGAN
Program <i>Interfaith Dialogue</i>	Program hiburan yang melampaui batas	
	Isu sensitiviti agama disensasikan oleh media	

SPATIAL

BAIK	TIDAK BAIK	CADANGAN
	Diskriminasi dalam pekerjaan (tawaran, kenaikan gaji, beban tugas, kemasukan).	

ANTARA GENERASI

BAIK	TIDAK BAIK	CADANGAN
Penglibatan setiap generasi dalam bidang kesukarelaan.	Isu mengekalkan jawatan sesuatu kelompok.	Perkongsian maklumat dan pengekalan hubungan antara generasi.
	Meminggirkan pandangan dan kewujudan golongan lain.	

KELAS SOSIAL

BAIK	TIDAK BAIK	CADANGAN
Program rancangan integrasi murid untuk perpaduan (RIMUP) perlu dikekalkan.	Jurang antara golongan miskin dan kaya, bandar dan luar bandar, Semenanjung dan Borneo.	Memperbanyak program 'keluarga angkat' menerusi penglibatan semua kaum dan kelas sosial.

ETNISITI

BAIK	TIDAK BAIK	CADANGAN
Program kebudayaan antara kaum (citrawarna, Sambutan Kemerdekaan).	Kurangnya toleransi antara kaum.	Wujudkan semakan berkala tentang indeks perpaduan di kalangan masyarakat.
	Aktiviti sukan dan kokurikulum dimonopoli sesuatu kaum.	

NOTA: Terdapat 3 bahagian utama yang menjadi pilihan golongan belia dalam menyuarakan hasrat dan pandangan mereka.

NOTA: Terdapat 3 bahagian utama yang menjadi pilihan golongan belia dalam menyuarakan hasrat dan pandangan mereka

BAHASA

BAIK	TIDAK BAIK	CADANGAN
Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) perlu dikekalkan.	Penggunaan BM semakin dipinggirkan.	Keutamaan penguasaan BM dan pada masa yang sama penguasaan bahasa kaum lain digalakkan melalui pewujudan kelas-kelas bahasa.
BM sebagai bahasa perpaduan dan bahasa kebangsaan.		Warga asing yang belajar, bekerja, atau menetap di Malaysia perlu menguasai BM.

POLITIK

BAIK	TIDAK BAIK	CADANGAN
	Pemimpin mempolitikkan isu antara kaum.	Tindakan pantas pemimpin dalam sesuatu isu.
	Lemah dan tiada hala tuju tentang aspek kepemimpinan.	Menubuhkan jawatankuasa khas Parlimen berkaitan isu perpaduan.
	Takut membuat perubahan.	Mengekalkan dasar yang baik biarpun bertukar kepemimpinan dan pentadbiran.
	Pemimpin terlalu fokus kepada politik peribadi berbanding masalah rakyat.	
	Dasar yang tidak konsisten kerana perbezaan fahaman politik parti yang memerintah.	

PENDIDIKAN

BAIK	TIDAK BAIK	CADANGAN
Subjek hubungan etnik perlu dikekalkan di IPTA/S.	Kewujudan sekolah vernakular-pelbagai aliran	Wujudkan subjek Perpaduan (latar belakang budaya, adat resam) di peringkat Sekolah rendah
	Gagal menamatkan alam persekolahan (Orang Asli)	Silibus Perpaduan, Moral dan Kemanusiaan diwujudkan dalam Institusi Kemahiran
Lulus subjek Sejarah (SPM), perlu dikekalkan.	Tiada kemampuan kewangan (Orang Asli)	IKLIN harus diperkasa dan Index Perpaduan Negara perlu diwujudkan
	Kurang keyakinan diri (Orang Asli)	Wujudkan database yang boleh diakses secara umum tentang kajian perpaduan
	Sesi pembelajaran Double Standard (Orang Asli)	Wujudkan sekolah satu aliran
		Cara pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah dan Sivik perlu lebih menarik dan kreatif
		Pendedahan dan penerangan komprehensif mengenai peluang pendidikan (Orang Asli)

Rumusan

Sebagai rumusan, didapati daripada 9 kontradiksi perpaduan, belia tidak melihat sebarang masalah untuk isu *gender*. Bagaimanapun golongan belia melihat aspek pendidikan, bahasa dan politik merupakan aspek terpenting dalam mempengaruhi perpaduan negara. Belia juga berpendapat bahwa ahli politik dan ahli akademik harus bergerak seiring bagi membentuk keseimbangan dalam aspek perpaduan ini.

5. Jawatankuasa Integrasi Nasional

Pengenalan

Kedudukan integrasi masyarakat Malaysia adalah baik dan boleh menjadi lebih baik dengan pelbagai usaha pengintegrasian yang berterusan dilakukan. Kedudukan masyarakat Sabah dan Sarawak yang terpisah secara geografi telah melahirkan sentimen kenegerian sama ada dalam kalangan penduduk semenanjung mahupun penduduk Sabah dan Sarawak. Tingkat kemajuan yang berbeza juga telah melahirkan berbagai pandangan terhadap masyarakat seberang Laut China Selatan ini serta pandangan mereka terhadap semenanjung. Bab ini cuba mendedahkan kedudukan ini, cabaran yang dihadapi dan jalan penyelesaiannya. Huraian tidak hanya melihat hubungan antara semenanjung dengan Sabah dan Sarawak tetapi juga hubungan antara kaum dalam kalangan penduduk Malaysia keseluruhannya. Persepsi serta stereotaip negatif lahir hanya kerana masalah ketidakfahaman dan bukan kerana sentimen serius yang memecahbelahkan. Interaksi yang semakin meningkat sama ada dari anak semenanjung yang berkhidmat atau belajar di Sabah dan Sarawak dan sebaliknya akan menyuburkan hubungan integrasi. Beberapa dasar utama negara seperti dasar pendidikan, ekonomi dan sosial boleh dimanfaatkan untuk mengurangkan masalah ini, sementara itu dasar yang memisahkan seperti penggunaan pasport atau mykad untuk masuk ke sesebuah negeri boleh merenggangkan. Terdapat beberapa pengajaran dari hubungan harmoni dari Sabah dan Sarawak yang boleh diteladani. Pembangunan seimbang dalam semua pelusok negara didapati menjadi faktor utama yang perlu dititikberatkan bagi meningkat integrasi nasional ini.

Kemajuan Integrasi Nasional

Malaysia memiliki masyarakat yang terbahagi dan secara fizikal terpisah antara semenanjung dan Sabah serta Sarawak. Namun keistimewaan Malaysia kerencaman ini tidak langsung menggugat integrasi nasional. Walaupun melalui beberapa cabaran getir seperti insiden 13 Mei dan Peristiwa Kampung Medan, masyarakat Malaysia masih sepadu terintegrasi. Semenanjung-Sabah-Sarawak masih dilihat sebagai satu entiti yang padu, yakni tidak terpisah dari sudut sosial dan politik antara satu sama lain, amat berbeza dengan masyarakat majmuk lain seperti Pakistan, India dan negara Yugoslavia yang telah terpisah-pisah.

Sabah dan Sarawak hanya terpisah secara fizikal. Alam sosial, politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya tetap bersatu bersama semenanjung di bawah payung Malaysia. Pemimpin dari Sabah dan Sarawak diterima baik di Putra Jaya dan demikian sebaliknya; lihat umpama komposisi menteri kabinet dan lihat juga jawatan tinggi pentadbiran awam, ramai sekali pegawai dari Sabah dan Sarawak, hingga ke tahap peguam negara, hakim mahkamah, speaker Dewan Rakyat dan sebagainya.

Perkara yang sama juga berlaku dalam sistem pendidikan, media dan siaran TV nasional seperti RTM dan siaran TV swasta ASTRO. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga secara umumnya turut diterima dengan baik. Siaran berita, hiburan, acara kebudayaan dan sebagainya meliputi pelbagai negeri mendekatkan masyarakat kita yang dipisah Laut China Selatan. Rancangan khas untuk Sabah dan Sarawak di buat oleh RTM untuk anak semenanjung mengenali dengan lebih dekat.

Dalam aspek pertahanan juga terlihat kerjasama utuh antara Semenanjung-Sabah-Sarawak. Tentera dan pasukan keselamatan dari Semenanjung tidak teragak-agak untuk mempertahankan Sabah dan Sarawak jika terjadi sebarang insiden yang mengancam keselamatan. Begitu juga pasukan keselamatan dari Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan tentera dari Sabah dan Sarawak tanpa ragu menunjukkan sifat juang gigih di mana sahaja bahagian negara ini. Ramai yang dikenali menjadi wira dan diiktiraf bintang keberanian.

Selain itu, turut berlaku perkembangan yang positif dari aspek pengangkutan menghubungkan Semenanjung-Sabah-Sarawak, iaitu percambahan dan perkembangan pesat penerbangan murah yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan seperti Air Asia, Firefly dan Malindo Air. Malahan syarikat penerbangan premium seperti MAS dan MAS Wing juga telah menawarkan tambang yang lebih rendah dan berpatutan ke destinasi yang menghubungkan Semenanjung-Sabah-Sarawak ini. Ini sekaligus telah memberi sumbangan yang besar merapatkan persaudaraan dan meningkatkan integrasi Semenanjung-Sabah-Sarawak. Hubungan warga sesama dalam semenanjung serta sesama dalam Sabah dan Sarawak juga jelas banyak meningkat.

Cabaran

Keharmonian Malaysia ini tidak juga berkembang lancar tanpa cabaran atau dugaan. Insiden 13 Mei dapat dianggap cabaran utama dihadapi oleh masyarakat Malaysia apabila konflik meletus antara kaum khususnya antara Melayu dengan Cina. Ia bagaimanapun tidak berjalan lama dan keamanan dikembalikan dalam beberapa minggu sahaja selepas itu. Selain itu terdapat juga peristiwa lain mencabar keharmonian Malaysia seperti dalam era Darurat dan dua minggu tempoh selepas Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua. Insiden kecil di Pulau Pinang dalam tahun 1960an, Peristiwa Kampung Medan 2001, Sg Petani 2013 dan sebagainya hanya merupakan cabaran kecil yang dapat diatasi dengan segera. Selainnya masyarakat Malaysia memang amat mencintai keamanan dan kemakmuran.

Meskipun Malaysia aman dan makmur ia tidak bermakna juga semua warga puas hati. Kritikan, suara bantahan dan keresahan tetap muncul. Terdapat suara tidak senang yang muncul kerana kesulitan yang dihadapi tetapi terdapat juga keresahan ini muncul sebagai reaksi kepada sesuatu perkembangan, tindakan dan salah faham.

Anak Sabah dan Sarawak sering merasa mereka didiskriminasikan kerana pembangunan yang tidak seimbang antara dua negeri ini dengan semenanjung. Terdapat juga suara yang tidak senang dengan dominasi anak semenanjung dalam jawatan penting. Demikian juga tindakan anak semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak yang membuat kesilapan dengan memberi kenyataan salah seperti "... bila nak datang Malaysia..." dan sebagainya. Kenyataan seperti ini perlu dihentikan dan semua anak Malaysia perlu ditanamkan kefahaman sebenar akan kenegaraan Malaysia.

Isu taraf bumiputera yang berbeza tafsiran menurut negeri juga sering dibangkitkan dalam hubungan integrasi ini. Ia tidak sekadar menggambarkan kategori tetapi boleh memberi dan mengehadkan peluang tertentu, seperti pembelian rumah, tanah dan taraf mendapatkan peruntukan, biasiswa dan sebagainya lagi. Sehubungan dengan ini keperluan anak semenanjung menggunakan pasport atau mykad untuk memasuki Sabah atau Sarawak juga seolah-olah meletakkan taraf yang berbeza dalam kalangan rakyat satu negara. Perkara ini memang telah dipersetujui dalam perjanjian Malaysia namun budi bicara negeri dalam kedewasaan Malaysia melepasi 50 tahun diharap dapat memikirkan semula sekatan ini.

Pemimpin politik pula memainkan peranan yang amat penting sekali dalam memelihara integrasi nasional. Manipulasi sentimen etnik, daerah, agama dan sebagainya hanya mencabar kesepaduan dan integrasi. Pemimpin *cauvinis* hanya memikirkan kepentingan politiknya dan mengharapkan sokongan bertambah dengan manipulasi ini. Bagaimanapun amalan ini amat tidak sihat dan perlu diberi perhatian serius.

Rumusan

Kedudukan integrasi nasional masyarakat Malaysia berada dalam keadaan yang baik. Sebagai sebuah negara sedang membangun, majmuk, secara relatifnya demokratik pencapaian ini boleh dibanggakan berbanding dengan kebanyakan negara membangun yang lain. Perpecahan, konflik etnik dan gerakan pemisahan adalah fenomena janggal di Malaysia, jarang diucapkan malah amat asing dalam minda masyarakat negara ini. Sebaliknya hubungan mesra, kerjasama, kesepaduan, tawar menawar dan permuafakatan lebih lazim digunakan. Asuhan yang diterima oleh generasi muda juga lebih dekat dengan pendekatan kompromi berbanding dengan konflik dan penyatupaduan berbanding dengan pemisahan. Dengan perkembangan positif seperti ini yang bergerak kencang dalam masyarakat Malaysia adalah dijangkakan tahap integrasi nasional Malaysia menjadi semakin mantap.

Jadual 4.5 : Ringkasan dari Jawatankuasa Integrasi Nasional

Perkara yang DISUKAI/POSITIF	Perkara yang TIDAK DISUKAI/NEGATIF	Resolusi Pemurnian NUCC
<p>1. Tafsiran status atau pribumi yang standard</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemahaman yang salah tentang taraf pribumi / Bumiputera antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. 2. Tafsiran pribumi / Bumiputera yang berbeza mengikut negeri. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memahami, meneliti dan mendalami undang-undang berkenaan untuk melihat bahagian-bahagian berkaitan yang boleh ditambahbaik. • Kajian dan penelitian ini kemudian boleh diguna untuk mencipta situasi menang-menang antara Persekutuan-Negeri. • Pengertian konsep bumiputera cuba diselaras sebaik mungkin: <ul style="list-style-type: none"> ○ Isu Tanah, air, agama, Peruntukan khas seperti biasiswa, kontrak, tender dan lain-lain.
<p>2. Anggota Perkhidmatan Awam bertugas di negeri lain.</p>	<p>Terdapat pegawai atau pekerja dari Semenanjung kurang pengetahuan mendalam mengenai masyarakat dan adat budaya etnik dari Sabah dan Sarawak.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mewajibkan pegawai atau staf dari semenanjung menjalani kursus orientasi sebelum bertukar ke Sabah-Sarawak (Buat masa ini hanya diwajibkan kursus kepada staf dari Sabah dan Sarawak sahaja). <ul style="list-style-type: none"> ○ Adakan insentif sebagai galakan penyertaan. • Kursus orientasi juga harus lebih intensif dan mendalam bertujuan memberi lebih pemahaman. • Guru yang bertugas ke sana juga harus diberi kefahaman

Perkara yang DISUKAI/POSITIF	Perkara yang TIDAK DISUKAI/NEGATIF	Resolusi Pemurnian NUCC
		<p>mendalam kerana bertanggung jawab mendidik generasi muda sekali gus mempunyai interaksi dan pengaruh yang besar terhadap anak bangsa.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kursus-kursus patut masukkan bahagian lain seperti kastam, polis dan sebagainya, bukan guru sahaja
<p>3. Pengisian jawatan pentadbiran di agensi kerajaan dan lain-lain organisasi sebaiknya merangkumi pelbagai asal negeri.</p>	<p>Pelantikan ke jawatan pentadbiran yang penting seperti di kementerian, jabatan kerajaan, universiti dll, kebanyakan diisi oleh pegawai dari Semenanjung.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Galakan kepada pelantikan jawatan pentadbiran tanpa mengira asal negeri. Kementerian perlu mewujudkan satu unit pengauditan dan nasihat integrasi /penyertaan pelbagai kaum dalam pengisian jawatan dalam sektor kerajaan dan swasta.
<p>4. Perasaan saling memahami dan menghormati antara semua anggota masyarakat dari negeri yang berbeza.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sensitiviti anak Sabah dan Sarawak terhadap kenyataan warga Semenanjung yang kurang bersesuaian, seperti <i>bila nak datang Malaysia?</i>, <i>Sabah/Sarawak masuk Malaysia</i>, dan lain-lain. 2. Stereotaip negatif terhadap penduduk berdasarkan etnik, wilayah atau agama. 	<ul style="list-style-type: none"> • Media dan sistem pendidikan dari sekolah hingga universiti harus memainkan peranan membendung masalah ini. • Kefahaman sejarah perlu ditingkat dan salah faham di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia perlu diperbetul. Tingkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang sensitiviti masyarakat/etnik lain. • Hentikan amalan "labelling" negatif sama ada dari Semenanjung terhadap rakan Sabah-Sarawak dan demikian sebaliknya. • Adakan lebih program silang budaya bagi memupuk integrasi. Beri kebebasan pada sekolah/institusi/ komuniti untuk

Perkara yang DISUKAI/POSITIF	Perkara yang TIDAK DISUKAI/NEGATIF	Resolusi Pemurnian NUCC
	<ol style="list-style-type: none"> 3. Sentimen negeri, etnik dan agama sempit yang kadangkala dijadikan bahan eksploitasi pemimpin politik. 4. Manipulasi sentimen daerah dalam blog dan laman sesawang lain dalam internet yang membangkitkan sentimen kaum. 	<p>menetapkan aktiviti atau pengisian yang berkesan bersama idea yang lebih segar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Galakkan sektor swasta untuk memainkan peranan mempromosi perpaduan dan integrasi menerusi sumbangan dana dan juga idea. • Galakan sumbangan <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR) syarikat untuk program integrasi nasional. Cadangan pengecualian cukai LHDN kepada penganjuran program integrasi. • Perlu lebih ramai tokoh semenanjung pergi Sabah dan Sarawak. Libatkan diri dalam masyarakat, tubuh NGO, badan kebajikan dll.
<p>5. Sikap pemimpin yang berhemah dan memberi contoh yang baik amat dihargai.</p> <p>Kesemua pemimpin politik perlu kembali kepada perjuangan untuk membina perpaduan.</p> <p>Malaysia harus hapuskan politik perkauman.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sentimen etnik dan agama sempit serta sentimen negeri yang dijadikan bahan eksploitasi pemimpin politik. 2. Manipulasi sentimen daerah dalam blog dan laman sesawang lain dalam internet yang membangkitkan sentimen kaum. 3. Pemimpin politik terlalu fokus 	<ul style="list-style-type: none"> • Larangan yang tegas daripada memainkan isu sensitif etnik, agama dan negeri sebagai peraturan dalam kempen politik. • Membendung "<i>politics of hatred</i>". • Penguatkuasaan dalam undang-undang siber dan lain-lain peraturan dalam menangani eksploitasi isu sensitif agama, etnik dll. • Pemimpin parti komponen yang terdiri dari satu bangsa (contohnya UMNO, MCA, MIC, DAP, PAS dan sebagainya) harus memikir dan mengutarakan kepentingan kaum lain /minoriti dalam ucapan, perhimpunan dan dasar parti untuk memperlihatkan penyatuan atau integrasi.

Perkara yang DISUKAI/POSITIF	Perkara yang TIDAK DISUKAI/NEGATIF	Resolusi Pemurnian NUCC
	berucap untuk kepentingan kaum sendiri dalam ucapan parti. Kurang menggambarkan kepentingan masyarakat Malaysia secara keseluruhan.	
<p>6. Suatu ketika dahulu, lot perumahan terdiri dari pelbagai etnik dalam satu kawasan. Hidup harmoni kerana saling menghormati, mengunjungi dan makan dirumah jiran berlainan agama dan bangsa.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petempatan atau kawasan perumahan yang masih berkelompok mengikut etnik atau kedaerahan. 2. Kurang ruang untuk menggalakkan interaksi antara kaum di kawasan perumahan. 3. Isu segregasi kaum dalam perumahan dan penempatan dan urus tadbir tanah untuk pembangunan di peringkat negeri. Perkara ini mengurangkan pemupukan hubungan harmoni antara kaum. Terdapat kawasan yang 	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakan percampuran dalam penjualan atau pembinaan taman perumahan baru bagi menggalakkan "mix neighbourhood". • Perlu wujudkan ruang interaksi antara etnik (seperti dewan orang ramai, taman rekreasi, kemudahan sukan) di kawasan perumahan. • Mengkaji semula Akta Kerajaan Tempatan berkaitan dengan pemaju perumahan dan peruntukan Lot Bumiputera, dan pelaksanaan rumah kos tinggi/ rendah/ sederhana dalam satu kawasan perumahan bagi mendorong integrasi mesra antara kaum. Semakan boleh dilakukan terhadap butiran berikut: • Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Di semak 1973). Garis Panduan Perancangan Perumahan, diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 2013. ISBN 978-96341729-6-1 • <i>Best practices</i> dari Sabah dan Sarawak perlu diketengahkan juga terutama dalam toleransi interaksi silang agama (interfaith tolerant interaction).

Perkara yang DISUKAI/POSITIF	Perkara yang TIDAK DISUKAI/NEGATIF	Resolusi Pemurnian NUCC
	majoriti Melayu, Cina dan India.	
7. Melihat masyarakat Malaysia secara bersama berkongsi kek ekonomi dengan makmur sejahtera	Kelihatan wujud ketidaksamarataan dalam peluang perniagaan dan keusahawanan.	<ul style="list-style-type: none"> Memberi insentif untuk penduduk pedalaman terutama Sabah dan Sarawak memajukan perniagaan mereka. Menyediakan kemudahan prasarana yang lebih baik bagi meningkat perhubungan. Minta kerajaan pusat buat <i>structural adjustment</i> dari sudut peruntukan supaya lebih inklusif, bukan sahaja Sabah dan Sarawak tetapi juga Kelantan dan Terengganu.
8. Melihat harga barangan yang lebih kurang standard di semua bahagian dalam negara.	Terdapat juga isu harga barangan lebih mahal di Sabah dan Sarawak dari Semenanjung - kos pengangkutan yang boleh menimbulkan rasa seperti berada di negara lain.	<ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan pembukaan lebih banyak kilang di Sabah - Sarawak, antaranya melalui insentif cukai dan lain-lain insentif bersesuaian. Menyediakan kemudahan dan prasarana yang lebih baik untuk menggalakkan pertumbuhan aktiviti perniagaan ini (<i>affirmative action</i>) seperti menambah peruntukan.
9. Kemudahan perjalanan di semua negeri dalam negara yang sama Malaysia	Isu passport/Mykad bagi warga Semenanjung untuk memasuki Sabah dan Sarawak.	<ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan kajian semula difikirkan kerajaan negeri Sabah - Sarawak. Insentif kurangkan cukai untuk CSR pihak swasta. Galak flight konsesi pada penyertaan dari semenanjung untuk program nasional yang diadakan di Sabah dan Sarawak.

Perkara yang DISUKAI/POSITIF	Perkara yang TIDAK DISUKAI/NEGATIF	Resolusi Pemurnian NUCC
10. Pemimpin dan agensi kerajaan memanfaatkan media massa bagi menonjol nilai murni perpaduan	Keadaan semasa di Semenanjung yang kurang integrasi serta nilai-nilai dan semangat perpaduan yang mula terhakis.	<ul style="list-style-type: none"> Merujuk teladan masyarakat Sabah dan Sarawak berkenaan integrasi dan tahap toleransi yang tinggi bagi pelbagai etnik di sana.
11. Penyertaan barisan kepimpinan yang seimbang di peringkat Persekutuan.	Kuasa dan penyertaan politik Sabah dan Sarawak semakin mengecil di pusat.	<ul style="list-style-type: none"> Menambahkan wakil politik bagi mewakili suara rakyat Sabah dan Sarawak dalam kabinet, jawatan penting dan lain-lain.
12. Pemaparan sejarah harus mencerminkan semua bhg Negara	Tidak hanya melihat dari sudut Semenanjung- masyarakat Melayu, Cina, India sahaja.	<ul style="list-style-type: none"> Beri juga tumpuan/perhatian pada apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Buku sejarah, ekonomi, politik atau masyarakat Malaysia perlu mengelak dari hanya mengenai Semenanjung.
13. Integrasi nasional dipupuk juga di peringkat swasta.	Amalan mengambil pekerja berasas etnik dalam syarikat, kilang dan sebagainya di sektor swasta.	<ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan kepelbagaian kaum dalam pekerjaan di sektor swasta bukan sahaja pelbagai etnik tempatan tetapi juga dari pelbagai etnik Sabah-Sarawak dan sebaliknya. Perluasan latihan kemahiran kepada semua etnik agar tidak wujud pengkhususan kemahiran berasaskan kaum dalam masyarakat Malaysia.

Perkara yang DISUKAI/POSITIF	Perkara yang TIDAK DISUKAI/NEGATIF	Resolusi Pemurnian NUCC
14. Adanya kursus hubungan etnik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat segregasi kedudukan dalam kelas, pemilihan tugas kumpulan dll. Segregasi turut berlaku di peringkat pensyarah dan pegawai pengurusan. 2. Pengajaran kursus hubungan etnik belum cukup berkesan. 3. Di peringkat sekolah, tidak ada kursus atau subjek tentang integrasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menanam nilai-nilai integrasi dari pelbagai elemen budaya (bahasa, makanan etc) dalam pembelajaran tadika (kerajaan dan swasta). • Peringkat sekolah mengajar nilai integrasi dan perpaduan dari awal. • Universiti harus berfungsi untuk merangka strategi integrasi menerusi kerjasama dengan Jabatan Perpaduan. • Syarat pemberian lesen untuk menjalankan tadika yang mempromosi integrasi nasional.

Pengurusan

Perkara yang DISUKAI	Perkara yang TIDAK DISUKAI	Resolusi Pemurnian NUCC
15. Wujud satu pusat merujuk apabila muncul isu atau masalah integrasi nasional.	Tiada satu institusi yang benar-benar berkuasa dan menjadi <i>think tank</i> kepada isu-isu integrasi. Hanya jawatankuasa ad hoc terpaksa dibentuk.	<ul style="list-style-type: none"> • Naik taraf JPNIN menjadi satu Kementerian- supaya segala aspek perancangan integrasi nasional berada di bawah kawalan institusi ini. Mempunyai kuasa pelaksanaan (<i>enforcement power</i>) untuk merangka strategi dan melaksana program perpaduan merentasi semua jabatan dan kementerian. • NUCC menjadi satu badan/panel penasihat yang kekal dalam kementerian. • KITA diangkat menjadi Institusi Kajian Etnik di peringkat Nasional dan berhubung rapat dengan JPNIN, NUCC.



BAB 5
INPUT DARIPADA PERJUMPAAN KHAS DENGAN
BADAN-BADAN BERKEPENTINGAN

BAB 5

Abstrak

Pertubuhan masyarakat sivil yang mewakili segenap lapisan masyarakat Malaysia telah mengadakan dialog dengan Majlis Perundingan Konsultatif Nasional (MPKN) untuk berkongsi pendapat, isu-isu dan kebimbangan mereka berkaitan dengan perpaduan dan keharmonian negara. MPKN mengiktiraf input ini sebagai satu proses yang sangat perlu dalam menerima maklum balas, termasuk cadangan. Organisasi yang mengadakan perjumpaan dengan MPKN terdiri daripada organisasi yang mewakili etnik, agama, politik, hak asasi manusia dan pertubuhan berasaskan jantina yang menyatakan kebimbangan mereka dari perspektif pelbagai dimensi tentang idea membina sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu. MPKN mengakui bahawa semua suara dan kepelbagaian ini mencerminkan masyarakat Malaysia. Pandangan, isu, kebimbangan dan cadangan mereka direkod dan akan berfungsi sebagai input berguna dalam merangka pelan tindakan perpaduan negara.

Kata Kunci : Masyarakat sivil, kebebasan beragama, tindakan afirmatif, penyelesaian konflik & Pengantaraan

Pengenalan & Latar Belakang

Selain Dialog Perpaduan dan lima Kumpulan Kerja, MPKN telah menjadi tuan rumah kepada 13 Perbincangan Meja Bulat (PMB) khas yang telah diadakan di antara 11 Mac - 1 Oktober 2014. Tan Sri Samsuddin Osman telah mempengerusikan 13 daripada perbincangan ini manakala yang terakhir telah dipengerusikan oleh YB Dato Dr Mujahid Yusof Rawa. Adalah penting untuk dimaklumi bahawa MPKN telah mengadakan perbincangan dengan jenis organisasi yang berbeza – Berasaskan etnik, berorientasikan agama, aktivis hak asasi manusia, pemimpin parti politik, pemimpin perniagaan, kumpulan pemikir dan badan-badan professional.

Sebanyak 14 Memorandum bertulis telah diterima daripada 13 PMB. Terdapat lima PMB yang tidak menghasilkan memorandum rasmi tetapi minit perbincangan telah dibuat oleh sekretariat. Daripada kesemua 13 PMB, 12 daripadanya merupakan dialog bersama masyarakat sivil manakala baki satu lagi bersama institusi awam, iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Dapatan Utama

Dialog dan perbincangan yang diadakan MPKN telah menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk mengiktiraf ruang formal kepada masyarakat awam dan kumpulan masyarakat untuk menyatakan pandangan dan pendapat mereka. Mereka harus dilihat sebagai pihak berkepentingan utama dalam proses pembangunan bangsa dan boleh menjadi duta aktif untuk memupuk keharmonian dalam masyarakat.

Perbincangan telah menunjukkan keupayaan pertubuhan ini untuk menyerahkan analisis dan keperihatinan mereka termasuklah keupayaan mereka memberi cadangan bersifat objektif dan rasional. Kita mesti bersedia untuk mendengar pandangan daripada pelbagai organisasi di Malaysia yang merangkumi sektor politik, etnik, agama, hak asasi manusia, perniagaan dan profesional.

Menguruskan kebimbangan berkait agama di antara masyarakat majoriti dan minoriti

Perbincangan telah menunjukkan bahawa walaupun isu agama adalah isu sensitif, pihak berkepentingan utama dari semua agama bertemu untuk menyelesaikan isu praktikal secara berulang terutamanya dalam hal mereka yang baru memeluk agama Islam serta isu-isu berkaitan keluarga. Demikian juga kebimbangan yang berkaitan dengan suami atau isteri, hak penjagaan anak, pengaturan pengebumian dan juga perwarisan. Pada masa ini, mahkamah seolah-olah menjadi satu-satunya jalan keluar dan jalan ini juga rumit disebabkan pengasingan bidang kuasa sivil dan syariah. Perbincangan alternatif berasaskan dialog antara agama mungkin perlu disegerakan untuk mengadakan penyelesaian pragmatik dan bukan menggunakan teologi. Seharusnya ada dorongan untuk semua pihak saling menghormati dan menunjukkan persefahaman.

Isu berkaitan dengan tindakan afirmatif atau diskriminasi positif.

Terdapat kebimbangan umum mengenai peruntukan Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang terkandung dalam Perkara 153 berkaitan kedudukan istimewa dan kepentingan sah. Kebimbangan dibangkitkan mengenai penyalahgunaan peruntukan ini serta mekanisme untuk mengkaji dan menganalisisnya.

Cadangan telah dibuat ke atas ratifikasi Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Diskriminasi Kaum (ICERD) untuk memohon satu tanda aras dan pematuhan antarabangsa. Di samping itu, undang-undang Indonesia iaitu Akta Penghapusan Diskriminasi Kaum & Etnik (2008) telah diutarakan. Inisiatif UK berkaitan undang-undang jenayah kebencian serta peranan Polis London juga telah ditunjukkan.

Memupuk penyertaan sosial yang lebih luas dengan menangani ketidakadilan sosial

Salah satu rasa tidak puas hati utama yang memberi kesan kepada hubungan dan keharmonian etnik adalah aspek sosio-ekonomi berkaitan pengecualian sosial yang tidak dapat diselesaikan dan penafian hak yang dialami oleh kalangan masyarakat yang terpinggir dari semua kaum. Isu ini berkaitan dengan akses, sasaran spesifik dan penyampaian yang berkesan. Kesannya merentasi sempadan kaum malah turut meliputi isu-isu jantina dan isu-isu seksual. Dengan ini penegasan kepada keadilan dan kesaksamaan dalam pentadbiran semua perkhidmatan adalah perlu bagi memastikan tiada kumpulan atau masyarakat merasa dipinggirkan dalam hal kemakmuran negara

Analisis

Jelas sekali terdapat dua kumpulan orang yang bertemu dengan kami, mereka menyokong dasar-dasar dan program ke arah pembangunan negara.

Kumpulan 1, merupakan mereka yang komited kepada versi Islam dan masyarakat Melayu sebagai golongan dominan dan majoriti. Mereka perlu mempunyai suara dominan. Hal-hal berkaitan Islam, kedudukan istimewa, kedudukan raja-raja adalah amat penting dan tidak boleh dipersoalkan walaupun pada

peringkat pelaksanaan. Mereka memberi reaksi terhadap hak asasi manusia dan konsep kesaksamaan. Mereka mempunyai komitmen kepada perpaduan negara tetapi dari kedudukan majoriti-minoriti.

Kumpulan 2, yang terdiri daripada kumpulan yang agak besar yang datang dari segenap masyarakat Malaysia termasuk semua kaum dan agama. Mereka mempunyai komitmen yang kepada agama, nilai, hak asasi manusia, demokrasi dan kesaksamaan. Ini bukannya kumpulan Melayu-Muslim – Bukan Melayu & bukan Muslim sepertimana tanggapan sesetengah pihak. Kumpulan 2 ini adalah gabungan pelbagai etnik dan agama, malah melibatkan pelbagai pegangan politik.

Wujud pandangan yang berbeza mengenai MASA DEPAN & WAWASAN MALAYSIA. Wawasan 2020 dan 9 cabaran sebagai rangka kerja bagi memimpin negara telah diabaikan.

Kedua-dua kumpulan mempunyai satu aspek yang sama – kesemua mereka komited kepada Perlembagaan Persekutuan (PP) dan Rukun Negara namun berbeza pandangan dari segi tafsiran PP.

Kedua-dua kumpulan berbeza dalam memahami kemerdekaan Malaysia, sejarah sosial, tadbir urus, dan kedudukan agama, wanita dan minoriti dalam masyarakat.

Pentadbiran perkhidmatan awam juga terperangkap dalam jurang ini dan dengan itu memerlukan panduan yang jelas untuk menjadikan Malaysia benar-benar berlainan.

Kesimpulan

Daripada cadangan-cadangan yang dikemukakan, terdapat tiga bidang utama telah dikenalpasti untuk dipertimbangkan. Ianya adalah:-

Pertama, Pengantaraan Komuniti / Penyelesaian Konflik

Terdapat keperluan segera kepada percambahan minda dan dialog. Walau bagaimanapun kedua-dua kumpulan tidak duduk bersama-sama untuk ber-

bincang atau berdialog. Keadaan ini seolah-olah menunjukkan tiadanya kesepakatan. Mungkin akan timbul satu dimensi politik kepada perbezaan ini maka ia dianggap perlu. baik.

Walau bagaimanapun kita memerlukan kedua-dua kesungguhan dan keberanian politik bagi membolehkan masyarakat sivil, parti-parti politik, sektor perniagaan, media dan ahli akademik yang berbeza pandangan memberikan kerjasama demi pembinaan negara. Kesederhanaan adalah langkah seterusnya dan kita harus menginstitusikan perkara-perkara ini di Malaysia.

Kedua, Memahami Perlembagaan

Pemahaman perundangan yang seimbang dan kefahaman sejarah terhadap Perlembagaan Persekutuan tentang masyarakat Malaysia yang tepat adalah perlu. Prof Shad Faruqi dalam bukunya, *Document of Destiny* telah melakukan huraian yang cukup baik berkenaan hal ini termasuk ucapan dasar beliau dalam Persidangan Undang-undang Kebangsaan 2014 yang telah dianjurkan oleh Pejabat Peguam Negara baru-baru ini.

Versi popular yang relevan kepada kedua-dua aspek sejarah dan kontemporari sangatlah perlu untuk memastikan bahawa Perlembagaan Persekutuan boleh berfungsi sebagai jambatan kepada keharmonian.

Ketiga, Pematuhan kepada piawaian demokrasi, hak asasi manusia dan tadbir urus yang baik di peringkat antarabangsa

Dalam negara mengorak langkah ke arah mencapai Wawasan 2020 kita perlu kembali kepada sembilan cabaran asas Wawasan 2020 dan melihat semula sejauh mana relevan dan kegunaannya yang popular yang akan berfungsi sebagai penanda aras kemajuan berdasarkan kepada sembilan cabaran tersebut.

Pematuhan kepada piawaian antarabangsa mungkin menjadi penanda aras yang baik untuk Malaysia kerana negara menyokong prinsip ini di peringkat global dan dengan itu kita perlu mengaplikasikannya dalam negara.

Hal ini juga relevan kepada anggota perkhidmatan awam di peringkat Persekutuan, Negeri dan peringkat pihak berkuasa tempatan yang perlu kepada orientasi semula ke arah demokrasi, hak asasi manusia dan tadbir urus yang

Jadual 5.1 : Jadual Perbincangan Meja Bulat

TARIKH	ORGANISASI	Memorandum
11 Mac, 2014	Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme Malaysia (MCCBCHST)	Ya
18 Mac, 2014	Jawatankuasa Penyelaras Bersekutu NGO Islam (ACCIN)	Ya
25 Mac, 2014	Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia - (Huazong)	Ya
25 Mac, 2014	Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia	Ya
25 Mac, 2014	Gabungan Dewan Pemiagaan dan Industri Cina Malaysia	5 penyerahan
1 April, 2014	NGO Hak Asasi Manusia yang diketuai KOMAS	Ya
8 April, 2014	Institut bagi Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS)	Power point
15 April, 2014	Sisters in Islam	Ya
23 April, 2014	Majlis Perundingan Melayu (MPM)	Ya
3 Jun, 2014	Persekutuan Kristian Malaysia (CFM)	Ya
12 Jun, 2014	NGO-NGO Berbangsa India	Lisan
17 Jun, 2014	PAS	Lisan
24 Jun, 2014	Persatuan Peguam-Peguam Muslim (AML)	Lisan

Jadual 5.2 : Memorandum Tambahan Yang Dihantar Tanpa Perbincangan

TARIKH	ORGANISASI	Memorandum
1 Oktober, 2014	Penceramah dari Persidangan Kebangsaan Sebuah Malaysia Tanpa Diskriminasi (KOMAS)	Ya
30 Mac 2014	Komuniti Bahai Malaysia	Ya
6 Februari 2015	Masyarakat Bumiputera Siam	YA

Jadual 5.3 : Jadual PMB

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>1. Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme Malaysia (MCCBCHST). - 11 Mac, 2014.</p> <p>Mewakili 5 agama bukan Islam utama di Malaysia.</p> <p>Dibentangkan oleh En Sardar Jagir Singh.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Awam yang diperkenalkan telah mendorong kepada perpecahan kaum di Malaysia sejak 1970. • Perjawatan dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam. • Peranan BTN dan indoktrinasi yang mengangkat 'Ketuanan Melayu'. • NGO Melayu tidak membenarkan perdebatan sihat mengenai isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Perkara 3, Perkara 11 (4) dan Perkara 153. • Fatwa yang dikeluarkan menyekat orang Islam daripada pergi ke tempat ibadat atau meraikan perayaan agama bukan Islam. • Kedudukan Sekolah aliran vernakular 	<ul style="list-style-type: none"> • Punca sebenar perpecahan mesti dikenal pasti dan diteliti dengan betul. Kemudian barulah langkah pemulihan boleh diambil. • Perlu untuk mengimbas kembali tafsiran hak-hak Perlembagaan Persekutuan termasuk merujuk kembali kepada dokumen Suruhanjaya Reid. • Pelaksanaan Perkara 153 yang adil dan penyalahgunaan yang berlaku mesti ketepikan. • Kerajaan Persekutuan harus memastikan bahawa Perkara 11 (3) dihormati oleh semua pihak - Hak-hak bagi setiap agama. • Sekatan ke atas penggunaan

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		<p>dipersoalkan secara berterusan walaupun sekolah-sekolah ini telah dilindungi di bawah Perkara 152 (1) (a).</p> <ul style="list-style-type: none"> Definisi Perlembagaan kepada siapa orang Melayu dalam Perkara 160 memasukkan klausa (a) dan (b) yang diabaikan dan oleh itu menyalahi perlembagaan. Banyak tambahan baru yang statusnya diragui. Masalah berkaitan dengan kebebasan beragama seperti penukaran agama golongan bawah umur, rampasan Injil. 	<p>istilah seperti Allah dan 40 perkataan lain mesti diwartakan berasaskan pematuhan terhadap Perkara 11 (4) berkaitan penyebaran agama.</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlu kepada pembaharuan dalam institusi Badan Kehakiman dan Polis Tentera dengan melantik orang yang sesuai yang akan melaksanakan tugas mereka secara saksama, tanpa rasa takut atau pilih kasih.
<p>2. Jawatankuasa Penyelaras Bersekutu NGO Islam (ACCIN) – 18 Mac, 2014.</p> <p>ACCIN mewakili 18 NGO Islam.</p>	<p>Inisiatif yang baik oleh Kerajaan untuk menubuhkan MPKN bagi menangani kebimbangan terhadap perpaduan negara.</p>	<p>Kedudukan Agama Islam dan hak istimewa orang Melayu dicabar. Suatu perbuatan yang tidak berperlembagaan dan memberi kesan kepada keharmonian antara agama dan etnik .</p> <ul style="list-style-type: none"> Isu berkaitan penggunaan kalimah Allah 	<ul style="list-style-type: none"> Setiap perbincangan dan kata putus dicapai MPKN mestilah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan & Rukun Negara sebagai rujukan utama. Saranan yang tidak selaras harus ditolak. Komposisi keanggotaan MPKN

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>Dibentangkan oleh Ustaz Abdullah Zaik Bin Abdul Rahman.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Isu-isu yang dibangkitkan oleh COMANGO. • Isu media dan lapangan antarabangsa untuk mengengahkan perjuangan mereka. • Bukan muslim mendakwa kebebasan mereka terhad tetapi kajian semula terhadap tempat ibadat berbanding saiz penduduk mendapati lebih banyak tempat ibadat bukan Islam berbanding tempat ibadat Islam. • Perkara yang dibangkitkan oleh Tan Sri Joseph Kurup tentang melupuskan rujukan kepada etnik dalam borang rasmi merupakan satu lagi contoh yang mencabar kedudukan Islam dan bangsa Melayu. • Kerelevanan MPKN dipersoalkan. 	<p>harus meliputi lebih banyak orang Muslim berbanding bukan Muslim supaya lebih mencerminkan saiz populasi. Wakil Muslim harus dicadangkan dan diputuskan oleh ACCIN.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan dalam MPKN harus memfokuskan kepada menyemarakkan keharmonian dan perpaduan nasional dan bukan bersifat seperti "Biro Aduan".

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>3. Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia - (Huazong)- 25 Mac, 2014.</p> <p>Mewakili pertubuhan-pertubuhan Cina di Malaysia.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>	<p>Mengiktiraf bahawa majoriti masyarakat Malaysia mahu membina Malaysia yang bersatu, harmoni, bebas & sejahtera.</p> <p>Berkerja bersama-sama membawa kepada kesejahteraan.</p> <p>Ini bukan hanya peranan kerajaan semata-mata, malah semua rakyat.</p> <p>Menyokong pengwujudan MPKN.</p> <p>Pasar Malam kita mempamerkan betapa kayanya kita dari segi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran mewujudkan perpaduan negara berdasarkan 6 prinsip utama perpaduan nasional. • Memahami- budaya, agama setiap anggota masyarakat. • Peluang yang sama berdasarkan keadilan. • Mengiktiraf sumber & potensi setiap masyarakat dalam memupuk perpaduan nasional. • Semangat bertolak ansur dan bersikap berkecuali tanpa mengira bangsa, agama, jantina, status sosial atau budaya. • Bekerja bersama-sama. • Tidak mempolitikkan perpaduan nasional bagi meraih undi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Meminta MPKN bersikap terbuka kepada semua organisasi termasuk parti politik dalam kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri. • 19 saranan khusus di bawah 6 tajuk utama berkaitan enam cabaran. • Bukan Melayu perlu digalakkan menyertai perkhidmatan awam termasuk Polis. • Usaha yang sama di dalam sektor swasta juga. • Meritokrasi perlu dipastikan dalam perkhidmatan awam, sekolah dan institusi pengajian tinggi. • Semakan semula teks Subjek Sejarah di sekolah.

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
	<p>kepelbagaian dan pilihan untuk membuat pembelian.</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Kepelbagaian harus dihargai. • Hormat dan peka terhadap perbezaan. • Memanfaatkan kepelbagaian etnik demi kemajuan ekonomi dengan menjalin hubungan dengan China, Timur Tengah & India. • Dalam memperjuangkan hak etnik, secara politiknya kita harus mengambil kira keperluan dan sensitiviti masyarakat lain. • Seruan untuk menolak ahli politik yang menggunakan isu kaum sebagai alat berpolitik.

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>4. Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia – 25 Mac, 2014.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>	<p>Terdapat keharmonian, kerjasama dan kesejahteraan sesama etnik di peringkat akar umbi.</p> <p>Penubuhan MPKN adalah objektif kerajaan yang patut dipuji.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pasca PRU 13 telah melihat meningkatnya isu perkauman dan dibimbangi akan memberi kesan negatif kepada hubungan etnik. Pemimpin politik yang tidak bertanggungjawab menggunakan kaum dan agama dengan cara negatif. • Biro Tata Negara (BTN) di Jabatan Perdana Menteri – menyediakan maklumat yang salah dan memprovokasi reaksi kaum. • Media memainkan isu perkauman terutamanya memperlihatkan seolah-olah orang Cina adalah anti-Melayu dan ingin mengambil kuasa mereka. • Peranan yang dimainkan PERKASA – penggunaan istilah pendatang & balik ke negara Cina atau India. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu kepada ruang yang lebih besar untuk berdialog dan perbincangan mengenai kaum, agama dan masyarakat; isu - secara terbuka dan adil. • Menyemak semula program Biro Tata Negara dengan segera dan menghentikannya. • Perlu kepada semakan media dan tindakan tegas apabila sentimen perkauman dibangkitkan. • Kerajaan mesti bertindak ke atas mereka yang mempersoalkan hak kewarganegaraan. • Pastikan bahawa sekolah vernakular dan pembelajaran bahasa ibunda/ bahasa

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran berterusan terhadap kewujudan sekolah vernakular dan tuduhan palsu bahawa kehadiran sekolah tersebut adalah punca perpecahan dalam masyarakat Malaysia. 	<p>masyarakat yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan tidak lagi dipersoalkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlu penghayatan yang lebih tinggi terhadap sistem pendidikan kita yang unik serta menangani banyak isu kritikal yang dihadapi oleh sekolah-sekolah ini seperti guru yang mencukupi, dana yang serupa sepertimana sekolah kebangsaan. • Memperluas jangkauan "Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan" yang dijalankan JPNIN kepada semua sekolah vernakular dengan sekolah kebangsaan.

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>5. Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia – 25 Mac, 2014.</p> <p>Penyerahan 5 memorandum berbeza berdasarkan kumpulan kerja MPKN.</p> <p>Dibentangkan oleh Dato Lim Kok Cheong.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>	<p>Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang melindungi diskriminasi dan menggalakkan kesaksamaan.</p> <p>-Perkara 8 & 12.</p> <p>Cadangan kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan menggantikannya dengan Akta Keharmonian Nasional.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Banyak dasar dan program menampakkan pengasingan kaum antara Melayu dan bukan Melayu. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji Perundangan Indonesia – Akta Penghapusan Diskriminasi Kaum & Etnik (2008) dan mengambil iktibar untuk diaplikasikan dalam konteks Malaysia. • Mengkaji semula semua undang-undang dan program untuk menilai keserasiannya dengan hak untuk kesaksamaan. • Memperkenalkan undang-undang untuk menghukum semua bahan yang mencetuskan perkauman khususnya ucapan kebencian. • Menubuhkan Suruhanjaya Keharmonian Nasional. • Memastikan pelaksanaan & penguatkuasaan yang mencegah

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
Memorandum berkaitan Polisi & Perundangan.			diskriminasi dengan berkesan.
<p>6. Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia – 25 Mac, 2014.</p> <p>Memorandum berkaitan Pembangunan Inklusif.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>	<p>Menyedari kebergunaan dasar awam seperti NEP, NDP, NVP, NEM, GTP & ETP.</p> <p>Mengiktiraf transformasi yang telah berlaku kepada negara ini dari sebuah negara miskin dan berpendapatan sederhana kepada status negara maju menjelang 2020.</p> <p>Mengiktiraf potensi Akta Keharmonian Nasional.</p> <p>Menyokong pengumuman yang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Isu berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan - tidak adil dan saksama dan tidak boleh dicapai oleh semua rakyat. • Ketaksamaan antara etnik dan intra-etnik yang semakin meluas. • Meningkatnya polarisasi di sekolah. • Dimensi perkauman sektor awam & swasta – yang tidak menggambarkan komposisi etnik di Malaysia. • Kesan rasuah terhadap perpaduan nasional. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hayati identiti kebangsaan sebagai rakyat Malaysia sejati- Bendera, lagu, bunga kebangsaan dan Rukun Negara. • Perlu untuk memupuk perpaduan & rasa hormat dalam kurikulum sekolah. • Mengkaji semula perjawatan dan kenaikan pangkat di kedua-dua sektor awam dan swasta. • Membasmi atau mengurangkan rasuah & jenayah melalui ketelusan & akauntabiliti. • Membangunkan sikap bertolak ansur & akomodatif.

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
	dibuat oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Najib tentang Pelan Penyatuan Nasional.		
<p>7. Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia – 25 Mac, 2014.</p> <p>Memorandum berkaitan Pembangunan Bangsa.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri</p>	<p>Konsep 1 Malaysia saranan PM Najib menjadikan Malaysia terkenal sebagai – pelbagai etnik, pelbagai budaya dan pelbagai bahasa yang menjadi ciri unik negara dan menjadikan Malaysia tarikan global bagi pelancongan & pelaburan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Manipulasi agama dan isu agama yang telah menyebabkan hubungan tegang. • Konflik undang-undang dan interpretasi ke atas Perlembagaan Persekutuan dan Negeri. • Kurang rasa saling hormat-menghormati dalam soal kebebasan beragama. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mansuhkan ruangan “bangsa” dalam semua borang-borang. • Perlu anjurkan lebih banyak aktiviti pelbagai budaya terutamanya program dan aktiviti interaktif budaya. • Tindakan undang-undang perlu diambil terhadap kumpulan pelampau yang menghasut kebencian dan keganasan terhadap orang lain atas alasan

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
Samsuddin Osman.	PLKN adalah satu inisiatif yang baik.		<p>agama.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan tindakan afirmatif berdasarkan keperluan dan bukan berasaskan kaum. • Meningkatkan penguasaan bahasa ibunda & mengajar subjek Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. • Adil dan saksama dalam pelaksanaan setiap program pembangunan.
8. Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia – 25 Mac, 2014.	Pembentukan Malaysia merupakan langkah ke hadapan yang positif dan telah menyumbang kepada kemajuan & kesejahteraan	<ul style="list-style-type: none"> • Kurangnya persefahaman terhadap 18/20 perkara-perkara yang dipersetujui semasa pembentukan Malaysia. • Persepsi yang menganggap bahawa sebahagian besar persetujuan tersebut belum dipenuhi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi kes Sabah & Sarawak terdapat keperluan untuk membatalkan semua kad pengenalan dan mengeluarkan semula-kad baru. • Sabah dan Sarawak diberikan bahagian yang adil dan wajar

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>Memorandum berkaitan Integrasi Nasional.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>	<p>Pembentukan MPKN.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Isu kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara sekular terutamanya di Sabah dan Sarawak. 	<p>bagi royalti dan dana mereka untuk tujuan pembangunan.</p>
<p>9. Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia – 25 Mac, 2014.</p> <p>Memorandum berkaitan Belia & Perpaduan Nasional.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>	<p>Mengiktiraf potensi belia & perlunya untuk memanfaatkan semangat, kecergasan & tenaga golongan belia.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kurangnya penglibatan belia dalam khidmat sosial. • Kurangnya perkongsian perniagaan yang merentas masyarakat pelbagai etnik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan juara sukan negara untuk menetapkan contoh yang baik terutama dalam mempromosi semangat patriotik di kalangan belia. • Menggalakkan penyertaan belia dalam kerja khidmat kebajikan dan kemasyarakatan (tuisyen, derma darah) - memupuk semangat kesukarelawanan. • Menggalakkan pembelajaran dan penguasaan bahasa Inggeris

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			<p>terutama dalam dunia perniagaan global.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memupuk platform (landasan) belia dalam sektor keusahawanan dari semua kaum –mengadakan inisiatif berbilang kaum dengan menubuhkan satu jawatankuasa oleh <i>SME Corporation Malaysia</i>.
<p>10 NGO Hak Asasi Manusia yang diketuai KOMAS - 1 April, 2014.</p> <p>Diketuai oleh En Jerald Joseph.</p> <p>11 NGO (Komas, Yayasan Tamil, Majlis Peguam,</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Tiada ratifikasi dan penandatanganan ICERD. Malaysia tergolong di antara 16 negara. • Cara Islam digambarkan dan digunakan sebagai satu kuasa autoritarian. Kumpulan bukan Islam telah menghadapi ancaman, penangkapan dan serangan atas nama Islam. • Kurang peluang bagi bukan Melayu di 	<p>ICERD.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk Malaysia ratifikasi ICERD. <p>Politik Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan kepada masyarakat dan agama minoriti daripada unsur diskriminasi oleh pihak anggota kerajaan dan bukan kerajaan.

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>KRYSS, IRF, Suaram, AWAM, Project Dialog, Aliran & Organisasi Perkhidmatan Manusia.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p> <p>Telah membuat 33 saranan khusus di bawah 9 subjek utama.</p>		<p>universiti awam di peringkat sarjana muda kerana wujud universiti tertentu yang dikategorikan sebagai universiti penyelidikan. Peluang pelajar Melayu semakin cerah melalui peningkatan tempat di UiTM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isu perkauman menguasai ruang awam dan terdapat reaksi kepada bahasa dan paradigma hak asasi manusia terutama dalam sektor awam. • Kurangnya penglibatan bukan-Melayu dalam perkhidmatan awam. • Dasar ekonomi neo liberal yang wujud sekarang ini mengekalkan Melayu Malaysia dalam keadaan miskin dan meningkatkan jurang ketidaksamaan. • Kurang kefahaman dan penekanan kepada peruntukan Perlembagaan terhadap kesaksamaan - Perkara 8 	<p>Pendidikan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji bilangan tempat bagi program ijazah sarjana muda yang terdapat di universiti awam dan memastikan terdapat tempat yang mencukupi untuk golongan bukan bumiputera di semua universiti awam, dan bukan semata-mata tertumpu di UiTM. • Mengkaji semula pelan tindakan pendidikan kebangsaan dan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat mengapa merosotnya keyakinan orang ramai terhadap sistem pendidikan negara. • Menyediakan pra-sekolah percuma yang dibiayai kerajaan

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		<p>(kesaksamaan), Perkara 12 (peluang pendidikan), Perkara 136 (kenaikan pangkat).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kurang kefahaman mengenai peruntukan Perkara 153 – kedudukan istimewa & kepentingan sah. Begitu juga dengan Perkara 89 berkaitan Tanah Rizab Melayu. • Terdapat piawaian antarabangsa berkaitan hak asasi manusia untuk mengkaji semula pelaksanaan tindakan afirmatif. • Banyak lapangan bermasalah bagi kaum wanita terutamanya dalam pelaksanaan undang-undang Syariah. • Komuniti LGBTQ berhadapan masalah disisihkan dalam masyarakat Malaysia- Jantina, seksualiti dan identiti tidak seharusnya menjadi alasan untuk 	<p>dan pendidikan tadika untuk masyarakat miskin yang kini sedang ketinggalan kerana kos yang tinggi. (Buat masa ini, bebanan ini diberikan kepada institusi swasta untuk menaja tetapi ini akan mengakibatkan penduduk luar bandar, dan kawasan-kawasan berpenduduk miskin menjadi tersisih).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mewajibkan subjek Bahasa ibunda di sekolah. • Semua sekolah rendah vernakular bantuan kerajaan diberi status yang sama dengan sekolah rendah kebangsaan dari segi peruntukan, pengembangan pembangunan, kemudahan IT, program latihan dan sokongan

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		berlakunya penganiayaan dan gangguan.	<p>yang lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula syarat kemasukan untuk latihan kemahiran yang sukar, terutamanya untuk kanak-kanak dari masyarakat yang kurang bernasib baik dari segi ekonomi. • Menyemak semula buku-buku sejarah untuk memastikan perjuangan pelbagai masyarakat termasuk kaum minoriti turut digambarkan dengan tepat. <p>Pendidikan Hak Asasi Manusia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kembangkan projek rintis Suhakam berkenaan pendidikan hak asasi manusia ke semua sekolah. • Menyediakan belanjawan yang

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			<p>mencukupi untuk melatih guru dalam hak asasi manusia dan memasukkan hak asasi manusia dalam kurikulum pengajian dari peringkat sekolah hinggalah ke universiti.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memasukkan kurikulum berkenaan kesaksamaan dan anti diskriminasi serta mendidik murid melawan perkauman dan apa yang dimaksudkan dengan perkauman. • Memastikan bahawa kerajaan melaksanakan cadangan mengenai bangsa dan agama yang dibuat semasa Penilaian Warisan Sejagat ke-2 Malaysia di Geneva. • Rangka rancangan jangka

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			<p>panjang untuk menggalakkan lebih banyak pertukaran budaya dan agama.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyarankan supaya kerajaan berunding dengan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil secara meluas tentang Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional untuk memastikan input yang mencukupi daripada pihak berkepentingan dan untuk memastikan bahawa isu bangsa dan agama ditangani dengan betul, selaras dengan hak asasi manusia. • Melarang dan melaksanakan sekatan undang-undang terhadap ucapan meniup kebencian dan perkauman serta seruan kepada keganasan. Ini

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			<p>termasuk mengambil tindakan terhadap mereka yang memegang tampuk kepimpinan yang melibatkan diri dalam ucapan sedemikian.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji sama ada perlunya kepada undang-undang kesaksamaan. <p>Khidmat Awam.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan penyertaan wakil bukan Melayu di semua peringkat, terutama di peringkat membuat keputusan dalam sektor perkhidmatan awam. <p>Isu-isu Sosio-Ekonomi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula DEB untuk menganjakkannya menjadi pendekatan yang lebih

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			<p>berdasarkan keperluan berbanding kaum.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meratifikasi Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya untuk menunjukkan komitmen Malaysia terhadap hak untuk kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan tahap sara hidup yang mencukupi yang telah dijamin dalam konvensyen tersebut. <p>Isu-isu Perundangan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyemak semula objektif Perkara 153. Menyenaikan semua undang-undang yang mendiskriminasi berdasarkan kaum serta mengkaji semula keperluan undang-undang ini berdasarkan kepada objektif-

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			<p>objektif tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula sama ada wujudnya kumpulan tertentu yang memerlukan tindakan afirmatif seperti Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang tidak termasuk di bawah Perkara 153 dan tidak menikmati kesaksamaan substantif berbanding kumpulan-kumpulan lain di Malaysia. • Mengkaji sama ada penduduk asal Sabah dan Sarawak yang tertakluk di bawah Perkara 153 menikmati kesaksamaan substantif dengan kumpulan lain di Malaysia. • Mansuhkan Akta Hasutan dan memastikan bahawa elemen-

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
	<p>Malaysia meratifikasi CEDAW</p>		<p>elemen sama yang terlalu lebar dan luas tidak dimasukkan semula ke dalam apa-apa peruntukan baru seperti Akta Keharmonian Nasional. Sebaliknya gubal undang-undang yang melindungi rakyat daripada diskriminasi kaum dan agama, dan juga lain-lain jenis diskriminasi yang tidak adil.</p> <p>Wanita.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saranan kepada MPKN untuk mengkaji Laporan Alternatif yang dikeluarkan oleh NGO Malaysian iaitu CEDAW dan cadangan yang terkandung di dalamnya. Ini termasuk mengkaji undang-undang yang mendiskriminasi wanita seperti isu kerakyatan, kes rogol dalam perkahwinan dan

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			<p>poligami.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di samping itu, mustahak juga diadakan anjakan ideologi yang perlu untuk membawa perubahan sikap yang berkekalan bagi mencabar pandangan stereotaip terhadap peranan wanita dan lelaki, untuk membawa kesaksamaan substantif dan pelaksanaan undang-undang yang betul. <p>LGBT.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan keseragaman undang-undang di seluruh negara - contohnya di Wilayah Persekutuan, mereka yang memakai pakaian jantina berlawanan boleh ditangkap kerana melakukan kerja-kerja

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			<p>seks, tetapi di negeri-negeri lain, mereka ditangkap atas dasar mereka memakai pakaian berlawanan jantina sahaja.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sediakan pendidikan seks di sekolah-sekolah termasuk berkaitan jantina dan identiti seksual, hak untuk mengatakan tidak dan bagaimana untuk menangani seks secara selamat. • Pastikan perlindungan yang sesuai, kesaksamaan dan bebas diskriminasi bagi komuniti LGBTQ di bawah peruntukan undang-undang. <p>Saranan-saranan lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Media perlu dilatih dalam melaporkan isu kaum dan agama dan tidak semata-mata memberi

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			<p>ruang yang berlebihan kepada mereka yang mempunyai pandangan yang melampau tanpa menyediakan konteks dan ruang untuk mereka yang mempunyai pandangan yang lebih inklusif.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memansuhkan parti politik yang berasaskan kaum atau agama. • Mengkaji semula sekatan ke atas rakyat Malaysia dari Semenanjung yang memasuki Sabah dan Sarawak. • Melibatkan diri dalam dialog antara agama mengenai isu-isu berkaitan kemiskinan. • Kaji semula amalan Jabatan Pendaftaran Negara yang tidak membenarkan bukan Islam untuk

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			menamakan anak-anak mereka dengan nama yang berbunyi Melayu atau Islam.
<p>11. Institut bagi Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) – 8 April, 2014.</p> <p>En Wan Saiful Wan Jan.</p> <p>Individu Sumber : Dr Timothy Shah (Berkley Centre for Religion, Peace & World Affairs).</p> <p>En Eric Treene, Bahagian Hak-hak Awam, Jabatan</p>	<p>Pembentukan MPKN merupakan satu langkah berani.</p> <p>Pembentukan MPKN menunjukkan bahawa kerajaan mengambil berat tentang pelbagai isu negara.</p> <p>Kerajaan sedar akan meningkatnya gejala peselisihan sosial.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian <i>Peace and Word Affairs</i> (Pew) oleh Dr Shah membangkitkan persoalan terhadap keterbukaan agama atau sekatan yang menggalakkan keharmonian. • Kajian Pew menunjukkan bahawa di seluruh dunia terdapat peningkatan sekatan kerajaan terhadap kebebasan awam dan peningkatan kes-kes perselisihan sosial. • Kajian menunjukkan bahawa peraturan-peraturan kerajaan berkaitan hal ehwal agama di Malaysia pada tahun 2012 berada dalam kumpulan yang sama dengan negara China, Russia, Myanmar 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan keraguan terhadap Akta Keharmonian dan mengatakan TIDAK kepada mana-mana undang-undang baru. • Mencadangkan keterbukaan agama atau kelonggaran peraturan agama. • Mencadangkan cara alternatif iaitu untuk mengkaji semula sistem politik yang memecah belah yang memaksa kita untuk berfikir dan mengundi berdasarkan bangsa ataupun agama. • Parti politik berasaskan Etnik

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>Kehakiman, Amerika Syarikat.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>		<p>& Somalia..</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dapatan kajian – peningkatan sekatan tidak menghasilkan keharmonian dan toleransi yang lebih baik. • Kesimpulan: “keharmonian sosial tidak terhasil daripada peraturan tetapi dari kebebasan yang lebih besar” Alternatif kepada undang-undang ketat ke arah keterbukaan agama atau kelonggaran agama adalah cara terbaik untuk menggalakkan keharmonian sosial, kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi. 	<p>adalah tidak relevan jika kita benar-benar menerima antara satu sama lain.</p>
<p>12. Sisters in Islam – 15 April, 2014.</p> <p>Laporan bertajuk <i>Memperkasakan Suara untuk</i></p>	<p>Keputusan mahkamah tentang buku SIS yang menarik balik pengharaman buku berjudul “Women & the Challenge of Islamic</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bantahan terhadap sifat masyarakat Malaysia yang kami gambarkan sebagai–bersifat demokratik moden atau agama yang memecah-belahkan dan regresif. 	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat perlu menghormati hak wanita Islam untuk membincangkan bagaimana undang-undang dan dasar-dasar memberi kesan kepada kehidupan harian mereka

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>Chang. PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>	<p>Extremism". Kes didengar hingga ke Mahkamah Persekutuan yang akhirnya keputusan tetap memihak kepada SIS.</p> <p>SIS menyediakan khidmat nasihat undang-undang berkaitan isu-isu sensitif-jantina berkaitan Undang-Undang Keluarga Islam & Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah. Di antara 2003 dan 2013, mereka telah berkhidmat kepada 9,384 pelanggan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bantahan adalah didasari kefahaman Islam & hak asasi manusia terutamanya dalam konteks apabila Islam semakin membentuk dan mentakrifkan semula kehidupan. • Isu-isu yang berkaitan dengan kebebasan bersuara dan maklumat mengakibatkan ugutan, serangan & tindakan mahkamah terhadap SIS. • Meningkatnya ekstremisme dan sikap tidak bertoleransi kepada idea-idea alternatif dan pemikiran yang berkaitan dengan SIS & Comango oleh kumpulan pendesak seperti Perkasa, ISMA & dan pemain-pemain negeri 	<p>(diskriminasi, merbahaya membetulkan ketidakadilan yang timbul).</p>

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>13. Majlis Perundingan Melayu (MPM) -23 April, 2014.</p> <p>Mewakili 280 NGO Melayu, Muslim dan Bumiputera.</p> <p>Memorandum yang diserahkan dialamatkan kepada PM bertarikh Disember 2013.</p> <p>Ditandatangani oleh Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor.</p>	<p>Mengalu-alukan inisiatif PM dalam membentuk MPKN sebagai suatu platform perdamaian dan perpaduan yang baharu.</p> <p>Mengalu-alukan pendekatan rundingan awam.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • MPM mempersoalkan bagaimana MPKN diwujudkan secara senyap tanpa penyelidikan atau perbincangan dengan kepimpinan negara. • MPM mempersoalkan mereka yang dilantik menganggotai MPKN kerana ada orang yang tidak beriman kepada Allah dan meletakkan penekanan kepada kebebasan mutlak terutamanya yang berkaitan dengan seksualiti termasuk majoriti ahli dilantik yang tidak menerima Perlembagaan Persekutuan – merujuk kepada Islam sebagai agama bagi Persekutuan atau menghormati kedaulatan undang-undang. Antara yang dilantik tidak seorang pun datang dari dunia intelektual Islam atau sejarah tempatan. • Perkara yang berkaitan dengan agama 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara & Kontrak Sosial seperti disarankan oleh pengasa mestilah menjadi asas kepada pembinaan bangsa, perdamaian dan perpaduan nasional. • Bangunkan etika moral (Moral etika tamadun) yang relevan kepada masyarakat Malaysia. • Semak semula perlantikan ahli-ahli MPKN dan sediakan 2 slot untuk NGO Islam. • Pemuktamadan semua saranan MPKN harus melibatkan sesi perundingan bersama NGO Islam.

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.		<p>tidak perlu dibincangkan kerana terdapat satu lagi forum di bawah ini JPNIN.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan bangsa tidak perlu ditumpukan kepada pendekatan pembangunan penjajah atau "Anglo-saxon barat" tetapi harus berlandaskan sejarah Malaysia, bangsa dan warisan negara. 	
<p>14. Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) – 3 Jun, 2014.</p> <p>Dibentangkan oleh Bishop Datuk Ng Moon Hing.</p> <p>Memoradum ditandatangani oleh</p>	<p>Gereja Malaysia kekal tenang dalam konteks tindakan yang diambil oleh pemain di peringkat negeri berkenaan kebebasan agama</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Malaysia menuju bencana jika kita membenarkan suara perpecahan yang melampau (ucapan kebencian & ganas) dan jika kita tidak membina negara ini berasaskan perpaduan. • Sepuluh perkara yang dibangkitkan:- <ul style="list-style-type: none"> ○ Ekstremisme Agama. ○ Penggunaan kalimah Allah. 	<ul style="list-style-type: none"> • CFM menggesa tindakan yang pantas, tegas dan adil untuk menghentikan pelampau yang sering berselindung dengan alasan "mempertahankan Islam" yang tidak diserang. • Silibus BTN untuk penjawat awam, hakim, penggubal undang-undang dan lain-lain perlu mematuhi prinsip-prinsip Rukun

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>Rev Dr Eu Hong Seng .</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p>		<ul style="list-style-type: none"> ○ Undang-undang Islam dan pihak berkuasa yang memberi kesan kepada masyarakat Kristian. ○ Rukun Negara. ○ Ikon perpaduan negara. ○ Polisi Pendidikan. ○ MPKN & kuasa perundangan. ○ Malaysia sebagai negara pelbagai kaum, budaya dan agama. ○ Platform negara bagi dialog antara agama. ○ Perlembagaan Persekutuan & kebebasan beragama Per 11 (3) (a) (b) & (c). ● CFM menyuarakan kebimbangan bahawa beberapa pihak berkuasa 	<p>Negara dan Perlembagaan Persekutuan dengan mengambil kira persekitaran sosial yang berbilang kaum, budaya dan agama di Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Perlu ada program yang konkrit untuk menjelaskan maksud sebenar prinsip-prinsip Rukun Negara. ● Tadika Islam telah ditubuhkan oleh Kemas di banyak tempat dan ini telah mewujudkan polarisasi terutamanya di kawasan majoriti Kristian di Sabah dan Sarawak. Ini perlu dihentikan. ● Ustaz dan ustazah mengajar mata pelajaran selain daripada Islam dihantar ke sekolah di mana majoritinya adalah orang Kristian

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		<p>negeri dan agama telah mengganggu keberfungsian kami mengamalkan hak agama dengan aman serta menguruskan hal ehwal sendiri seperti yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 11 (3) (a) seolah-olah menggunakan undang-undang anti-penyebaran negeri yang diperuntukkan di bawah Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • CFM mahukan pihak berkuasa ini benar-benar jelas tentang kuasa mereka di bawah enakmen negeri itu dan tidak mengambil kuasa berdasarkan kehendak mereka sewenangnyanya lalu membawa kesan buruk bukan sahaja kepada penganut Kristian malah penganut agama lain serta orang Islam sendiri. 	<p>di Sabah dan Sarawak. Ini dilihat sebagai usaha dakwah oleh masyarakat Kristian dan tidak wajar diteruskan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • CFM mencadangkan bahawa satu platform nasional bagi dialog dan pembahasan antara agama yang ikhlas dan bermakna kepada semua amatlah diperlukan. • Mungkin sesuatu yang mirip <i>Singapore Inter-Religious Council</i> perlu dikaji dan manfaatnya (sekiranya ada) boleh dilihat di Malaysia kelak. • Menggalakkan pelajar Kristian dan agama Islam di seminari Kristian dan di fakulti Islam untuk bertemu, dialog dan melibatkan

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
			diri dalam pembangunan negara. Satu contoh ialah lawatan tahunan pelajar dan fakulti di Seminari Teologi Malaysia (STM) di Seremban dengan pelajar dari fakulti serta daripada Jabatan Pengajian Islam UKM.
<p>15. NGO berbangsa India – 12 Jun, 2014.</p> <p>Sembilan wakil berbangsa India dari kalangan pegawai akademik, masyarakat sivil dan PM).</p> <p>Pasukan diketuai oleh Datuk Vaithilingam (Mantan Pengerusi</p>	<p>Mengiktiraf usaha oleh PM Najib dalam menangani kebimbangan masyarakat India sebagai kebimbangan negara termasuk langkah khas yang diambil sejak 2008.</p> <p>Usaha kepada pembangunan sekolah Tamil, latihan kemahiran</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kesan terhadap pindaan Perlembagaan Persekutuan pada Perkara 121 (1a) & berkaitan isu-isu agama yang memberi kesan kepada kebebasan masyarakat Hindu (perbuahan kanak-kanak, isu-isu jagaan, peluk Islam secara rahsia & kematian (proses menuntut badan si mati) & perobohan kuil. • Sekolah-sekolah vernakular perlu dilihat sebagai satu warisan negara dan dibiayai secukupnya dan tidak menjadi sesuatu yang dipersoalkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengguna pakai pendekatan hak asasi manusia yang lebih kukuh untuk menyediakan peluang yang sama kepada semua tanpa mengira kaum, agama atau fahaman politik • Menangani kebimbangan di kalangan kelompok 40% terbawah untuk pembangunan sosio-ekonomi seperti pendidikan, kesihatan, perumahan dan penyertaan dalam masyarakat

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>Hindu Sangam).</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p> <p>Tiada penyerahan bertulis, minit diambil oleh Sekretariat .</p>	<p>untuk belia dan akses kepada kredit mikro & pembangunan perniagaan kecil dan menangani kebimbangan(BC/IC) yang dilaporkan .</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penyesaran pekerja ladang & kemiskinan bandar - pengabaian oleh pihak berkuasa untuk menangani kemiskinan dan kebimbangan kepada ketidaksamaan secara komprehensif. • Pengasingan sosial yang dihadapi oleh kelompok 40% terbawah terutamanya di lokasi miskin bandar yang mengheret orang ke kancah jenayah, kumpulan samseng, keganasan, penyalahgunaan alkohol dan kemunculan kelas bawahan. • Isu-isu yang dihadapi oleh belia yang melalui kelas pendidikan peralihan dan masalah yang berkaitan penguasaan Bahasa Malaysia pada peringkat awal di sekolah rendah. • Isu-isu berasaskan komuniti dan kebimbangan yang dihadapi oleh kaum India miskin yang tinggal di rumah 	<p>setempat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dasar dan program awam perlu terbuka kepada semua masyarakat dan rakyat Malaysia tidak perlu merasa bahawa dia tidak mempunyai hak untuk menyertai atau merasakan mereka menjadi warga kelas kedua. • Menginstitusikan penglibatan sosial dalam Dasar Awam dan mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memastikan penyampaiannya sampai ke akar umbi. • Wujudkan mekanisme aduan yang berkesan. • Memastikan semua kepimpinan setempat kehiranan masyarakat

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		<p>pangsa yang mempunyai masalah utama dalam aspek hubungan masyarakat, akses kepada kemudahan awam dan penyertaan dalam proses membuat keputusan di kawasan-kawasan perumahan miskin di bandar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isu-isu berkaitan dengan konflik di antara kaum Melayu-India seperti di Kampung Medan yang masih tidak dapat diselesaikan kerana penyerangnya masih tidak dibawa ke muka pengadilan dan mangsa terus menderita akibat kesan lanjutan. • Diskriminasi Etnik bagi mereka yang merasa seperti rakyat kelas kedua adalah satu realiti dalam masyarakat India dan akses mereka kepada perjawatan dalam sektor perkhidmatan awam, peluang pendidikan dan latihan kemahiran masih sangat terhad. Sikap 	<p>kawasan bandar menggambarkan semua kumpulan etnik dan kakitangan awam peringkat daerah mempunyai pemahaman yang baik terhadap semua masyarakat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pastikan wujud perwakilan yang tinggi di kalangan etnik minoriti dalam perkhidmatan awam di peringkat kerajaan Persekutuan, negeri dan tempatan. • Memperkenalkan orientasi pemahaman etnik & agama untuk kakitangan awam supaya mereka dapat bertugas dengan berkesan dalam memenuhi keperluan semua rakyat Malaysia.

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		kurang mesra terhadap amalan seperti amalan pemakanan dan agama telah menyesatkan golongan Tamil Hindu dalam sektor awam.	
<p>16. PAS –June 17, 2014.</p> <p>10 ahli PAS diketuai oleh Setiausaha Agung PAS Dato Hj Mustafa bin Ali.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p> <p>Tiada penyerahan bertulis, minit diambil oleh Sekretariat.</p>	<p>Pengiktirafan bahawa tahun-tahun awal adalah lebih baik –dari segi sosialisasi di kalangan pelbagai kaum dan etnik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Krisis kontemporari – mudah untuk mencetuskan konflik antara kaum atau agama. Sebahagian daripada masalahnya ialah politik dan media. Di peringkat akar umbi masalahnya kurang. Persaingan berlaku di peringkat atasan – melibatkan politik. • Isu yang berkaitan dengan pembangunan di Sabah dan Sarawak. • Juga isu-isu pembangunan inklusif di peringkat akar umbi bagi orang Melayu dan etnik minoriti termasuklah kaum India dan Orang Asli. 	<ul style="list-style-type: none"> • Media perlu dikawal supaya tidak menyebarkan berita berbau perkauman. • Mencontohi cara PAS dalam memupuk Perpaduan melalui Biro Perpaduan dengan menyampaikan Islam sebagai satu cara hidup - hidup dalam keadaan aman dengan agama lain dan menghormati mereka dan agama mereka sebagai manusia yang layak dihormati. • Seruan PAS kepada semua Muslim untuk melihat orang Kristian sebagai "Mereka yang beriman

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Wujud ketaksamaan walaupun terdapat banyak projek/program kerajaan. • Perasaan marah yang ditujukan kepada orang Cina disebabkan perbezaan ekonomi. Strategi politik dan taktik yang licik. • Orang Melayu bergelut dalam sektor swasta & bersaing dengan buruh asing juga terutamanya sektor tidak rasmi. 	<p>dengan kitab" & dan tanggung jawab muslim dalam menjaga keselamatan tempat ibadah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlu kepada komitmen & mekanisme yang lebih kukuh bagi dialog dan persefahaman antara agama supaya dapat hidup bersama jiran yang baik. • Tangani isu kemiskinan bagi semua rakyat tanpa mengira perbezaan kaum, agama, politik atau jantina mereka, dan memastikan tidak ada yang disisihkan.
<p>17. Persatuan Peguam-Peguam Muslim (AML) – 24 Jun, 2014.</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan kalimah Allah oleh orang Kristian, kes-kes mahkamah tersebut dan seumpamanya telah memberi kesan kepada hubungan antara etnik dan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kita semua perlu menghormati kedaulatan undang-undang dan ahli politik perlu berhenti menukar pandangan dan pendirian mereka berhubung

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>PMB dipengerusikan oleh Tan Sri Samsuddin Osman.</p> <p>Tiada penyerahan bertulis, minit diambil oleh Sekretariat.</p>		<p>antara agama di Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ini merupakan isu yang diketengahkan yang dipengaruhi emosi kerana AML tidak bersetuju bahawa orang Kristian dibenarkan menggunakan kalimah Allah. • Walaupun penduduk Sabah dan Sarawak menuntut bahawa mereka telah mengguna pakai kalimah Allah untuk merujuk kepada Tuhan, mereka tidak mempunyai bukti untuk membuktikannya. • Walaupun kita menerima Malaysia bukanlah sebuah negara Islam yang mutlak, ia juga bermaksud Malaysia bukan negara sekular. 	<p>perkara ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kita mesti mempunyai program pendidikan yang baik dan tanamkan di dalam diri bahawa negara Malaysia tidak bermula pada tahun 1957 dengan merujuk kepada sejarah, Perlembagaan, hubungan persekutuan-negeri dan sebagainya.
<p>18. Penceramah dari Persidangan Kebangsaan</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Pengalaman UK – Dikongsikan oleh Paul Giannasi – Penguasa Polis UK). • Di UK, hukuman yang lebih berat akan 	<ul style="list-style-type: none"> • Disarankan bahawa MPKN mengkaji contoh-contoh dari negara-negara lain seperti United.

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
<p>tentang Sebuah Malaysia Tanpa Diskriminasi – 1 Oktober, 2014.</p> <p>11 orang dengan 5 individu sumber – 3 luar negara menyertai. Pasukan diketuai oleh En Jeralf Joseph dari Komaz.</p> <p>PMB dipengerusikan oleh Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa.</p>		<p>dikenakan jika jenayah bersentimen kebencian telah dilakukan. Jenayah benci melibatkan kesalahan yang didorong secara keseluruhannya atau sebahagiannya oleh salah satu sebab-sebab berikut - bangsa, agama, orientasi seksual, hilang upaya dan transeksual. Sesuatu jenayah diklasifikasikan sebagai jenayah benci apabila ia dikenal pasti sedemikian oleh mangsa atau ahli-ahli keluarga mereka.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di UK penggubalan undang-undang dan program berkaitan jenayah benci telah membawa perubahan besar kepada cara tugas pengawasan dijalankan. Perubahan ini telah dicetuskan oleh pembunuhan Stephen Lawrence, yang merupakan anggota polis yang mengendalikan kes itu dan siasatan selanjutnya. 	<p>Kingdom dan Indonesia dalam pelbagai langkah yang telah diambil mereka. Ini boleh dijadikan sebagai satu kajian kes dalam Rangka Tindakan Perpaduan Negara.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat kepercayaan yang kuat bahawa cara terbaik untuk menangani ancaman pelampau adalah dengan melibatkan komuniti dan bukannya mengawal mereka, ke suatu tahap di mana komuniti itu sendiri dapat mengasingkan ancaman dari dalam. • Mustahak bagi laporan rangka tindakan MPKN didedahkan kepada masyarakat awam sebaik sahaja ianya dikemukakan dan dibentangkan di Parlimen untuk

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Prinsip utamanya adalah tidak ada hierarki perlindungan. Perlindungan daripada jenayah benci adalah sama rata kepada semua kumpulan agama dan kaum, termasuk ateis. Undang-undang tidak melindungi negeri, parti politik, atau raja daripada ucapan yang menyakitkan hati. • Undang-undang Kufur yang telah dilihat sebagai menyebelahi Gereja England, dan meninggikan satu kelompok masyarakat di atas yang lain, telah dimansuhkan. • Di UK terdapat Suruhanjaya Bebas Aduan Polis yang meneliti kerja-kerja polis dan pihak polis berkerjasama dengan Suruhanjaya Kesaksamaan dan Hak Asasi Manusia. 	<p>dibahaskan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Adalah penting untuk memastikan bahawa agama yang tidak dimanipulasi oleh para pemimpin untuk kepentingan politik di Malaysia. • Perlu ada keseimbangan di antara melindungi melindungi orang ramai daripada diskriminasi dan jenayah benci dan mempertahankan kebebasan bersuara. • Kehadiran pelarian dan pendatang tanpa izin di Malaysia tidak boleh diabaikan. Terdapat juga isu-isu kesihatan awam yang berisiko, yang akan memberi kesan kepada semua rakyat Malaysia jika ia tidak ditangani

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Paul membentangkan satu salinan - "Tackling Hate Crime-2014 Operational Guidelines" yang telah dijalankan oleh Kolej Polis UK. • Pengalaman indonesia – Ahmad Zainil Hamdi (Gusdurian Network Institute). • Indonesia telah menunjukkan kemajuan dalam menangani diskriminasi sejak berlakunya reformasi politik 1998. • Pada tahun 1999, iaitu setahun setelah berlakunya reformasi, kerajaan Indonesia telah meratifikasikan ICERD. Pada tahun 2008, satu undang-undang anti-diskriminasi kaum telah diluluskan, yang menjadikan haram bagi sesiapa untuk mendiskriminasi atas dasar kaum atau etnik. • Indonesia telah berjaya menangani masalah diskriminasi terhadap orang 	<p>sebaiknya.</p>

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		<p>Cina, serta bekas ahli Parti Komunis Indonesia dan keluarga mereka, yang merupakan isu serius dari tahun 1965 di bawah perintah baru Suharto. Sebelum ini mereka telah dihalang daripada memasuki arena politik, namun sekarang tidak lagi, dan yang terpilih menjadi gabenor Jakarta merupakan seorang lelaki Cina yang dihormati ramai.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Etnik tidak disenaraikan dalam kad pengenalan. Terdapat juga usaha untuk menghapuskan agama daripada kad pengenalan. • Pertukaran agama dibenarkan, dan orang Islam dan bukan Islam boleh menukar dari satu agama yang lain dengan mudah. Namun begitu ada suatu undang-undang yang melarang orang dari agama yang berbeza daripada berkahwin. Walau 	

PENYERAHAN	PENCAPAIAN	CABARAN	SARANAN
		<p>bagaimanapun, ramai orang bertukar agama untuk berkahwin dan kemudiannya kembali kepada agama asal mereka. Rakyat Indonesia secara majoritinya masih Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di Indonesia, Semua agama dibenarkan untuk menggunakan kalimah Allah untuk merujuk kepada Tuhan. • Melalui pemimpin seperti Gus Dur, wacana berhubung hak asasi manusia telah diterima masuk ke dalam ilmu Islam dan telah disambut dengan begitu baik oleh rakyat Indonesia. 	

A close-up photograph of a person's hand holding a small, vibrant green seedling with dark soil. The seedling has a thin stem and several leaves, including a pair of cotyledons at the top. The background is a soft, out-of-focus warm light. The text 'BAB 6' and 'ANALISIS MEDIA MASSA' is overlaid in the center of the image.

BAB 6
ANALISIS MEDIA MASSA

BAB 6

Abstrak

Media telah menjadi saluran yang baik untuk orang awam membincangkan perkara berkaitan MPKN. Perbincangan yang berlangsung menjadi hangat pada dua tahap. Pertamanya pada masa MPKN baru diisytihar untuk dilancarkan dan keduanya ialah pada masa suruhanjaya ini mengadakan perbincangan awam untuk mendapat maklum balas kepada draf rang Undang-undang Harmoni yang disediakan. Proses penglibatan media dalam hal ini telah memberi pengajaran kepada MKPN termasuk dalam menerima hakikat betapa terdapat sebahagian dari orang awam yang menerima baik MKPN manakala sebahagian lagi tidak. Pihak media terutamanya media sosial telah menjadi ruang kepada lebih ramai anggota masyarakat terlibat membincangkan hal penting MKPN terutama dalam memberi input kepada penggubalan Blueprint Perpaduan Nasional ini. Bab ini cuba memberi analisis kepada 44 hasil tulisan media yang memberi analisis kritikal MKPN termasuk memberi cadangan khusus untuk ia terus berkembang.

KATA KUNCI : Media sosial, penglibatan awam, rang undang - undang harmoni

Pengenalan

Adalah amat menarik untuk memerhatikan bagaimana MKPN dan perkara lain berkaitannya telah berjaya mendapat liputan media baik dalam bentuk cetak mahupun media sosial. Analisis ini cuba melihat liputan ini dalam dua waktu. Pertamanya semasa menjelang penubuhan MKPN yang terbit dalam media Bahasa Inggeris pada masa 9 Mei 2013 dan 1 Januari 2014. Waktu kedua ialah antara 5 Jun dan 17 Julai 2014 yang melibatkan perbincangan ramai akan Rang Undang-undang Harmoni Kebangsaan ini.

Perlu diingat bahawa isu perpaduan nasional merupakan satu isu yang menarik perhatian awam dan mereka menaruh harapan yang tinggi kepada MPKN untuk menangani masalah ini. Perkara ini penting memandangkan ia merupakan pandangan orang ramai. Komen-komen yang disuarakan telah dilahirkan secara ikhlas dan terdapat juga yang ragu-ragu, namun semua ini telah disuarakan di khalayak awam. Apa yang positif ialah semuanya berpandangan MKPN merupakan satu instrumen yang penting dalam memperkukuh kesepaduan nasional di Malaysia.

Analisis fasa pertama dibuat terhadap 15 artikel berita dan dalam fasa kedua dibuat terhadap 29 liputan media.

Latar Belakang

Mesyuarat semua anggota MKPN telah diadakan pada 17 Mei 2014 dan telah bersetuju supaya Kumpulan Undang-undang dan Dasar berbincang dengan pelbagai kumpulan masyarakat mengenai cadangan Rang Undang-undang Harmoni. Pertubuhan Proham dan GMM telah menganjurkan perbincangan pada 5 Jun 2014 dan pada masa ini En Lim Chee Wee sebagai Naib Pengerusi kumpulan ini telah membentangkan kertasnya. Perbincangan ini telah mendapat komen dan liputan media yang menggambarkan reaksi negatif sebahagian orang ramai terhadap Rang Undang-undang ini. Perbincangan yang diadakan telah menjawab pelbagai kritikan dan komen masyarakat awam terhadap usul ini.

Perlu diingat bahawa pendekatan MKPN terhadap perpaduan nasional adalah bersifat holistik. Rang Undang-undang yang dicadang adalah sebahagian dari rangkaian cadangan lain dari program pembangunan inklusif, kesedaran dan pendidikan.

Dalam konteks ini perlu diingat juga bahawa undang-undang hanya merupakan satu komponen manakala mekanisme institusi yang efektif adalah perlu dalam melengkapi pelbagai cadangan untuk memperkukuh hubungan antara dan intra etnik dalam masyarakat Malaysia.

Penemuan Utama

Ulasan media telah memberi lima kunci utama dalam usaha formulasi Blueprint Perpaduan Nasional. Ianya termasuklah aspek berkaitan dasar awam, perkara berkaitan dengan pendidikan, penyusunan semula perkhidmatan awam, penyusunan semula undang-undang negara dan perkara berkaitan dengan parti politik.

Terdapat gesaan supaya orang ramai memperkukuh lagi penerimaan mereka kepada hakikat sejarah Malaysia dan identitinya dan dalam masa yang sama usaha menguatkan dasar persamaan warganegara, satu pendekatan berasaskan kewarganegaraan juga amat perlu dibentuk. Sudah terdapat banyak permintaan supaya dalam membina model Malaysia, dihentikan amalan rasisme dalam ucapan dan perlunya penyemakan semula institusi bersifat satu budaya, etnik dan agama dilakukan. Suara yang mahukan penyusunan semula perkhidmatan awam turut ditimbulkan di samping suara yang tidak senang dengan Biro Tata Negara. Tambahan lagi terdapat juga permintaan supaya keahlian parti politik bersifat terbuka dan bebas dari asas etnik.

Liputan media terhadap Rang Undang-undang Harmoni telah menunjukkan betapa keterbukaan tidak semesti menghasilkan keputusan yang diharapkan. Suara orang awam yang diperolehi, didapati mencukupi untuk menggambarkan penolakan mereka, di samping persoalan yang dibangkitkan, termasuk pelbagai cadangan mereka.

Kelihatan seperti telah wujud satu konsensus dalam usaha membentuk satu entiti yang kekal dalam mempromosi harmoni, pemantauan prosesnya termasuk usaha mengatasi masalah yang berkaitan dengan ini. Aspek ini diliputi dalam dua dari tiga draf rang undang-undang ini. Bagaimanapun hal berkaitan dengan pengekal peruntukan Akta Hasutan dalam melindungi perkara berkaitan Agama, Ras, Raja-raja dan Kewarganegaraan dituntut kuat oleh kumpulan tertentu. Namun perbincangan yang mencukupi tidak dibuat bagi mewujudkan satu kompromi yang diterima bagi kedua-dua kumpulan ini.

Analisis

Media cetak dan media sosial telah memberi liputan meluas terhadap hal berkaitan MKPN terutama pada peringkat awal pembentukannya dan semasa Rang Undang-undang Harmoni diperbincangkan orang ramai. Proses perund-

ingan yang memberi ruang kepada mengeluarkan pendapat ini adalah amat penting dalam pemerintahan demokrasi.

Dalam melihat komen-komen akhbar utama, kelihatan kedua-dua pandangan positif dan negatif itu wujud. Perlu diperhatikan betapa terdapat pandangan pesimistik orang awam terhadap MKPN apa lagi dalam memenuhi tujuannya dalam masyarakat Malaysia. Kita dapat perhatikan bahawa orang ramai mahu mereka diajak berunding dalam pembentukan matlamat, isi yang dibincang dan agendanya.

Mengenai Rang Undang-undang Harmoni, terdapat beberapa pandangan yang menyatakan sepatutnya usul ini tidak diwar-warkan dulu, sehingga menyebabkan banyak tentangan muncul. Keadaan ini agak sukar diterima walaupun diakui usaha merencana dan perundingan yang dilaksana dibuat secara tertutup, tetapi setelah siap ia didedahkan melalui web untuk melihat pandangan awam. Mengurus pendapat awam ini merupakan satu tugas besar.

Ulasan pertama terhadap data MKPN dibuat terhadap 15 artikel berita dan ulasan kedua dibuat terhadap 29 artikel. Perbincangan mengenai penglibatan media ini telah menunjukkan kelaziman betapa akan lahir kumpulan yang menyokong dan satu lagi kumpulan yang menentang. Perbincangan dengan media dan usaha mempengaruhi pandangan ramai dengan itu sebenarnya merupakan satu seni dan proses yang penting di dalam masyarakat yang demokratik.

Perbincangan dan tema yang muncul dalam masa perundingan MKPN ini telah memberi input dan penemuan yang amat berguna. Dalam kita berusaha mendengar suara lain, MKPN juga bergantung kepada media untuk menyelami pendapat awam dan mempengaruhi proses agar diterima orang ramai.

Kesimpulan

Penyebaran maklumat serta penerimaan input melalui media merupakan wadah penting dalam komunikasi. MKPN telah menerima banyak maklum balas yang positif dan negatif. MKPN bertindak aktif dalam proses ini. Ulasan yang dibuat dalam dua masa; ketika peringkat awal penubuhan MKPN dan ketika perbincangan mengenai Rang Undang-undang yang dicadang telah melahirkan satu perbincangan hangat antara media dengan orang ramai.

Kertas 1

Liputan Media Ke Atas Penubuhan MKPN

1. Pelancaran MKPN

Sejak dilancarkan terdapat komen positif dan negatif mengenai majlis ini. Bahagian yang positif perlu diperkukuh manakala yang negatif perlu ditangani melalui pemantauan rapi bagi meluaskan sokongan kepada yang lain.

1.1 Komen Positif

Komen ke atas pandangan Ramon Navaratnam bahawa MKPN adalah 'satu panel tindakan yang amat penting' (Daniel Teoh)

Tempoh enam bulan perlu digunakan sepenuhnya dalam menghasilkan laporan yang baik (Daniel Teoh)

Moga MKPN menjadi satu usaha penyatupaduan yang bersungguh. Usahanya kelihatan meyakinkan. Sukacita dipilih menjadi sebahagian dari majlis ini (Jagir Singh)

MKPN merupakan satu jawatankuasa yang dilantik oleh kabinet, ia bukan satu NGO

MKPN sebaiknya memiliki akses kepada jabatan-jabatan kerajaan

Satu tugas yang berat (Wong Chun Wai)

Tugas yang mencabar (Jeswant Kaur)

1.2 Komen Negatif

Terdapat banyak kata-kata sinis dan sangsi dalam internet (Zainah Anwar)

MKPN – Satu usaha yang berani oleh PM (Lee Yew Ming)

Semacam jalan keluar yang mudah. Bagaimana MKPN boleh mendapat

kepercayaan ramai apabila dalam taklimat awalnya ia tidak akan memasukkan agama. Satu usaha separuh masak. Tidak masuk akal / merepek. Usaha yang tidak sepenuh hati (Kee Thuan Chye).

Sketptikal / meragukan. Walaupun MKPN kelak menghasilkan laporan yang hebat, ada sahaja alasan untuk tidak melaksanakannya. Sama seperti laporan suruhanjaya lain (Kee Thuan Chye)

Dari pandangan *skeptisme* – satu wayang politik yang mudah diketepikan. Satu usaha membazir masa dan tabung cukai orang ramai (Koon Yew Yin)

PM "hentikan menilai orang lain melalui kaca mata ras dan agama" tetapi hakikatnya depan orang ramai bercakap perkara lain – Utusan Malaysia satu alat propaganda Melayu – ultra (Jeswant Kaur)

Rakyat meragukan MKPN berasaskan pengalaman dengan Suhakam – diketepikan oleh kerajaan BN (Jeswant Kaur)

Hakikatnya MKPN tidak perlu jika Najib boleh mewakili semua anak Malaysia – kekuatan moral dan suara hati terletak kepada Najib dan bukan MKPN (Jeswant Kaur)

MKPN tidak sepatutnya menjadi latihan perhubungan awam (Daniel Teoh)

2 MKPN – Garis Panduan

Garis panduan yang ada amat terbatas – hanya 4 bidang – Perlembagaan Persekutuan, nilai dan program (Koon Yew Yin)

Perlu mendapatkan kepercayaan orang ramai. Strategi baru dalam membina pembangunan perpaduan yang diperlukan. Untuk menyelesaikan masalah dan mengurangkan jurang. Semak semula dasar pemerintah yang menyebabkan perpecahan terutama dasar berasaskan etnik (M. Kulasegaran)

Rujuk tulisan penulis tempatan berkaitan tema perpaduan seperti tulisan Muhammad Haji Salleh dan Keris Mas (Daniel Teoh)

Gerakkan dialog antara agama dan Mujahid Yusof Rawa boleh memulakan ini

(Daniel Teoh)

3 MKPN – Cara Operasinya

Ikhlas dan terbuka; innovative dan proaktif; ketepikan *protocol*, satu usaha yang menarik

Ahli-ahli boleh memperkenalkan diri dan melahirkan pandangan kepada cara MKPN berkerja.

MKPN beroperasi secara demokratik dan semua ahlinya diberi layanan yang sama

Perlu kuasa eksekutif dan mesti bebas

Persoalan dibangkit dalam perbincangan mengenai tajuk sensitif tetapi dipastikan bersifat tertutup – hanya untuk keperluan MKPN (Jeswant Kaur)

Bina alat komunikasi interaktif yang berkesan seperti Facebook dan akaun Twitter. Alasan kepada pendekatan perbincangan tertutup adalah untuk membentuk perbincangan yang bebas tetapi keputusannya akan dimaklumkan kepada orang ramai (Jagir Singh)

Majlis ini mesti melibatkan NGO.

4. Komen Mengenai Keahlian MKPN

4.1 Komen Positif

Tokoh dikenali ramai – Tan Yew Sing, Datuk Lim Kok Cheong, Datin Paduka Marina Mahathir, Datuk Dr. Mujahid Yusof Raya, Lim Chee Wain dan Datuk Saifuddin Abdullah (Lee Yew Meng)

Personaliti yang moderat dan dipercayai – Marina, Saifuddin, Navaratnam, Michael dan Zubedy tetapi tertinggal, Chandra Muzaffar (Wong Chun Wai)

4.2 Komen Negatif

Sebilangan ‘pengampu’ turut dilantik
Persoalan mengenai bayaran dan ahli MKPN - berkerja untuk orang ramai?

(Jeswant Kaur)

4.3 Cadangan

Keperluan meningkatkan kepelbagaian perwakilan dari sudut *gender*, kepimpinan muda dan ahli dari pembangkang kerana kini hanya terdapat enam wanita, hanya satu dari ahli parlimen pembangkang dan bilangan golongan muda masih tidak mencukupi (komen dari Marina Mahathir)

Ahli MKPN perlu memilih pengerusi dan timbalannya sendiri.

MPKN juga perlu mendapatkan wakil dari golongan kurang upaya.

5. Perspektif Kepada Perpaduan Nasional

5.1 Polarisasi

“Kita perlu faham apa yang menyebabkan polarisasi (Marina Mahathir)

Perpaduan bukan semata-mata matlamat tetapi satu proses (Marina Mahathir)

5.2 Halangan kepada perpaduan nasional

Isu melaksanakan dasar awam oleh pelaksana tidak mudah dilakukan sama seperti yang ditulis dalam *blueprints* dan program transformasi seperti yang lazim digubal oleh konsultan dari luar negara. Seperti usaha menjeremah ciri-ciri hebat kepada tindakan (Zainah Anwar)

Menghukum pengundi China selepas pilihanraya 2013 sudah tentu tidak membentuk perpaduan (Wong Chun Wai)

Istilah seperti pluralisme dan multi-kulturalisme – tidak tepat dan perlu diketepikan

5.3 Agama dan Perpaduan Nasional

Agama merupakan bahagian utama kepada perpaduan nasional
Ras dan agama dalam politik – ahli politik akan memainkan isu-isu ini (Wong Chun Wai)

5.4 Ahli Politik dan Perpaduan Nasional

Ahli politik yang berfikirkan perkauman dan kumpulan minoriti rasa terpinggir (Wong Chun Wai)

Rasa amat tidak percaya kepada keikhlasan ahli politik tanpa mengira parti (Wong Chun Wai)

Isu etnik dan agama yang merosak kepada Malaysia – dikaitkan dengan ikatan kepartian (Wong Chun Wai)

6. Perkara Penting Untuk Dimasukkan Dalam Blueprint Perpaduan Nasional

Terdapat beberapa cadangan diterima dan ini dikategori dalam lima ruang utama.

6.1 Dasar Awam

Sebagai panduan kepada ketua politik dan komuniti bagaimana untuk melihat masyarakat negara ini. “Kacamata melihat warganegara yang sama haknya dalam masyarakat majmuk” (Zainah Anwar)

Haramkan penggunaan istilah Bumiputera dan bukan Bumiputera – kita semua rakyat Malaysia (Kee Thuan Chye)

Tukarkan tindakan afirmatif kepada program berasaskan keperluan (Kee Thuan Chye)

Nilaikan keberkesanan inisiatif kerajaan 1 Malaysia dan semua pengacauannya (Zainah Anwar)

Semak semua penemuan kajian KITA dan perbincangan meja bulat CPPS mengenai isu Malaysia dan isu lain yang menjadi perhatiannya.

Kerajaan Persekutuan telah menjelaskan bahawa mereka bersedia untuk menerima cadangan MKPN dan tidak melayani laporan ini seperti laporan lain seperti laporan Tun Dzaidin. (M. Kulasegaran)

Penghargaan kepada sejarah dan usaha memupuk perpaduan nasional adalah penting (Anas Zubedy)

6.2 Berkaitan Pendidikan

Hentikan tindakan rasisme di sekolah seperti kata-kata, balik la ke China dan India atau kata kesat keagamaan. Juga semak semula komposisi institusi pendidikan MARA (Kee Thuan Chye)

Hentikan ibadat keagamaan di sekolah (Kee Thuan Chye)

Kebudayaan tunggal yang berkembang di sekolah amat membimbangkan (Anas Zubedy)

Perkenalkan satu sistem persekolahan tanpa aliran sekolah mengikut kaum dan keagamaan (Kee Thuan Chye)

Perlu semak semula peluang pengajian selepas SPM – antara setahun matrikulasi dan 2 tahun STPM yang melahirkan 2 kelompok anak Malaysia yang berbeza (Lee Yew Meng)

Ketidakhadiran dalam ujian kemasukan universiti (M. Kulasegaran)

Semak semula dan kaji sistem pengambilan pelajar universiti. Sistem merit yang ada kini sejak 2003 – tidak adil dan tidak professional (M. Kulasegaran)

Semak semula pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Nasional dan Integrasi yang diperkenal pada 2006 di sekolah. Apakah hasil dari tindakan pelan tindakan ini (Zainah Anwar)

Semak semula kursus Hubungan Etnik yang diwajibkan kepada semua pelajar universiti. Apakah hasilnya? (Zainah Anwar)

6.3 Penyusunan Semula Perkhidmatan Awam

Perkhidmatan Awam – bidang paling penting apabila memiliki 1.5 juta kaki tangan – penyertaan Melayu dalam perkhidmatan awam. Tiga cadangan

khusus: Data mengenai komposisi perkhidmatan awam, penilaian kepada data ini dan usaha untuk merangka agenda penyusunan semula perkhidmatan awam – komposisi dan kecekapan (Koon Yew Yin)

Tutup sahaja Biro Tata Negara (Kee Thuan Chye)

Biro Tata Negara sepatutnya menyebarkan mesej perpaduan nasional (Daniel Teoh)

Semak semula komposisi dan kedudukan pangkat dalam perkhidmatan awam untuk memastikan penyertaan pelbagai etnik dalam semua peringkat

6.4 Penyusunan Semula Kehakiman dan Perundangan

Pelantikan jawatan kehakiman perlu dibuat dengan telus dan perlu diwakili oleh pelbagai ras (Jagir Singh)

Semak semula semua undang-undang yang bersifat diskriminasi dan bekas presiden Bar Council boleh memerhatikan perkara ini (Daniel Teoh)

6.5 Parti Politik

Parti politik mesti membuka keahliannya tanpa mengira etnik – ikuti cadangan Onn Jaafar – dasar semua ras sama (Daniel Teoh)

Rujukan (Nov – Dis 2013)

Apakah MKPN akan menjadi cakup kedai kopi sahaja? Oleh M Kulasegaran (Harakah Daily Nov 26, 2013)

MPKN patut mempunyai perwakilan dari golongan OKU (Star Nov 26, 2013)

“MKPN: Bolehkah ia memberi manfaat?” oleh Daniel Teoh Tzu Young (Malaysian Insider Nov 27, 2013)

NGOs: MKPN perlu bersifat lebih terbuka (Star Nov 27, 2013)

“MKPN merupakan budak suruhan kerajaan yang tidak ikhlas” oleh Jeswant Kaur (Free Malaysia Today, Nov 28, 2013)

“Apa yang patut dibuat untuk perpaduan nasional oleh Kee Thuan Chye (Malaysian Insider Nov 29, 2013)

“Penyusunan semula perkhidmatan awam: MKPN merupakan harapan terakhir” oleh Koon Yew Yin (Malaysian Insider Nov 29, 2013)

“Satu untuk semua dan semua untuk satu” oleh Wong Chun Wai (Star, Dis 1, 2013)

“Banyak yang perlu dibuat tentang hubungan etnik” oleh Zainah Anwar (Star, Dis. 1, 2013)

“Jawatankuasa kabinet yang baru meminta badan Kehakiman dianggotai semua ras: Temubual dengan Jafir Singh (Malaysian Digest Dis 2, 2013)
“MKPN – dan dua pihak ini patut bertemu” oleh Lee Yew Meng (Malay Mail Dis 3, 2013)

“Ahli MKPN: Identiti nasional penting untuk perpaduan: Anas Zubedy (Star Dec 12, 2013)

Ujian Acid untuk MKPN: Semak semula sistem pengambilan pelajar universiti oleh M. Kulasegaran (Malaysian Chronicle Dis 2, 2013)

“Usahakan perpaduan dengan keberanian” Saifuddin Abdullah, (The Edge,

Dis 20, 2013)

Kertas 2

Liputan Media Mengenai Rang Undang-Undang Harmoni Oleh MKPN

Ulasan ini dibuat berasaskan kenyataan 29 media dalam bahasa Inggeris. Semuanya disenaraikan dalam dokumen ini. Daripada 29 tulisan yang terbit, 46 boleh dikenalpasti.

Tulisan ini dikategorikan kepada empat tema, iaitu 7 persetujuan, 14 bantahan, 6 persoalan, dan 19 cadangan.

Meskipun rata-rata suara dalam media bersifat penentangan oleh sebilangan kelompok, namun bila dipecahkan tema dan isu, semua ini merupakan suara prihatin dari pelbagai bahagian masyarakat Malaysia.

Ramai yang telah mengikuti perkembangan MKPN secara serius termasuk kumpulan yang sebelum ini enggan terlibat. Namun ruang demokratik yang disediakan telah membolehkan interaksi positif berjalan.

MKPN telah memberi perhatian kepada suara yang prihatin kepada semua dan telah memastikan bawah semua pandangan diberi perhatian atau kepastian demi kepentingan semua rakyat Malaysia dalam rangka kerja Perlembagaan Persekutuan.

1. Persetujuan

- 1.1 MKPN dengan senang hati mengalu-alu maklum balas orang ramai (Rama Ramanathan)
- 1.2 Bersungguh untuk menangani Artikel 8 (Rama Ramanathan)
- 1.3 Menyambut baik usaha menghapuskan Akta Hasutan (TK Letchumy Tamboo)
- 1.4 Menteri Dalam Negeri memberi jaminan akta baru ini akan memelihara isu sensitif (Malaysiakini Julai 1, 2013)
- 1.5 YB Nancy memberi jaminan peranan Putra Jaya (Malaysia Insider July 2, 2014)
- 1.6 Ambiga menyeru supaya semua memberi peluang kepada MKPN (V Anbalagan)

1.7 Mengalu-alukan dasar telus MKPN (Josef Roy Benedict)

2. Bantahan

- 2.1 Rang Undang-undang tidak menghiraukan kedudukan Islam, kedaulatan Raja-raja Melayu, tidak melindungi kedudukan hak istimewa Melayu (Bernama June 5, 2014; Malaysian Edition Jun 10, 2014; Malay Mail Jun 15, 2014; Borneo Reports Jun 15, 2014)
- 2.2 Tribunal Diskriminasi Ketidakadilan mengambil alih fungsi badan kehakiman (Bernama Jun 5, 2014)
- 2.3 Konsultasi Elitis (Malaysian Insider, Jun 6, 2014)
- 2.4 Tidak perlu undang-undang baru kerana Kanun Kesiksaan sudah mencukupi (MI Jun 6, 2014)
- 2.5 Proses konsultasi – bincang dahulu dan kemudian baru draf usul (Star Jun 10, 2014)
- 2.6 Komposisi MKPN tidak representatif (MI Jun 6, 2014)
- 2.7 Draf rang undang-undang, serah kepada kabinet (Bernama Jun 10 2014)
- 2.8 Draf Rang Undang-undang hanya oleh sekumpulan kecil (Malaysian Edition Jun 10, 2014)
- 2.9 Rang Undang-undang yang dicadang boleh menyebabkan ketaksamaan (MI Jun 12, 2014)
- 2.10 Anda boleh atur perlakuan. Orang ramai tidak akan bersatu selagi undang-undang digunakan (MM Jun 15, 2014)
- 2.11 Najib bermain dengan pembangkang dalam usaha menghapuskan Akta Hasutan (MK Jun18, 2014 & MI Jun 18 2014)
- 2.12 Rang Undang-undang baru boleh menyebabkan kekacauan (MI Jun 30, 2014)
- 2.13 Tun Hamid enggan mengulas (MI July 1, 2014)
- 2.14 Tidak berhasrat menghapuskan hak minority jantina (MI July 7, 2014)

3. Tanda Tanya

- 3.1 Berkesankah undang-undang ini dalam menangani isu konflik semasa seperti gesaan Perkasa – pembakaran kitab Injil atau menampar ahli parlimen tertentu (MI Jun 5, 2014) atau menghentikan tindakan memburukkan golongan minoriti (Ding Jo-Ann)
- 3.2 Bolehkan ia menangani isu Biro Tata Negara? (MI Jun 5, 2014)
- 3.3 Apakah undang-undang sedia ada tidak mencukupi atau kekurangan

- daya politik untuk bertindak? (MI June 16, 2014) dan wujud pendakwaan berpilih seperti peguam negara kini yang mahu atau tidak dalam membuat pendakwaan (MI Jun 6, 2014)
- 3.4 Kenapa 30 dalam ahli suruhanjaya baru ini (Star Jun 10, 2014)
Keengganan melibatkan diri (Sonia Ramachandran)
Suruhanjaya Persamaan di UK hanya mempunyai 10 anggota (FMT Jun 14, 2014)
- 3.5 Kenapa tidak namakan saja usul itu sebagai Akta Kesamaan seperti Akta Equality UK 2010? (FMT Jun 14, 2014)
- 3.6 Kenapa tergesa-gesa mengusulkan rang undang-undang ini?
Kemungkinan memupuk perpaduan adalah rendah (MM Jun 15 2014)

4 Cadangan

- 4.1 Sediakan sasaran untuk menggalakkan kesamaan (Artikel 8 Rama Ramanathan)
- 4.2 Perkukuhkan peruntukan dalam Kanun Kesiksaan (MI Jun6, 2014)
- 4.3 Keluarkan satu kertas putih di Parlimen untuk memberi justifikasi 3 usul ini (Star Jun 10, 2014)
- 4.4 Bentangkan usul tersebut bersama program lain dan bukannya ia sendiri sebagai satu undang-undang (Star Jun 10, 2014)
- 4.5 Apakah cadangan menyeluruh MKPN (MM Jun 15, 2014)
- 4.6 Minta kerajaan membuat kajian terperinci sebelum membuat keputusan ke atasnya (Bernama Jun 5, 2014)
- 4.7 Kepimpinan politik diperlukan dalam membuat keputusan mengenai keprihatinan antara ras (Sonia Ramachandran, MI Jun 5, 2014)
- 4.8 MKPN diberi dua tahun, guna sepenuh masa ini dan tinggalkan kesan baik (Star Jun 10, 2014)
- 4.9 Cuba lihat Akta Vilifikasi Australia 1996 (Bernama Jun 10, 014, Awani Jun 11, 2014)
- 4.10 Semak semula Akta Kesamaan UK (FMT Jun 14, 2014)
- 4.11 Suruhanjaya baru mengaplikasi Prinsip Paris – kemerdekaan (FMT Jun 4, 2014)
- 4.12 Perakukan dulu ICERD dan ICCPR (FMT Jun 14, 2014)
- 4.13 BTN mesti dirombak (MM Jun 15, 2014)
- 4.14 Pendidikan dan pembinaan saling mempercayai amat diperlukan (MM Jun 15, 2014)
- 4.15 Satu parti etnik dan keahlian BN diterima secara langsung (MM Jun 15,

2014)

- 4.16 Laksanakan Prinsip Camden mengenai kebebasan bersuara dan Kesamaan (Ding Joo Ann/ Josef Roy Benedict)
- 4.17 Minta badan Kehakiman bersifat neutral (V Anbalagan)
- 4.18 Minta PM berunding dengan PERKASA (MK July 4 2014)
- 4.19 Pastikan perlindungan kepada LGBT (Eileen Ng)

Rujukan (Jun5, 2014 - July 10, 2014)

Dua perkara penting tidak dimasukkan dalam Akta Harmoni Nasional, oleh Rama Ramanathan (MI 5 Jun 2014)

Majlis Melayu menggesa Putrajaya menyemak semula keputusan memansuhkan Akta Hasutan (Bernama 5 Jun 2014 11.34pm)

McCartney dan NUCC, Goebbels dan siapa? – Rama Ramanathan (MI 6 Jun 2014)

Tiga usul akan menggantikan Akta Hasutan namun orang ramai tidak dimaklumkan, by Sonia Ramachandran (Jun 2014)

Tidak perlu undang-undang baru untuk mendakwa jenayah berat, suara kritikan dalam forum awam oleh Elizabeth Zachariah (Malaysian Insider 6 Jun 2014)

Bekas ketua polis menuntut kertas putih mengenai usul perpaduan, oleh Elizabeth Zachariah (Malaysian Insider 6 Jun 2014)

Lebih banyak pandangan awam diperlukan oleh Wan Saiful (Star Jun 10, 2014)
Tiga Draf Awal Akta Harmony National diterima dari NUCC (Bernama June 10, 2014)

Rang undang-undang Harmoni ditulis oleh ekstremis Islamophobia, dakwa kumpulan Muslim (Malaysian Edition Jun 10, 2014)

Sudah sampai masanya kerajaan mempercepat penghapusan Akta Hasutan, oleh T.K Letchumy Tamboo, (Astro Awani, Jun 11, 2014).

Rang undang-undang Perpaduan akan menyebabkan ketaksamaan ras, kata

Dr. Mahathir (Malaysian Insider, Jun 12, 2014).

Untuk menarik Malaysia keluar dari zaman gelap, kita perlu hadapi diskriminasi ras secara berhadapan, oleh Kua Kia Soong (FMT Jun 14, 2014)

Usul tergesa-gesa MKPN tidak akan mempercepat agenda Perpaduan, kata juru analisis Joseph Sipalan (Malay Mail Jun 15, 2014)

Kata Ibrahim Ali kepada Najib; jangan terima NUCC (Borneo Report, Jun 15, 2014)

Rasa tidak masuk akal pandangan Wong Chin Huat: Apakah Malaysia perlu Undang-undang Ucapan Menanam Kebencian? (Oleh Ding Jo-Ann, the Nut-graph 26 Mei 2014)

Berhenti bermain dengan rentak Pakatan, Dr M mengingati Najib (Malaysiakini Jun 18, 2014)

Memberi laluan kepada Pakatan dalam hal Akta Hasutan hanya akan melemahkan Barisan, kata Dr. Mahathir, oleh Anisah Shukry (Malaysian Insider, kemaskini: 18 Jun 2014)

Menggantikan Akta Hasutan dengan Rang Undang-undang Perpaduan boleh menyebabkan kekacauan, kata Dr. Mahathir (Malaysia Insider 30 Jun 2014)

Putrajaya tidak akan menggubal undang-undang yang boleh mengancam harmoni, kata menteri. By Malaysian Insider (2 July 2014)

Bimbang akan kehilangan hak-hak Melayu, bekas Ketua Hakim menolak lantikan dalam Majlis Perpaduan (MI Julai, 2014)

Semua hakim mesti bersifat neutral walaupun setelah meninggalkan perkhidmatan, kata Ambiga. Oleh V. Anbalagan, Penolong Editor Berita, terbit: 4 July 2014

'Najib, hubungi penyokong Perkasa mengenai Rang Undang-undang Harmoni ini. Malaysiakini Julai 4, 2014.

Tidak berkesan sekiranya Undang-undang Harmoni ini tidak boleh menggigit.

Oleh Josef Roy Benedict FMT Julai 6, 2014

Terus lindungi kelompok minoriti dua jantina ini dalam undang-undang Harmoni, kata aktivis kepada Majlis Perpaduan, oleh Eileen Ng, Malaysia Insider, terbit: 7 Julai 2014.

Bekas Ketua Hakim Negara tidak sepenuhnya jujur, beliau tidak ditawarkan tempat dalam Majlis Perpaduan, kata sumber dari Malaysian Insider, 8 Julai 2014

Kata Bekas Ketua Hakim: Maksud saya Majlis Perpaduan yang lagi satu, oleh Malaysiakini, Julai 10, 2014

Bolehkan Undang-undang Harmoni menggantikan Akta Hasutan? Oleh Malaysiakini Julai 10, 2014



BAB 7
INPUT ANALISIS KAJIAN KITA-UKM

BAB 7

Abstrak

Sejak penubuhan Institut Kajian Etnik (KITA), UKM pada tahun 2008, KITA-UKM telah mengambil beberapa inisiatif akademik dan sokongan terhadap perpaduan nasional, kedamaian dan penyatuan sosial dalam masyarakat Malaysia. Usaha-usaha yang berkaitan dengan kajian akademik ini yang dijalankan oleh felo-felo Institut telah dibiayai oleh sumber-sumber awam dan swasta. Mereka menyediakan satu sumber maklumat, data dan analisis perpaduan nasional di Malaysia yang sangat bernilai. KITA telah memainkan peranan utama dalam kajian pembangunan nasional dan ini dipertingkatkan lagi melalui pemerolehan geran kajian 3 tahun (2012-2014) dari Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Geran Jangka Panjang Bottom-up LRGs yang bertajuk “Program Kesepaduan Sosial Negara” (PADU). Ini adalah kajian akademik terbesar yang ditauliahkan oleh Kerajaan Persekutuan melibatkan 91 orang ahli akademik dari 15 buah universiti di bawah 4 aspek kajian utama. Dr Anis Yusal Yusoff menyediakan butir-butir kajian PADU. Prof Dr Ong Pay Liu menyediakan butir-butir perincian kajian selarasnya di bawah PADU berkisar tentang 1R + 3R, diikuti dengan Profesor Madya Dr Kartini Khalid tentang penerbitan ilmiah dan kajiannya dan Prof Mohd Nor Mansor tentang analisis jangka panjang hubungan etnik di Malaysia dengan cara membangunkan Indeks Ikatan Sosial. PM. Dr. Ahmad Nidzammuddin Sulaiman yang mengetengahkan projek-projek penyelidikan dimana beliau terlibat secara langsung, PM. Salmah Abu Mansor pula melaporkan aktiviti pameran berkaitan dengan etnik yang beliau anjurkan, Datuk Dr Denison Jayasooria turut memberikan butiran penyelidikan sokongannya yang dijalankan melalui Perbincangan Mejabulat dan penerbitan, termasuk kerja-kerja konsultasi yang diadakan untuk Jabatan Perpaduan Nasional dan Integrasi, sewaktu menyediakan dokumen latar belakang untuk menubuhkan Majlis Konsultatif Perpaduan Nasional.

Pengenalan

Kajian akademik dan sokongan dasar yang dijalankan oleh Felo-felo KITA-UKM boleh menjadi sumber input data yang berfaedah untuk tujuan pembentukan Pelan Tindakan Perpaduan Nasional. Dalam bab ini, projek-projek kajian utama yang dijalankan telah didokumentasikan. Projek kajian utama mempunyai kaitan dengan PADU dengan tiga belas projek kajian yang lain. Tambahan lagi, kerja-kerja yang dijalankan oleh Dr Anis Yusoff, Prof. Dr. Ong Pay Liu, PM. Dr. Kartini Aboo Talib, Prof. Dr. Mansor Mohd Noor, PM. Dr. Ahmad Nidzammuddin Sulaiman, PM. Salmah Abu Mansor, dan Datuk Dr Denison Jayasooria. Ini boleh menjadi rujukan dan input yang berguna kepada perpaduan nasional di Malaysia.

Penyelidikan Mengenai Kesepaduan Sosial yang dikelolakan oleh Dr. Anis Yusal Yusoff

PROGRAM KESEPADUAN SOSIAL NEGARA (PADU) Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin serta rakan-rakan telah berjaya mendapat dana dari Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Geran Jangka Panjang Bottom-up LRGs “Program Kesepaduan Sosial Negara” bagi tempoh 3 tahun bermula bulan Januari tahun 2012 sehingga Disember 2014.

Objektif Program

- Mengkaji dan membina kefahaman mengenai kesepaduan sosial melalui pendidikan, governans, pola perilaku hubungan etnik serta politik dan agama untuk menyumbang kepada pembentukan dasar sosial masyarakat Malaysia.
- Untuk membentuk satu rangka kerja bagi memastikan kesinambungan kemapanan sosial di Malaysia dan sekaligus menjadi model bagi negara-negara lain.

Latar Belakang

Untuk meneliti dan membina kefahaman mengenai 'kesepaduan sosial' melalui setiap cabaran yang telah dipilih untuk dikaji berdasarkan signifikannya kepada masyarakat Malaysia, dengan bertujuan untuk mencari penyelesaian melalui *outcome* yang berguna, dalam bidang pendidikan (seperti 1R sebagai model penyatuan yang diikat oleh pelajaran sastera), governan (dengan melihat implikasi amalan federalisme terhadap sektor awam, swasta dan komuniti), pola perilaku hubungan etnik (dari sudut kegiatan di tempat kerja, dalam masyarakat pinggir dan dalam suatu kerangka proses pemantauan berterusan yang berkesan) dan politik dan agama (khususnya melihat punca dan ketahanan wasatiyyah dan cabarannya dalam bentuk prejudis dan stereotaip), untuk menyumbang kepada pembentukan dasar dan selainnya, demi kelangsungan social sustainability Malaysia dan sebagai petunjuk contoh pada negara lain.

Maka rasional Program ini jelas, tuntas, signifikan dan ternyata original. Berikut merupakan senarai *outcome* yang dijangkakan akan dapat dicapai di bawah payung Program Kesepaduan Sosial Negara yang diterajui oleh Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia:

1. Teori/Konsep Kesepaduan Sosial melalui Pendidikan
2. Governan untuk Kesepaduan Sosial
3. Mengenal pasti pola perilaku hubungan etnik
4. Politik dan Agama dalam Kesepaduan Sosial.

Seperti yang disebutkan dalam bahagian objektif program ini, dalam usaha meneliti dan membina kefahaman mengenai 'kesepaduan sosial', projek-projek di bawah program ini mempunyai hubungan kait yang sangat rapat dan berkaitan antara satu sama lain. Projek 1 memberi fokus dalam bidang pendidikan (seperti 1R sebagai model penyatuan yang diikat oleh pelajaran sastera). Projek 2 pula memberi fokus kepada governan (dengan melihat implikasi amalan federalisme terhadap sektor awam, swasta dan komuniti) Projek 3 melihat pola perilaku hubungan etnik (dari sudut kegiatan di tempat kerja, dalam masyarakat pinggir dan dalam suatu kerangka proses pemantauan berterusan yang berkesan) dan Projek 4 menyelidiki bidang politik dan agama (khususnya melihat punca dan ketahanan wasatiyyah dan cabarannya dalam bentuk prejudis dan stereotaip). Keempat-empat projek ini menjadi tiang penting kepada program ini dan saling lengkap melengkapi kerana tanpa memahami

satu daripadanya kita akan menghadapi masalah dalam usaha program ini untuk membina kefahaman yang mendalam agar kita dapat memantapkan dan memperkukuhkan kesepaduan sosial sedia ada dan yang lebih penting untuk menjaga ketahanan (*resilient*) kesepaduan sosial dalam masyarakat Malaysia. Disinilah kita melihat wujudnya kesinambungan, saling melengkapi dan sebahagiannya tindakan lapis yang tidak dapat dielakkan di antara projek-projek ini yang bukan hanya membuatnya berhubung kait malah tersulam dalam satu kesatuan akademik.

Projek-Projek Di Bawah Program Penyelidikan Padu

Di bawah Program Kesepaduan Sosial Negara (PADU) ini terdapat 4 projek utama dan 13 sub-projek yang berasingan di bawahnya. Bagi mencapai objektif kajian, pihak kami memerlukan kepakaran dan pengalaman dari pelbagai bidang yang menjadi teras utama dalam penyelidikan ini dan sekali gus telah mengadakan jalinan kerjasama dengan beberapa orang penyelidik dari universiti luar seperti UPM, UTM, UMS dan USM yang dilantik berdasarkan kelayakan yang sewajarnya agar penyelidikan ini dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dijadualkan.

Berikut merupakan senarai sub-projek di bawah 4 projek utama di bawah payung Program Kesepaduan Sosial Negara:

Projek 1: Pembentukan Teori dan Konsep Kesepaduan Sosial Melalui Pendidikan

Sub-projek

- A. Modul Pembelajaran Interaktif 1R + 3r.
- B. Kepelbagaian Kependudukan Dalam Kurikulum Sekolah.
- C. Sastera Dalam Kesepaduan Sosial.

Projek 2: Governans Untuk Kesepaduan Sosial

Sub-projek

- A. Meneliti Kemampuan Sistem Perundangan Sedia Ada Untuk Memenuhi Aspirasi Dan Kehendak Berbilang Kaum Di Malaysia.

- B. Memahami Kontradiksi Dan Kesenambungan Amalan Federalisme Melalui Penelitian Perlembagaan.
- C. Integriti Dalam Kesepaduan Sosial.
- D. Pembina atau Pembina: Kuasa Korporat Dan CSR (Tanggungjawab Sosial Korporat) Dalam Membentuk Kesepaduan Sosial.

Projek 3: Mengenalpasti Pola Prilaku Hubungan Etnik Dalam Kesepaduan Sosial

Sub-projek

- A. Etnisiti Di Tempat Kerja.
- B. Bentuk Dan Intensiti Hubungan Etnik (Memantau Tahap Hubungan Kaum KITA-MESRA™)
- C. Model Kesepaduan Sosial Dalam Kalangan Etnik Sempadan.

Projek 4: Cabaran Politik Dan Agama Dalam Kesepaduan Sosial

Sub-projek

- A. Wasatiyyah Dalam Kesepaduan Sosial.
- B. Mengukur Kesepaduan Sosial Melalui Lensa Psikologi Sosial.
- C. Politik Dan Agama Dalam Kesepaduan Sosial: Prejudis Dan Stereotaip.

Hasil Kajian Projek 1

Sub-projek A “1r+3r”

Ketua: Prof. Dr. Ong Puay Liu

Laporan lebih lanjut sila rujuk muka surat 208

Pencapaian dan Hasil:

- Dapatan awal kajian telah dibentangkan pada Perbincangan Meja Bulat (RTD) ‘Pendidikan untuk Kesepaduan Sosial’ di Semporna, Sabah. RTD ini telah memberi peluang untuk berkongsi dapatan awal daripada kerjalapangan di beberapa sekolah di Sabah bersama Ketua Sektor Akademik, JPN Sabah; Pegawai Pejabat Pendidikan Semporna; Guru Besar sekolah; wakil jabatan-jabatan kerajaan dan pihak NGO.
- Permohonan perlindungan harta intelek bagi hasil penyelidikan (logo) 1R+3r dalam kategori Cap Dagangan telah diluluskan oleh Pusat Inovasi Kolaboratif, UKM.

Sub-projek B “Kepelbagaian Kependudukan Dalam Kurikulum Sekolah” Ketua: Prof. Datin Dr. Amla Mohd. Salleh

Pencapaian dan Hasil:

- Tema-tema kesepaduan sosial telah dikenal pasti menerusi pemurnian analisis data dan rumusan kajian yang dijalankan dalam Bengkel Pemurnian Data Kajian (27&28hb Feb)-Danau Golf Club, UKM.
- Telah membentangkan pada seminar /persidangan: Persidangan pemantapan citra kenegaraan: Perkongsian pengalaman (COSNA3) 19-20 Jan 2014

International Seminar on Global Education II (24-25hb Feb 2014), Fakulti Pendidikan UKM

Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (9-10hb April) UTHM Batu Pahat Johor

6th World Conference on Educational Sciences (6-9 February 2014) Malta

Ahli Panel dalam program Wacana Nasional, 16/09/13 dengan tema Sistem Pendidikan Malaysia : <http://www.youtube.com/watch?v=W5B-jH3qec0>

Sub-projek C “Sastera Dalam Kesepaduan Sosial”

Ketua: Prof. Dr. Ding Choo Ming

Pencapaian dan Hasil:

- Telah mengkaji ratusan buah karya cerpen, novel dan beberapa buah drama dan sajak sehubungan topik kajian dan mengkategorikan di bawah 16 bab.
- Bahan-bahan daripada hasil kajian ini akan menjadi bahan rujukan dalam simpanan pangkalan data khusus di Institut Kajian Etnik (KITA) yang sedang dibina.

Sub-projek C2: “Sastera dalam Kesepaduan Sosial”

Ketua: Prof. Madya Dr. Shanthini Pillai

Pencapaian dan Hasil:

- Sub-projek telah berjaya menghasilkan satu Modul Pembelajaran Sastera Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris berdasarkan konsep 1 R dan 3 R berteraskan teori kesepaduan Sosial untuk memupuk kesepaduan social di alam sekolah.
- 1 Jurnal Artikel telah dihantar kepada *Journal ISI indeks Race, Ethnicity and Education* untuk dipertimbangkan untuk penerbitan.

Projek 2

Sub-projek A “Meneliti Kemampuan Sistem Perundangan Sedia Ada Untuk Memenuhi Aspirasi Dan Kehendak Berbilang Kaum Di Malaysia”

Ketua: Prof. Dr. Noor Inayah Yaakub

Pencapaian dan hasil:

- Penerbitan 3 buku:
Legal Issues & Social Cohesion
Isu Perundangan Dan Multi Etnik
Social Cohesion And Islamic Finance Issues

JURNAL berindex SCOPUS:

- “Towards Justice for All – A Review on Malaysian Islamic Banking Cases”: Khalidah Dahlan & Noor Inayah Yaakub. Telah diterima oleh Pertanika untuk diterbitkan.

Prosiding Berindex ISI:

- *How Islamic Banking Do Justice to Malaysian Society?*. Nur Khalidah Dahlan 1, Noor Inayah Yaa'kub 2, Mohd Rizal Palil 3, Mohamad Abdul Hamid 4. Springer Publication.

Pembentangan

- *Seeking Justice In Malaysian Society: Islamic Finance And Social Cohesion*
- Nur Khalidah Dahlan, Prof. Dr. Noor Inayah Yaa'kub, Assoc. Prof. Dr. Mohamad Abdul Hamid & Dr. Mohd Rizal Palil - Universiti Kebangsaan Malaysia. *2nd International Conference On Management, Economics and Finance* (2ND ICMEF 2013)

Sub-projek B “Memahami Kontradiksi Dan Kesenambungan Amalan Federalisme Melalui Penelitian Perlembagaan”

Ketua: Prof. Madya Dr. Faridah Jalil

Pencapaian dan hasil:

- Telah memenangi pingat emas untuk kategori Sains Sosial

dalam pertandingan poster IIUM *Research, Invention and Innovation Exhibition 2014*. Poster bertajuk *The Level Of Knowledge, Understanding & Acceptance Of Federalism and Its Application In Malaysia* yang telah disediakan oleh Assoc. Prof. Dr Khairil Azmin Mokhtar, Assoc. Prof. Dr Faridah Jalil, Assoc. Prof. Dr Nazri bin Muslim, Nurhafilah Musa, Rasyikah Md Khalid & Najmi Muhd (<http://www.iium.edu.my/irie/14/index.php/39-results-for-ssh>)

Hasil:

- Sub-projek ini telah menghasilkan poster penyelidikan bertajuk *The Level Of Knowledge, Understanding & Acceptance Of Federalism And Its Application In Malaysia* yang telah dibentangkan untuk IIUM *Research, Invention and Innovation Exhibition 2014*. Disediakan oleh: Assoc. Prof. Dr Khairil Azmin Mokhtar, Assoc. Prof. Dr Faridah Jalil, Assoc. Prof. Dr Nazri bin Muslim, Nurhafilah Musa, Rasyikah Md Khalid & Najmi Muhd.
- Telah menghasilkan poster penyelidikan bertajuk *Climate Change Adaptation & Social Cohesion: A Case Study of Water Governance In Malaysia*. Disediakan oleh: Rasyikah Md Khalid^{1,2}, Mazlin Bin Mokhtar¹ and Faridah Jalil¹

Sub-projek C “Integriti Dalam Kesepaduan Sosial”

Ketua: Prof. Dr. Rosman Md. Yusoff

Pencapaian:

- Berdasarkan hasil pembentangan kajian integriti dan kesepadan sosial, pengkaji mendapat maklumbalas dari pihak panel untuk menjalankan kajian lanjutan yang mengfokuskan kepada tingkah laku individu iaitu berkaitan dengan perlakuan dalam mengamalkan dan membudaya integriti dalam pekerjaan. Maka satu kertas kerja dan soal selidik telah dibentuk untuk menjalankan kajian bagi mengukur tingkah laku pengamal integriti dalam pekerjaan. Pengkaji telah memilih Majlis Pembandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) sebagai tempat kajian yang melibatkan seramai 300 orang responden.

Sub-projek D “Pembina Atau Pembina: Kuasa Korporat Dan CSR (Tanggungjawab Sosial Korporat) Dalam Membentuk Kesepaduan Sosial”

Ketua: Dr. Muhammad Reevany Bustami

Pencapaian dan hasil:

- Telah mengenalpasti tahap sumbangan sektor swasta dalam membantu pengukuhan kesepaduan sosial bertunjangkan governans dan perundangan sedia ada.
- Artikel bertajuk “*An analysis of social cohesion through interaction: a preliminary study in penang, Malaysia*” oleh Jamilah Ahmad and Reevany Bustami telah berjaya diterbitkan di Jurnal Elixir Soc. Sci. 63 (2013) 18277-18281.

Projek 3

Sub-projek A “Etnisiti Di Tempat Kerja”

Ketua: Prof. Dr. Mansor Mohd Noor

Laporan lebih lanjut sila rujuk muka surat 188

Pencapaian dan hasil:

- Sub-projek ini telah mengumpulkan penulisan ilmiah, membina rangkaian serta menyediakan wadah wacana ilmu dan penyelidikan yang ada kaitan dengan kursus pengajian umum khususnya Hubungan Etnik menerusi Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan (Cosna3) yang telah diadakan pada 19, 20 & 21 Januari 2014.
- Instrumen kajian yang lebih mantap dibina menerusi Bengkel Pembentangan Laporan Kajian Rintis & Pembinaan Instrumen Kesepaduan Sosial Negara & Etnisiti Di Tempat Kerja. Bengkel berkenaan telah diadakan pada 24 dan 26 Januari 2014.

Sub-projek B “Bentuk Dan Intensiti Hubungan Etnik”

Ketua: Dr. Anis Yusal Yusoff

- Sijil Cap Dagangan (*Registration of Trade Mark*) bagi logo KITA-MESRA telah berjaya diperolehi
- Kertas yang dibentangkan di persidangan “*The Asia-Pacific Peace Research Association (APPRA) Conference 2013*” di Bangkok telah diterima untuk diterbitkan di dalam isu khas, *Thammasat Review* di dalam bahagian “*The Politics Of Nonviolent Action*”.
- Sebuah sistem aplikasi telefon bimbit (*smartphone application*) telah dicipta menerusi Bengkel Pembinaan Instrumen KITA-MESRA. Aplikasi tersebut adalah untuk digunakan oleh enumerator untuk menjalankan kerja lapangan bagi menggantikan borang soal selidik konvensional. Penggunaan apps ini menjimatkan kos percetakan soal selidik, kos input data dan data yang diketik dapat terus disalurkan ke dalam pangkalan data secara real-time.
- Ketua sub-projek telah dijemput untuk memberi syarahan umum bertajuk “*Managing Peace in Malaysia: A Case Study in*

Developing an Early Warning System of Ethnic Relations” dalam seminar anjuran Razak School of Government (RSOG) sempena aktiviti *Knowledge Sharing platform*.

- Kertas yang dibentangkan di persidangan Seminar MAAS-KITA pada 27 Nov 2013 telah diterima untuk diterbitkan dalam projek bukunya.
- *Khazanah Research Institute* (KRI) telah mengiktiraf sumbangan KITA-MESRA dalam penyelidikan permulaan kebangsaan (pilot project) berkenaan Map of Malaysia (MoM) yang sedang dilakukan oleh mereka. KITA-MESRA dikatakan telah memperkayakan lagi penyelidikan tersebut.

Sub-projek C “Model Kesepaduan Sosial Dalam Kalangan Etnik Sempadan”
Ketua: Prof. Madya Dr. Junaenah Sulehan

Pencapaian dan hasil:

- Pangkalan data komuniti di sempadan Sabah dan Sarawak telah dibentuk: Pangkalan data dalam bentuk Annotated Bibliography berfokus kepada kajian komuniti dan etnik di sempadan di Borneo telah dilaksanakan sebanyak 80 peratus. Telah dikenalpasti etnik mengikut kawasan. Taburan etnik akan disesuaikan dengan Banci Penduduk 2010.
- Sub-projek telah berjaya mengadakan jaringan luar bersama institusi/universiti yang menjalankan kajian persempadanan di rantau nusantara: UNAS-Jakarta, UI- Jakarta, NUS-Singapore, ISEAS Kyoto-Japan, Nagoya City University-Japan, Leyte University-Philippines, UNIMAS, UMS, IDS-Kota Kinabalu dan agensi KEMAS.
- Telah mengundang Profesor pelawat – Prof. Noboru Ishikawa dari ISEAS, Kyoto bermula daripada 22 hingga 27 Julai 2013 di UKM. Beliau telah banyak menyumbang kepada kajian Sub Projek C: Projek 3.

Projek 4

Sub-projek A “Wasatiyyah Dalam Kesepaduan Sosial”

Ketua: Prof Dr. Wan Kamal Mujani

Pencapaian dan Hasil:

- Telah memenangi pingat emas dalam Pertandingan Poster Penyelidikan Sempena Hari Terbuka FPI (HiTS) 2014. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM pada 22 Mei 2014. “Pelaksanaan Konsep Wasatiyyah di Malaysia: Suatu Analisis Daripada Aspek

pek

Kefahaman dan Cabaran”. Disediakan oleh: Azyati Azhani

Mohd

Mazuki, Wan Kamal Mujani, Azmi Aziz & Ermy Azziaty Rozali. 2014.

Sub-projek B “Mengukur Kesepaduan Sosial Melalui Lensa Psikologi Sosial”

Ketua: Dr. Ibrani Shahrudin Adam Assim

Pencapaian dan Hasil:

- Telah membangunkan protokol kesepaduan sosial sebagai mekanisme strategi metodologikal – ‘*methodological strategy mechanism*’ - (KS-MSM) hindar atribut stereotaip dan prejudis
- Profil hipotetikal atribut psikologi sosial dalam kesepaduan sosial telah siap dibina menerusi Mesyuarat teknikal Kumpulan dan Bengkel Pembinaan Protokol SC@MSM – Siri 1.
- Kompilasi data awalan ‘*key-attribute*’ Protokol SC@MSM telah siap.
- Dokumentasi video aktiviti SME etnik Sabah & Sarawak diterbitkan untuk tujuan sokongan laporan akhir PKSN Projek 4-Sub-Projek B bagi tahun 2013

Sub-projek C “Politik Dan Agama Dalam Kesepaduan Sosial: Prejudis Dan Stereotaip”

Ketua: Prof. Madya Dr. Chua Bee Seok

Pencapaian dan Hasil:

- Telah menghasilkan Instrumen Stereotaip, Prejudis dan

Diskriminasi Malaysia dan telah memohon untuk mendaftar setiap satu instrumen sebagai hakcipta terpelihara (*copyright*).

Penyelidikan yang dikelolakan oleh Prof. Dr Ong Puay Liu

Tajuk Penyelidikan:

Kesepaduan Sosial melalui Pembentukan Konsep 1R dalam Pendidikan Malaysia

(Ringkasan: 1R + 3r)

Pembiaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

Kod Projek:LRGS/BU/2011/UKM/CMN

Ahli Projek 1R+3r

1. Prof. Dr. Ong Puay Liu, Institut Kajian Etnik, UKM (Ketua)
2. Prof. Madya Dr. Sivapalan Selvadurai, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM
3. Prof. Madya Dr. Ong Puay Hoon, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS
4. Dr. Marsitah Mohd Radzi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, UMS
5. Dr. Ong Puay Tee, Fakulti Perniagaan, MMU Melaka
6. Cik Badariah Bt. Saibeh, Institut Kajian Etnik, UKM (GRA)
7. En. Mohd Asyraf Ariff Mohd Najib (Swasta; mantan RA)

Intipati Penyelidikan 1R+3r

Pada tahun 2012, Institut Kajian Etnik (KITA), UKM berjaya menerima geran penyelidikan di bawah dana penyelidikan jangka panjang bawah-atas (*Long Term Research Grant Scheme Bottom-Up* [LRGS]) daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan program penyelidikan bertajuk 'Kesepaduan Sosial'. Program ini diketuai oleh Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA), UKM. Tempoh program penyelidikan LRGS ini adalah tiga tahun, bermula 2012-2014. Program LRGS *bottom-up* ini terbina atas empat projek utama (dan setiap projek utama ini mempunyai beberapa sub-projek) iaitu:

Projek 1 Teori/Konsep Kesepaduan Sosial melalui Pendidikan

Projek 2 Governans untuk Kesepaduan Sosial

Projek 3 Pola Perilaku dan Kesepaduan Sosial

Projek 4 Agama dan Politik dalam Kesepaduan Sosial

Sub-projek 1R+3r ini berada dalam projek utama 1 iaitu Teori/Konsep Kesepaduan Sosial melalui Pendidikan.

Pendidikan di Malaysia, khususnya pada peringkat sekolah, dilihat sebagai sumber penting dalam pembinaan negara bangsa. Pendidikan Malaysia bertujuan memupuk rasa kebanggaan kepada negara Malaysia dan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum. Justeru, kerajaan telah memperkenalkan satu sistem pendidikan sepunya, pada peringkat kebangsaan, yang meliputi kandungan kurikulum sepunya, peperiksaan awam sepunya, penggunaan bahasa perantara sepunya iaitu bahasa Malaysia (bahasa kebangsaan), dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Ramai sarjana bersetuju bahawa dalam masyarakat berbilang kaum, sistem pendidikan awam berperanan bukan sahaja dari segi melahirkan manusia yang cintakan negara dan menjadi tenaga buruh berkemahiran, tetapi juga manusia yang berpengetahuan tentang diri, komuniti dan masyarakat. Dalam konteks negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia, pendidikan awam, terutamanya, berperanan dalam memajukan persefahaman antar-budaya, antar-kaum, antar-agama dalam kalangan pelajar yang menganggotai pelbagai kaum dan menganuti pelbagai agama dan tradisi kepercayaan.

Namun, persoalannya, apakah bentuk pendidikan dan persekolahan yang baik, boleh diterima oleh rakyat Malaysia keseluruhannya, dan yang boleh merealisasikan visi melahirkan rakyat bersemangatkan perasaan cinta kepada negara Malaysia? Disebabkan peranan berat ini, sektor pendidikan sentiasa menjadi gelanggang pertikaian mengenai apa yang seharusnya dan tidak seharusnya dilaksanakan. Dalam realiti sistem pendidikan Malaysia, wujud pelbagai pilihan pendidikan, yang mempunyai bentuk dan ciri masing-masing (lihat Lampiran 1).

Justeru, perdebatan sering kedengaran mengenai sama ada sistem pendidikan Malaysia seharusnya menghala kepada satu aliran atau pelbagai aliran; sama ada wujud sekolah dua-dalam-satu, iaitu satu aliran tetapi terdapat matapelajaran yang diajar dalam bahasa lain; sama ada wujud sekolah kerajaan saja dan tiada sekolah jenis kebangsaan dan swasta; sama ada bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar tunggal atau bahasa Inggeris sebagai

bahasa pengantar bersama; sama ada sekolah bersifat sekular, agama, atau bersepadu (*integrated*)?

Sub-projek 1R+3r ini mengajukan hujah bahawa kepelbagaian sistem pendidikan di Malaysia adalah satu keadaan yang baik dari segi menawarkan pelbagai peluang memperoleh pendidikan untuk rakyat Malaysia.

Sistem pendidikan Malaysia telah menetapkan kurikulum sepunya untuk sekolah-sekolah yang tertakluk kepada polisi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru, yang penting adalah kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dibekalkan dan dialami oleh para pelajar. Namun, adakah kurikulum dan buku teks sekolah mencerminkan sifat kepelbagaian masyarakat Malaysia? Adakah guru-guru sekolah terlatih untuk mengajar pelajar-pelajar yang mewakili pelbagai kaum dan agama dalam kelas mereka?

Sistem pendidikan, sama ada dari segi kandungan kurikulum dan buku teks, latihan guru dan keseluruhan governans pendidikan yang mengangkat konsep kepelbagaian budaya, menyediakan tapak asas ke arah pemupukan kesepaduan sosial. Hal ini boleh berlaku melalui saling persefahaman, penghormatan dan perhubungan tinggi dalam kalangan pelajar pelbagai latar belakang.

Kepelbagaian penduduk Malaysia menuntut agar sistem pendidikan negara menyediakan peluang-peluang sebegini untuk membolehkan generasi muda mempelajari dan menambah pengetahuan tentang diri mereka, komuniti mereka sendiri dan komuniti lain di Malaysia.

Hasil daripada sistem pendidikan yang bersifat inklusif sebegini adalah pelajar yang celik budaya (*culturally literate*) dan celik sosial (*socially-literate*), dan bukan sekadar celik huruf (*academically literate*). Kecelikan budaya dan sosial ini membuka minda mereka kepada kepelbagaian, penghormatan sewajar yang perlu diberi kepada setiap budaya, dan kerelaan bergaul serta membentuk hubungan bermakna dengan orang lain yang berbeza dengan mereka.

Sebagai manusia sosial, setiap individu menghayati budaya kelompok yang dianggotai. Namun sebagai manusia yang perlu hidup bersama dengan orang lain yang mempunyai budaya yang tidak sama, maka ini memerlukan manusia tersebut memperolehi pengetahuan tentang manusia lain yang mempunyai budaya yang tidak sama supaya dapat berhubung dalam cara yang bermakna dan tanpa pertentangan. Keupayaan mengangkat minda merentasi sempadan

budaya sendiri akan membolehkan individu bekerjasama dengan orang lain, membina hubungan yang baik dengan orang lain, dan berusaha bersama untuk meningkatkan diri dan orang lain.

Keupayaan ini dikatakan adab/peradaban (*civilisation*). Beradat, atau berbudaya, adalah penting; tetapi lebih penting adalah beradab, iaitu keupayaan bertindak sebagai manusia merentasi sempadan dan keterbatasan budaya sendiri.

Begitulah timbulnya idea di sebalik sub-projek 1R+3r ini. Komponen yang menjadi landasan proses kemenjadian (*becoming*) bangsa Malaysia adalah hubungan bermakna yang berasaskan prinsip tahu/kenal, hormat dan terima kepelbagaian. Diterjemahkan dalam bahasa Inggeris, formulanya adalah 1R+3r, di mana 1R bermaksud Relationship (Hubungan), dan 3r merujuk kepada *recognize* (tahu/kenal), *respect* (hormat), *reconcile* (penyatuan). Formula ini mengambil kira sifat kependudukan dan realiti sistem pendidikan Malaysia seperti yang termaktub dalam ikrar Rukun negara:

“Bahawasanya, Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak: Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden” (myGovernment, Portal Rasmi Kerajaan Malaysia 2014) dan dalam cabaran strategik pertama Wawasan 2020 (Mahathir Mohamad 1991):

“Membina bangsa yang berdaya tahan dengan memupuk perpaduan, menyemarakkan semangat patriotik, membentuk kematangan politik, membina masyarakat supaya lebih bertolak ansur dan penyayang tersemat dengan nilai positif serta meningkatkan kualiti hidup dan keutuhan ekonomi”.

Tema utama sub-projek 1R+3r adalah peranan pendidikan dalam memupuk kesepaduan sosial. Tumpuan asas kami adalah idea tentang konsep 1R+3r sebagai satu prinsip penting dalam membolehkan pendidikan memainkan peranan membawa pelajar pelbagai latarbelakang bersama dari segi:

- membolehkan mereka mengetahui dan memahami diri dan orang lain
- memupuk semangat kewarganegaraan sepunya

1R bermaksud 'Hubungan' (Relationship) dan 3r merujuk kepada 'kenal, hormat, penyatuan' (*recognise, respect and reconcile*). Kami telah merekabentuk satu rangka untuk menjelaskan konsep 1R+3r ini (Rajah 3)

Kelantan, Sabah dan Sarawak sebagai kawasan kajian. Untuk setiap negeri, kami mengunjungi beberapa sekolah terpilih mengikut kategori jenis sekolah:


- sekolah rendah kebangsaan, bandar dan luar bandar (SKB & SKLB)
- sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, bandar dan luar bandar (SJKCB dan SJKCLB)
- sekolah rendah dan menengah swasta, bandar (PTR & PTM)
- sekolah menengah kebangsaan, bandar dan luar bandar (SMKB & SMKLB)
- sekolah menengah bebas, aliran Cina (SMBC)

Sub-projek 1R+3r telah membina satu model sebagai alat analisis seperti berikut:



Gambarajah 3 : Konsep 1R+3r

Dapatkan pelajar memperoleh 1R+3r ini daripada sistem pendidikan dan pengalaman persekolahan yang dilalui? Dalam projek 1R+3r ini, kami mengambil kira realiti kepelbagaian sistem persekolahan Malaysia dan memberi perhatian kepada tiga komponen P&P iaitu kurikulum, ko-kurikulum dan persekitaran sekolah. Kumpulan kami memilih empat negeri, iaitu Selangor,



Gambarajah 4 : Model 1R+3r

Penemuan Penyelidikan

1. Kepentingan jaringan keserakahan

Model 1R+3r ini berkaitan dengan aspek-aspek formal persekolahan. Namun, sekolah biasanya wujud dalam masyarakat atau sesebuah perkampungan, dan memerlukan penglibatan, sokongan serta bantuan warga masyarakat atau kampung untuk menjayakan peranan pendidikan sekolah. Apa yang berlaku dalam sekolah perlu dilengkapi dengan khidmat sokongan dan penglibatan dari luar. Untuk memantapkan model 1R+3r ini, kami mengutarakan satu formula yang melibatkan beberapa sektor berkaitan dengan pendidikan dan persekolahan pelajar. Formula ini kami namakan sebagai 'Quadruple Index', atau jaringan keserakanan empat penjuru, yang meliputi empat pelaku utama - sekolah, ibu bapa, komuniti dan swasta. Sebuah sekolah yang berjaya melaksanakan jaringan keserakanan empat penjuru ini adalah SK Ba'Kelalan, sebuah sekolah pedalaman di Daerah Lawas, Sarawak. Kejayaan ini dapat dilihat melalui kemenangannya sebagai juara bersama dalam pertandingan Anugerah Komanwel untuk Amalan Baik dalam Pendidikan (2009) - kategori 'mempertingkatkan kualiti pendidikan dalam keadaan yang amat menyulitkan (*community participation in enhancing quality of education under difficult circumstances*)'.

2. Tindak balas pelajar terhadap kurikulum pendidikan

Pelajar di semua sekolah, tidak kira jenis sekolah tahu dan faham erti sekolah dan manfaat persekolahan; tahu dan faham erti agama dan kumpulan etnik; berupaya membezakan mata pelajaran yang mengajar tentang agama, kumpulan etnik dan negeri sendiri dan juga agama, kumpulan etnik dan negeri lain. Mata pelajaran yang sering disebut adalah Pendidikan Moral/Islam, Sivik dan Kewarganegaraan, Kajian Tempatan, Sejarah, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin. Kepelbagaian jenis persekolahan tidak membataskan pelajar daripada belajar, bertemu, tahu, hormat, terima orang lain

3. Pendidikan untuk semua

Peluang memperolehi pendidikan adalah tidak sama dalam kalangan kanak-kanak dan orang muda. Ada yang berupaya pergi ke sekolah pilihan, sekolah elit atau sekolah yang mempunyai kemudahan terkini. Di sebaliknya, ada kanak-kanak langsung tidak ada peluang pergi ke sekolah semata-mata kera-

na mereka tidak ada dokumen pengenalan rasmi, seperti surat beranak. Situasi ini berlaku di Sabah, di mana ramai kanak-kanak didapati tidak pergi sekolah kerana ibu bapa tidak dapat menunjukkan surat beranak rasmi anak-anak mereka. Maka, bagaimana hidup seharian kanak-kanak ini, dan apakah masa depan mereka di negara ini? Disebabkan sekolah kerajaan menutup pintu kepada kanak-kanak ini, maka, NGOs mengambil langkah untuk menawarkan pendidikan kepada kanak-kanak ini. Dalam konteks kesepaduan sosial dan keselamatan negara, apakah kanak-kanak ini seharusnya dibiarkan begitu sahaja, dihalang daripada menerima pendidikan asas sekalipun?

4. membenarkan apa yang betul (*Making the Right Real*)

Semua guru, sama ada prasekolah, rendah, menengah, kolej mahupun universiti, perlu melalui latihan mengajar dalam masyarakat berbilang etnik, agama dan kebolehan. Guru perlu berhadapan dengan tanggapan diri sendiri, stereotaip, prejudis dan kecenderungan tingkah laku terhadap pelajar pelbagai latar-belakang.

Hasil Penerbitan Dan Output Daripada Projek 1R+3R Penerbitan Dalam Jurnal

1. Ong Puay Liu, Sivapalan Selvadurai, Badariah Saibeh, Marsitah Mohd Radzi, Shazlin Amir Hamzah dan Ong Puay Hoon. 2013. *Tracking the Pathways to Education in Malaysia: Roots and Routes*. *Asian Social Science* 10 (8): 93-104.
2. Sivapalan Selvadurai, Ong Puay Liu, Marsitah Mohd Radzi, Ong Puay Hoon dan Nor Adlyizan Theis. 2014. *Emerging community ethics and student education: a rural community experience*. *Eubios Journal of Asian and International Bioethics* 24 (January): 21-26.
3. Ong Puay Liu, Ong Puay Hoon, Sivapalan Selvadurai, Marsitah Mohd Radzi dan Badariah Saibeh. 2014. *The Making of Malaysian Solidarity: A Historical Look at Education and Social Cohesion in Sarawak*. *GEO GRAFIA OnlineTM - Malaysian Journal of Society and Space* 10 (1): 36 – 48. http://www.ukm.my/geografia/images/upload/4ok_Geografia-jan%202014-ong-edam.pdf

Penerbitan Laporan Penyelidikan

1. Ong Puay Liu. 2014. Pendidikan untuk Kesepaduan Sosial: Isu-Isu Berbangkit untuk Sabah. Siri Kertas Laporan Penyelidikan KITA-UKM Bil.5, Nov 2014.

Pembinaan Website 1R+3r ini sedang dalam proses pembinaan. Website ini akan memperkenalkan komuniti minoriti di Malaysia. Pengguna boleh klik ikon yang dipaparkan pada kawasan tertentu dan maklumat mengenai komuniti tersebut akan terapar. Website ini dirancang untuk bersifat interactive. Beberapa soalan untuk meninjau kefahaman pengguna mengenai komuniti berkenaan disediakan dan pengguna boleh cuba menjawab soalan-soalan tersebut. Setakat ini, empat komuniti telah dimuatnaik dalam website iaitu komuniti Rungus (Kudat, Sabah), Iban (Sarawak), Penan (Sarawak) dan MahMeri (Selangor, Semenanjung Malaysia). Beta version website adalah <<http://etnik.fhero.net>> atau <<http://etnik.thisisteamit.com>>

Penghasilan Video 1R+3r

Sekumpulan pelajar UKM yang mewakili pelbagai etnik dan sub-etnik Malaysia diundang untuk bercakap dalam bahasa/dialek masing-masing. Kemudian mereka diminta untuk berkongsi pendapat berkenaan dengan diri sebagai orang Malaysia. Video yang dihasilkan digunakan sebagai sumber perbincangan dalam Studio 1R+3r yang memberi perhatian kepada tema 'Pengajaran dan Pembelajaran dalam Masyarakat Berbilang Etnik'. Peserta Studio 1R+3r yang pertama kali diadakan adalah guru-guru tadika dan sekolah rendah di sekitar Ranau dan Kundasang, Sabah.

Persidangan Luar Negara

1. "Education for Social Cohesion - Learner Diversity and Education for All: Tracking the School System in Malaysia". (23-26 Jun 2013)
2. Kepelbagaian Sistem Persekolahan di Malaysia: Tinjauan Pengalaman Pelajar di beberapa Sekolah Terpilih di Sarawak. (12-14 November 2013)
3. Kepelbagaian Sistem Persekolahan di Malaysia: Tinjauan Awal Pengalaman Komuniti Pulau Mabul di Sabah, Malaysia.). (12-14 November 2013)

4. Persepsi Pelajar terhadap Pendidikan Kokurikulum Sekolah dan Kesepaduan Sosial di Wilayah Selangor, Malaysia. (12-14 November 2013)
5. Pendidikan dan Kesepaduan Sosial: Kajian Kes Pelajar Orang Asli di Semenyih, Selangor, Malaysia. (12-14 November 2013)
6. *Emerging community ethics and student education: a rural community experience.* (19-23 November 2013)
7. *Vernacular school and national school debate: Persistence or resistance.* (18-22 Nov 2014)

Persidangan Dalam Negara

1. *Tracking the Pathways of Education in Malaysia: Roots & Routes.* (12-13 Dis 2012)
2. *Education for Social Cohesion: Students' Experiences and 'Talking Website'.* (18-19 Mac 2013)
3. *Education and social cohesion in Sarawak: A historical analysis.*(19 Mac 2013)
4. *The evolution of formal education in Peninsular Malaysia during the colonial period.* (19 Mac 2013)
5. *1R+ 3r education and social cohesion in Sabah: A conceptual description.* (19 Mac 2013)
6. Perkongsian hasil kerjalapangan bersama pelajar sekolah rendah dan menengah orang asli, Kg Sg Lalang, Ulu Semenyih, Selangor dan pelajar Rungus, Kudat, Sabah. (24 April 2013)
7. Formula Keberhasilan Keserakanan dalam Pendidikan: Ibu Bapa + Komuniti + Sekolah + Swasta. (18-22 November 2013)
8. Pembentangan Projek 1R+3r. (27 Februari 2014)
9. Pembentangan Data Kerjalapangan Sabah. (27 Februari 2014)

10. *Education for Social Cohesion: Promoting Cultural Literacy through School Curriculum.* (18-20 Ogos 2014)
11. Ruang Pendidikan dan Mobility Sosial: Persepsi Pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Malaysia. (18-20 Ogos 2014)
12. *Education for a Better Life: Students' Perceptions in Selected National Schools in Four States in Malaysia.* (18-20 Ogos 2014)
13. *Students' Perception of Co-curricular Activities and Social Cohesion: Spatial Variation in Malaysia.* (18-20 Ogos 2014)
14. *Making the Right Real for Children with Learning Difficulties: A Case Study in a remote school in Sarawak.*(18-20 Ogos 2014)
15. Kanak-Kanak *Stateless* Di Sabah: Satu Tinjauan Literatur. (18-20 Ogos 2014)
16. Kesepaduan Sosial melalui Pembentukan Konsep 1R dalam Pendidikan Malaysia (1R + 3rTM). (16-17 Okt 2014)
- 17 Menjejak Status Kanak-kanak Stateless: Kes di Pulau Mabul, Sabah. (29 Okt 2014)

Program Pemindahan Ilmu (Outreach)

Projek 1R+3r telah menganjurkan satu bengkel pemindahan ilmu untuk guru-guru tadika dan sekolah rendah di sekitar Kundasang dan Ranau. Bengkel ini meliputi dua aktiviti: yang pertama, adalah Bengkel Kesedaran tentang Disleksia, dan kedua adalah Studio 1R+3r. Bengkel ini dianjurkan bersama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Ranau dan diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, Sabah.

Penyelidikan yang Dikelolakan oleh: Prof. Madya Kartini Aboo Talib

- Masyarakat Malaysia Abad 21: Antara Etnik dan Kelas
- Pemerksaan Kelompok the Bottom 40
- 50 Tahun Persekutuan Malaysia: Pencapaian, Cabaran dan Masa Depan
- Etnisiti dan Makanan
- Agama dan Kesederhanaan
- *A Malaysian-based Asean-orientated Onestop consumer product information centre*
- Persepsi dan Pengaruh Arab-Spring di Kalangan Masyarakat Melayu di Malaysia
- Persepsi Masyarakat multi-etnik terhadap Wakaf Pendidikan Tinggi Negara
- Kesepaduan Sosial Negara
- Politik dan Agama dalam Kesepaduan Sosial
- *Sumitomo Foundation*
- *The Look East Policy: A policy evaluation and its impact*
- *Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Keadilan Sosial (2009-2011)*
- Sosiologi Undang-Undang: Perundang-Perundangan Pemancu Keadilan Sosial Pengguna (2010-2012)
- Kahwin Campur dan Kajian Rintis KITA dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Negara

Publications (selected)

Selected Publications: Policy Implementation and the People Processing Organization (2014) *Scholar Press, Saarbrücken, Germany* (ISBN9783639717426), *Political Parties in Malaysia: Organizations-Money-Influence*, dlm. (ed.). Wolfgang S., California (ISBN 9781493587148), *Women and Politics: social construction and a policy of deconstruction*, 2014, *Journal of Social Sciences* 10(3):104-113, *Power sharing in Malaysia: Beyond Unity and Political duplicity*, *Asian Social Science*, 2013, 9(10):274-282, *Labor Law and Immigrants: Legal impacts to Minority*, *Asian Social Science*, 2012(6):52-62, *Policy Implementation by the new street level bureaucrats in non-profit organizations: overcoming the dilemma 2012* *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(2):333-352, *Terrorist Threats: Measuring the terms and approaches*, *Asian Social Science*, 2012 8(15):288-297, *Environmental ethics in governing re-*

cycled material Styrofoam for building human habitat, *American Journal of Environmental Sciences* 2012, 8(6):591-596, *Managing Consensus in Plural Society: Efforts, Issues and Rhetoric in Federalism, Democracy and Conflict resolution*, Macmillan, New Delhi, India (2012), *Ethnicity and Ethnic Perception of Indians, 2011, Journal of Social Sciences*, DOI: 10.3844/jssp.2011.590.596, Issue 4, pages 590-596 (2011), *Environmental Quality Act and consumer protection on inland water resources towards sustainability TXX201168 Research Journal of Applied Sciences* 6(3):179-183 (Scopus index) (2011), *Regulatory Framework For Land-use and Consumer Protection On Inland Water Resources Towards Sustainable Development TXX201183, International Business Management* 5(4):209-213, (2011/Scopus index), Remedi Pengguna di bawah Undang-undang Jualan Barang di Malaysia, TUU2011127 *Malaysian Consumer Law Journal* 1: 199-216(2011), *Social Movements in Malaysia: Issues and Strategies, Eubios Journal of Asian and International Bioethics*, EJAIB Vol. 20 (6) November, ISSN 1173-2571, pp.219 (2010), *Regimes for Development: Are Asian Women Still Dependent? The Interdisciplinary Journal of Social Sciences*, Vol. 4 No. 4, pp. 193-205, ISSN 1833-1882 (2009/Scopus index), Keselamatan insan: isu HIV/AIDS dan keselamatan kanak-kanak dari perspektif *fungsiionalisme* Jurnal Manusia dan Masyarakat, Universiti Malaya Vol. 18, pp. 75-92, ISSN 0126-8678 (2009), Demokrasi dan partisipasi: Transparensi Governans dalam Komisi Pemilihan Umum Malaysia. Dlm. Politik dan Perubahan antara Reformasi Politik di Indonesia dan Politik Baru di Malaysia. (pnyt.) Leo Agustino. Yogyakarta: Graha Ilmu, pp.253-271, ISBN978-979-756-528-2 (2009).

Penemuan utama kajian

Konteks kajian mempunyai variasi yang berbeza dari segi isu dan dimensi. Ke-cairan isu etnik dalam aspek perpaduan dan kesepaduan dapat dilihat dalam pelbagai penemuan pengkaji merentasi pelbagai disiplin iaitu bersandarkan bukti hasil kajian dan penerbitan penulis. Integrasi penemuan ini boleh diringkaskan seperti di bawah:

1) Pendekatan perpaduan dalam kepelbagaian adalah sesuai dengan masyarakat Malaysia yang *heterogenous*. Kerajaan berdepan dengan “*stable tension*” dan praktis penggunaan formula “*bargaining and negotiation*” dilihat berjaya mengamankan isu-isu etnisiti yang mendesak. Tiada satu formula resolusi yang tepat bagi menyelesaikan semua masalah yang pelbagai dalam konteks multietnik ini. Namun begitu, kerajaan berusaha

gigih dan konsisten untuk merealisasikan strategi penyatupaduan kaum menerusi pelbagai pendekatan seperti Rukunegara, Visi 2020, 1Malaysia, Wasatiyyah, Plan Transformasi, Plan Integriti, RMK, dan sebagainya. Maka, keperluan untuk meneruskan pendekatan perpaduan dalam kepelbagaian adalah dimensi unik yang perlu diterima oleh rakyat Malaysia sebagai “DNA” pembentukan negara dan masyarakat, Rakyat Malaysia harus menerima hakikat bahawa masyarakat Malaysia seperti pelangi – mempunyai warna tersendiri, terpisah tetapi tetap bersatu membentuk pelangi.

- 2) Kajian Undang-undang dan kepenggunaan menyuarakan konteks ekuiti dan keselamatan pengguna di pasaran bebas. Isu mengenai keselamatan dan perlindungan pengguna perlu dikawal dan diperkukuh dalam aspek kesihatan, makanan, premis niaga, dan peranan badan bukan kerajaan. Menyediakan praktis terbaik mendepani isu dan cabaran pengguna semasa adalah tuntutan yang memerlukan penguatkuasaan undang-undang, institusi, dan manusia untuk saling bekerjasama.
- 3) Model perkongsian kuasa menerusi pendekatan akomodasi di Malaysia telah berinjak dari paradigma politik kuasa dan korupsi. Perkongsian kongsi diperlukan di Malaysia demi masyarakatnya yang berbilang kaum dan perpaduan boleh disemai menerusi formula “*bargaining and negotiation*” ini.
- 4) Moderat atau kesederhanaan atau wasatiyyah adalah pendekatan yang diamalkan di Malaysia dalam meredakan ketegangan sosial dan politik semasa. Pendekatan ini perlu dibezakan dari gimik politik agar meyakinkan rakyat berbilang kaum bahawa pendekatan ini tidak membawa label agama didalamnya. Sekiranya pendekatan kesederhanaan ini dilihat sebagai produk bersentimen agama dan kepentingan undi, maka perhatian untuk mencapai perpaduan mungkin tergugat.
- 5) Dapatan dari kajian mengenai Undang-Undang Buruh dan Immigran menjelaskan limitasi perundangan yang masih lemah dan berterusan dari segi penguatkuasaan dalam memberi jaminan kemanusiaan yang sewajarnya kepada golongan pekerja imigran yang masuk secara sah ke Malaysia. Perkara ini mesti ditangani dengan baik bagi memenuhi tuntutan pasaran kerja dan ekonomi serta keperluan menjaga hubungan bilateral Malaysia dengan negara serantau.

**Penyelidikan yang Dikelolakan oleh:
Prof. Dr Mansor Mohd Noor**

Indeks Ikatan Sosial Malaysia

Indeks Ikatan Sosial berdasar data dari 1990 hingga 2013 menunjukkan rakyat Malaysia pelbagai etnik memiliki batas etnik yang nipis. Tingkah laku mereka lebih dipengaruhi oleh perkiraan norma sejagat berdasarkan material, status sosial dan tuntutan sosial.

Ini bermakna masyarakat pelbagai etnik di Malaysia adalah rencam sosialnya. Perbezaan etnik, bahasa, budaya dan agama wujud tetapi perkongsian norma hidup bersama telah melahirkan tingkah laku yang mengutamakan kehidupan yang harmoni, damai, stabil dan maju. Dengan terbinanya hubungan ikatan sosial di antara etnik, ikatan rentas sosial dan hubungan rentas kumpulan antara etnik dapat diperhatikan berlaku dalam masyarakat.

Kajian Hubungan Etnik di Institusi


Kajian-kajian hubungan etnik dan perpaduan negara telah dijalankan di institusi RT, PLKN, PDRM, IPT, Sekolah, Taman Perumahan, dan di tempat kerja seperti kilang, hotel, perniagaan. Kajian-kajian dijalankan bukan sahaja di peringkat sesuatu institusi terpilih tetapi meliputi pelbagai etnik dan di seluruh negara.

Dapatan kajian-kajian ini menunjukkan hubungan etnik adalah baik tetapi tadbir urus negara dan sensitiviti etnik-budaya-agama perlu ditangani. Juga kajian menunjukkan institusi dikaji menyumbang kepada hubungan etnik baik di negara ini tetapi penglibatan masyarakat umum dalam kegiatan mereka adalah terbatas.

Advokat Awam

Penglibatan dalam pengajaran dan penyelidikan hubungan etnik diperkukuhkan dengan kegiatan advokat awam di mana masyarakat dan media terutamanya TV dan surat akhbar arus perdana dilibatkan sama dalam penyebaran pemikiran dan dapatan terkini tentang hubungan etnik yang dalam proses perubahan di Malaysia. Kegiatan Perbincangan Meja Bulat ini Dijalankan Di Kalangan PDRM, PLKN, Model Hubungan Etnik Kelantan Dan PRU13.

Gambarajah 5



**Penyelidikan yang Dikelolakan oleh:
Prof. Madya Dr. Ahmad Nidzammuddin Bin Sulaiman**

1. Politik Dan Agama Dalam Kesepaduan Sosial, Geran LRGS Program Kesepaduan Sosial Negara, Kementerian Pengajian Tinggi. 2012-2015 (Penyelidik bersama).

Penyelidikan ini membincangkan bagaimana peranan politik dan agama dalam membentuk kesepaduan sosial. Kajian dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan kumpulan salah satunya memberi tumpuan kepada konsep Wasatiyyah dalam pemerintahan negara. Sejak merdeka hingga kini keistimewaan masyarakat majmuk Malaysia ialah daya tahannya mengamalkan konsep wasatiyyah. Kemajmukan asasnya selalu membayangkan konflik dan ketidakstabilan namun Malaysia telah menunjukkan kenyataan tersebut tidak benar. Kajian ini cuba menunjukkan bagaimana amalan wasatiyyah ini dilaksanakan dalam rundingan politik, ekonomi dan sosial. Wasatiyyah dilihat dapat mengurangkan perselisihan kerana keputusan lazim dibuat dalam bentuk menang-menang kepada semua pihak. Ini yang membezakan Malaysia dengan negara majmuk yang lain.

Penerbitan:

- a. Nidzam Sulaiman dan Nurul Huda Mohd. Aseri, "Malaysia Dalam Konteks Hubungan Antarabangsa: Pendekatan Wasatiyyah", dalam Wan Kamal Mujani, Wasatiyah, Kuala Lumpur DBP (2015 dalam penerbitan).
 - b. Nurul Huda Aseri, Nidzam Sulaiman et.al. 2013. Pendekatan Wasatiyyah Dalam Pembinaan Bangsa Malaysia Seminar Antarabangsa Etnik dan Dasar: Refleksi Jati Diri. Bangi: KITA UKM
 - c. Kartini Aboo Talib, Nidzam Sulaiman, et.al. 2013 'Power sharing in Malaysia: Beyond unity and political duplicity', *Asian Social Science Journal*, Vol. 9 No. 10.
2. Kajian Perkahwinan Campur: Satu Kajian Rintis, Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional. 2010-2012 (Ketua Penyelidik).

Kajian ini melihat perkembangan fenomena perkahwinan campur di Malay-

sia dengan menumpukan kepada isu kecenderungan, masalah, halangan dan dorongan. Kajian juga cuba melihat kaitan dengan faktor etnik dalam konteks Malaysia. Temubual intensif dilakukan kepada responden terpilih secara snowballing, terutama pasangan yang berkahwin campur dan juga anggota keluarga yang terlibat. Temubual khusus kumpulan juga dibuat dalam bentuk kumpulan yang sederhana besar bagi membolehkan perbincangan berjalan lancar. Hasil kajian mendapat amalan perkahwinan campur berkembang pesat di negara ini dan kelihatan lebih lumrah dalam masyarakat Sabah dan Sarawak. Halangan utama yang sering menjadi rintangan ialah faktor agama dan anggota keluarga yang selalu menentang ialah ibu kepada keluarga. Secara keseluruhannya amalan perkahwinan campur ini dapat membina integrasi nasional dengan lebih mantap dan cepat.

Penerbitan:

PueGiok Hun dan Nidzammuddin Sulaiman, 2013. "Choose one!: challenges of inter-ethnic marriages in Malaysia", *Asian Social Science Journal*, Vol. 9, No. 17.

3. *Look East Policy After 30 Years: 2012*, Dana Sumitomo Foundation, Jepun (Penyelidik bersama)

Kajian cuba menilai peranan dan keberkesanan Dasar Pandang ke Timur yang telah dilaksanakan sejak 30 tahun yang lalu. Dasar ini pada asasnya dilaksanakan kerana perselisihan yang berlaku dalam dasar luar Malaysia dan Britain. Perdana Menteri Tun Dr Mahathir membawa perubahan kepada dasar luar Malaysia apabila mengalihkan pandangan negara kepada dunia timur, khususnya Jepun dan Korea Selatan. Perkara yang menjadi tumpuan ialah budaya berkerja yang ingin diteladani di samping kemajuan teknologi dalam produksi. Hubungan dengan industri Jepun-Korea Selatan dipertingkatkan, penghantaran pelajar ke sana juga ditambah di samping hubungan dasar luar negara antara Malaysia dengan dua negara ini diperkukuh. Sehingga kini Malaysia telah mendapat pelbagai faedah dalam dasar baru ini. Hasil kajian mendapat dasar ini perlu disambung bagi meneruskan manfaat bersama yang diperolehi kedua-dua pihak.

Penerbitan:

- a. Kartini Aboo Talib, Nidzam Sulaiman, et. al. 2013. 'Assessing

The Look East Policy: Moving Beyond Work Culture and Ethic, ma)
Asian Social Science Journal, Vol. 9 No. 17.

b. Kartini Aboo Talib, Nidzam Sulaiman et.al. 2013. *The implementation process and the Look East Policy: embracing work culture and ethics (the good, the bad and the doable)* Prosiding Seminar Antarabangsa Etnik dan Dasar: Refleksi Jati Diri Prosiding Seminar Antarabangsa Etnik dan Dasar: Refleksi Jati Diri. Bangi: KITA UKM

c. Kartini Aboo Talib, Nidzam Sulaiman et.al. 2013. Dasar pandangan ke Timur : penilaian dan implikasi, Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-6 Ekologi, Habitat Manusia & Perubahan Persekitaran di Alam Melayu / Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM.

4. Masyarakat Malaysia Abad 21: Antara Etnik Dan Kelas, Dana Pembangunan Penyelidikan Kumpulan Penyelidikan KPT (Penyelidik Bersama)

Nidzam Sulaiman, Hertanto, Bakaruddin Rosyidi, 2015. Competing Models in Political Coalition Analysis: System or Transactional? *Jurnal Analisis Politik*, Vol. 4. No.1, Fisip Unand,

Padang.

Kajian ini cuba melihat peranan elemen etnik dan kelas dalam pembinaan bangsa Malaysia khususnya pada abad ke 21 ini. Sebagai sebuah masyarakat yang majmuk elemen etnik amat mendasari perkembangan politik serta pembinaan bangsa Malaysia namun dalam perkembangan ini elemen kelas selalu di pandang sepi meskipun ia amat penting dalam amat signifikan dalam menjelas pelbagai fenomena dalam proses pembinaan bangsa. Kajian ini masih berjalan namun pada peringkat awal dapat rintis sudah dapat menggambarakan betapa isu etnik sebenarnya menjadi penting apabila ia selalu dipermainkan. Etnik tidak semata-mata menjadi matlamat kini tetapi lebih kerap menjadi alat. Sementara itu isu kelas yang semakin menebal dalam dunia kapitalis ini turut menjadi faktor kepada fenomena konflik serta masalah kepada usaha penyatupaduan yang berjalan.

5. 50 Tahun Persekutuan Malaysia: Pencapaian, Cabaran dan Masa Depan Penyelidik Bersama, Projek Arus Perdana (Penyelidik Bersa-

Nidzam Sulaiman dan Kartini Aboo Talib 2015. Apakah Mungkin berlaku Malaysian Spring, dalam Wan Kamal Mujani dan Siti Nur (ed.), *Arab Spring: Faktor dan Impak*, Bangi: Terbitan Fakulti Islam UKM.

Nidzam Sulaiman 2013. Hak, Kebebasan dan Keadilan dalam Budaya Politik Melayu dalam Norhashimah Jalaludin (ed.), *Perihal Keintelektualan dan Kepengarangan Dalam Teks Tradisional*, Bangi: Penerbit UKM.

Nidzam Sulaiman & Zaini Othman 2012. Politik Melayu di Antara Persimpangan. Dlm. Mohd. Rizal Hamdan & Hariszuan (ed.), *Wacana Baru Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: SIRD.

Malaysia merupakan Negara Persekutuan yang baru berbanding dengan Amerika Syarikat, Kanada, Switzerland dan Australia. Usaha menjadikan Negara ini bersifat Kesatuan telah dijalankan pada tahun 1945 dalam gagasan Malayan Union, namun ia gagal hasil tentangan nasionalis Melayu. Unsur federalism bagaimanapun sudah ada dalam Negara ini seperti yang terdapat dalam Negeri Sembilan tetapi tidak diberi perhatian dan tidak dikembangkan ke peringkat pusat. Kajian ini cuba meninjau kembali nilai federalisme tradisional ini dan mengkaji bagaimana ia dibentuk, struktur serta perkembangannya. Kajian ini juga cuba melihat perkembangan federalism Malaysia dalam konteks hubungan kaum dan hubungan antara negeri dengan kerajaan pusat. Kajian ini berjalan sejak 2014 dan adalah diharapkan ia dapat memberikan hasil yang baik terutama dalam memberi cadang pengukuhan negara Persekutuan Malaysia.

Penyelidikan yang Dikelolakan oleh: PM. Salmah Abu Mansor
Program 1Malaysia

Anjuran

INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA), UKM DAN JPNIN

“1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia.” - Dato’ Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak

Objektif

Program ini diadakan dengan objektif berikut:

1. Untuk mengambil sempena perayaan sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2010.
2. Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbagai etnik dan budaya. Dengan adanya nilai perpaduan itu Malaysia telah berjaya mewujudkan kesepaduan sosial di kalangan rakyat umum daripada semua lapisan dengan penglibatan mereka dalam berbagai kegiatan. Untuk memperagakan kepada semua lapisan rakyat Malaysia wujudnya koleksi seni tampak di Malaysia yang merupakan penjelmaan wajah dan episod yang sekian lamanya mengartikulasikan konsep 1Malaysia.
3. Untuk membawa kepada pengetahuan rakyat Malaysia sekali gus menimbulkan kesedaran di kalangan mereka bahawa konsep 1Malaysia bukan suatu retorik dan slogan semata-mata, malah sudah wujud dan tersulam dalam kehidupan rakyat Malaysia, terutamanya, di kalangan pengkarya seni tampak.
4. Program kanak-kanak “Kesepaduan Melalui Seni “ ini akan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menghasilkan karya-karya yang berkonsepkan perpaduan. Selepas jualan semua karya dan hasil jualan akan didermakan kepada HUKM.

Justifikasi

Adalah mustahak untuk menjalin kerjasama antara dua badan sektor awam KITA-JPNIN yang mendukung Konsep 1Malaysia agar menjadi contoh untuk badan-badan lain di sektor awam, sektor swasta dan sektor komuniti tentang peri pentingnya mempromosi Konsep 1Malaysia secara berterusan dengan pelbagai cara menurut kepakaran dan kemampuan masing-masing.

Perayaan Hari Malaysia 2010 perlu disambut dengan pelbagai cara dan kegiatan yang melibatkan rakyat majoriti daripada semua lapisan. Mengadakan “Program Penjelmaan 1Malaysia 2010” adalah salah satu cara tersebut yang akan mempunyai impak tinggi lagi meluas di peringkat kebangsaan.

Aturcara Program

1. ‘Pameran Penjelmaan 1Malaysia ’ / *Reflections Of 1Malaysia Exhibition*

Tujuan pameran ini diadakan oleh Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia ialah untuk mempamerkan semangat perpaduan dan keharmonian dan kesedaran bahawa perpaduan masyarakat penting untuk perpaduan nasional dalam sesebuah masyarakat yang bersifat majmuk.

Nilai-nilai tersebut adalah:

Budaya Kecemerlangan; Ketabahan; Rendah Hati; Penerimaan; Meritokrasi; Integriti; Pendidikan.

2. Mengadakan Peraduan Menulis Esei untuk pelajar IPTA/S di Malaysia dengan tema seperti:
‘Sejarah Sosial dan Politik’
‘Artikulasi Kehidupan’
‘Nilai Masyarakat Berbilang Kaum Malaysia’
‘Harapan Masa Depan’
3. Mengadakan Pameran Mural oleh pelukis pelukis yang telah memenangi Pertandingan Melukis Mural 1Malaysia. Pertandingan ini telah dianjurkan oleh BSVN. Pelukis seperti Fauzin, Ahmad Shukri,

Faizal, Nizam, Zakaria dan Sarah akan mengambil bahagian. Lukisan mural akan di jual kepada firma korporat atau individu yang berminat.

4. Program Kanak kanak 'KESEPADUAN MELALUI SENI'. Semua visual yang dipamerkan menjalinkan 8 nilai luhur yang terangkum dalam Wawasan 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Nilai-nilai tersebut adalah:

Budaya Kecemerlangan; Ketabahan; Rendah Hati; Penerimaan; Meritokrasi; Integriti; Pendidikan.

5. Program Silang Budaya - 'SILANG BUDAYA-INTEPRITASI MELALUI SENI' di Kota Kinabalu, Sabah. Ini telah memberi peluang kepada kanak-kanak sekolah untuk menghasilkan karya-karya yang berkonsepkan budaya 36 berbagai rumpun di Sabah.

Kesimpulan

Proses penghasilan karya telah dipantau oleh KITA.

- Pameran PENJELMAAN 1MALAYSIA telah diadakan di:
 1. Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur
 2. Foyer PTSL, UKM
 3. Foyer Canselori, UKM
 4. Convention Centre KLCC semasa Program 1MCAT 2013
 5. Galeri Kementerian Pelancongan Putrajaya
- Satu katalog 'KESEPADUAN MELALUI SENI' telah diterbitkan oleh KITA.

Pameran kanak-kanak telah diadakan di:

1. Foyer Canselori UKM.
2. Convention Centre KLCC semasa Program 1MCAT 2013
3. Galeri Kementerian Pelancongan Putrajaya.
- Pameran SILANG BUDAYA telah diadakan di Perpustakaan Kota Kinabalu.

JPNIN telah memberi dana sebanyak RM100,000.00

Pameran Seni Gunaan Masyarakat Peribumi.

23hb Februari 2012

Galeri Pendullum

Vancouver, British Columbia, Canada

Tetamu Kehormat

Mr. Mohd. Haniff Abdul Rahman, Ketua Konsul Malaysia ke Vancouver
Dr. Ron Burnett, Presiden dan Naib Canselor, Emily Carr University of Art and Design, (ECUAD) Vancouver, British Columbia, Canada
Dr. Jan Walls, Presiden, Canadian Society for Asian Arts
Brenda Crabtree, Pengurus, Program Masyarakat Peribumi, ECUAD
Seri Malaysia Club, sukarelawan pelajar
Program Kajian Peribumi ECUAD -sukarelawan pelajar

Latarbelakang Pameran

Pada musim bunga dan musim luruh tahun 2011, kurator bersama, Profesor Madya Salmah Abu Mansor, Felo Kanan Kajian-Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia dan Sam Carter, Professor Emeritus-Emily Carr University of Art and Design, Vancouver, British Columbia, Canada telah memilih pameran seni gunaan masyarakat peribumi di seluruh Malaysia dan Kanada.

Pameran telah dibentangkan oleh *Canadian Society for Asian Arts*, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Aboriginal Studies-Emily Carr University of Art and Design dan dengan bantuan kerajaan Kanada dan Malaysia. Tiga puluh contoh seni gunaan masyarakat peribumi dari Malaysia dan tiga puluh contoh dari Kanada telah digunakan untuk membentuk Pameran Seni Gunaan Masyarakat Peribumi Malaysia.

Pameran dwi-lateral dari Malaysia dan Kanada termasuk pelbagai item seperti bukul, tekstil, barang kemas, tikar, cenderahati, skaf, topi, gelang, alat muzik, barang permainan dan peralatan dan sebagainya. Produk-produk rekaan terkini ini mewakili kedua-dua rekaan tradisional dan produk inovatif baru. Ada produk yang mengaplikasikan imej-imej flora dan fauna tempatan menggunakan hanya bahan-bahan semulajadi menggunakan peralatan lama dan baru. Rekaan-rekaan lain berkongsi cerita dan memaparkan tradisi rekacipta dalam

masyarakat peribumi. Ada objek-objek tertentu meneroka ke dalam imej-imej baru dan bahasa visual dengan menggabungkan pengaruh lama dan baru serta dengan rekabentuk tempatan dan global.

Pameran mempamerkan objek-objek yang mampu-milik, direka dengan baik dan dengan seni pembuatan yang halus dikumpul oleh muzium dan pelancong sebagai “cenderahati”.

Pameran Seni Gunaan Masyarakat Peribumi dibuka di Vancouver, 20hb Februari sehingga 3hb Mac 2012. Pameran dwi-lateral ini memberi idea untuk rekacipta dan pembangunan produk untuk masuk ke dalam pasaran yang lebih besar, mengekalkan piawai kecemerlangan seni, rekacipta dan kraf. Pameran memberi idea kepada orang ramai tentang rekacipta pakej dan promosi kreativiti dan inovasi dalam masyarakat peribumi. Pameran ini mengiktiraf dan menggalakkan kecemerlangan dalam kreativiti dan pengeluaran seni gunaan masyarakat peribumi dan perkongsian dalam semua aspek industri kreatif negara dan antarabangsa.

Galeri Maya (Laman Sawang Alat Pembelajaran Pendidikan Atas Talian) akan dibuat dan memaparkan semua imej koleksi dengan label dan maklumat tambahan dalam pameran dwi-lateral ini.

Dari Musim Bunga 2012 dan seterusnya, Pameran Seni Gunaan Masyarakat Peribumi Malaysia-Kanada akan menjelajah pelbagai negeri di Malaysia. Pameran ini akan dianjurkan di muzium, pusat-pusat budaya masyarakat dan untuk konvensi dan acara-acara istimewa di Malaysia.

Pameran kedua-dua komponen Malaysia dan Kanada termasuk semua artifak, dan label yang akan didermakan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pameran Antarabudaya Malaysia-Kanada: Jatidiri Peribumi

Oktober – November 2014

Satu Program Usahasama di antara Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Muzium Seni Asia, Universiti Malaya

Profesor Madya Salmah Abu Mansor Felo Utama Kajian & Professor Emeritus Sam Carter

Rekacipta dan kraf tradisional dan berinovatif dari jatidiri peribumi dari Malaysia dan Kanada.

Tahun 2000 telah dianggap oleh ramai pihak sebagai “Abad Pasifik”. Sejarah Malaysia dan Kanada telah berkongsi banyak persamaan intra-budaya. Kedua-duanya bermula dengan masyarakat peribumi, kedatangan populasi pelbagai budaya, budaya penjajah dan akhirnya penyertaan keahlian dalam Komanwel sebagai negara yang merdeka sepenuhnya. Identiti kebangsaan kita kaya dengan kepelbagaian nilai kerohanian, sosial dan budaya. Masyarakat peribumi Malaysia dan Kanada berkongsi banyak persamaan. Kedua-duanya mempunyai sumber-sumber alam yang kaya dan cantik. Flora, fauna, bio-kepelbagaian dan bahan-bahan dari alam sekitar tempatan terus memberi inspirasi kepada penghasilan objek-objek yang cantik dan bermanfaat di kalangan masyarakat peribumi Malaysia dan Kanada ini.

Pameran pembentangan ‘dwi-lateral’ seni rekacipta dan kraf gunaan ini adalah dari seluruh Kanada dan Malaysia. Untuk setiap negara, terdapat tiga puluh contoh objek berfungsi yang dicipta dalam 3-5 tahun kebelakangan ini.

Seni gunaan peribumi Malaysia dan Kanada ini dipilih oleh Kurator Bersama Salmah Abu Mansor dan Sam Carter. Mereka menjelajah merentas Malaysia dan Kanada, di antara tahun 2011 dan sepanjang tahun 2012 memfokus kepada masyarakat-masyarakat peribumi di galeri-galeri bandar dan desa, pasal-pasal kraf tempatan, kedai-kedai muzium, warung-warung jalanan, studio-studio bengkel dan rumah perekaseni sendiri. Objek-objeknya mampu milik, direka dan diukir dengan baik dan boleh dibuat “cenderahati”.

Label menyertakan sekali nama pereka seni, tarikh, bahan dan perikatan perkauman terhadap setiap objek dalam pameran itu. Kontrak dengan artis-artis peribumi, sejarawan, kurator, pengumpul dan lain-lain pihak berkuasa seni peribumi di Malaysia dan Kanada telah menyumbang kepada pemilihan objek. Pameran termasuk kerja-kerja tradisional dan inovatif yang diinspirasikan dari semangat kepada tempat dan jatidiri peribumi.

Beberapa objek di dalam pameran ini adalah hasil kerjatangan, dan yang lain dikeluarkan secara pukal. Pola-pola tradisional, warna, bentuk dan bahan memberi inspirasi kepada objek-objek lain. Objek-objek lain menggabungkan pengaruh eksotik dan tempatan dan memaparkan idea-idea, bentuk, fungsi dan proses pengeluaran baru.

Hasil kerja yang praktikal, berfungsi dan lebih berbentuk hiasan dalam pameran ini termasuk bakul-bakul, tekstil, manic, barang kemas, kerja kayu, buku-buku bergambar, cenderahati dan objek-objek lain yang telah direkacipta dengan baik. Ada hasil seni yang dihasilkan oleh seniman-seniman seni gunaan yang telah menerima anugerah. Ada hasil seni yang dibuat melalui kerjasama dengan pengeluar-pengeluar bukan peribumi, tempatan dan/atau yang disumber-luarkan.

Beberapa objek dalam pameran ini diambil dari bentuk-bentuk tradisional yang berjaya dikekalkan merentas peredaran masa. Objek-objek lain menginterpretasikan bentuk-bentuk tradisional dan mencipta 'hibrid' menggunakan bahan-bahan, bentuk, pola, warna dan alat baru untuk menghasilkannya. Rekacipta inovatif ini membawa kepada penghasilan objek yang menyatukan pengaruh-pengaruh kehidupan dalam citra "mozaik budaya" Kanada dan Malaysia.

"Rekacipta Hijau" dan "Industri Kreatif" adalah teori-teori semasa yang menjurus kepada rekacipta dan pengeluaran seni gunaan yang berelamen budaya dan alam sekitar. Pergerakan Seni dan Kraf mengandungi idea-idea yang boleh diaplikasikan kepada teori-teori seni gunaan semasa. Teori-teori signifikan ini memberi kefahaman terhadap seni gunaan peribumi di kedua-dua buah negara.

Dalam era globalisasi dan teknologi baru ini, Pameran Antara-Budaya Kanada-Malaysia: Jatidiri Peribumi menggalakkan pengiktirafan yang lebih meluas seni gunaan peribumi tradisional dan baru kedua-dua iklim dunia yang berbeza. Pameran ini meneroka ke dalam persamaan dan perbezaan dalam penciptaan seni gunaan kontemporari, dan peluang-peluang dan cabaran-cabaran industri budaya-kreatif yang mendapat ilham dari kedua-dua pengaruh tempatan dan global, dalam era glocal (global + tempatan) ini.

Masyarakat peribumi Kanada dan Malaysia akan terus berdepan dengan cabaran-cabaran budaya global hari ini. Semua bahan pameran akan didermakan kepada Muzium Seni Asia, Universiti Malaya

Penyelidikan yang Dikelolakan oleh: Datuk Dr Denison Jayasooria

Semenjak tahun 2008 KITA-UKM telah menjadi tuan rumah Perbincangan Mejabulat (RTD) dan menemukan ramai pakar dengan pelbagai pandangan yang berbeza untuk duduk berbincang. Terlahir dari perbincangan ini, KITA-UKM telah mengeluarkan saranan dasar dan menerbitkannya dalam siri KITA. Dapatan berfungsi menjadi input kepada kabinet dan agensi untuk menangani isu-isu perpaduan nasional di Malaysia.

Pandangan RTD Tentang Perundangan & Hubungan Etnik (2008)

Pada 30 Oktober, 2008 KITA UKM telah mengadakan satu Perbincangan Mejabulat bertajuk "Akta Perhubungan Kaum di Malaysia: Mengikut hati atau undang-undang?" Di Kelab Golf Danau, UKM Bangi. Di antara ahli panel yang berucap ialah Tun Hanif Omar, Tan Sri Simon Siapaun, Dato Peter Minos, Dato Paduka Marina Mahathir, Ms Honey Tan, Datuk KuthubulZamanm Dr Azmi Sharom, Mr Edmund Boon, Mr Baru Bian

Pada dasarnya, RTD adalah satu soalan yang penting— sekiranya perundangan menjadi satu alat yang utama atau efektif dalam mengurus perhubungan kaum di Malaysia. Satu analisis mudah akan menunjukkan bahawa kebanyakan ahli panel dan pematik memandangkan sinis keberkesanan kaedah-kaedah yang sah di sisi undang-undang dalam membentuk hubungan etnik yang efektif di Malaysia.

Sebagai alternatif, adalah disarankan bahawa satu sorotan bersejarah Perlembagaan Persekutuan untuk menjamin kerelevanan masa kini adalah penting, setelah mengambil kira keseimbangan perlembagaan dan soalan-soalan dinamik yang diajukan oleh generasi muda. Satu akta Kesamarataan alternatif juga dibentuk menggunakan satu kerangka kerja hak-hak kemanusiaan.

Tumpuan utamanya bukanlah ke atas perundangan tunggal, tetapi sebarang masalah mesti diselesaikan mengikut Perlembagaan Persekutuan. Juga mendasari konflik komuniti adalah masalah ketidaksamarataan sosio-ekonomi yang masih tidak selesai, kurangnya peluang-peluang samarata, mekanisme yang adil dan saksama untuk menangani masalah-masalah sosio-ekonomi. Komuniti-komuniti terpinggir yang merasa terasing dari arus perdana perlu dibawa masuk ke dalam arus perdana untuk mengurang dan mengelakkan konflik.

RTD tentang ICERD

KITA-UKM & JPNIN menjadi tuan rumah kepada RTD Konvensi Antarabangsa mengenai Pembuangan Semua Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) pada 16 Julai, 2012 (Isnin) di Hotel Equatorial, Bangi

Panel pemidato termasuk Encik Laurent Meillan, Pegawai Hak Kemanusiaan, Pejabat Suruhanjaya Tinggi untuk Hak Kemanusiaan, Mr. Muhammad Sha'ani Abdullah. Pesuruhjaya, SUHAKAM, Encik Andrew Khoo Pengerusi Jawatan Luasa Hak Kemanusiaan, Majlis Peguam Malaysia & Encik Jerald Joseph, Pengerusi, Kumpulan Kerja untuk Ratifikasi Nasional ICERD & Pusat Komus

Tiga saranan dan maklumbalas utama telah diutarakan, iaitu:

Pertama, tentang isu kedaulatan dan keakuran, respon yang diperolehi ialah tentang ratifikasi ICERD sebenarnya meningkatkan kedaulatan Malaysia berikutan prinsip Malaysia menjadi sebahagian dari komuniti global ICERD. Peranan Jawatankuasa tentang Eliminasi Diskriminasi Perkauman (CERD) ialah untuk melibatkan diri dan memberi cadangan, dari mengkritik kerajaan dan mengenakan syarat-syarat dan perubahan kepada undang-undang domestik dan dasar. Penandatanganan dan ratifikasi ICERD tidak patut dilihat sebagai usaha akhir yang perlu digembeling hanya selepas kepatuhan penuh, tetapi sebagai titik mula memburu transformasi. Ia menyarankan bahawa kerajaan Malaysia terlibat dan menjadi sebahagian dari komuniti antarabangsa ke atas hak-hak kemanusiaan dan diskriminasi dan menjadi ahli kepada ICERD.

Kedua, dasar tindakan afirmatif diperolehi dari Perkara 153 boleh dicapai dengan ICERD oleh kerana ICERD membenarkan amalan 'kaedah khas' untuk memartabatkan kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik berdasarkan asal-usul ras atau etnik. Penggunaan ICERD tidak memerlukan penyingkiran dasar tindakan afirmatif. Ia menyarankan bahawa penandatanganan dan ratifikasi ICERD tidak akan menyekat pelaksanaan dasar-dasar tindakan afirmatif tetapi sebaliknya ia akan membolehkannya menjadi lebih efektif dan meluas.

Yang ketiga adalah saranan bahawa penglibatan konsisten dan membina perlu diteruskan di antara agensi kerajaan dan masyarakat sivil. Ia membolehkan masyarakat sivil menyertai dan menyumbang kepada proses pembuatan keputusan, terutama mereka yang ada kena-mengena dengan intipati ICERD. Ini

akan membantu meningkatkan kesedaran semangat dan peruntukan ICERD pada semua peringkat dan lapisan kerajaan, masyarakat sivil dan orang awam.

Malaysia berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran apabila kita bercakap tentang ICERD. Ini diluahkan dalam bentuk isu-isu menjadi kepercayaan kerajaan Malaysia. Namun demikian, ia perlu mencari jalan keluarnya sendiri melalui kemelut ketidakpastian dan ketakutan, dan keadaan sosial dan nilai-nilai yang terselindung di sebalik cabaran-cabaran ini ia menjadikan penanda tangan dan ratifikasi ICERD lebih meyakinkan sebagai jalan untuk maju ke hadapan; dan untuk menangani segala permasalahannya yang menghalang penerimaannya.

Dapatan RTD telah diterbitkan sebagai buku kecil KITA-UKM bertajuk "Issues pertaining to Malaysia's ratification of the international convention on the elimination of all forms of racial discrimination (ICERD) 1965 yang disunting oleh Denison Jayasooria & Teo Lee Ken (2012)

RTD Tentang Akta Keharmonian Nasional

KITA-UKM menjadi tuan rumah RTD pada Sept 19, 2012 iaitu satu perbincangan tentang Akta Keharmonian Nasional. Ia dibiayai oleh JPNIN. Panel terdiri dari Dr Chandra Muzaffar, Mr Syahredzan Johan (Majlis Peguam), Dr Faridah Jalil (Fakulti Undang-undang UKM) dan YAM Tunku Abidin Muhriz

Empat saranan utama muncul dari RTD. Ini termasuk:

Pertama, mengembangkan satu definisi yang diterima semua dan andaian untuk mencapai keharmonian nasional. Perkara 8 dalam perlembagaan tentang kesamarataan dicadangkan sebagai satu andaian yang dibuat. Satu lagi ialah kerangka kerja hak dan batasan, di mana nilai kehormatan, pengiktirafan dan perdamaian dilihat sebagai intipati penting perhubungan yang sihat. Petunjuk-petunjuk untuk menyukat perpaduan nasional juga perlu dibangunkan.

Kedua, keadaan semulajadi dan skop NHA mestilah jelas dengan tiada peruntukan yang samar-samar yang boleh membawa kepada penyalahgunaan; andaian mesti dibuat tentang kesamarataan semua orang termasuk sub-budaya dan sub-kumpulan minority; ia mesti membantu wacana awam; dan menyertakan sekali aspek keagamaan yang semakin membentuk politik identiti,

dan ia juga perlu dilaksanakan dengan saksama.

Ketiga, kemungkinan alternatif kepada NHA adalah undang-undang yang serupa dengan Akta Multi-Budaya Kanada yang mengawal kerajaan dari rakyat dan meminda peruntukan-peruntukan sedia ada Kanun Jenayah yang khusus menangani ucapan bersentimen kebencian atau tindakan-tindakan lain yang mendiskriminasi atau membangkitkan kebencian perkauman.

Keempat ialah kajian cadangan untuk mengkaji Malaysia dan hubungannya dengan negara-negara multi-etnik yang lain, status mereka terhadap Konvensi Antarabangsa Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) dan jenis undang-undang keharmonian nasional yang dimiliki oleh mereka.

Outputnya ialah penerbitan bertajuk '*Issue pertaining to Malaysia introducing a new National Harmony Act*' yang disunting oleh Denison Jayasooria dan diterbitkan oleh KITA-UKM pada tahun 2012

RTD Tentang Perdamaian Nasional & Pembangunan Inklusif Di Malaysia

Institut Kajian Etnik (KITA), UKM dan Jabatan Perpaduan Nasional dan Integrasi (JPNIN) menganjurkan satu siri sembilan Perbincangan Mejabulat dengan 289 orang menyertai di antara 14 Mei dan 4 Julai, 2013. Kami mensasarkan peserta dari sektor awam, sektor swasta, masyarakat sivil dan intelek awam. Kami menjadi tuan rumah di Putrajaya, Petaling Jaya (Selangor), Pasir Puteh (Kelantan), Kuching (Sarawak) dan Kota Kinabalu (Sabah).

Perbincangan pasca GE13 di kalangan rentas kumpulan masyarakat Malaysia membolehkan kami menghasilkan analisis realiti sosio-ekonomi dan politik semasa dan untuk membentuk kertas cadangan kerangka kerja dasar nasional dan penubuhan Majlis Kebangsaan. Perbincangan-perbincangan di antara pemimpin masyarakat sivil, pemimpin komuniti dan intelek umum telah menyediakan satu landasan membangunkan satu agenda perdamaian dengan pembangunan inklusif dan hak-hak kemanusiaan sebagai asasnya.

Perbincangan Digniti

41 orang dari kalangan masyarakat dan institusi akademik berkumpul pada 14 Mei, 2013 di pejabat Digniti Antarabangsa di Petaling Jaya untuk menyorot hasil GE 13 dan menetapkan satu agenda baru untuk pembangunan inklusif dan perdamaian nasional.

Sebagai perantara kepada perbincangan ini, Datuk Saifuddin Abdullah, mantan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi menyeru kebangkitan kesedaran sosial yang baru dan kesedaran bahawa orang ramai telah membuat pilihan mereka, dan mereka telah menyuarakannya. Beliau menegaskan satu "perbualan baru" adalah sangat penting.

Kita menyedari hubungkait di antara perdamaian nasional, pembangunan inklusif dan hak-hak kemanusiaan. Kita perlu memfokus kepada semua lapisan rakyat. Tidak kira perkauman mereka, perikatan agama, perikatan politik, status sosio-ekonomi, usia, jantina atau lokasi geografi, semua mesti mempunyai akses sama rata dan peluang-peluang kemakmuran, keharmonian, kegembiraan dan kualiti hidup.

Perbincangan Hilton

Enam puluh tiga menyertai perbincangan di PJ Hilton yang diadakan pada Mei 28, 2013. Ini adalah perbincangan sehari dengan pembentangan kumpulan pleno dan perbincangan Kumpulan Kerja yang lebih kecil.

Dapatan perbincangan untuk analisis yang memfokus kepada menemui jalan penyelesaian untuk banyak isu dan permasalahan umum yang tidak selesai. Kita mempunyai perwakilan etnik, latar belakang agama, usia dan jantina. Dapatan perbincangan boleh memperkukuhkan lagi kerangka kerja pembinaan bangsa dalam masyarakat Malaysia. Ceramah dan perbincangan dibentangkan dalam bentuk nota. Terdapat kesahan dalam metodologi ini yang dikaitkan dengan perbincangan kumpulan fokus. Kebanyakan peserta adalah pemimpin-pemimpin berpandangan, dari masyarakat sivil dan dari institusi akademik.

Analisis dan saranan yang dibentangkan di sini adalah berdasarkan input dari mereka yang berada dalam kelas pertengahan yang mendiami pusat-pusat bandar. Namun demikian, perbincangan ini adalah signifikan oleh kerana 70% rakyat Malaysia tinggal di pusat-pusat bandar. Ciri demografi ini membolehkan kita menyorot isu-isu dasar awam dan isu-isu komuniti berasingan dari kerangka kerja etnik dan dari perspektif kelas, yang seiring dengan kebangkitan kelas pertengahan baru dalam masyarakat Malaysia, merentas pembahagian etnik dan agama.

Dapatan kedua-dua perbincangan akan didokumentasikan sebagai Buku Kecil KITA bertajuk “*National Reconciliation & Inclusive Development in Malaysia, Conversations among civil society members and public intellectuals*”. (2014) Cabaran kehidupan di kawasan flat Bandar: Implikasi terhadap penyampaian perkhidmatan (2014)

Kehidupan di pangsapuri-pangsapuri tinggi dalam kawasan-kawasan bandar adalah penuh dengan cabaran khususnya bagi golongan keluarga-keluarga berpendapatan rendah. Justeru itu, satu kajian penelitian tindakan telah dijalankan ke atas sembilan buah kejiranan di bandar. Empat cabaran utama telah dikenal pasti iaitu berkenaan dengan infrastruktur, gejala sosial, perpaduan dan keharmonian serta masalah pengurusan dan tadbir urus. Daripada itu, dapat disimpulkan bahawa perancangan awam dan penyampaian perkhidmatan bandar di masa hadapan perlu meningkatkan daya usaha untuk menangani isu dan masalah penghuni-penghuni pangsapuri secara lebih khusus. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan golongan keluarga berpendapatan rendah di bandar akan lebih terpinggir daripada pembangunan arus perdana dan peningkatan dalam kualiti hidup.

Institut Kajian Etnik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA-UKM) telah membentuk satu pasukan penyelidik untuk mengkaji aspek positif dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh komuniti yang tinggal di kawasan bandar. Kajian ini memfokuskan kepada cara-cara untuk menangani pelbagai cabaran dalam kehidupan urbanisasi agar masyarakat Malaysia boleh memiliki kehidupan yang baik disamping memupuk semangat keharmonian dan kejiranan berdasarkan kepelbagaian etnik di Malaysia.

Untuk itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memberi sejumlah dana penyelidikan kepada KITA-UKM dan melantik Datuk Dr. Denison Jayasooria sebagai ketua penyelidik dengan dibantu oleh Muhammad Ismail bin Aminuddin dan Muhammad Helmy bin Abdul Gapar selaku pembantu penyelidik.

Salah satu daripada dapatan kajian menunjukkan terdapat sejumlah kawasan kejiranan di bandar yang didiami oleh isi rumah yang terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah. Mereka tertumpu di penempatan flat berkos rendah. Golongan ini didapati berhadapan dengan pelbagai kesulitan dan halangan justeru memerlukan perhatian dan keperluan.

Pihak-pihak yang bertanggungjawab di peringkat persekutuan, negeri, kerajaan tempatan atau agensi-agensi yang terlibat perlu melaksanakan pelan tindakan bagi memperbaiki tahap kualiti hidup penduduk tersebut. Pihak-pihak tersebut juga harus bersikap prihatin dan responsif dalam menangani isu ini. Hasil daripada kajian penelitian tindakan yang telah dijalankan dapat disimpulkan kepada lima rumusan dan cadangan utama:

1. Perlu wujudnya keperluan untuk mengadakan dialog antara penduduk dengan pelbagai agensi termasuk kerajaan tempatan berkenaan masalah di peringkat kejiranan. JPNIN perlu menyediakan barisan kepimpinan atau wakil dengan menjemput agensi-agensi dan pemimpin tempatan untuk berdialog bagi membincangkan isu-isu yang berbangkit.

Selain itu, wujud juga keperluan untuk menyediakan senarai semak berdasarkan kajian KITA dan memantau kaedah penyelesaian masalah.

2. Pertemuan perlu diadakan antara pemimpin-pemimpin tempatan dan mengadakan bengkel untuk mengasah kemahiran kepimpinan terutamanya bagi Rukun Tetangga dan persatuan-persatuan tempatan seperti persatuan penduduk, JMB / JMC, ketua-ketua agama dan NGO tempatan. JPNIN juga boleh membuat sebuah bengkel kepimpinan di kawasan kejiranan mereka untuk menyemai rasa ‘Menyayangi Komuniti’ di kalangan pemimpin tempatan.

3. Wujud keperluan untuk memperkukuhkan jaringan hubungan tempatan dan kepimpinan tempatan melalui pasukan atau jawatankuasa penyusunan yang baru. Buat masa ini, terdapat pelbagai bahagian yang wujud termasuklah Rukun Tetangga, persatuan penduduk, ketua-ketua agama, ketua-ketua kaum, ahli politik dan NGO. Bagi tujuan membangunkan mekanisme tempatan secara menyeluruh, Rukun Tetangga boleh membantu dan menjemput semua pihak tersebut melalui jaringan perhubungan dan kerjasama sesama mereka.

4. Adanya keperluan untuk menggalakkan penyertaan komuniti dan penduduk tempatan serta berbincang mengenai isu-isu tempatan. Penyertaan penduduk terhadap perbincangan ini amatlah penting dan dengan itu, perlunya proses “Dialog Sosial”. Dengan kata lain, komunikasi dua hala dapat memastikan sebarang isu dan masalah didengar, diteliti dan diselesaikan dengan berkesan.

5. Adanya keperluan untuk menyenaraikan NGO-NGO dalam membantu jawatankuasa kejrangan (Rukun Tetangga) dalam mengenal pasti masalah dan isu-isu tempatan selain bekerjasama dengan pelbagai agensi. Dalam hal ini, JPNIN boleh memantau sebarang proses perbincangan dan dialog yang diadakan untuk memastikan tindakan susulan diambil oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Denison Jayasooria, Muhammad Ismail Aminuddin & Helmy Muhammad. 2014. Cabaran Kehidupan di Kawasan Flat Bandar: Implikasi Terhadap Penyampaian Perkhidmatan. Kertas Laporan Penyelidikan KITA-UKM Bil. 4 (Mei). ISBN 978-967-0741-00-0

Hubungan antar kaum dalam sistem pendidikan di Malaysia (2014) Kementerian Pelajaran Malaysia pada 12 haribulan Ogos 2012, telah melantik Institut Kajian Etnik di UKM (KITA-UKM) untuk menjalankan satu kajian berkenaan 'Pelaksanaan Kajian Hubungan antara Kaum dalam Kalangan Murid, Guru, Ibu Bapa dan Masyarakat di Sekolah: Perspektif Sistem Pendidikan di Malaysia'.

Kajian ini diketuai oleh Datuk Dr. Denison Jayasooria, Felo Utama di KITA-UKM dan dibantu oleh Teo Lee Ken, Muhammad Ismail Aminuddin dan Saifful Hassan sebagai pembantu penyelidik. Tempoh kajian ini berlangsung selama 4 bulan dari 12 Ogos hingga 14 Disember 2012. Kajian dijalankan ke atas dua puluh buah sekolah menengah kebangsaan, dengan sepuluh buah di Selangor dan sepuluh buah lagi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Daripada segi model konseptual, kajian ini mengambil kerangka konseptual kesepaduan sosial. Daripada segi metodologi pula, kajian ini menggunakan empat kaedah untuk mengumpul data iaitu dengan menggunakan borang soal selidik institusi, membuat lawatan ke sekolah-sekolah terpilih sebagai kajian, mengadakan siri perbincangan kelompok fokus dengan pihak berkepentingan dan juga sesi perbincangan meja bulat.

Hasil dapatan dan analisis kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu pertamanya konteks dan maklumat asas sekolah, kedua amalan-amalan terbaik dan cabaran-cabaran kritikal, ketiganya isu dan tema keseluruhan yang berbangkit dan yang terakhir syor dan cadangan-cadangan khusus.

Hasil daripada dapatan kajian ini, KITA-UKM menyarankan beberapa cadangan:

1. Kementerian Pelajaran mempertimbangkan satu lagi komponen 'R' selain daripada '3R' yang ada pada masa sekarang. Komponen 'R' merujuk kepada hubungan (relationship) dalam membentuk pemahaman perbezaan budaya dan masyarakat;
2. Kajian hubungan kaum ini diperluaskan untuk merangkumi sampel saiz yang lebih besar untuk mendapatkan perspektif nasional;
3. Kementerian Pelajaran menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak untuk memupuk hubungan kaum di sekolah;
4. Kementerian Pelajaran Malaysia mempertimbangkan untuk melantik KITA-UKM bagi menjalankan peranan menasihati dan kerjasama bersama pihak kementerian dalam persoalan hubungan kaum dan kesepaduan sosial;
5. Kementerian Pelajaran membentuk suatu tatacara operasi standard (standard operating procedure, SOP) tentang bagaimana untuk menguruskan cabaran dan ketegangan kritikal;
6. Kementerian Pelajaran membentuk satu pelan tindakan penghargaan kepelbagaian budaya untuk semua sekolah, dan;
7. Kementerian Pelajaran melantik KITA-UKM untuk kerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk menjalankan satu ujian perintis Kelab Rukun Negara.

Denison Jayasooria, Teo Lee Ken, Muhammad Ismail Aminuddin & Saifful Hassan. 2014. Hubungan Antara Kaum dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. Kertas Laporan Penyelidikan KITA-UKM Bil. 2 (Mei). ISBN 978-967-0741-02-4

Rumusan

Bab ini menghimpunkan dokumen mengenai akademik dan penyelidikan yang dijalankan oleh KITA-UKM. Himpunan maklumat ini amat berharga dan berguna untuk rujukan perpaduan nasional. Himpunan kajian ini telah memperkayakan pendekatan dialog dan konsultatif yang telah diaplikasi oleh Majlis Konsultatif Perpaduan Nasional. Adalah perlu mewawarkan bahawa KITA-UKM telah menjalankan penyelidikan dalam bidang ini sejak tahun 2008 dan himpunan dokumen ini mengesahkan perolehan pandangan yang telah dirakam.



BAB 8
INPUT ANALISIS KAJIAN KITA-MESRA®

BAB 8

Abstrak

Kajian untuk memahami bentuk dan intensiti perpaduan kaum di Malaysia dan usaha untuk cuba memahami apa sebenarnya tahap hubungan kaum di Malaysia telah dijalankan bertahun-tahun oleh ramai sarjana dan pelbagai fenomena telah dijelaskan. Namun tidak ada kajian yang membentuk satu sistem pemantauan tahap hubungan kaum yang dibina untuk jangka masa panjang dan digunakan secara berkala untuk memerhati perubahan dalam pola masyarakat dan berteraskan kepada indikator-indikator positif. Dalam bab ini penulis menerangkan apakah sebenarnya realiti tahap hubungan kaum di Malaysia ini berdasarkan persepsi masyarakat melalui kajian yang telah membentuk sebuah Sistem Pemantauan Hubungan Etnik di Malaysia atau yang lebih dikenali dengan nama singkatannya 'KITA-MESRA'—mengambil akronim Bahasa Inggerisnya 'Malaysian Ethnic Relations Monitoring System' (MESRA). Penemuan kajian KITA-MESRA dijelaskan dalam bab ini sebagai input tambahan kepada penyediaan Blueprint Perpaduan MKPN dan sebagai bukti kepentingan sebuah sistem pemantauan yang dapat juga berfungsi sebagai sistem amaran awal untuk memaklumkan kepada kerajaan sekiranya ada menghidu punca-punca permasalahan yang boleh membawa kepada masalah perkauman yang lebih serius. Usaha ini dilakukan lebih-lebih lagi untuk memastikan ketegangan etnik dapat dikesan sebelum ianya merebak menjadi masalah yang lebih besar.

Kata Kunci: Sistem pemantauan, sistem amaran awal, perpaduan kaum, Malaysia, etnisiti, hubungan kaum.

Pengenalan

Sistem Pemantauan Hubungan Etnik di Malaysia dibina dan dikenali dengan nama singkatannya 'KITA-MESRA'—mengambil akronim Bahasa Inggerisnya 'Malaysian Ethnic Relations Monitoring System' (MESRA). MESRA juga dalam bahasa Melayu menunjukkan satu situasi yang harmoni dan KITA adalah singkatan bagi Institut Kajian Etnik. KITA-MESRA® diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang tahap hubungan etnik dalam negara.

KITA-MESRA adalah sebuah sistem amaran awal yang dapat memberi indikasi sekiranya ada potensi akan wujud masalah antara kaum di Malaysia. KITA-MESRA dibina berasaskan indikator-indikator positif berteraskan indeks kualiti hidup negara. KITA-MESRA adalah usaha untuk memahami denyut nadi masyarakat dan apabila didapati berlaku pertentangan antara suara rakyat dengan polisi negara berdasarkan data kajian maka penyelidik yang membuat pemantauan dapat menyediakan kertas makluman sebagai amaran awal yang boleh dipanjangkan kepada pihak-pihak berwajib. Apa yang penting adalah agar harmoni terjalin dan tahap hubungan etnik di negara ini dan kestabilan negara terus terjaga.

Seperti yang dijelaskan, sistem ini memberi tumpuan kepada tahap kualiti hidup. Kualiti hidup yang baik bersandarkan kepada indikator positif seperti tahap pendapatan, pendidikan, perumahan, keselamatan, alam sekitar, penyertaan sosial, kesihatan dan pengangkutan telah digunakan dalam membina sistem ini. Sistem ini juga menggunakan kawasan pilihanraya Parlimen di Malaysia sebagai unit analisis. Ini bagi membolehkan sampel responden yang mewakili pengundi sesebuah kawasan itu benar-benar menggambarkan demografik pengundi tempatan.

Seperti yang dijelaskan di atas juga, untuk mengukur tahap hubungan etnik setempat, kajian ini telah menggunakan 8 indikator daripada Indeks Kualiti Hidup yang dibina oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri Malaysia disamping beberapa soalan tambahan untuk mengkaji keadaan semasa. Artikulasi dan penyuaran rasa tidak puas hati rakyat, sama ada dilahirkan dalam idiom perkauman atau kelas, adalah berkenaan susah-senang hidup mereka dan juga masa depan anak-anak mereka. Sekiranya kita

boleh mengukur tahap kualiti hidup setiap sektor masyarakat yang mewakili kelompok-kelompok etnik dalam sesuatu kawasan Parlimen, kita dapat membina suatu analisis mengenai pola ekonomi dan reaksi politik rakyat terhadap keadaan mereka.

Metodologi Kajian KITA-MESRA

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu data primer dikumpulkan melalui survei berasaskan soal selidik. Pemilihan sampel adalah secara rawak berstrata. Kerangka sampel pula dipilih berdasarkan senarai nama daftar pengundi terkini Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Dalam kajian ini, seperti yang dijelaskan, unit analisisnya adalah kawasan Parlimen. 20 kawasan Parlimen

JADUAL 7.1 20 Kawasan Parlimen Kajian KITA-MESRA **Kawasan Kajian**

- 1) KOTA RAJA
- 2) SERDANG
- 3) TEMERLOH
- 4) SRI AMAN
- 5) TASEK GELUGOR
- 6) ALOR SETAR
- 7) ARAU
- 8) TANJONG MALIM
- 9) BAYAN BARU
- 10) LEMBAH PANTAI
- 11) SEREMBAN
- 12) KOTA MELAKA
- 13) PASIR GUDANG
- 14) BATU PAHAT
- 15) MACHANG
- 16) KUALA TERENGGANU
- 17) TAWAU
- 18) TUARAN
- 19) KUCHING
- 20) MAMBONG

Pemilihan 20 kawasan Parlimen ini mengambil kira kriteria berikut:

- a) Komposisi kaum (Kawasan majoriti Melayu, majoriti Cina dan kawasan campuran)
- b) Bandar dan luar Bandar
- c) Mewakili wilayah Utara, Selatan, Barat, Timur dan Malaysia Timur
- d) Kelas masyarakat
- e) Sokongan politik

Selain daripada itu, kaedah kualitatif melalui temubual dan focus group discussion dengan kumpulan pakar juga dilakukan dalam kajian KITA-MESRA ini bagi memastikan data yang dikumpul benar-benar sahih dan sah.

Analisis Hasil Kajian

Untuk mengenal pasti pola dan bentuk kualiti hidup masyarakat, analisis secara lengkap di bawah akan memberi gambaran sebenar berdasarkan pandangan responden di keseluruhan 20 kawasan kajian. Dalam konteks kajian ini juga, analisis dibuat dengan mengambil kira hubungan pola kualiti hidup dengan lokasi dan etnik dan mengukur impak dasar, pelaksanaan dan urus tadbir negara dengan pandangan rakyat. Kesemua ini akan memberi kefahaman yang lebih mendalam apabila data daripada papan pemuka dibaca mengikut kawasan-kawasan parlimen.

Latar Belakang Demografi Responden

Kajian KITA-MESRA ini telah dijalankan di 20 kawasan parlimen yang dipilih untuk mewakili seluruh negara Malaysia. Kajian ini dibuat antara tahun 2012 dan 2013. Seramai 4773 orang responden yang terdiri daripada pengundi berdaftar telah terlibat dalam kajian ini. Responden keseluruhan ini terbahagi kepada 51% responden Melayu, 30.86% responden Cina, 6.68% responden India, Bumiputera Sabah 4.6%, Bumiputera Sarawak 6.26% dan 0.50% lain-lain. Selari dengan peratusan kaum, kebanyakan responden dalam kajian ini menganuti agama Islam 52.44%, diikuti dengan agama Buddha 26.04%, Kristian 12.01%, seterusnya adalah agama Hindu 6.58% dan selebihnya adalah lain-lain.

Daripada segi gender, golongan lelaki 50.85% dan perempuan 49.15%. Daripada segi umur, secara umumnya, lebih ramai responden adalah berusia antara 41-50 tahun (21.81%), diikuti mereka yang berusia 31-40 tahun (19.97%), dan seterusnya adalah responden yang berusia 51-60 tahun (19.51%). Manakala responden yang berusia 21-30 tahun yang terlibat dalam kajian ini adalah berjumlah 13.32%. Selebihnya adalah berusia 61 tahun ke atas (9.37%).

Profil Pendidikan Responden

Tahap pendidikan tertinggi responden keseluruhan adalah berpendidikan sekolah menengah 55.21%, setakat sekolah rendah 18.40%, peringkat diploma 9.91%, berkelulusan ijazah 6.10% dan lepasan Sarjana sebanyak 3.23%. Selebihnya tidak mendapat pendidikan formal.

Hampir 60% daripada responden menghadiri sekolah kebangsaan peringkat sekolah rendah dan 57.49% responden menghadiri peringkat sekolah kebangsaan. Daripada keseluruhan responden 24.81% menghadiri sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan 3.65% sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil. Selebihnya 4.11% sekolah rendah Inggeris dan 5.41% tidak berpendidikan formal.

Profil Kelas

Daripada segi profil kelas, hampir 61% responden keseluruhan berpendapatan kurang daripada RM2000. 11.71% berpendapatan RM2001-RM3000, 8.23% berpendapatan RM 3001-RM5000 dan 3.79% berpendapatan antara RM5001-RM10,000. Terdapat hampir 14.90% tidak memberi respon.

Daripada segi tanggungan keluarga pula, paling tinggi daripada keseluruhan responden 44.96% mempunyai tanggungan seramai 1-3 orang, 21.01% mempunyai tanggungan seramai 4-6 orang, 6.54% mempunyai seramai 7 orang tanggungan dan ke atas, 12.24% tiada mempunyai tanggungan dan 15.25% tidak memberi respon kepada soalan ini.

Penilaian Kualiti Hidup: Pendapatan Dan Pengagihan

Penilaian pendapatan dan pengagihan dilaksanakan dalam kajian ini bagi mendapat pandangan responden berkaitan tahap kemampuan, keyakinan dan kecukupan mereka terhadap pendapatan dan pengagihan.

Tiga indikator diselidiki meliputi kecukupan pendapatan menampung keperluan keluarga, tahap keyakinan mempunyai pekerjaan pada masa akan datang dan tahap kemampuan menabung pada masa depan.

Hasil Kajian:

Sejumlah 27.05% responden berpendapat pendapatan isi rumah mereka agak cukup untuk menampung keperluan keluarga, 20.05% cukup dan 2.89% amat cukup. Manakala 23.07% responden menyatakan pendapatan isi rumah mereka tidak mencukupi untuk menampung keperluan keluarga mereka dan 27.72% kurang cukup. Daripada 23.07% yang tidak cukup, 50.86% daripadanya adalah orang Melayu, 28.07% orang Cina dan selebihnya adalah India, Bumiputera Sabah dan Sarawak. Lebih 60% daripada mereka ini berpendapatan di bawah RM 2000. Bagi tahap keyakinan responden mempunyai pekerjaan pada masa akan datang pula, 26.02% memperlihatkan kurang keyakinan bahawa mereka tetap mempunyai pekerjaan pada masa akan datang. Hanya 4.23% amat yakin dan 21.06% yakin.

Penilaian Kualiti Hidup: Pendidikan

Penilaian mengenai pendidikan dilaksanakan dalam kajian ini bagi mendapat pandangan responden berkaitan kepuasan mereka terhadap pendapatan dan pengagihan.

Tiga indikator diselidiki meliputi tahap kepuasan terhadap mutu sistem pendidikan sekolah menengah dan sekolah rendah, mutu pendidikan tinggi Negara, dan tahap keyakinan terhadap sistem pendidikan dalam menyediakan anak muda bagi bersaing di peringkat antarabangsa.

Hasil Kajian :

Sejumlah 34.05% responden menyatakan mereka agak puas hati dengan mutu sistem pendidikan sekolah menengah dan sekolah rendah, manakala 36.02% berpuas hati dan 4.86% amat puas hati. Hanya 14.23% yang kurang berpuas hati dan 4.67% tidak berpuas hati. Hampir 72.0% responden secara keseluruhannya dalam kajian ini juga berpuas hati dengan mutu pendidikan tinggi negara. Majoriti sejumlah 69.0% responden yakin dengan sistem pendidikan dalam menyediakan anak muda bagi bersaing di peringkat antarabangsa.

Penemuan Kajian :

Bagi responden yang kurang yakin (31%) dengan sistem pendidikan dalam menyediakan anak muda bagi bersaing di peringkat antarabangsa, didapati respon paling tinggi 52.6% daripada etnik Melayu, 29.6% adalah daripada golongan responden etnik Cina dan India 5.27%, 4.48% Bumiputera Sabah dan 10.28% Bumiputera Sarawak. Ini menunjukkan bahawa persepsi kurang keyakinan rakyat terhadap sistem pendidikan kita untuk menyediakan anak muda bagi bersaing di peringkat antarabangsa disuarakan oleh semua kaum dan bukanlah seperti yang digambarkan oleh sesetengah pihak bahawa hanya satu kaum sahaja yang tidak berpuas hati.

Penilaian Kualiti Hidup : Perumahan

Penilaian mengenai perumahan dilaksanakan dalam kajian ini bagi mendapat pandangan responden berkaitan kepuasan mereka terhadap perumahan di kawasan tempat tinggal mereka.

Tiga indikator diselidiki meliputi tahap kepuasan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT/Majlis Daerah), tahap kepuasan terhadap tahap keselesaan rumah dan kemudahan asas di kawasan kediaman mereka.

Hasil Kajian :

Sejumlah 63.1% responden menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT/Majlis Daerah) di kawasan perumahan mereka.

Sejumlah hampir 80.1% responden juga berpuas hati dengan tahap keselesaan rumah. Majoriti sejumlah 68.0% responden berpuas hati dengan kemudahan asas di kawasan kediaman mereka.

Penemuan Kajian :

Responden yang menyatakan mereka kurang berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT/Majlis Daerah) di kawasan perumahan mereka terdiri daripada semua lapisan masyarakat baik dari segi kumpulan etnik, tahap kelas sosial dan tahap pendidikan.

Penilaian Kualiti Hidup : Keselamatan

Penilaian mengenai perumahan dilaksanakan dalam kajian ini bagi mendapat pandangan responden berkaitan kepuasan mereka terhadap keselamatan di kawasan tempat tinggal mereka.

Tiga indikator diselidiki meliputi tahap kepuasan terhadap tahap keselamatan setempat, tahap kepuasan dengan prestasi polis dalam membanteras jenayah dan tahap kepuasan terhadap usaha penduduk tempatan dalam meningkatkan keselamatan di kawasan tempat tinggal mereka.

Hasil Kajian :

Sejumlah 68.1% responden menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan tahap keselamatan setempat di kawasan mereka.

Sejumlah 21.77% responden pula kurang berpuas hati dengan prestasi polis dalam membanteras jenayah dan hanya 8.17% tidak berpuas hati. Hasil penemuan ini tidak menunjukkan rasa kemarahan orang ramai terhadap pihak polis, walau bagaimanapun usaha untuk membanteras jenayah harus dilipat gandakan untuk memberi perasaan selamat dalam kalangan masyarakat.

Penilaian Kualiti Hidup : Alam Sekitar

Penilaian mengenai alam sekitar dilaksanakan dalam kajian ini bagi mendapat pandangan responden berkaitan kepuasan mereka terhadap alam sekitar.

Tiga indikator diselidiki meliputi tahap kepuasan terhadap dengan tahap kualiti alam sekitar di kawasan kediaman, tahap kepuasan dengan usaha kerajaan tempatan [PBT/ Majlis Daerah] mengurus alam sekitar dan tahap kepuasan terhadap usaha penduduk tempatan dalam menjaga alam sekitar di kawasan kediaman mereka.

Hasil Kajian:

Sejumlah 33.75% responden menyatakan bahawa mereka agak berpuas hati dengan tahap kualiti alam sekitar di kawasan kediaman mereka. Manakala 32.31% berpuas hati dan 5.22% amat berpuas hati.

Hanya sejumlah 23.21% responden kurang berpuas hati dengan usaha kerajaan tempatan [PBT/ Majlis Daerah] mengurus alam sekitar. Selebihnya majoriti agak puas hati, puas hati dan amat puas hati. Begitu juga, didapati hanya 21.06% responden kurang berpuas hati dengan usaha penduduk tempatan dalam menjaga alam sekitar di kawasan kediaman masing-masing.

Penilaian Kualiti Hidup: Penyertaan Sosial

Penilaian mengenai penyertaan sosial dilaksanakan dalam kajian ini bagi mendapat pandangan responden berkaitan penyertaan sosial.

Tiga indikator diselidiki meliputi adakah responden menyertai sebarang kumpulan/ pertubuhan/persatuan masyarakat sivil, adakah responden menyertai aktiviti dan persatuan penduduk dan dalam masa satu (1) bulan yang lepas, berapakah jumlah masa yang telah responden luangkan untuk aktiviti atau kerja sukarela

Hasil Kajian:

Dapatan keseluruhan bahagian ini adalah agak negatif. Majoriti responden sejumlah 65.0% tidak menyertai sebarang kumpulan/pertubuhan/persatuan masyarakat sivil. Sejumlah 58.0% responden juga menyatakan mereka juga tidak menyertai aktiviti-aktiviti persatuan penduduk.

Dalam masa satu (1) bulan yang lepas, majoriti sejumlah 56.0% responden menyatakan mereka tiada masa (dalam jam) yang diluangkan untuk aktiviti atau kerja sukarela. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa semangat kekitaan, kerjasama dan gotong-royong secara sukarela semakin berkurangan. Usaha untuk memupuk perpaduan memerlukan kepada penyertaan sosial yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Sekiranya majoriti tidak menyertai aktiviti-aktiviti masyarakat setempat yang bertujuan untuk memupuk perpaduan maka kajian lanjutan diperlukan untuk memahami sikap individualistik ini dan apa yang boleh dilakukan untuk memperbaiki situasi ini.

Penilaian Kualiti Hidup: Kesihatan

Penilaian mengenai perkhidmatan kesihatan dilaksanakan dalam kajian ini bagi mendapat pandangan responden berkaitan tahap kualiti perkhidmatan

kesihatan dan tahap kemampuan masyarakat untuk menampung kos keperluan kesihatan keluarga masing-masing di semua kawasan kajian secara keseluruhan.

Tiga indikator diselidiki meliputi tahap kepuasan dengan mutu perkhidmatan kesihatan kerajaan [hospital kerajaan/klinik kerajaan/poliklinik dll.], adakah kawasan responden diancam penyakit yang berjangkit seperti Denggi, Chikungunya, Influenza A (H1N1) dan sebagainya dalam 6 bulan yang lepas dan tahap kemampuan menampung kos keperluan kesihatan keluarga pada masa sekarang.

Hasil Kajian:

Sejumlah 78.3% responden menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan mutu perkhidmatan kesihatan kerajaan [hospital kerajaan/ klinik kerajaan/ poliklinik dll].

Sejumlah 36.75% responden di semua kawasan kajian secara keseluruhan menyatakan kawasan mereka diancam penyakit berjangkit dalam 6 bulan yang lepas. Manakala 59% menyatakan mereka tidak diancam penyakit berjangkit.

Majoriti sejumlah 63.0% menyatakan bahawa mereka agak mampu menampung kos keperluan kesihatan keluarga mereka pada masa sekarang. Daripada 24.66% yang kurang mampu, mereka ini terdiri daripada responden yang mewakili semua kaum, semua tahap pendidikan, semua kumpulan pendapatan dan daripada semua bilangan tanggungan.

Penilaian Kualiti Hidup: Pengangkutan Dan Komunikasi

Penilaian mengenai pengangkutan dan komunikasi dilaksanakan dalam kajian ini bagi mendapatkan pandangan responden berkaitan pengangkutan dan komunikasi di semua kawasan kajian secara keseluruhan.

Tiga indikator diselidiki meliputi tahap kepuasan dengan keseluruhan sistem pengangkutan awam, tahap kepuasan dengan kemampuan sistem pengangkutan awam untuk membolehkan responden melakukan aktiviti harian [pergi sekolah, tempat kerja dan membeli-belah] dan berjalan dengan lancar serta pada kos yang berpatutan dan tahap kepuasan terhadap perkhidmatan internet iaitu adakah mudah dapat diakses, harga berpatutan dan lain-lain.

Hasil Kajian:

Hasil dapatan kajian adalah agak positif. Bagaimanapun perlu diberi perhatian kepada 36.44% responden yang menyatakan bahawa mereka kurang berpuas hati dengan keseluruhan sistem pengangkutan awam.

Sejumlah 35.15% responden menyatakan mereka kurang berpuas hati dengan kemampuan sistem pengangkutan awam untuk membolehkan mereka melakukan aktiviti harian [pergi sekolah, tempat kerja dan membeli-belah] dan berjalan dengan lancar serta pada kos yang berpatutan.

Sejumlah 29% responden kurang dan tidak berpuas hati dengan perkhidmatan internet. 22.98% tidak tahu untuk menilai soalan ini. Diandaikan mereka ini tidak melangani perkhidmatan internet.

Penilaian Dasar Ekonomi (Bahagian 1)

Hasil Kajian:

Majoriti sejumlah 58.3% bersetuju bahawa dasar ekonomi kerajaan dalam mengagihkan kekayaan negara secara adil kepada semua rakyat di negara ini. Namun, sejumlah 23.05% dan 11.21% kurang/tidak berpuas hati dengan usaha kerajaan persekutuan dalam mengurangkan jurang pendapatan antara kaya dengan miskin dan mengurus ekonomi negara. Hanya sejumlah 50.5% daripada responden menyatakan mereka mampu melangani perkhidmatan internet

Penilaian Dasar Ekonomi (Bahagian 2)

Hasil Kajian:

Secara keseluruhan, majoriti responden sejumlah 56.67% merasakan bahawa ekonomi negara diurus dengan berkesan (effectiveness). Manakala 19.36% menyatakan ianya amat berkesan. Terdapat 15.84% daripada responden yang menyatakan bahawa ianya tidak berkesan.

Namun apabila ditanya samada ekonomi negara diuruskan dengan adil, terdapat penurunan dari segi jumlah yang tadi menjawab berkesan (56.67%) menurun ke 53.72%.

Penilaian Dasar Politik (Bahagian 1)

Dalam menilai dasar politik negara beberapa aspek penting diambil kira antaranya melihat tahap puas hati masyarakat tentang usaha kerajaan pusat dalam menangani rasuah, cara pemerintahan yang diamalkan, cara layanan kepada pelbagai kaum dan peranan parti politik dalam menyatupadukan rakyat.

Hasil Kajian:

Sejumlah 53.34% responden agak berpuas hati dan berpuas hati dengan usaha kerajaan persekutuan dalam menangani rasuah di negara ini. Sejumlah 70.54% responden menyatakan mereka agak berpuas hati dan berpuas hati dengan cara pemerintahan yang diamalkan di negara ini pada masa sekarang.

Didapati juga majoriti responden sejumlah 71.5% bersetuju bahawa semua kaum mereka dilayan dengan adil oleh kerajaan pusat dan sejumlah 74.2% bersetuju bahawa parti politik di Malaysia perlu untuk menggalakkan hubungan antara kaum.

Penilaian Dasar Politik (Bahagian 2)

Hasil Kajian:

Secara keseluruhan, majoriti sejumlah 59.0% responden merasakan bahawa cara pemerintahan negara berjalan dengan berkesan (effectiveness) dan sejumlah 56.3% responden menyatakan cara pemerintahan negara berjalan dengan adil (fairness).

Penilaian Dasar Sosial (Bahagian 1)

Hasil Kajian:

Secara keseluruhan, majoriti sejumlah 83.86% responden bersetuju bahawa dasar kerajaan harus melayan semua agama secara adil dan mereka juga bersetuju (63.48%) bahawa rumah ibadat yang dibina tanpa kebenaran kerajaan boleh dirobek mengikut undang-undang. Terdapat juga 17.24% yang tidak bersetuju dan mereka ini datangnya dari pelbagai kaum, agama dan tahap pendidikan.

Majoriti responden (57.26%) menyatakan bahawa dasar sosial negara dilaksanakan dengan berkesan (effectiveness).

Penilaian Dasar Sosial (Bahagian 2)

Hasil Kajian:

Secara keseluruhannya, 14.71% daripada responden merasakan dasar-dasar negara yang ada telah memenuhi kehendak rakyat. 69.47% daripada responden pula berpendapat bahawa dasar-dasar negara hanya memenuhi sebahagian kecil kehendak rakyat. Manakala hanya 8.09% merasakan ia tidak memenuhi kehendak rakyat.

Daripada 69.47% responden keseluruhan yang merasakan memenuhi sebahagian kecil kehendak rakyat datangnya dari pelbagai kumpulan etnik, agama, tahap pendidikan dan pendapatan. Ini menunjukkan bahawa rakyat pelbagai kaum sependapat dalam konteks dasar negara yang memenuhi kehendak, mereka bersetuju bahawa ianya hanya memenuhi sebahagian kecil kehendak rakyat. Penemuan hasil kajian ini penting untuk pihak kerajaan memahami bahawa usaha membuat dasar perlu juga dilakukan dengan mengambil kira kehendak dan keperluan rakyat.

Penilaian Tahap Hubungan Kaum (Bahagian 1)

Sejumlah 54.54% responden menyatakan sekurang-sekali dalam seminggu mereka berbual secara sosial dengan individu dari kaum lain. 17.01% sekali sebulan dan 11.94% sekali dalam beberapa bulan dan hanya 4.04% sekali setahun dan 9.05% tiada dalam tahun lepas.

Penemuan Kajian:

Hasil penemuan kajian ini adalah sangat positif. Daripada penemuan ini, didapati majoriti daripada responden ada berbual dengan individu daripada kaum lain. Apabila diselidiki dengan lebih mendalam didapati 24.26% daripada mereka keluar makan sekurang-sekali seminggu 15.19% sekali sebulan dan 16.76% sekali dalam beberapa bulan. Ini menunjukkan bahawa wujud hubungan antara kaum diperingkat akar umbi.

Penilaian Tahap Hubungan Kaum (Bahagian 2)

Berdasarkan petunjuk kekerapan responden menziarahi individu dari kaum lain, sejumlah 14.37% menyatakan sekurang-sekali seminggu, 12.21% sekali sebulan, 17.20% sekali dalam beberapa bulan. 30.27% tiada dalam setahun lepas. 20.47% sekali setahun.

Bagi petunjuk kekerapan responden menerima lawatan daripada individu kaum lain, sejumlah 13.58% menyatakan sekurang-sekali seminggu, 11.52% sekali sebulan, 16.49% sekali dalam beberapa bulan. 32.54% tiada dalam setahun lepas. 20.24% sekali setahun. Ini menunjukkan bahawa wujud interaksi dan saling berhubung melalui lawat melawat antara kaum dalam Malaysia.

Penemuan Kajian:

Daripada hasil penemuan kajian ini, kita boleh membuat kesimpulan bahawa wujud dengan baik amalan ziarah menziarahi antara pelbagai kaum di negara ini. Walaupun mungkin tidak sekerap yang kerajaan harapkan namun di peringkat akar umbi perkara ini bukanlah sesuatu yang asing.

Penilaian Hubungan Kaum Setempat (Bahagian 1)

Hasil Kajian:

Daripada hasil kajian tentang tahap hubungan kaum pula, didapati majoriti responden sejumlah 74.2% menyatakan bahawa hubungan kaum di tempat tinggal mereka adalah baik. Begitu juga hubungan kaum di sekolah juga adalah baik. Sejumlah 71.81% responden menyatakan hubungan kaum di sekolah adalah baik.

Penilaian Hubungan Kaum Setempat (Bahagian 2)

Hasil Kajian :

Dalam melihat hubungan kaum di tempat kerja dan pejabat kerajaan kajian ini menunjukkan dapatan positif di mana hampir lebih 70% yang merasakan hubungan kaum berada di tahap yang baik.

Penilaian Hubungan Dengan Kaum Lain (Bahagian 1)

Hasil Kajian :

Secara keseluruhan dalam konteks hubungan dengan kaum lain, didapati hasil yang sangat positif dimana hanya 2.12% kurang baik dari segi hubungan dengan kaum Melayu, 4.32% dari segi hubungan dengan kaum Cina dan 1.57% dari segi hubungan dengan kaum India. Tidak terdapat sebarang isu untuk di risaukan bagaimana persepsi hubungan dengan kaum lain.

Penilaian Hubungan Dengan Kaum Lain (Bahagian 2)

Hasil Kajian :

Hasil kajian hubungan kaum lain dengan kaum Iban (untuk Sarawak) juga menunjukkan tahap hubungan yang sangat baik.

Bagi menilai hubungan kaum dengan kaum sendiri, 32.94% berpendapat hubungan mereka dengan kaum sendiri adalah amat baik, 25.20% agak baik dan 32.89% adalah baik. Ini memberi keseluruhan 91.03% hasil yang positif.

Penilaian Hubungan Kaum Secara Keseluruhan

Hasil Kajian :

Majoriti responden sejumlah 94.7% menyatakan tahap hubungan antara kaum di kawasan mereka secara keseluruhan adalah baik.

Penilaian Pemimpin Setempat (Bahagian 1)

Hasil Kajian :

Bagi penilaian terhadap pemimpin setempat secara keseluruhan, sejumlah 67.7% responden mengenali ahli Parlimen di kawasan mereka. Majoriti responden sejumlah 54.35% menyatakan bahawa ahli Parlimen di kawasan mereka memberikan perkhidmatan yang berkesan untuk masyarakat setempat.

Secara keseluruhan, sejumlah 65.8% dari jumlah responden dari semua ka-

wasan Parlimen menyatakan mereka mengenali ADUN di kawasan mereka. Majoriti responden sejumlah 56.48% menyatakan bahawa ADUN di kawasan mereka juga memberikan perkhidmatan yang agak berkesan untuk masyarakat setempat

Penilaian Pemimpin Setempat (Bahagian 2)

Hasil Kajian :

Sejumlah hampir 57.87% responden bersetuju bahawa program pembangunan yang diterajui oleh wakil rakyat di tempat mereka mencapai matlamat. Majoriti responden sejumlah 47.75% merasakan bahawa tahap hubungan antara kaum di Malaysia tidak berubah selepas Mac 2008. Namun begitu terdapat 36.35% responden berpendapat bahawa tahap hubungan antara kaum di Malaysia sudah bertambah baik.

Sejumlah 34.36% responden menyatakan prestasi kerajaan negeri tidak berubah dalam mentadbir negeri. Majoriti responden sejumlah 89.57% bersetuju bahawa pemimpin politik di Malaysia tidak kira parti mana bertanggungjawab menyubur keharmonian etnik dalam negara.

Profil Identiti

Secara keseluruhan, majoriti responden apabila ditanya sekiranya mereka perlu memilih hanya satu kategori untuk mewakili identiti mereka, sejumlah 44.17% mahu dikenali sebagai rakyat Malaysia diikuti dengan 25.10% yang mahu dikenali mengikut agama mereka, dan 23.15% yang mahu dikenali berdasarkan kaum mereka.

Mereka yang memilih identiti melalui kaum ini, majoritinya kaum Cina (44.90%), kaum Melayu (30.61%), India (12.24%), dan Bumiputera Sarawak (12.24%). Daripada 44% kaum Cina, 76.19% daripada mereka menghadiri sekolah jenis kebangsaan Cina.

Rumusan

Dapat dirumuskan disini bahawa rata-rata responden kajian ini mempunyai bentuk kualiti hidup yang agak baik. Daripada lapan indikator kualiti hidup

yang dikaji, hanya indikator pendapatan dan penyertaan sosial masyarakat sahaja yang menunjukkan penemuan yang negatif dan perlu diberi perhatian mendalam. Manakala keselamatan, alam sekitar dan pengangkutan adalah antara perkara yang perlu diberi penelitian dalam konteks Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Indikator-indikator mengenai sistem pendidikan, perumahan dan kesihatan mencapai tahap kepuasan yang baik.

Analisis keseluruhan kawasan kajian juga telah menunjukkan bagaimana pola kualiti hidup yang telah diselidiki berdasarkan lokasi dan etnik dapat memberi gambaran lebih jelas tentang masalah sebenar yang dihadapi masyarakat. Kesimpulan penting daripada penemuan ini menunjukkan andaian selama ini bahawa masalah kemiskinan adalah masalah kaum Melayu sahaja sebenarnya adalah salah kerana dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ianya bukan lagi hanya masalah kaum Melayu sahaja kerana semua kaum mempunyai masalah dalam menguruskan keperluan isi rumah. Begitu jugalah dengan masalah ketidak-puasan hati terhadap dasar kerajaan. Andaian yang biasa bahawa kaum Cina di negara ini sering tidak berpuas hati terhadap dasar kerajaan juga meleset kerana hasil kajian ini menunjukkan bahawa semua kaum, daripada semua kelas sosial dan semua tahap pendidikan juga mempunyai masalah ketidak-puasan hati terhadap dasar kerajaan.

Seperti yang dijelaskan dalam bab ini juga, kawasan-kawasan kajian dipilih berdasarkan beberapa indikator penting. Antaranya adalah daripada segi komposisi kaum (kawasan majoriti Melayu, majoriti bukan melayu, kawasan campuran), kawasan bandar-luar bandar, berdasarkan kelas sosial, dan mengikut kepelbagaian parti politik dan sokongan masyarakat. Namun daripada hasil kajian ini kita dapati banyak faktor yang mempengaruhi tahap kualiti hidup responden dan tahap hubungan kaum dan bukan hanya faktor lokasi dan komposisi kaum. Jika dilihat secara purata diperingkat nasional, didapati hanya lebih sedikit daripada separuh yang mempunyai persepsi bahawa pendapatan mereka agak cukup untuk menampung isi rumah. Namun majoriti merasakan mereka tidak yakin akan mempunyai pekerjaan pada masa hadapan dan separuh lagi yang merasakan mereka tidak mampu untuk menabung bagi masa hadapan.

Hasil kajian peringkat nasional ini sekiranya dilihat di setiap kawasan kajian, dalam konteks soalan kualiti hidup mengenai pendapatan, kita akan dapat melihat bahawa kawasan Parlimen Arau yang mempunyai majoriti kaum Melayu mempunyai penemuan yang tidak jauh bezanya dengan kawasan Parlimen

Kota Raja yang merupakan kawasan campuran. Begitu juga kalau dilihat kawasan bandar seperti Alor Setar, jawapan responden tentang persepsi mereka mengenai kualiti hidup tentang pendapatan, tidak jauh bezanya dengan kawasan seperti di Machang, Kelantan.

Kajian ini juga dengan jelas menunjukkan bahawa kebanyakan masalah bukanlah yang berkaitan dengan hubungan kaum, tetapi yang perlu diberi perhatian tertumpu kepada isu-isu urus tadbir/governans yang memerlukan tindakan pihak berkuasa tempatan, seperti isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar, perumahan, pengangkutan, kesihatan, dan keselamatan. Kebanyakan perasaan tidak puas hati yang dibaca sebagai ketegangan kaum sebenarnya adalah mengenai isu-isu yang berkait dengan urus-tadbir dan governans. Masalahnya adalah pelaksanaan dasar kerajaan tersebut dan ianya menjadi lebih sukar dan tidak membantu sekiranya kerajaan terus dengan cara *top-down* dalam membentuk dasar-dasar negara.

Dapatan hasil kajian ini seperti berikut memberi gambaran kepada kenyataan di atas. Berdasarkan hasil kajian daripada segi dasar kerajaan, hampir 70% daripada responden keseluruhan merasakan bahawa dasar kerajaan hanya memenuhi sebahagian kecil kehendak rakyat, manakala 8.09% berpendapat ianya tidak memenuhi kehendak rakyat langsung. Hanya 14.71% responden merasakan bahawa dasar negara telah memenuhi sebahagian besar kehendak rakyat.

Ini menunjukkan bahawa dasar yang tidak memenuhi kehendak rakyat akan menimbulkan keresahan dan perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat. Memahami kehendak dan keperluan rakyat adalah syarat penting dalam menentukan pelaksanaan dasar yang dapat memberi impak dan urustadbir yang baik serta penyertaan masyarakat dalam program-program dan aktiviti-aktiviti anjuran kerajaan.

Jelas disini bahawa masalah dan kepincangan dalam mengurus pembangunan negara boleh menjejaskan kualiti hidup masyarakat dan keharmonian hidup rakyat serta penyebab utama yang boleh mempengaruhi dan menggugat kesepaduan sosial yang sedang dinikmati. Oleh itu, pintu masuk kepada teretusnya konflik etnik bukan lagi ala rusuhan kaum 13 Mei 1969, di mana jurang ekonomi yang memisah etnik Melayu dan etnik Cina yang dahulu menjadi puncanya, tetapi kini lebih kepada persoalan kemiskinan dan kualiti hidup rakyat yang terjejas dan keciciran.

Menurut Mansor Mohd. Nor (2001), masalah yang berlaku dalam hubungan etnik adalah disebabkan oleh kualiti hidup dan sosioekonomi masyarakat yang rendah serta kelemahan tadbir urus kerajaan dalam mengurus kepelbagaian etnik punca tercetus ketegangan sosial antara etnik di negara ini. Isu kemiskinan, merasa terpinggir dan kepincangan pembangunan yang menjejaskan kualiti hidup rakyat menjadikan sebab untuk setiap etnik mempertahankan kepentingan diri mereka dengan menggembleng dimensi etnik yang boleh membawa kepada tercetusnya ketegangan dan konflik antara etnik.

Apa yang penting untuk kita fahami, apa pun andaian yang kita buat berdasarkan bacaan kita melalui media masa dan maklumat yang kita terima melalui media sosial, kajian ini telah menunjukkan bukti empirikal bahawa di peringkat akar umbi, tahap hubungan kaum setempat adalah baik. Ada bukti yang jelas menunjukkan tahap intensiti yang baik dalam hubungan pelbagai kaum melalui interaksi berbual, ziarah menziarahi dan sebagainya. Daripada sudut profil identiti, kita dapat melihat hampir separuh responden mahu dikenali sebagai rakyat Malaysia. Ini adalah indikator penting yang perlu dipupuk agar lebih ramai rakyat Malaysia mempunyai pandangan yang sama. Usaha penyatupaduan antara kaum harus bermula dengan titik persamaan. Buat masa ini, persamaan antara semua masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia ini adalah semua mereka rakyat Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memelihara keharmonian dan kesepaduan yang telah kita nikmati dalam negara ini dan berusaha untuk menentukan agar generasi akan datang akan juga dapat hidup aman damai, harmoni dan mesra dalam kepelbagaian dan Malaysia terus dihormati sebagai sebuah negara contoh di mana rakyat pelbagai kaum dan agama dapat hidup rukun damai dan bersatu padu.

A close-up photograph of a person's hands gently cupping a small, vibrant green seedling. The seedling has a thin stem, several leaves, and a small bud at the top. The soil is dark and rich. The background is a soft, out-of-focus warm light, creating a sense of care and growth.

BAB 9
INPUT HASIL INISIATIF JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

BAB 9

Malaysia seperti negara lain mempunyai cita-cita ingin mencapai kemajuan dan kini sedang berusaha menuju ke arah pembentukan sebuah negara maju berdasarkan Wawasan 2020. Selari dengan hasrat ini, kerajaan terus berusaha untuk menyatupadukan semua kaum dengan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Dasar - Dasar Kerajaan.

Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sejak tahun 1969 hingga kini adalah bertujuan untuk mengkoordinasi semua usaha kerajaan untuk mencapai matlamat akhir perpaduan nasional. Pelbagai inisiatif telah dijalankan dengan memperkenalkan program-program ke arah memupuk perpaduan dalam masyarakat.

Dalam konteks Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan, inisiatif-inisiatif berikut telah dilaksanakan di Malaysia sejak penubuhan JPNIN:

Membina Jambatan Perpaduan

Program memupuk perpaduan diperingkat akar umbi telah bermula apabila Skim Rukun Tetangga dilancarkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, mantan Perdana Menteri di Kampung Kassipillay, Kuala Lumpur pada 29 Ogos 1975.

Penubuhan Rukun Tetangga ini bertujuan untuk memainkan peranannya menjadi jambatan penghubung perpaduan dan keharmonian nasional dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Interaksi sesama masyarakat pelbagai kaum dapat diperluaskan dan dipertingkatkan hingga ke peringkat akar umbi, mempertingkatkan integrasi pelbagai kaum dan budaya sekaligus mampu membina sebuah masyarakat yang harmonis, hormat-menghormati dan saling bekerjasama.

Penubuhan sejumlah lebih 7,095 Rukun Tetangga di seluruh negara sehingga hari ini bertujuan untuk memperkasakan semangat kejiranan dan kesu-

karelawan demi keselamatan dan keharmonian masyarakat demi memastikan kelangsungan perpaduan di negara kita.

Penubuhan Rukun Tetangga yang awalnya bertujuan menjaga keselamatan kawasan-kawasan kediaman secara mandatori semenjak awal tahun 80an kini mengalami suatu transformasi konsep dengan tumpuan kepada aspek keji- ranan untuk menggalakkan perasaan kekitaan dan kejiranan yang erat dalam kalangan masyarakat setempat.

Keselamatan Komuniti Teras Kesentosaan Dan Keamanan

Ancaman jenayah amat membimbangkan dan sentiasa meresahkan penduduk. Justeru itu, menyedari kepentingan untuk melindungi ahli masyarakat, JPNIN tampil memperkenalkan gerakan masyarakat bersama mencegah jenayah dan melindungi keselamatan komuniti melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS). Sehingga 31 Disember 2014, terdapat sebanyak 4460 SRS diwujudkan dengan keahlian anggota peronda SRS seramai 90,000 orang.

Penubuhan SRS membolehkan ahli komuniti menjalankan rondaan secara sukarela bertujuan membantu pihak polis menangani jenayah. Di bawah Gagasan 1Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diilhamkan dan dipacu oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri sejak tahun 2009, SRS telah diberi nafas baru melalui Program Jom Ronda.

Program ini telah berjaya melibatkan pemimpin-pemimpin Negara turut serta memikul kewajipan menjaga keselamatan komuniti dengan melakukan rondaan bersama komuniti. Kesenambungan kepada Program Jom Ronda, SRS diperkasakan di bawah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) melalui Program Rondaan Awam Polis Angkatan Tentera (RAPAT) di beberapa buah negeri seperti di Selangor, Johor, Kuala Lumpur, Perak dan Pulau Pinang melalui kerjasama pihak polis dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

JPNIN terus mengorak langkah mendepani cabaran mendatang menangani jenayah dengan melancarkan suatu kempen untuk menarik ahli masyarakat mengembleng tenaga menyertai SRS iaitu kempen 10 Keluarga 1 Anggota SRS.

Pendamaian Kunci Kesejahteraan

Untuk mengelakkan isu remeh-temeh diperbesarkan sehingga mewujudkan perpecahan dalam kalangan komuniti di sesebuah kawasan, JPNIN sejak tahun 2009 telah memperkenalkan perkhidmatan Mediator Komuniti (MK) dan sehingga 31 Disember 2014, seramai 957 orang pengantara telah berjaya dilatih dalam kalangan pemimpin masyarakat untuk bertindak sebagai pendamai komuniti.

Tugas utama MK ialah menjadi orang tengah bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam komuniti secara rundingan atau meja bulat dengan melibatkan pihak-pihak berkonflik supaya komunikasi dapat diperkukuhkan kembali dan hidup berbaik-baik sesama jiran tetangga.

Sayangi Komuniti Perteguhkan Semangat Kejiranan

Program Sayangi Komuniti bertujuan memantapkan perpaduan di peringkat akar umbi. Program ini memberi penekanan kepada aspek keselamatan, kebersihan, keselesaan, pendidikan, kesejahteraan dan semangat perpaduan di kawasan kediaman dan di peringkat akar umbi.

Ahli-ahli masyarakat dipupuk agar menyayangi kawasan kediaman masing-masing dan berusaha dengan penuh semangat mewujudkan kedamaian dan kesentosaan di kawasan kediaman.

Perteguhkan Penyatuan Nasional

Usaha-usaha ke arah mencapai matlamat PENYATUAN NASIONAL sedang giat dilaksanakan dan bagi melanjutkan usaha memantapkan perpaduan sedia ada untuk tempoh 50 tahun atau 100 tahun yang akan datang, penghayatan gagasan 1Malaysia berasaskan kepada meraikan kepelbagaian budaya dan adat resam di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum atau "*Unity in Diversity*" haruslah menjadi tonggak utama dalam pembentukan identiti nasional di kalangan rakyat kita.

Salah satu Program Penyatuan Nasional ialah penubuhan Skwad Uniti, yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak pada 9 Mac 2014 yang lalu. Skwad Uniti ini adalah merupakan inisiatif kerajaan untuk gerakan sosial di peringkat akar umbi (Social Grassroot Movement).

Penubuhan Skwad Uniti ini bertepatan dengan komitmen kerajaan untuk lebih komited dan bersifat terbuka dalam memberi perkhidmatan kepada komuniti dan masyarakat.

Menggembleng Tenaga Golongan Muda

Penubuhan cawangan Jiran Muda di bawah Jawatankuasa Rukun Tetangga merupakan platform kepada golongan remaja berusia 13 hingga 21 tahun untuk berkecimpung di dalam aktiviti kemasyarakatan di Kawasan Rukun Tetangga.

Usaha ini akan dapat memasyarakatkan golongan itu daripada pelbagai etnik untuk melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan, yang sekaligus mampu mengelakkan mereka daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral.

Mendepani Perubahan Dan Cabaran

Dunia hari ini bergerak dengan pantas sekali. Organisasi seperti JPNIN tidak terkecuali turut berhadapan dengan cabaran yang akan menguji sejauhmana keberkesananannya memantapkan dan memastikan perpaduan terus utuh di peringkat akar umbi dan terus relevan.

Dalam konteks menangani perubahan ini, latihan dan pendidikan perpaduan adalah penting. Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) di bawah JPNIN telah dipertanggungjawabkan untuk merekabentuk latihan-latihan yang sesuai agar elemen perpaduan berupaya melonjakkan suasana keharmonian, memantapkan keselamatan dan menyediakan perkhidmatan kepada ahli-ahli masyarakat.



BAB 10
PELAN PERPADUAN, KESEPADUAN DAN PENYATUPADUAN MALAYSIA
BAHAGIAN B - PELAN TINDAKAN

BAB 10

Matlamat MKPN

Mengurangkan polarisasi kaum dan usaha membina bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Pendahuluan

Bab ini menggariskan pelan tindakan yang berpaksikan konsultasi berdasarkan maklumbalas dan kefahaman yang mendalam daripada pelbagai input tentang permasalahan yang dihadapi negara. Ianya dibahagikan kepada sembilan outcome penting yang perlu dicapai sebagai usaha kearah penyatupaduan masyarakat Malaysia. Ianya adalah sintesis hasil analisis daripada sembilan bab yang terdahulu. Bab ini juga menjadi kunci utama dalam usaha kita untuk mempertahankan kesepaduan sosial yang telah wujud dalam negara dengan cadangan output dan aktiviti yang jelas dan terperinci.

Sepanjang perjalanan proses konsultasi dan penyediaan pelan ini terdapat beberapa perkara yang berulang kali timbul dan boleh dijadikan sebagai asas kesepaduan sosial sedia ada dalam negara. Antara perkara tersebut adalah:

1. *Kepelbagaian sebagai kekuatan*
2. *Perlembagaan Persekutuan sebagai asas penyatuan*
3. *Rakyat Malaysia cintakan keamanan*
4. *Menguruskan perbezaan*
5. *Memantau punca permasalahan*
6. *Perpaduan nasional tanggungjawab semua*
7. *Memperkasakan institusi yang memupuk perpaduan.*

1. Kepelbagaian sebagai kekuatan

Kita sebagai rakyat Malaysia sedar bahawa kita mempunyai masyarakat yang berbilang agama, kaum, budaya dan bahasa yang perlu kita fahami, hargai dan terima sebagai perpaduan dalam kepelbagaian. Kepelbagaian ini adalah kekuatan kita dan oleh itu, kita mesti berusaha memelihara karakter yang unik ini.

2. Perlembagaan Persekutuan sebagai asas penyatuan

Kita mengenali sejarah pembentukan Malaysia dan prinsip-prinsip asas sebagai sesuatu yang dipersetujui bersama dalam Perlembagaan Persekutuan, terutamanya untuk menghargai dimensi seimbang dan inklusif perlembagaan kita ini. Perlembagaan Persekutuan penting sebagai asas penyatuan.

3. Rakyat Malaysia cintakan Keamanan

Kita mengiktiraf bahawa kebanyakan rakyat Malaysia cintakan keamanan dan memupuk masyarakat berbilang kaum, namun demikian Kita juga mengiktiraf bahawa kerana beberapa sebab, ada bahagian-bahagian dalam masyarakat kita terpaksa dipisahkan disebabkan institusi politik, agama, kaum, pendidikan atau dasar awam atau berdasarkan persepsi yang mungkin tidak tepat tentang sejarah Malaysia atau analisis politik kontemporari.

4. Menguruskan perbezaan

Kita menyedari bahawa sebagai sebuah masyarakat berbilang kaum, akan ada keadaan di mana terdapat perbezaan pendapat atau perspektif tentang sejarah antara kita, serta aspek semasa dan masa depan bangsa kita. Dengan ini, kita menyeru semua rakyat Malaysia mengambil pendekatan berdialog, perbincangan, berunding dan tolak ansur. Ini adalah cara budaya dan pendekatan Malaysia untuk duduk berbincang sebagai satu komuniti dan merapatkan mana-mana jurang perbezaan. Struktur-struktur tidak formal dan formal diperlukan untuk membantu dan menyemai budaya perbincangan sebagai langkah tindakan yang pertama dalam menyelesaikan perbezaan dan mencapai kata sepakat.

5. Memantau punca permasalahan

Kita juga menyedari bahawa ada yang tidak akan sanggup menyelesaikan isu-isu berasaskan komuniti, dan dengan itu undang-undang baru yang sesuai perlu dibentuk. Pada masa yang sama untuk mengelakkan pertikaian adalah perlu untuk kita sentiasa memantau punca permasalahan.

6. Perpaduan nasional tanggungjawab semua

Kita juga menyedari bahawa pemupukan perpaduan nasional, perdamaian dan penyatuan sosial bukan hanya tanggungjawab kerajaan tetapi juga sektor swasta dan masyarakat umum. Kita perlu bersama-sama memastikan keamanan dan keharmonian berterusan supaya kemakmuran boleh dikongsi secara kolektif, oleh semua agar tidak ada sesiapa dari masyarakat kita ini akan merasa tersisih dan terasing.

7. Memperkasa institusi yang memupuk perpaduan

Kita menyedari bahawa untuk memupuk perpaduan nasional, kita sebagai sebuah negara bangsa perlu melabur lebih banyak dana dan sumber. Ini dapat dicapai dengan baik melalui pengukuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta mengangkat Institut Kajian Etnik (KITA-UKM) sebagai sebuah institusi penyelidikan peringkat kebangsaan.

Hasil Penting Pelan Tindakan

Mengambil kira latar belakang yang disebut di bahagian pendahuluan dan analisis mendalam yang dibentangkan dalam 9 bab sebelum ini, maka berikut adalah hasil penting sebagai kerangka asas untuk membentuk blueprint perpaduan dan kesepaduan sosial yang akan membantu memupuk penyatupaduan masyarakat Malaysia.

Jadual 10.1 : HASIL UTAMA

1	Peningkatan tahap perbincangan antara kumpulan etnik dan agama, serta lokasi geografi yang berbeza di Malaysia. Perbincangan ini mengguna pakai pendekatan yang lebih holistik dan inklusif yang akan membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan perpaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik.
2	Peningkatan kecelikan demokrasi dan kematangan politik untuk meningkatkan dan menambah baik penglibatan pelbagai etnik dan pelbagai agama yang penting bagi pembinaan negara yang berkesan.
3	Pemahaman yang holistik dan seimbang berhubung kedudukan Perlembagaan Persekutuan dengan merujuk Perkara 3, 4, 8, 10, 11, 152, 153 & 181 sebagai asas bagi negara bangsa. Setiap rakyat Malaysia sepatutnya menghargai perkembangan sejarah, undang-undang dan politik Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta memahami hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara.
4	Pembentukan mekanisme bukan kehakiman bagi pengantaraan dan penyelesaian konflik. Setiap rakyat Malaysia mempunyai akses terhadap mekanisme ini dan yakin bahawa prosesnya adil, saksama dan telus.
5	Kumpulan 40% terbawah daripada semua komuniti di setiap kawasan mendapat akses penuh kepada perkhidmatan sektor awam. Setiap rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, sub etnik, agama, politik, lokasi, jantina & seksualiti mendapat akses yang sama kepada perkhidmatan awam, dan dilayan seperti seorang manusia dan warganegara Malaysia.
6	Peningkatan komitmen terhadap kepelbagaian etnik dan jantina dalam pengambilan dan kenaikan pangkat di tempat kerja dalam sektor awam dan swasta.
7	Pemahaman dan penghayatan budaya pelbagai etnik dalam kalangan komuniti, termasuk kemahiran dalam Bahasa Malaysia dan pengukuhan penguasaan bahasa komuniti.
8	Tahap hubungan etnik dan perpaduan negara dipantau dan dikaji semula secara tetap.
9	Pengukuhan dasar dan mekanisme institusi bagi MKPN.

B. Isu utama yang dikenal pasti oleh MKPN

Dalam membangunkan sembilan matlamat utama di atas, segala perkara yang dibangkitkan dalam Dialog Perpaduan dan Perbincangan Meja Bulat didokumenkan dan dianalisis. Para peserta dalam Dialog Perpaduan dan Perbincangan Meja Bulat yang diacarakan oleh MKPN menyetujui banyak bidang yang disukai dan tidak disukai, serta persetujuan dan perselisihan dalam masyarakat Malaysia. MKPN mendengar pelbagai pandangan tentang masyarakat Malaysia, malah ada yang dirasakan bercanggah. Dalam konteks ini: -

MKPN Mengiktiraf:

- Bahawa kita mempunyai masyarakat yang unik: pelbagai agama, kaum, budaya dan bahasa. Majoritinya memahami, menghargai dan menerima kewujudan perpaduan dalam kepelbagaian. Sesungguhnya, kepelbagaian ini adalah kekuatan kita dan oleh itu kita mesti berusaha untuk mengekalkan ciri unik ini, memastikan keadilan, kesaksamaan dan keterangkuman.
- Komuniti di Malaysia secara kolektifnya mengalami 'detik perpaduan' dan 'detik perbezaan', yang juga dinyatakan dalam cara kita menghargai dan memahami sejarah, perkembangan semasa serta aspirasi masa depan.
- Hal ini menyebabkan perlunya pengukuhan budaya berdialog sebagai cara menyelesaikan perbezaan dan mendapatkan pertumpuan berdasarkan tahap persaingan awam yang memuncak sebagai reaksi kepada isu etnik, agama, bahasa dan budaya yang dibangkitkan. Persaingan ini menggambarkan perbezaan dan kecurigaan dalam kalangan individu dan kumpulan yang perlu ditangani.

Isu & Kebimbangan Yang Dikenal Pasti Oleh MKPN:

- Kebanyakan isu yang memecahbelahkan ini selalunya rumit dan sering mempunyai banyak unsur yang bercanggah yang bergantung pada pegangan politik, agama dan etnik individu atau kumpulan yang terlibat. Masalah ini biasanya kurang jelas. Ia memerlukan analisis yang mendalam daripada dimensi etnik, kelas, jantina, geografi, ekonomi, agama dan politik yang pelbagai dan bertindih.

- Persaingan etnik dan agama ini berpunca terutamanya daripada pemimpin politik dan masyarakat sivil (terutama melalui ucapan dan tindakan mereka). Persaingan ini nampaknya memberi kesan negatif terhadap perpaduan negara dan keharmonian dalam masyarakat Malaysia. Sebaliknya, orang awam biasa pula bercakap tentang cara mereka mengekalkan hubungan yang harmoni dan mesra dengan jiran mereka secara umumnya.
- Terdapat perbezaan tafsiran bagi Perlembagaan Persekutuan yang disokong secara terpilih oleh parti politik dan organisasi masyarakat sivil yang berbeza.
- Tanggapan bahawa terdapat institusi latihan awam tertentu yang tidak memupuk kefahaman dan penghargaan yang seimbang terhadap kepelbagaian dan sejarah kita serta pemahaman yang betul tentang Perlembagaan Persekutuan.
- Isu ini merangkumi perkara yang berkaitan agama, kedudukan istimewa, sekolah berorientasikan vernakular, etnik, peluang dalam perkhidmatan awam dan anggapan diskriminasi etnik oleh kumpulan yang berbeza dalam sektor awam dan swasta.
- Terdapat sebilangan kecil masyarakat yang berpendapat pelaksanaan perkara di atas adalah tidak adil dan saksama. Oleh itu, timbul persoalan kredibiliti dan akauntabiliti. Begitu juga, terdapat sebahagian masyarakat yang menyatakan kebimbangan bahawa sesetengah kumpulan mempunyai hubungan yang rapat dengan pegawai kerajaan dan kumpulan lain pula dengan kuasa asing.
- Tanggapan permarginalan atau menjadi masyarakat "kelas kedua" dikaitkan dengan idea bahawa kelas ekonomi dominan berkait rapat dengan komposisi etnik tertentu kini mendominasi politik dan kerajaan. Tanggapan ini nampaknya menambahkan kebimbangan politik dalam komuniti etnik utama di negara ini dan diburukkan lagi dengan pandangan meluas terhadap kurangnya pemimpin yang berwibawa pada peringkat tempatan dan kebangsaan.

- Terdapat banyak isu yang melibatkan keluarga miskin dan berpendapatan rendah terutamanya mereka yang berada dalam kumpulan 40% terbawah yang memberi kesan secara langsung terhadap perhubungan etnik dan persaingan sumber.
- Kebimbangan semua komuniti etnik yang jauh di pedalaman, masyarakat peribumi di hutan dan golongan miskin di bandar yang berasa amat terpinggir daripada komuniti arus perdana. Pengalaman dan tanggapan ini nampaknya memberi kesan negatif kepada perpaduan dan integrasi nasional. Keadaan ini diburukkan lagi dengan tanggapan kualiti hidup yang semakin menurun dan kos sara hidup yang semakin melambung.
- Tanggapan polarisasi tempat kerja dalam masyarakat Malaysia - dengan majoriti masyarakat Melayu dalam perkhidmatan awam dan bukan Melayu dalam sektor swasta memberikan impak negatif kepada perhubungan etnik dan keharmonian dalam masyarakat Malaysia.
- Berlaku ketidakcukupan peruntukan dana dan sumber awam bagi mempromosikan bahasa tempatan lain terutama bahasa peribumi di Sabah dan Sarawak dan bahasa komuniti sub etnik lain yang memberi kesan terhadap pemeliharaan kepelbagaian bahasa masyarakat Malaysia.

Isu Khas Yang Ditumpukan:

Terdapat empat bidang yang tidak mencapai persetujuan sebulat suara. Perkara ini didokumenkan untuk mengetengahkan isu dan kebimbangan yang terus menjadi titik perbalahan utama.

Pertamanya ialah Akta Hasutan. Majoriti menyatakan keperluan memansuhkan Akta Hasutan semasa dan menggantikannya dengan rang undang-undang Keharmonian Nasional baharu. Walau bagaimanapun, sekumpulan kecil mengekalkan bantahan mereka dan menuntut supaya Akta Hasutan semasa tidak dimansuhkan tetapi dikekalkan. Pandangan majoriti telah diguna pakai.

Keduanya ialah penggunaan istilah Bumiputra dan Bukan Bumiputra. Sesetengah kumpulan merasakan bahawa pemisahan ini memecahbelahkan kerana ia membahagikan rakyat kepada dua kategori dan dianggap tidak mengikut perlembagaan. Kumpulan ini berasakan penggunaan istilah tersebut perlu dihentikan. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dipertikaikan. Terdapat juga

sekumpulan majoriti yang tidak bersetuju dengan pandangan ini disebabkan penafsiran yang berbeza terhadap pembinaan bangsa mengikut dimensi sejarah dan etnik.

Ketiganya ialah ratifikasi Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Diskriminasi Kaum (ICERD) yang disyorkan sebagai satu langkah penting bagi Malaysia untuk menanda aras dasar dan program perpaduan negaranya berdasarkan standard antarabangsa. Terdapat pandangan bahawa Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional telah pun menangani perkara ini. Walau bagaimanapun, MKPN mengesyorkan supaya Kerajaan mengkaji semula pengesahan ICERD secara serius.

Akhirnya bidang keempat adalah tentang pengenalan semula pemilihan kerajaan tempatan sebagai struktur tadbir urus yang berkesan untuk meningkatkan demokrasi akar umbi. Diperhatikan bahawa penyertaan dalam tadbir urus dan desentralisasi akan meningkatkan perpaduan negara. Ada juga yang menyatakan keraguan. Walau bagaimanapun, MKPN mengesyorkan supaya Kerajaan mempertimbangkan pengenalan semula pemilihan kerajaan tempatan.

C. Cadangan

Selepas mempertimbangkan semua perkara di atas, MKPN mengesyorkan perkara berikut berdasarkan sembilan matlamat seperti yang dibentangkan di bawah seksyen A:

Cadangan 1 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatu-paduan Malaysia diguna pakai sepenuhnya oleh Perdana Menteri dan Kabinet sebagai Rangka Tindakan Perpaduan Negara bagi Malaysia dan menyediakan dana dan sumber yang mencukupi dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) bagi pelaksanaan, pemantauan dan penilaiannya secara berkesanan.

Hasil Utama 1:

Peningkatan tahap perbincangan antara kumpulan etnik dan agama, serta lokasi geografi yang berbeza di Malaysia. Perbincangan ini mengguna pakai pendekatan yang lebih holistik dan inklusif yang akan membawa

kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan perpaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik.

Cadangan 2 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya sektor awam, swasta dan masyarakat melibatkan diri secara aktif dan menghayati, secara formal dan tidak formal, budaya dan amalan perbincangan yang melibatkan pihak berkepentingan yang pelbagai serta meluas melalui saluran seperti dialog, persidangan, forum, referendum, perbincangan meja bulat, perbincangan kelompok sasaran, sesi pendengaran awam dan lain-lain.

Hasil Utama 2:

Peningkatan kecekapan demokrasi dan kematangan politik untuk meningkatkan dan menambah baik penglibatan pelbagai etnik dan pelbagai agama yang kritikal terhadap pembinaan negara yang berkesan.

Cadangan 3 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya kecekapan demokrasi yang berasaskan kefahaman Sejarah Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan yang seimbang ditamakkan dalam sistem politik, pendidikan dan latihan kita.

Cadangan 4 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya istilah perpaduan sosial ditekankan semula, dijelaskan dan dipromosikan agar orang awam memahami bahawa ia merupakan realiti sebenar yang telah kita lalui dengan jayanya setakat ini dalam usaha mencapai perpaduan negara dan perdamaian.

Hasil Utama 3:

Pemahaman yang holistik dan seimbang berhubung kedudukan Perlembagaan Persekutuan dengan merujuk Perkara 3, 4, 8, 10, 11, 152, 153 & 181 sebagai asas bagi negara bangsa. Setiap rakyat Malaysia sepatutnya menghargai perkembangan sejarah, undang-undang dan politik Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta memahami hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.

Cadangan 5 MKPN: (sama seperti cadangan #3)

MKPN mengesyorkan supaya kecekapan demokrasi yang berasaskan kefahaman Sejarah Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan yang seimbang ditamakkan dalam sistem politik, pendidikan dan latihan kita.

Cadangan 6 MKPN:

MKPN mengesyorkan penubuhan Suruhanjaya Semakan dan Pembaharuan Undang-undang yang akan mengesyorkan undang-undang yang akan menyumbang dan meningkatkan perpaduan sosial dalam usaha mencapai perpaduan negara dan perdamaian yang mengambil kira instrumen dan konvensyen PBB.

Cadangan 7 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya Akta Hasutan dimansuhkan dan undang-undang baharu digubal untuk mengukuhkan perpaduan sosial dan perpaduan negara dengan menangani ucapan kebencian, perbuatan yang mengapi-apikan ancaman kecederaan dan menggunakan keganasan dan kekacauan sosial yang boleh memberi kesan negatif terhadap keharmonian etnik, budaya dan agama.

Hasil Utama 4:

Pembentukan mekanisme bukan kehakiman bagi pengantaraan dan penyelesaian konflik. Setiap rakyat Malaysia mempunyai akses terhadap mekanisme ini dan berasa yakin bahawa prosesnya adil, saksama dan telus.

Cadangan 8 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya undang-undang baharu tentang Pengantaraan Komuniti dan Penyelesaian Konflik (CMCR) digubal dan Pusat CMCR ditubuhkan di setiap negeri yang mempunyai sumber yang mencukupi dan kakitangan terlatih bagi memudahkan pelaksanaan secara berkesan.

Hasil Utama 5:

Kumpulan 40% terbawah daripada semua komuniti di setiap kawasan mendapat akses penuh kepada perkhidmatan sektor awam. Setiap rakyat

Malaysia tanpa mengira etnik, sub etnik, agama, politik, lokasi, jantina & seksualiti mempunyai akses yang sama kepada perkhidmatan awam, dan dilayan seperti seorang manusia dan warganegara Malaysia.

Cadangan 9 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya dasar pembasmian kemiskinan yang saksama berdasarkan keperluan asas, dibentuk dengan strategi pelaksanaan yang berkesan dan pemantauan telus yang berterusan dan mekanisme penilaian dilaksanakan untuk mengekalkan perpaduan sosial dalam usaha mencapai keadilan sosial dan perpaduan negara.

Hasil Utama 6:

Peningkatan komitmen terhadap kepelbagaian etnik dan jantina dalam pengambilan dan kenaikan pangkat di tempat kerja dalam sektor awam dan swasta.

Cadangan 10 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya usaha yang lebih giat perlu diambil oleh kerajaan untuk mengamalkan dan memantau pengambilan dan kenaikan pangkat pekerja tanpa mengira etnik, kaum, jantina dan kelas.

Cadangan 11 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya inisiatif diambil oleh kerajaan untuk menggesa sektor swasta agar mengamalkan pengambilan pekerja tanpa berat sebelah terhadap etnik, bangsa, jantina dan kelas.

Hasil Utama 7:

Pemahaman dan penghayatan budaya pelbagai etnik dalam kalangan komuniti, termasuk kemahiran dalam Bahasa Malaysia dan pengukuhan penguasaan bahasa komuniti.

Cadangan 12 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya usaha yang lebih giat diambil dalam penguasaan Bahasa Malaysia dan pada masa yang sama usaha pembelajaran dalam bahasa komuniti yang lain ditingkatkan dengan kemudahan disediakan di seluruh negara dan disokong oleh sektor awam dan swasta.

Hasil Utama 8:

Tahap hubungan etnik dan perpaduan negara dipantau dan dikaji semula secara tetap.

Cadangan 13 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya mekanisme pemantauan hubungan etnik KI-TA-MESRA® dan Indeks Penjajaran Masyarakat Malaysia diterima sebagai mekanisme pemantauan kebangsaan dengan hasrat untuk membangunkan Indeks Perpaduan Sosial Malaysia. Indeks ini mempunyai potensi untuk dibangunkan bagi penerapan serantau.

Hasil Utama 9:

Pengukuhan dasar dan mekanisme institusi bagi MKPN.

Cadangan 14 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya bebas untuk mengekalkan dan menambah baik perpaduan sosial serta memperkukuh agenda perpaduan negara.

Cadangan 15 MKPN:

MKPN mengesyorkan supaya kerajaan memberikan perhatian yang lebih kepada agenda perpaduan negara dengan menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara dan Perpaduan Sosial.

Cadangan 16 MKPN: (lihat juga cadangan #13)

MKPN mengesyorkan supaya KITA-UKM dinaik taraf menjadi Institut Kajian Etnik Negara dengan geran pelancaran yang substantif dan sumber yang mencukupi untuk terus menjalankan penyelidikan, sebagai satu bentuk penyelidikan dan pembangunan (R & D) dalam konteks sosial, tentang keadaan dan masa depan hubungan etnik di negara ini dan merumuskan dasar sokongan awam dan aktiviti yang berkaitan.

Jadual 10.2 : PELAN TINDAKAN - HASIL UTAMA 1

HASIL	Increased level of consultation for improved deeper understanding hence increased social cohesion and national unity.		
STRATEGI	OUTPUT	AKTIVITI/INISIATIF PILIHAN	INPUT/SUMBER
Melalui dialog/seminar/forum	14 Program berimpak tinggi peringkat kebangsaan melalui dialog/seminar/forum diadakan.	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan program dialog <i>antara-agama</i> Mengadakan program dialog yang melibatkan setiap generasi dalam memupuk semangat kesukarelaan. Mengadakan program komuniti seperti sambutan kemerdekaan, hari Malaysia yang melibatkan pelbagai kaum 	
Melalui media	Media melaporkan berita dan membuat liputan yang lebih seimbang dan lebih sensitif kepada kepelbagaian budaya	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan dialog dengan ketua pengarang media 	
Melalui pembudayaan perbincangan dan perundingan rentas kaum	Nilai perbincangan dan rundingan sejak dari peringkat sekolah diasuh kepada para pelajar	Pendedahan kepada golongan muda akan cara rundingan lebih baik dari perundangan melalui aktiviti berkelompok.	

Jadual 10.3 : HASIL UTAMA 2

HASIL	Improved and increased political literacy for smooth multiethnic bargaining and negotiation.		
STRATEGI	OUTPUT	AKTIVITI/INISIATIF PILIHAN	INPUT/SUMBER
Melalui dasar-dasar kerajaan	Dasar Perpaduan Kaum dan Integrasi Nasional dilaksanakan di setiap negeri.	<ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan jawatankuasa pilihan khas Parlimen mengenai isu perpaduan. • Memperkasa Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional sebagai badan yang mengkoordinasi semua hal yang menyentuh isu perpaduan kaum. • Menyediakan Dasar Perpaduan Kaum dan Integrasi Nasional. 	
Melalui RTD/ Dialog/ forum	Pendedahan kepentingan ruang partisipasi kepada golongan muda/belia serta kaedah moderat dan melalui perundingan.	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan perhimpunan pemimpin muda / NGO dalam program rentas kaum. • Membuat pelbagai aktiviti pemimpin muda di dalam komuniti – edit. 	
		<ul style="list-style-type: none"> • Membiayai pemimpin muda yang berpotensi ke dalam aktiviti antarabangsa. 	
		<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan parti politik dan NGO mengadakan aktiviti kumpulan muda. 	

Jadual 10.4 : HASIL UTAMA 3

HASIL	<p>Federal Constitutional balance related to Article 3, Article 8, Article 10, Article 152 and 153 is understood and appreciated as the foundations for nation building.</p> <p>Every Malaysian operates from an appreciation of history, nature of democracy and recognises rights & responsibilities as expounded by the Federal Constitution.</p>		
STRATEGI	OUTPUT	AKTIVITI/INISIATIF PILIHAN	INPUT/SUMBER
Pemakluman informasi melalui pendidikan berterusan	Program pendidikan dan literasi undang-undang dilaksanakan di peringkat sekolah, IPT/IPTA, PLKN, Induksi dan lain-lain saluran media massa.	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak Jabatan Peguam Negara bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi merangka agenda membina Literasi undang-undang. • Jabatan Peguam Negara menyediakan kandungan untuk penyebaran maklumat. • Unit media di Kementerian Penerangan menggunakan maklumat daripada Jabatan Peguam Negara untuk menyebarkan maklumat tepat tentang undang-undang dan pengukuhan pembinaan negara Malaysia. 	
Membangkitkan kesedaran dan memberi pendidikan berinformasi	Modul literasi Perlembagaan dibentuk dan diwajibkan untuk pelajar sekolah menengah & rendah, IPTA/IPTS, sektor awam dan swasta.	Jawatankuasa kerja dibentuk bagi merancang dan menderaf modul dengan menyemak dan mengemaskini bahan pembelajaran. Modul pelajaran ini harus mencerminkan kefahaman mengenai Perlembagaan Persekutuan yang seimbang dari konteks sejarah dan dimensi perundangan.	Khidmat dari pakar-pakar perundangan, sejarawan dan komunikasi.

<p>dan latihan bagi memastikan Perlembagaan Persekutuan difahami secara seimbang</p>	<p>Semakan dan kemaskini modul dilakukan bagi memastikan kefahaman Perlembagaan Persekutuan yang seimbang.</p> <p>Hebahan dan sebaran informasi bercetak mengenai Perlembagaan Persekutuan di media massa.</p>	<p>Semakan dan kemaskini modul latihan di agensi kerajaan dan swasta termasuk INTAN, IDFR, BTN, MPAT, Kursus Induksi, dll., bertujuan untuk memastikan kefahaman seimbang dicapai.</p>	<p>Pakar perundangan.</p> <p>Modal.</p> <p>Institusi (pelaksanaan) termasuk tenaga pengajar, pemimpin politik, agensi kerajaan dan swasta, media.</p>
	<p>Hari Kebangsaan yang disambut secara tahunan berkait dengan Perlembagaan Persekutuan</p>	<p>Memberi latihan/motivasi kepada pelatih dan peserta di peringkat sekolah, IPTA/IPTS, agensi awam dan swasta, pemimpin politik, NGOs.</p>	
<p>Semakan dasar</p>	<p>Menyemak mekanisme, dokumen pindaan dasar dan perlembagaan.</p>	<p>Mengambil kira pandangan kritikal mengenai kompleksiti cabaran untuk mewujudkan kefahaman seimbang Perlembagaan Persekutuan yang memberi impak kepada perpaduan nasional:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membentuk pasukan pakar perundangan untuk menganalisis dan memberi cadangan. • Membentuk Jawatankuasa Perubahan Undang-Undang (<i>Law Reform Committee</i>) atau Suruhanjaya Perbincangan Undang-Undang (<i>Law Reform Commission</i>). • Penglibatan bersama pemimpin parti politik, masyarakat, dan organisasi bukan kerajaan. 	<p>Pakar perundangan termasuk kumpulan dari Jabatan Peguam Negara dan Bar Council.</p>

Jadual 10.5 : HASIL UTAMA 4

HASIL Non judicial mechanisms for mediation and conflict resolution must be established. Every Malaysian has accessed to this mechanism and feels confident that the process is just and fair.			
STRATEGI	OUTPUT	AKTIVITI/INISIATIF PILIHAN	INPUT/SUMBER
Melalui dialog & kerjasama, antara Institusi Pengajian Tinggi, organisasi komuniti dan organisasi bukan kerajaan	Ruang mediasi	<ul style="list-style-type: none"> • Unit KHAS yg dianggotai oleh pakar undang-undang, generalis, profesional, dll., bertindak selaku perantara bukan-partisan dlm menilai permasalahan yang mendesak • Program PPRT dan masyarakat yang kerap dan erat utk mengeratkan masyarakat berbilang kaum • Kerjasama terbuka antara kerajaan dan bukan kerajaan dalam mencari resolusi kolektif 	
Mengurus konflik melalui mediasi	Perundangan untuk mediasi komuniti & resolusi konflik dibangunkan	Menubuhkan satu jawatankuasa untuk menggariskan terma rujukan, kerangka kerja perundangan, prosedur pengoperasian untuk menubuhkan satu pusat mediasi.	Pakar-pakar perundangan dari Pejabat Peguam Negara, Majlis Peguam dan masyarakat sivil
	Pusat Mediasi yang ditubuhkan dengan pejabat cawangan di setiap negeri	Menubuhkan Pusat Mediasi Komuniti dengan panduan yang jelas untuk memastikan bahawa individu atau komuniti yang bertelagah terpaksa duduk berbincang dan menyelesaikan isu-isu semasa.	

<p>Menjalani kempen kesedaran dan pendidikan – satu kaedah mediasi komuniti</p>	<p>Satu jaringan formal pemimpin komuniti yang menjurus kepada aspek-aspek seperti agama, kejranaan, masyarakat politik dan sivil</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kempen media • Pemimpin komuniti dan program kesedaran masyarakat sivil • Penubuhan satu jaringan penyokong yang menggalakkan mediasi komuniti. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemimpin komuniti dan masyarakat sivil • Media peribadi
<p>Intervensi proaktif dalam merungkai pertelingkahan (media, akar umbi, dsbnya.)</p>	<p>Kurangnya pelaporan pertelingkahan awam yang tidak selesai tentang isu-isu etnik dan agama</p>	<p>Pemantauan media dan temujanji pasukan peribadi pemantauan komuniti – memantau isu-isu yang berpotensi sebagai intervensi sebelum ia menjadi tidak terkawal.</p> <p>Pemimpin komuniti yang terlatih di dalam mediasi komuniti di bawah intervensi proaktif.</p>	<p>Media & pemimpin komuniti/masyarakat sivil termasuk RT di bawah JPNIN</p>
<p>Kajian dasar</p>	<p>Dokumen output kajian & dasar tentang isu-isu kritikal untuk intervensi sistem yang diterbitkan dan sokongan umum terhadap topik berkenaan dijalankan.</p>	<p>Menganalisa konflik-konflik komuniti yang sering berlaku & menyediakan pelan intervensi</p> <p>Sorotan aspek-aspek konflik yang sering berlaku untuk mengenalpasti punca dan menggariskan intervensi jangka pendek dan panjang.</p>	<p>Pengkaji-pengkaji dasar</p>

Jadual 10.6 : HASIL UTAMA 5

HASIL	<p>The bottom 40% of all communities have better access to public sector services.</p> <p>Every Malaysia irrespective of ethnic, sub ethnic, religious, political, locational, gender & sexuality has accessed and feels treated as a fellow human being and citizen.</p>		
STRATEGI	OUTPUT	AKTIVITI/INISIATIF PILIHAN	INPUT/SUMBER
<p>Melalui latihan dan pencerahan kepada pegawai dan bukan pegawai di sektor perkhidmatan awam</p>	<ul style="list-style-type: none"> Peraturan tindakan afirmatif kepada semua sektor perkhidmatan awam dilaksanakan. 	<ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan unit untuk mengenal pasti komuniti 40% terbawah yang miskin. Membawa perkhidmatan kepada kumpulan sasaran di lokasi yang dikenal pasti. 	
<p>Agensi terbabit seperti Jabatan Kebajikan, Amanah Ikhtiar, Pusat Zakat, Tekun dan lain-lain perlu digandakan pemerkasaannya</p>	<ul style="list-style-type: none"> Ruang atau saluran maklumat (Pusat Rujukan) permohonan bantuan di setiap negeri di wujudkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Membuka kaunter atau pejabat sebagai pusat rujukan untuk golongan terpinggir yang perlu bantuan segera di setiap negeri. Samakan berkala terhadap aduan rakyat dan tindakan susulan. 	
<p>Menyediakan sistem pemantauan aras daerah yang efektif untuk mendapatkan</p>	<p>Buku Merah yang telah dikemaskini dan Pusat Operasi mengikut model Tun Abdul Razak model pada sertiap peringkat daerah disediakan.</p>	<p>Penubuhan satu pasukan sumber untuk membentuk kerangka kerja operasi untuk membantu pendekatan Pembangunan Komuniti di mana akses kepada perkhidmatan adalah berdasarkan</p>	<p>Mereka yang mempunyai sumber dengan pengalaman pengoperasian peringkat daerah.</p>

perkhidmatan yang efektif		keperluan supaya tidak ada sesiapa yang boleh mendakwa bahawa mereka tidak terlibat. Menubuhkan pusat rujukan komuniti pada peringkat autoriti daerah/tempatan.	
Melalui pendekatan berorientasikan masyarakat	Program membina keupayaan di semua daerah di seluruh Malaysia telah dijalankan.	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan satu modul dan pasukan latihan untuk membuat modul-modul kesedaran dan latihan. • Menjalankan program Latihan Pelatih. • Meningkatkan keupayaan penjawat awam untuk mengambil pendekatan berpusatkan orang ramai yang sensitif kepada keperluan sosio-ekonomi semua komuniti. 	Pegawai-pegawai sumber dalam organisasi komuniti
Membentuk satu pendekatan desentralisasi untuk penyampaian yang efektif.	Perbincangan Mejabulat di setiap daerah tentang perancangan 'bottom-up' dan pembahagian sumber telah disusun.	Membentuk perancangan <i>bottom up</i> dan pembahagian sumber melalui penyertaan dan maklumbalas komuniti. Pengenalpastian, pengiktirafan dan pengkayaan pemimpin-pemimpin tempatan dalam proses perancangan ini.	Mereka yang mempunyai sumber dengan pengalaman pengoperasian peringkat daerah.
Meningkatkan kemasukan keluarga bandar yang miskin.	Perkhidmatan penyampaian kepada komuniti sasaran dalam 50 pihak berkuasa tempatan (3	Membangunkan pangkalan data yang komprehensif ke atas komuniti bandar yang miskin (dari eKasih, BR1M, Zakat, Baitulmal).	Pegawai sumber untuk pihak berkuasa tempatan dan

	<p>Dewan Bandaran, 10 Majlis Bandaraya & 37 Majlis Perbandaran) telah dipertingkatkan.</p>	<p>Membangunkan jawatankuasa kawasan kejiranan di bandar yang selaras di pangsapuri, kampung tradisional dan kampung baru:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjadi tuan rumah kepada perbincangan di antara agensi tentang agenda pembangunan tempatan dan kemiskinan di bandar dalam komuniti di pangsapuri bertingkat tinggi. 	<p>agensi-agensi sosio-ekonomi Persekutuan.</p>
<p>Meningkatkan penyertaan – Orang peribumi.</p>	<p>Tribunal Inkuiri Tanah mengikut saranan Laporan Inkuiri Tanah SUHAKAM telah dikeluarkan.</p>	<p>Menyorot laporan Inkuiri Tanah SUHAKAM dengan agensi-agensi yang relevan.</p> <p>Merujuk kepada pemimpin komuniti peribumi dan menyenaraikan kerjasama mereka dalam menyelesaikan isu tanah.</p> <p>Mengambil pendekatan pembangunan bersifat penyertaan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan tanah.</p>	<p>Pegawai-pegawai sumber dari Suhakam dan masyarakat sivil.</p>

Jadual 10.7 : HASIL UTAMA 6

HASIL	Improved multiethnic sensitivity hence integration recruitment and promotion in the work place.		
STRATEGI	OUTPUT	AKTIVITI/INISIATIF PILIHAN	INPUT/SUMBER
Me'Malaysia'kan perkhidmatan awam	Pengambilan dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam / GLC merentasi kaum dilaksanakan.	<p>Program/bengkel latihan/ RTD/ bengkel rekreasi dan interaksi memahami silang -budaya yang berterusan dalam SPA.</p> <p>Menambahkan peluang dan ruang dari segi kuota kepada bukan Melayu dalam SPA.</p> <p>Latihan sasaran calon-calon berpotensi dari komuniti bukan-bumiputera telah dikenalpasti.</p> <p>Menyenaraikan pemimpin komuniti sebagai rakan kongsi.</p> <p>Peningkatan gaji perkhidmatan awam sebagai galakan terutama bagi jawatan profesional seperti doktor, jurutera dll.</p>	
	Memperbaiki sensitiviti pelbagai etnik .	Memperkasakan perkhidmatan awam melalui orientasi dan bengkel tentang kepelbagaian etnik dan budaya.	
	Peluang untuk latihan dan kenaikan pangkat untuk bumiputera dalam sektor swasta dipertingkatkan.	<p>Menyenaraikan ketua industri sebagai rakan kongsi.</p> <p>Mengambil langkah menggalakkan lebih ramai orang Melayu dilatih dalam sektor swasta melalui kursus kejurulatihan khusus.</p>	

Pengenalan insentif cukai untuk memastikan campuran kumpulan etnik sama rata dalam sektor swasta, termasuk dalam jawatan senior/atasan.

Memperhebatkan lagi kompetensi bahasa anak-anak muda terutamanya dalam Bahasa Inggeris untuk menyediakan mereka dalam bidang pekerjaan dalam sektor komersial.

Jadual 10.8 : HASIL UTAMA 7

HASIL	The understanding and appreciation of multiethnic cultures among communities including the proficiency of Bahasa Melayu and other communities languages are strengthened.		
STRATEGI	OUTPUT	AKTIVITI/INISIATIF PILIHAN	INPUT/SUMBER
Melalui pendidikan/ jam belajar yang mencukupi	Program pelbagai bahasa & budaya kaum lain melalui semua aliran sekolah dilaksanakan.	<ul style="list-style-type: none"> • IPGM menyediakan tenaga pengajar bahasa & budaya yang mencukupi. • Bahan rujukan disediakan sebagai teks di sekolah. • Memperbanyak program 'keluarga angkat' menerusi penglibatan semua kaum dan kelas social. • Program rancangan integrasi murid (RIMUP) diperbanyakkan. • Subjek hubungan etnik perlu terus diajar di IPTA/S. • Lulus subjek Sejarah peringkat SPM disokong untuk terus menjadikan ia syarat penting kepada semua pelajar. • Subjek hubungan kaum dan pengajian Malaysia perlu juga diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. • Pedagogi pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah dan Sivik perlu disemak dan disuntik dengan cara yang lebih menarik dan kreatif. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tenaga pakar • Dana yang secukupnya • Peralatan konsep dan fizikal

		<ul style="list-style-type: none"> • Peluang pendidikan sama rata untuk semua kaum (lebih-lebih lagi orang Asli) perlu diberi perhatian serius. Untuk hasrat ini dicapai, perlu diadakan pendedahan dan penerangan komprehensif mengenai peluang pendidikan ini kepada semua. 	
Melalui penyelidikan dan penyediaan dasar	<p>Program memupuk dan memperkasakan Bahasa Melayu dilaksanakan melalui sekolah dan institut pengajian tinggi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelas-kelas bahasa Melayu dikaji semula untuk melihat keberkesanannya. • Pedagogi mengajar mata pelajaran bahasa Melayu perlu diberi penelitian dan disemak semula. • Mengadakan dasar yang jelas bagi semua warga asing yang belajar, bekerja atau menetap di Malaysia untuk menguasai Bahasa Melayu. 	
Menggunakan komunikasi media	<p>Kefahaman tentang bahasa dan budaya kaum-kaum lain di Malaysia dipertingkatkan melalui saluran media yang meluas</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membina penyampai-penyampai media yang celik pelbagai budaya di Malaysia. • Mengadakan rancangan yang memperkenalkan pelbagai kesenian dan budaya. • Program kebudayaan antara kaum seperti citra warna semasa sambutan Kemerdekaan perlu diperbanyakkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tenaga pakar diperlukan untuk melatih penyampai media. • Dana yang secukupnya mengadakan setiap program media elektronik & sosial media • Menggunakan pelbagai landasan media

Penggunaan media sosial	Saluran untuk meluahkan perasaan tidak puas hati disediakan.	<ul style="list-style-type: none"> • Membuka ruang dalam media sosial sama ada Twitter atau FB untuk orang ramai menyuarakan pandangan mereka berkaitan isu ini 	
Pengukuhan pendidikan pra-sekolah	Tadika rentas kaum dengan program pelbagai budaya diwujudkan.	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan dari kementerian pendidikan dan Keluarga-Kebajikan ke atas program-program pra-sekolah • Latihan kepada guru dan memberi kesedaran akan pentingnya pemahaman ini. • Mewujudkan tadika pelbagai kaum dengan mengenakan yuran lebih murah • Pendedahan kepada generasi muda sejak dari pra-sekolah mengenai kepelbagaian budaya dan bahasa. 	

Jadual 10.9 : HASIL UTAMA 8

HASIL	Level of ethnic relations is regularly monitored and reviewed.		
STRATEGI	OUTPUT	AKTIVITI/INISIATIF PILIHAN	INPUT/SUMBER
Melalui penyelidikan dan kerja lapangan	Sebuah sistem pemantauan nasional yang dapat memantau dan mengukur tahap hubungan etnik dibentuk dan digunakan secara berkala.	<ul style="list-style-type: none"> • Wujudkan semakan berkala tentang indeks perpaduan dalam kalangan masyarakat. • Wujudkan Indeks Perpaduan Negara • Wujudkan indeks Kesepaduan Malaysia • Memperkasa sistem KITA-KESRA, Institut Kajian Etnik dan diangkat sebagai sistem pemantauan nasional. 	

Jadual 10.10 : HASIL UTAMA 9

HASIL	Strengthened institutional policy/legislation & mechanism for the NUCC		
STRATEGI	OUTPUT	AKTIVITI/INISIATIF PILIHAN	INPUT/SUMBER
Melalui dasar awam dan Perundangan	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar kebangsaan mengenai keharmonian, perdamaian dan penyatuan sosial & dan perpaduan nasional telah dirangka. • Perundangan tentang keharmonian & perdamaian dirangka. 	<p>Membentuk dasar umum & perundangan untuk rangsangan & perlindungan keharmonian dan perpaduan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merangka jawatankuasa untuk membangunkan dasar/perundangan. • Konsultasi awam. • Perbincangan dengan ahli-ahli parlimen. 	Pakar dalam undang-undang & jaringan/komunikasi.
Menyediakan satu mekanisme bebas atau pasukan untuk menyelaraskan dan menyumbang kepimpinan	Satu Suruhanjaya Bebas dengan ahli-ahli yang dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong telah ditubuhkan.	<ul style="list-style-type: none"> • Konsultasi pakar untuk mendapatkan saranan tentang kriteria pemilihan ahli-ahli. • Pencalonan ahli dibuat melalui referendum umum. 	Pakar-pakar dalam kajian etnik, pemimpin-pemimpin komuniti terhormat mewakili pelbagai lapisan masyarakat Malaysia.

Memperkuuhkan mekanisme institusi	KITA-UKM dimartabatkan sebagai Institut Nasional dan tempat rujukan untuk kerja-kerja ilmiah dan sokongan dalam perpaduan nasional.	Perbincangan dengan EPU, JPA, Kementerian Kewangan & Kementerian Pendidikan. KITA-UKM menyediakan infrastruktur dan instrumen pengetahuan.	<ul style="list-style-type: none"> • Memperbesarkan saiz kakitangan dengan pegawai yang berkecualan dan berpengalaman dalam aspek-aspek akademik, dasar dan latihan. • Pembiayaan tahunan yang mencukupi yang boleh dipaparkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.
	Skop JPNIN dan fungsinya diperluaskan.	<ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan pakar termasuk KITA-UKM dalam membangunkan parameter dan peranan. • Perbincangan dengan EPU, JPA, Menteri Kewangan & Menteri Pendidikan. 	


Sebagai sebuah majlis yang baru setahun ditubuhkan dengan tugas yang amat berat lagi mencabar ini, MKPN telah berusaha sebaik mungkin untuk menggalas tanggungjawab ini dengan mengadakan beberapa siri dialog yang memberi ruang kepada orang ramai untuk menyuarakan pendapat mereka. Sejak penubuhannya pada 25 November 2013 sehingga hari ini, MKPN telah menganjurkan 18 dialog perpaduan untuk mendengar suara akar umbi di 18 lokasi seluruh negara. Sejumlah 5530 peserta hadir secara keseluruhan di 18 lokasi tersebut. Daripada jumlah itu, 1159 peserta majlis dialog perpaduan telah mengisi borang soal selidik yang disediakan.

Pencapaian oleh MKPN setakat ini melalui penglibatan aktif kesemua ahli majlisnya pada usia yang muda ini patut diberi pujian. Namun begitu, ini hanyalah satu permulaan. Pembinaan sebuah negara-bangsa yang rakyatnya hidup dalam harmonis dan aman sejahtera adalah satu tugas berterusan. Untuk kita mencapai perpaduan dan mempertahankan kesepaduan sosial, semua sektor masyarakat terutamanya dalam kalangan pemimpin tertinggi dalam masyarakat harus lebih komited dan memainkan peranan masing-masing. Blueprint ini adalah kerangka penting yang memberi kefahaman kepada kita tentang duduk sebenar isu perpaduan dalam negara dan dapat bertindak sebagai panduan kepada aktiviti-aktiviti yang perlu kita lakukan untuk Malaysia terus menjadi model negara yang aman dan rakyatnya hidup bersatu padu.

Laporan ini sebenar-benarnya memberikan nafas dan makna terhadap konsep dan tindakan berpaksikan konsultatif, khususnya perundingan dan tolak ansur (*Bargaining & Negotiation*), iaitu asas utama integrasi nasional yang mendukung proses perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan.

- Tan Sri Samsudin bin Osman
Pengerusi MKPN

Disediakan untuk MKPN oleh:



JPNIN
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL